



LAPORAN TAHUNAN 2019

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

www.mtib.gov.my

»»»»»»»» ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	3	BAB 3 – PERKEMBANGAN	81
Perutusan Ketua Pengarah	5	INDUSTRI KAYU-KAYAN	
BAB 1 – MAKLUMAT KORPORAT	9	Tinjauan Ekonomi 2019	82
Latar Belakang	10	Status Industri Kayu 2019	83
Ahli Lembaga MTIB	13	Pembangunan Perdagangan	88
Ahli Pengurusan MTIB	19	Kayu-Kayan	
Visi, Misi, Dasar Kualiti	20	Pasaran Tempatan	89
Objektif	20	Pasaran Antarabangsa	99
Piagam Pelanggan	21	BAB 4 – AKTIVITI DAN	117
Diari Korporat 2019	22	PROJEK	
BAB 2 – PROJEK DI BAWAH	33	Perancangan Strategik	118
RANCANGAN MALAYSIA KE-11		Penggalakan Pasaran Kayu-Kayan	125
Pencapaian Projek Pembangunan	34	Program Pembangunan	141
Projek 1:		Ladang Hutan	
Skim Pinjaman Bagi Program	35	Pemudahcara Perdagangan	148
Pembangunan Ladang Hutan		Pensijilan dan Akreditasi	168
Bersaiz Besar dan Sederhana		Pembangunan Industri	170
Projek 2:		Pembangunan Industri Gentian	184
Pembangunan Kepakaran Khusus	38	dan Biokomposit	
(Subject Matter Expert)		Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera	200
Projek 3:		Program Pembangunan	209
Pemeriksaan Pembangunan	41	Modal Insan	
Modal Insan dan Peningkatan		Perhubungan Korporat	223
Kapasiti Industri Perkayuan		Pembangunan Modal Insan MTIB	229
Projek 4:		Pembangunan Organisasi	232
Pembangunan Usahawan Produk	51	BAB 5 – LAPORAN KEWANGAN	237
Perkayuan Bernilai Tambah Tinggi		BAB 6 – LAMPIRAN	275
Projek 5:		Lampiran I:	276
Projek Peningkatan Kapasiti	60	Senarai Warga Kerja MTIB Yang	
Pengeluaran di Kilang Kerja		Akan Bersara Tahun 2019	
Kayu PKS Bumiputera		Lampiran II:	278
Projek 6:		Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	
Peningkatan Penggunaan Bahan	65	Lampiran III:	279
Mentah Alternatif Kayu Dalam		Penganugerahan Pingat / Bintang	
Penghasilan Produk Kayu dan			
Biokomposit Yang Bernilai Tinggi			
Projek 7:			
Pembangunan Standard dan	73		
Produk Kejuruteraan Kayu			



PERUTUSAN PENGERUSI



Salam Sejahtera,

Saya ingin melahirkan rasa syukur yang tak terhingga kerana diberi kepercayaan untuk tahun yang kedua meneraju barisan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sebuah agensi terunggul dalam membangunkan industri perkayuan di Malaysia. Saya menghargai komitmen MTIB di dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2019 sebagai sebuah rujukan mengenai perkembangan industri kayu-kayuan serta pencapaian MTIB sepanjang tahun 2019. Sepanjang hampir dua (2) tahun saya meneraju Lembaga Pengarah MTIB, saya telah menyaksikan pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan oleh MTIB, sebagai sebuah agensi terunggul dalam membangunkan industri perkayuan di Malaysia. Semoga penerbitan Laporan Tahunan 2019 ini dapat menjadi rujukan khususnya kepada warga kerja MTIB mengimbuai kembali pencapaian aktiviti yang telah dilaksanakan, dan seterusnya merangka perancangan yang lebih baik untuk tahun-tahun yang mendatang.

Tahun 2019, Malaysia telah merekodkan pertumbuhan terendah dalam tempoh sedekad kepada 4.3% bagi 2019 berbanding 4.7% pada 2018. Pertumbuhan sederhana ini adalah berikutan pertumbuhan lebih perlahan dalam ekonomi maju dan negara utama dalam ekonomi sedang pesat membangun. Ia juga turut didorong oleh faktor berkaitan ketidakpastian yang berpanjangan dalam kalangan pelabur dan pemulihan yang perlahan dalam sektor berkaitan komoditi.

Pelbagai risiko penurunan dalam ekonomi global telah memberi kesan limpahan kepada ekonomi Malaysia, seperti ketegangan perdagangan yang meningkat antara Amerika Syarikat dan China yang menyumbang kepada ketidakpastian dan menjejaskan aktiviti pelaburan. Selain itu, ekonomi utama yang lembap dan penurunan yang lebih ketara daripada jangkaan di China telah membawa kepada kemerosotan prospek pertumbuhan dan eksport.

Industri perkayuan terus menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan eksport dan KDNK negara. Pada tahun 2019, jumlah eksport kayu dan hasil keluaran kayu negara merekodkan peningkatan sebanyak 1% berjumlah RM22.5 bilion iaitu 2.2% daripada jumlah keseluruhan eksport negara.

Tiga (3) produk utama yang menyumbang kepada nilai eksport industri perkayuan ialah perabot kayu, papan lapis dan kayu bergergaji dengan nilai eksport masing-masing berjumlah RM9.14 bilion, RM3.40 bilion dan RM3.37 bilion. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport produk kayu-kayuan negara dengan nilai eksport sejumlah RM4.97 bilion diikuti Jepun RM3.46 bilion, China RM1.83 bilion dan India RM1.28 bilion.

Dalam mengharungi persekitaran pasaran tempatan dan global yang mencabar pada tahun 2019, MTIB selaku peneraju dalam industri kayu-kayan meneruskan usaha menjalankan program dan aktiviti galakan perdagangan meliputi pemasaran dan promosi untuk memastikan kemajuan industri kayu-kayan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Di sepanjang tahun 2019 ini, secara umumnya MTIB telah menyertai sejumlah 31 pameran termasuk karnival jualan di seluruh negara bagi membantu usahawan produk perkayuan untuk mempamerkan dan mewujudkan peluang perniagaan yang seterusnya meningkatkan hasil jualan produk keluaran usahawan terlibat. Seramai 252 usahawan produk perkayuan telah terlibat di dalam aktiviti tersebut dengan mempamerkan pelbagai produk perkayuan seperti perabot rumah, perabot kabinet dapur, produk panel, perabot bio-komposit, produk hutan bukan kayu seperti produk berasaskan buluh, gaharu, produk ukiran serta produk kraftangan. Hasil daripada aktiviti pameran dan karnival jualan tersebut telah berjaya menjana jualan kira-kira RM29.7 juta.

Sumber hutan asli yang bernilai tinggi merupakan antara penyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dengan menghadkan kawasan tebangan hutan terus dilaksanakan. Begitu juga dengan aktiviti perladangan hutan untuk menampung keperluan bahan mentah bagi sektor pembuatan industri kayu. MTIB sebagai peneraju dalam industri kayu-kayan meneruskan usaha menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti pembangunan industri kayu. Kolaborasi dengan agensi lain yang berkaitan adalah penting dalam merealisasikan pemindahan teknologi yang berkesan, menerusi pengkomersilan hasil penyelidikan.

Usaha galakan perdagangan meliputi aspek pemasaran dan promosi untuk memastikan kemajuan industri kayu-kayan terus dilaksanakan. MTIB juga turut menjalankan program pembangunan usahawan bagi meningkatkan bilangan usahawan yang inovatif, kreatif dan kompetitif di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, inisiatif ini membantu meningkatkan bilangan dan pendapatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) produk perkayuan serta mengembangkan perdagangan produk kayu yang berkualiti, bernilai tambah tinggi dan berinovasi dalam industri perkayuan.

Akhir kata, selaku Pengerusi Lembaga, saya merakamkan setinggi – tinggi penghargaan kepada pihak Pengurusan serta seluruh warga kerja MTIB di atas kesungguhan yang ditunjukkan dalam menjayakan semua program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Menteri Industri Utama (MPI) dan pegawai – pegawai kanan di MPI yang sentiasa menyokong setiap program yang dianjurkan oleh MTIB. Ini kerana tanpa sokongan penuh dari pihak Kementerian, program yang dirangka agak sukar untuk dilaksanakan. Saya berharap MTIB terus maju ke hadapan dan melakar kejayaan yang membanggakan dalam membangunkan industri perkayuan negara. Tidak ketinggalan, saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga MTIB di atas kerjasama yang diberikan kepada MTIB bagi membangunkan dan memajukan sektor industri perkayuan sepanjang tahun 2019.

Sekian.



YB TUAN WONG TACK
Pengerusi



PERUTUSAN KETUA PENGARAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya, saya mewakili Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dapat membentangkan aktiviti dan pencapaian MTIB sepanjang tahun 2019 serta Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan MTIB bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 yang telah disediakan mengikut panduan yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1 iaitu 'Garis Panduan Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan'.

Tahun 2019 merupakan kesinambungan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan saya sebagai Ketua Pengarah MTIB untuk terus memimpin dan merancang hala tuju agensi ini agar ia setanding dengan agensi pengeluar komoditi yang lain. Adalah menjadi harapan saya agar semua warga MTIB dapat memberi sokongan padu dan bergandingan bahu untuk melaksanakan amanah yang dipikul. Kejayaan yang diraih oleh MTIB sepanjang tahun 2019 merupakan iltizam daripada warga kerja MTIB yang sentiasa komited bagi memastikan setiap program yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada *stakeholders*, Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan berkaitan dan pihak industri perkayuan negara. Ini selari dengan objektif penubuhan MTIB sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang dipertanggungjawabkan dalam pembangunan industri perkayuan negara.

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) mensasarkan nilai eksport produk kayu bernilai tambah tinggi sebanyak 60% dari nilai eksport, berbanding 40% produk primer. Nilai eksport produk perkayuan 2019 mencatatkan Semenanjung telah mengeksport 54.8 % produk bernilai tambah berbanding produk primer (21.0%). Peratusan yang tinggi ini banyak disumbangkan oleh sektor perabot iaitu dengan nilai eksport sejumlah RM9.14 bilion. Bagi aktiviti pengeksportan di Sabah dan Sarawak lebih tertumpu kepada produk primer iaitu Papan Lapis dan Kayu Gergaji.

Industri perkayuan terus menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan eksport dan KDNK negara. Nilai eksport produk kayu-kayan Malaysia pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.04% kepada RM22.50 bilion berbanding tahun 2018. Sumbangan nilai eksport terbesar yang direkodkan adalah perabot kayu iaitu sebanyak 40.6% kepada RM9.14 bilion, diikuti oleh papan lapis sebanyak 15.1% kepada RM3.4 bilion dan kayu gergaji sebanyak 15% kepada RM3.4 bilion.

Bagi memperkasa pembangunan industri perkayuan, MTIB terus melaksanakan usaha bersepadu termasuk dengan kerjasama pelbagai agensi, institusi dan pertubuhan kerajaan serta swasta untuk meningkatkan kesedaran penggunaan kayu-kayuan di pasaran tempatan, khasnya di kalangan para penggiat industri perkayuan dan pihak industri pembinaan termasuk para *specifiers* seperti jurutera, arkitek, pereka serta pelajar, orang awam dan lain-lain pihak yang berkenaan.

Dalam mencapai usaha tersebut, MTIB menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) akan terus memperkasa pembangunan industri perkayuan dengan meningkatkan aktiviti promosi dan pemasaran dengan menawarkan pelbagai insentif untuk menyokong peningkatan aktiviti R&D, serta penggalakkan pembangunan produk yang kreatif dan inovatif bagi memperkukuh sumbangan industri dalam sektor perkayuan. Ini termasuklah mempromosikan penghasilan produk-produk baru bernilai tambah tinggi, menggalakkan peralihan industri perabot daripada *Original Equipment Manufacturing* (OEM) kepada *Own Design Manufacturing* (ODM) dan *Own Brand Manufacturing* (OBM), menggalakkan penggunaan sumber bahan mentah alternatif yang mapan serta menyokong aplikasi standard dan kualiti dalam penggunaan produk perkayuan tempatan.

Di sepanjang tahun 2019 ini, secara umumnya MTIB telah menyertai sejumlah 31 pameran termasuk karnival jualan di seluruh negara bagi membantu usahawan produk perkayuan untuk mempamerkan dan mewujudkan peluang perniagaan yang seterusnya meningkatkan hasil jualan produk keluaran usahawan terlibat. Seramai 252 usahawan produk perkayuan telah terlibat di dalam aktiviti tersebut dengan mempamerkan pelbagai produk perkayuan seperti perabot rumah, perabot kabinet dapur, produk panel, perabot bio-komposit, produk hutan bukan kayu seperti produk berasaskan buluh, gaharu, produk ukiran serta produk kraftangan. Hasil daripada aktiviti pameran dan karnival jualan tersebut telah berjaya menjana jualan kira-kira RM29.7 juta.

Selain itu, MTIB turut memberi penekanan kepada pembangunan reka bentuk perabot dengan penubuhan TANGGAM Design Centre (TDC) yang merupakan sebuah pusat rujukan reka bentuk perabot dan produk berasaskan kayu yang dilengkapi dengan kemudahan untuk para pereka mengembangkan bakat mereka di dalam mereka bentuk perabot dan produk berasaskan kayu. TDC mula beroperasi pada 5 Disember 2016 dan dilengkapi dengan 14 studio reka bentuk, kemudahan mesin *Rapid Prototyping* dan pusat rujukan reka bentuk perabot. Pada Tahun 2019 sebanyak tujuh (7) syarikat telah menyewa di Studio reka bentuk TDC. TDC juga telah menerima 50 keahlian dari kalangan pereka, professional dan pelajar.

Pereka yang beroperasi di studio reka bentuk telah berjaya menjalankan perkhidmatan menyediakan reka bentuk perabot untuk dihasilkan dan dipasarkan oleh pengusaha perabot tempatan dan aktiviti ini telah menjana pendapatan eksport pengusaha perabot tersebut sebanyak RM7.0 juta. Penyewaan studio reka bentuk di TDC telah menyumbang pendapatan kepada MTIB sebanyak RM57,000 selama tiga (3) tahun beroperasi.

Pada tahun 2019 juga, MTIB giat membantu para usahawan Bumiputera dengan peluang untuk menerokai pasaran tempatan melalui penyertaan dalam Pameran *Wood & Lifestyle Fair* yang dianjurkan oleh MTIB di beberapa negeri iaitu Kedah, Johor, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan kemuncaknya adalah di Kuala Lumpur. Dalam meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera dalam teknologi pengeluaran, aspek teknologi pengeluaran dan bantuan bahan mentah tidak boleh diabaikan bagi memastikan usahawan Bumiputera dapat bersaing secara kompetitif dengan usahawan bukan Bumiputera. Melalui bantuan ini adalah diharapkan usahawan Bumiputera dapat meningkatkan produktiviti syarikat agar dapat menembusi pasaran terbuka seterusnya berkembang ke pasaran eksport. Hal ini adalah bertepatan dengan usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing dan maju seterusnya meningkatkan nilai eksport negara terutama bagi nilai eksport Bumiputera.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Menteri Industri Utama, Kementerian Industri Utama (MPI), Pengerusi serta ahli-ahli Lembaga MTIB yang sentiasa memberi sokongan terhadap setiap program yang dilaksanakan oleh MTIB dalam memacu kejayaan industri perkayuan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan MTIB dan warga kerja MTIB di atas komitmen, tanggungjawab serta sokongan padu yang diberikan dalam menjayakan semua aktiviti-aktiviti yang diamanahkan. Kepada para pelanggan MTIB khususnya pemain industri perkayuan, saya berjanji untuk memastikan MTIB akan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan pemudah cara demi menjamin pembangunan industri perkayuan Malaysia kekal bersaing di pasaran tempatan dan global.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.




MOHD KHEIRUDDIN MOHD RANI
Ketua Pengarah MTIB



BAB 1

MAKLUMAT KORPORAT



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau lebih dikenali sebagai MTIB adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Industri Utama (MPI) yang bertanggungjawab dalam menerajui dan memajukan industri perkayuan negara. MTIB berperanan sebagai penyelarar dalam merangka polisi dan strategi bagi membangunkan industri perkayuan negara supaya ia berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa.


MTIB ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105]. Akta ini adalah sebuah Akta Persekutuan Malaysia yang dibuat pada 1 Jun 1973 yang merupakan satu pertubuhan perbadanan atau sebuah agensi badan berkanun persekutuan di bawah naungan dan seliaan Kementerian Industri Utama (MPI). Bagi memastikan MTIB terus menjadi agensi peneraju dalam pembangunan industri perkayuan negara, Akta 105 telah melalui satu pindaan secara menyeluruh pada tahun 2010 dan seterusnya telah dikuatkuasakan melalui penyiaran dalam Warta Kerajaan pada 15 Mac 2011.

Selaras dengan Seksyen 12 (1), Akta 105, bidang tanggungjawab MTIB telah diperluaskan dengan tugas-tugas berikut:-

- (a) mengawal selia dan mengawal perdagangan dan pemasaran dan pengedaran kayu;
- (b) memajukan dan membaiki perdagangan dan pasaran kayu;
 - (b) menyelaraskan aktiviti bagi pemasaran dan perkapalan kayu yang berkesan;
- (c) menggalakkan penggunaan yang berkesan bagi kayu dengan menitikberatkan kepelbagaian keluaran dan memajukan pembaikan dan ekonomi dalam cara memproses kayu;
- (d) mengadakan perkhidmatan nasihat teknikal dan latihan yang dikehendaki untuk membantu dalam pembangunan perindustrian kayu yang sedia ada dan dalam penubuhan perindustrian baharu;
- (e) membantu perindustrian kayu dalam pemasaran kayu;
- (f) menyusun dan membantu penyatuan perindustrian kayu secara kecil dan mengintegrasikan dengan lebih erat aktiviti perindustrian kayu pada amnya, supaya mencapai kecekapan yang lebih baik, dan mendapatkan asas yang lebih kukuh untuk perindustrian kayu keseluruhannya;
- (g) mengumpulkan maklumat dan menyenggarakan rekod bagi segala perkara yang berkaitan yang berhubungan dengan perindustrian kayu;
 - (ga) melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan peningkatan dan daya maju perindustrian kayu di Malaysia;
 - (gb) memajukan usahawan Bumiputera dalam perindustrian kayu supaya lebih berdaya saing;

- (gc) melaksanakan kawalan dan memantau eksport, import, kayu dalam transit dan pasaran dalam negeri;
- (gd) menjalankan penyelidikan, kajian semula dan penyiasatan, yang berfaedah kepada atau sesuai dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
- (ge) membangunkan dan mengkomersialkan dapatan penyelidikan bagi manfaat perindustrian kayu dan menggalakkan penggunaan dapatan penyelidikan secara komersial;
- (gf) menggalakkan dan membangunkan aktiviti ladang hutan bagi maksud pembangunan perindustrian kayu dan apa-apa aktiviti lain yang berkaitan dengan pembangunan ladang hutan;
- (gg) merancang dan menjalankan program pembangunan sumber manusia selari dengan pembangunan perindustrian kayu;
- (gh) berhubung dan menyelaraskan dengan Kerajaan Negeri yang berkaitan dan badan-badan lain, termasuk anggota mana-mana persatuan di dalam dan di luar Malaysia, demi kepentingan perindustrian kayu; dan
- (h) pada amnya, untuk melakukan segala-galanya mengikut ruang lingkup objektif Akta ini bagi pembaikan dan perjalanan perindustrian kayu yang sepatutnya.
- Selaras dengan Seksyen 12 (2) Akta 105 pula, MTIB diberi kuasa-kuasa seperti berikut:-
- (a) untuk membuat apa-apa rundingan dan perjanjian atau perkiraan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga bagi melaksanakan fungsinya dan bagi memajukan kepentingan am perindustrian dan perdagangan kayu;
- (b) untuk menjalankan pemasaran kayu bagi pihak perindustrian kayu secara kecil;
- (c) untuk menubuhkan dan menyenggarakan apa-apa establismen sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga bagi menunaikan fungsinya;
- (d) untuk melantik jawatankuasa;
- (e) untuk memperoleh, memegang, melupuskan atau memberikan hak berkaitan dengan keputusan apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh atau bagi pihak Lembaga, atau berkaitan dengan keputusan apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang atau organisasi bagi pihak Lembaga;
- (f) untuk menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan atau pembangunan;
- (g) untuk memberikan perakuan kemahiran berkenaan program latihan dan program yang diiktiraf oleh Lembaga;
- (h) untuk mengeluarkan lesen, perakuan, permit dan kelulusan di bawah Akta ini berkenaan dengan perindustrian kayu;

- (i) untuk menentukan standard dan spesifikasi mana-mana keluaran kayu sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga untuk perindustrian kayu;
- (j) untuk menjalankan dan menyelaraskan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan dalam penanaman, pengeluaran dan pengusahhasilan keluaran ladang hutan;
- (k) untuk memberi pengiktirafan dan pemerakuan skim jaminan kualiti kayu kepada mana-mana orang yang terlibat dalam pengeluaran kayu;
- (l) untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi atau organisasi yang diiktiraf di dalam atau di luar Malaysia;
- (m) untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi pembangunan keluaran kayu dan aktiviti hiliran;
- (n) untuk memberikan pinjaman, dengan atau tanpa faedah, kepada mana-mana badan, syarikat atau orang yang diluluskan oleh Menteri bagi pelaksanaan program ladang hutan atau apa-apa program lain bagi maksud pembangunan perindustrian kayu;
- (o) untuk menjalankan peranan sebagai pihak berkuasa pemeringkatan; dan
- (p) untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat, perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta 105.



AHLI LEMBAGA (MTIB)

Pelantikan Ahli Lembaga MTIB adalah tertakluk kepada Seksyen 4, Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105]. Pengerusi dan Ahli Lembaga dilantik oleh YB Menteri Industri Utama dan tempoh pelantikan adalah tidak melebihi dua (2) tahun dan layak dilantik semula.



Duduk dari kiri:

YB Tuan Teh Kok Lim, Tuan Hj. Ahmad Nazir bin Hj. Mohd Nasir Tuan Hj. Mad Zaidi bin Mohd Karli @ Sukari, YB Tuan Wong Tack (Pengerusi MTIB), YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani (Ketua Pengarah MTIB), En. Muhamad Shahril bin Othman dan YBrs. Dr. Khali Aziz bin Hamzah.

Berdiri dari kiri:

YBhg. Dato' Wira Sheikh Othman bin Sheikh Abdul Rahman, Tuan Hj. Ahmad Kamal Chik, En. Richard Ko Liang Joo, Encik George Yap Hong Thien, En. Chew Lye Teng, YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, En. Chua Song Fong, YBhg. Dato' Chung King Tong.

KEAHLIAN LEMBAGA MTIB

(Bagi Tempoh 1 Januari 2018 Sehingga 31 Disember 2019)

Pengerusi	YB Tuan Anyi Ngau (sehingga 30 Jun 2018)
	YB Tuan Wong Tack (mulai 27 Julai 2018)
Kementerian Industri Utama (MPI)	YBhg. Datuk K. Yogeesvaran <i>Ketua Setiausaha</i> (sehingga 31 Mei 2018)
	YBhg. Datuk Zurinah Pawanteh <i>Ketua Setiausaha</i> (sehingga 6 Januari 2019)
	YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong <i>Ketua Setiausaha</i> (sehingga 24 November 2019)
Ahli Silih Ganti	Tn. Hj. Mad Zaidi bin Mohd. Karli <i>Setiausaha Bahagian Kanan Kemajuan Industri Kayu-Kayan, Tembakau dan Kenaf</i>
Kementerian Kewangan (MOF)	YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah <i>Ketua Setiausaha Perbendaharaan</i> (sehingga 23 Mei 2018)
	YBhg. Datuk Seri Ismail Bin Haji Bakar <i>Ketua Setiausaha Perbendaharaan</i> (sehingga 29 Ogos 2018)
	YBhg. Tan Sri Ahmad Badri Bin Mohd Zahir <i>Ketua Setiausaha Perbendaharaan</i> (mulai 1 November 2018)
	Pn. Suzilawaty Binti Shuib <i>Ketua Penolong Setiausaha</i> (sehingga 23 Mei 2018)
	En. Mohd Farez Bin. Abd Wahab <i>Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan</i> (sehingga 28 Ogos 2018)
Ahli Silih Ganti	En. Mohd Shahril Bin Othman <i>Setiausaha Sulit Kanan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan</i> (mulai 1 November 2018)

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	YBhg. Dato' Dr. Jalaluddin bin Harun <i>Ketua Pengarah</i> (sehingga 31 Disember 2018) YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani <i>Ketua Pengarah</i> (mulai 17 September 2019)
Wilayah Persekutuan	En. Wu Him Ven (mulai 31 Julai 2018 – sehingga 31 Disember 2019)
Negeri Perak	YB Tuan Teh Kok Lim (mulai 16 Ogos 2018)
Negeri Johor	Tn. Hj. Ahmad Nazir Bin Hj. Mohd Nasir <i>Setiausaha Bahagian</i> <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor</i> (mulai 16 Ogos 2018)
Ahli Silih Ganti	Tn. Hj. Mohd Fahmi Bin Salam <i>Ketua Penolong Setiausaha</i> <i>(Pembangunan Wilayah dan Perbandaran)</i> <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor</i> (mulai 16 Ogos 2018)
Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA)	YBhg. Dato' Wira Sheikh Othman Bin Sheikh Abdul Rahman
Ahli Silih Ganti	Pn. Chew Chooi Lin (sehingga 31 Disember 2018) En. Cheong Hok An (mulai 1 Januari 2019)
Persatuan Pengusaha-pengusaha Kayu Kayan dan Perabot Bumiputera Malaysia (PEKA)	Tn. Hj. Ahmad Kamal Chik
Ahli Silih Ganti	Tn. Hj. Lokman Mohamad
Persatuan Perindustrian Kayu Malaysia (MWIA)	YBhg. Dato' Chung King Tong <i>Penolong Ketua Setiausaha</i>
Ahli Silih Ganti	En. Low Chee Hock <i>Penolong Bendahari</i>
Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM)	Encik Chua Song Fong
Ahli Silih Ganti	Encik Wong Kar Wai

Majlis Kayu Kumai dan Tanggam Malaysia (MWMJC)	En. George Yap Hong Thien Naib Pengerusi
Ahli Silih Ganti	YBrs. Dr. Clarence Tan Chiat Lin Ahli Jawatankuasa
Majlis Perabot Malaysia (MFC)	En. Richard Ko Liang Joo Setiausaha Kehormat
Ahli Silih Ganti	En. Albert Khoo
Wakil Persendirian	En. John Kasilingam (mulai 27 Julai 2018)
	YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya (mulai 1 Jun 2019)
	En. Chew Lye Teng (mulai 1 Jun 2019)

MESYUARAT LEMBAGA MTIB

Dalam mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 (Akta 105), Mesyuarat Lembaga MTIB perlu diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dan mesyuarat tambahan diadakan sekiranya perlu. Pada tahun 2019, Lembaga MTIB telah bersidang sebanyak empat (4) kali seperti tarikh berikut:

- Mesyuarat Lembaga yang ke-213 Bil. 1/2019 pada 7 Mac 2019
- Mesyuarat Lembaga yang ke-214 Bil. 2/2019 pada 14 Mei 2019
- Mesyuarat Lembaga yang ke-215 Bil. 3/2019 pada 1 Ogos 2019
- Mesyuarat Lembaga yang ke-216 Bil. 4/2019 pada 26 November 2019

JAWATANKUASA AUDIT MTIB

Pengerusi:	
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	YBhg. Dato' Dr. Abd. Latif bin Mohmod Ketua Pengarah
Ahli Silih Ganti	YBrs. Dr. Khali Aziz Hamzah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Ahli-Ahli:	
Kementerian Kewangan	YBhg. Tan Sri Ahmad Badri Bin Mohd Zahir Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ahli Silih Ganti	En. Mohd Shahril Bin Othman Setiausaha Sulit Kanan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Industri Utama (MPI)	YBhg. Datuk Zurinah Pawanteh <i>Ketua Setiausaha</i> (sehingga 6 Januari 2019)
	YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong <i>Ketua Setiausaha</i> (sehingga 24 November 2019)
Ahli Silih Ganti	Tn. Hj. Mad Zaidi bin Mohd. Karli <i>Setiausaha Bahagian Kanan Kemajuan Industri Kayu-Kayan, Tembakau dan Kenaf</i>
Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM)	En. Chua Song Fong <i>Presiden</i>
Ahli Silih Ganti	En. Wong Kar Wai <i>Bendahari Kehormat</i>
Persatuan Perindustrian Kayu Malaysia (MWIA)	YBhg. Dato' Chung King Tong <i>Penolong Ketua Setiausaha</i>
Ahli Silih Ganti	En. Low Chee Hock <i>Penolong Bendahari</i>

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Dalam mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan, Mesyuarat Jawatankuasa Audit perlu diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dan mesyuarat tambahan diadakan sekiranya perlu. Pada tahun 2018, Jawatankuasa Audit MTIB telah bersidang sebanyak empat kali seperti tarikh berikut:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1/2019 pada 29 Mac 2019
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 2/2019 pada 19 Julai 2019
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 3/2019 pada 22 September 2019
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 4/2019 pada 4 November 2019

Keputusan-keputusan mesyuarat telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga MTIB yang terdekat selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.



AHLI PENGURUSAN MTIB

Berdiri dari kiri: Cik Hjh. Robiyah Husin, Pn. Noorazimah Sarkom @ Hj. Othman, Tn. Hj. Kamaruzaman Othman, En. Saiful Bahri Salleh, En. Mohd Nizam Hamid, YBrs. Dr. Mohd Nor Zamri Mat Amin, Pn. Hjh. Roslina Idris, Cik Farydatul Nazly Mohd Zin.

Duduk dari kiri: YBhg. Dato' Dr. Mohd Puat Dahalan, YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani (Ketua Pengarah), Tn. Hj. Mahpar Atan.

- | | |
|--|--|
| 1. YBrs. En. Mohd Kheiruddin bin Mohd Rani
Ketua Pengarah | 7. Dr. Mohd. Nor Zamri bin Mat Amin
Pengarah WISDEC |
| 2. YBhg. Dato' Dr. Mohd Puat bin Dahalan
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan dan Operasi) | 8. En. Saiful Bahri bin Salleh
Pengarah Perladangan Hutan |
| 3. Tn. Hj. Mahpar bin Atan
Pengarah Pembangunan Industri
menanggung Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan dan Komersial) | 9. Cik Farydatul Nazly binti Mohd. Zin
Pengarah FIDEC |
| 4. Tn. Hj. Kamaruzaman bin Othman
Pengarah Pemerkasaan Ekonomi
Bumiputera | 10. Pn. Hjh. Roslina binti Idris
menanggung
Pengarah Pelesenan dan Inspektorat |
| 5. Cik Hjh. Robiyah binti Husin
Pengarah Perancangan Strategik | 11. Pn. Noorazimah binti Sarkom @ Hj.
Othman
menanggung
Pengarah Khidmat Pengurusan |
| 6. Tn. Hj. Kamaruzaman bin Othman
Pengarah Pemerkasaan Ekonomi
Bumiputera | 12. En. Mohd Nizam bin Hamid
menanggung
Pengarah Pembangunan Perdagangan |

VISI <<<<<

Menjadi agensi terunggul dalam menjana pembangunan industri perkayuan yang berdaya saing

MISI <<<<<

Untuk memantapkan lagi pertumbuhan industri perkayuan secara mapan melalui pewujudan persekitaran yang kondusif dan perkhidmatan berkualiti yang berterusan

>>>>> **DASAR KUALITI**

Kami adalah komited kepada perkhidmatan berkualiti untuk pelanggan-pelanggan kami dengan standard profesionalisme yang tinggi

OBJEKTIF <<<<<

Selaras dengan tugas-tugas yang telah ditetapkan kepada MTIB melalui Akta 105, Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973, Lembaga ini telah menentukan objektif-objektif seperti berikut:-

- Memajukan lagi perusahaan kayu-kayan dan meningkatkan taraf dengan penekanan ke atas pemprosesan nilai tambah;
- Menggalak dan memperbaiki kaedah pemasaran keluaran kayu;
- Membantu dan mengukuh pembangunan perusahaan kecil dan sederhana;
- Menggubal dan menggalak penggunaan standard dalam penggunaan keluaran kayu; dan
- Memupuk semangat disiplin dalam perusahaan kayu-kayan.

PIAGAM PELANGGAN <<<<<<

Kami berjanji untuk:

1. Memastikan kelulusan bagi permohonan pendaftaran baharu sebagai pengeksport, pembekal, pemproses, pemeringkat dan pengendali jeti dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;
2. Memastikan kelulusan permohonan pembaharuan pendaftaran siap dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima;
3. Memastikan setiap permohonan lesen yang lengkap diproses secara atas talian (on-line) dalam masa 30 minit di semua pejabat Wilayah / Negeri;
4. Melaksanakan perkhidmatan pemeriksaan kayu dalam tempoh 1 hari bekerja bagi permohonan lengkap yang diterima sekurang-kurangnya 1 hari bekerja sebelum tarikh pemeriksaan yang dimohon;
5. Memastikan setiap tuntutan bayaran yang lengkap diterima dijelaskan dalam tempoh 12 hari bekerja;
6. Memastikan Perkhidmatan Verifikasi Kayu (TVS) selesai dilaksanakan dalam tempoh 10 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima;
7. Memberi maklumbalas kepada semua pertanyaan industri dalam tempoh 2 hari bekerja; dan
8. Memberikan perkhidmatan berkualiti, cekap dan mesra.



DIARI KORPORAT 2019

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
1.	7 Mac	Mesyuarat Lembaga MTIB ke 213 Bil. 1/2019 - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
2.	14 Mei	Mesyuarat Lembaga MTIB ke 214 Bil. 2/2019 - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
3.	18 Jun	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPI Tahun 2019 - Dewan Serbaguna, MPI	YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
4.	19 Jun	Taklimat kepada YBhg. Dato' Dr. KSU berkenaan syarikat CWSB - Bilik Mesyurat KSU, MPI	YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong Ketua Setiausaha YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
5.	20 Jun	Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri MPOB - Dewan Sawit MPOB, Bandar Baru Bangi, Selangor	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
6.	24 Jun	Majlis Persaraan dan Sambutan Aidilfitri MTIB 2019 - Dewan Persidangan MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Warga Kerja MTIB
7.	27 Jun	Sesi wawancara PDP Muar untuk Majalah Furnish Now (Aug 2019 issue)	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
8.	1 Julai	Taklimat kepada YB Menteri Industri Utama bagi persediaan sesi persidangan Dewan Rakyat - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
9.	2 Julai	Kunjungan Hormat CEO FITEC ke MTIB - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
10.	2 Julai	Majlis menandatangani kontrak perjanjian antara JPS dengan MPOC berkenaan program penanaman satu juta pokok di Sabah - Bilik sidang media, Bangunan Parlimen	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
11.	4 Julai	Lawatan YBM MPI ke Archidex - Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
12.	5 Julai	Perjumpaan bersama Mr. Richard Yu, CEO MTC - Bilik Mesyuarat Balau, MTC	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
13.	8 Julai	Mesyuarat bagi persediaan sempena Majlis Perasmian <i>International Conference on Agarwood, Agarbhatti, Incense and Fragrances 2019</i> - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Urus Setia program

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
14.	10 Julai	Majlis Perasmian <i>International Conference on Agarwood, Agarbhatti, Incense and Fragrances 2019</i> - Hotel Westin, KL	YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
15.	11 Julai	Mesyuarat JK Kerja Kajian bagi cadangan penubuhan badan tunggal untuk menjaga sempadan negara dan pintu-pintu masuk termasuk pelabuhan – pelabuhan Bil. 2/2019 - Bilik Mesyuarat Bungan Raya, Aras 8, Blok D2 Kompleks D, Kementerian Dalam Negeri.	YBhg. Datuk Zainal Abidin Abu Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
16.	15 Julai	Kunjungan Hormat Pengurusan TTITC ke MTIB - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
17.	17 Julai	Majlis Perhimpunan MPI Bil. 6/2019 - Dewan Sawit MPOB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
18.	18 Julai	<i>Retreat Program</i> Pembangunan Ladang Hutan - Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
19.	21 Julai	Majlis Perasmian Pameran Kedah <i>Wood & Lifestyle Fair 2019</i> - Ruang Legar Kompleks Star Parade, Alor Star, Kedah	YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong Ketua Setiausaha MPI YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
20.	24 Julai	Mesyuarat Paska Kabinet Bil. 10/2019. - Bilik Mesyuarat Nyatoh, MPI	YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
21.	25 Julai	<i>Malaysian Timber Conference 2019 – The Future is Now</i> - Hotel Hilton, KL	YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
22.	26 Julai	Perjumpaan bersama Harwood Timber Sdn. Bhd. - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
23.	29 Julai	Majlis Perasmian <i>National Consultation Towards Implementing Technical Regulation on Formaldehyde Emission Limit From Wood-Based Panel Products</i> - Tamu Hotel, KL	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
24.	1 Ogos	Mesyuarat Lembaga MTIB ke 215 Bil. 3/2019 - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
25.	2 Ogos	Mesyuarat JK Technical Working Group Komoditi Industri dibawah IAPG Pertanian, RMKE-12 - Bilik Mesyuarat Nyatoh, MPI	YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong Ketua Setiausaha MPI YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
26.	5 Ogos	Majlis Perasmian <i>International Business Conference Bamboo as a Driver for Economic Growth Forest Beyond Timber--New Wealth Creation For The Nation</i> - Hotel Seri Pacific, KL	YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
27.	8 Ogos	Dialog MPI 2020 (Kayu-kayan) - Putra Hall, PICC	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
28.	19 Ogos	<i>Launching of International Furniture City @ Selangor (SIFC)</i> - The Place @ One City, Subang Jaya.	YAB Tuan Amirudin b Shari, Menteri Besar Selangor. YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
29.	20 Ogos	Majlis Perhimpunan Motivasi MTIB Bil. 6/2019 - Dewan Persidangan MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Warga Kerja MTIB
30.	21 Ogos	Sesi Penggulangan dan Pembentangan Resolusi Mesyuarat bersama agensi terlibat dalam pembangunan usahawan Perabot Bumiputera - Hotel Dorsett, Putrajaya	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
31.	22 Ogos	<i>Focus Group Discussion - TWG Industrial Commodity Rancangan Malaysia Kedua Belas</i> - Bangi Resort Hotel	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
32.	23 Ogos	Majlis Perasmian Pameran Hutan Kita - Menara KL	YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri. YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
33.	26 Ogos	Lawatan YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, KSU MPI ke WIDEC dan FIDEC - WISDEC dan FIDEC	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Warga Kerja WISDEC & FIDEC
34.	27 Ogos	Sesi perjumpaan di antara YB Puan Teresa Kok, YBM MPI dengan YAB Menteri Besar Perak - Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak, Ipoh, Perak	YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu Menteri Besar Perak YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
35.	5 September	Kursus pementasan aspek pengurusan media MPI - Hotel Everly, Putrajaya	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
36.	10 September	<i>171st Board of Trustees Meeting of the Malaysian Timber Council (MTC)</i> - Bilik Chengal MTC	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
37.	17 September	Program Sayangi Komoditiku dan Bual Bicara Komoditi - UiTM Cawangan Mukah, Sarawak	YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail Timbalan Perdana Menteri Malaysia YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
38.	26 September	<i>Closing Workshop on Capacity Building on 'Guidelines to Verifying Timber Legality' for Royal Custom Department of Malaysia</i> - Hotel Swiss Garden, KL	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
39.	28 September	Majlis Penutup Pameran <i>Kelantan Wood & Lifestyle Fair 2019</i> - Centre Court Aeon Mall, Kota Bharu, Kelantan	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Warga Kerja Pejabat MTIB Wilayah Timur

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
40.	29 September	Lawatan kerja ke MTIB Kota Bharu dan perjumpaan bersama warga kerja MTIB KB dan Rantau Panjang - Pejabat MTIB Wilayah Timur	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Warga Kerja Pejabat MTIB Wilayah Timur
41.	30 September	Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 18 Koperasi MTIB (KOMTIB) - Dewan Persidangan MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Ahli KOMTIB
42.	1 Oktober	Sesi Kunjungan Hormat Bersama Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Industri dan Pembangunan Koridor, Negeri Perak, YB Dato' Seri Ir. Hj. Mohammad Nizar B. Jamaluddin - Bilik Mesyuarat UPEN 1A, Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh, Perak.	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
43.	2 Oktober	Mesyuarat Pelan Rasionalisasi Agensi di bawah Kementerian Industri Utama - Bilik Mesyuarat Nyatoh, MPI	YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong Ketua Setiausaha MPI YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
44.	3 Oktober	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Komersialisasi Institut FRIM (JKKI) - Bilik Mesyuarat Shorea, FRIM	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
45.	4 Oktober	Sesi Kunjungan Hormat Ahli Persatuan Perindustrian Kayu Kayan Selangor dan Kuala Lumpur Selangor & Kuala Lumpur <i>Wood Industries Association</i> (SKLWIA) - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
46.	7 Oktober	Mesyuarat diantara YB Menteri Industri Utama bersama YAB Menteri Besar Selangor - Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS, Shah Alam.	YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama. YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
47.	8 Oktober	Pameran Buluh - Parlimen	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
48.	10 Oktober	Majlis Pengisytiharan Penyiapan Platform tanah industri Pertama Muar <i>Furniture Park</i> - Tapak Muar <i>Furniture Park</i> , Jalan Bakri Muar, Johor	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
49.	13 Oktober	Majlis Perasmian <i>World Bamboo Day 2019</i> - Hotel Casuarina@ Meru, Ipoh, Perak	YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu Menteri Besar Perak YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
50.	14 Oktober	Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan LPKM kali ke 41 - Dewan Persidangan MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Warga Kerja MTIB
51.	15 Oktober	<i>Opening Ceremony of Future SME Conference 2019</i> - Hall 2, PICC, Putrajaya	YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof Menteri Pembangunan Usahawan YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
52.	24 Oktober	Kunjungan Hormat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) ke MTIB - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
53.	4 November	Sesi penggulungan perbincangan belanjawan tahun 2020 peringkat dasar sesi Dewan Rakyat Mesyuarat ke 3 penggal ke 2 Parlimen ke 14 - Parlimen	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
54.	5 November	Sesi Pertemuan dan Mesyuarat antara YB Menteri Industri Utama dengan YAB Menteri Besar Pahang. - Pejabat Menteri Besar Pahang	YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail Menteri Besar Pahang
55.	12 November	<i>Second project Steering Committee Meeting on the second agreement between the state Government of Sabah and Malaysian Palm Oil Council on the Forest Rehabilitation of Orang Utan Habitat at Lower Kawag, Ulu Segama Forest Reserve</i> - Kawag Danum Rainforest Lodge, Lahad Datu, Sabah	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
56.	14 November	Majlis Perasmian PIEX 2019 oleh DYMM Tuanku Sultan Perak - Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
57.	16 November	Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MOU) MTIB dengan Invest Perak - Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak	YB Dato' Seri Ir. Hj. Mohammad Nizar b Jamaluddin. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Industri dan Pembangunan Koridor YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YB Tuan Wong Tack Pengerusi MTIB YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
58.	25 November	Majlis Perasmian Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan 2019 - Dewan Auditorium Rashdan Baba, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UPM	YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
59.	26 November	Mesyuarat Lembaga MTIB ke 216 Bil. 4/2019 - Bilik Mesyuarat Lembaga MTIB	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
60.	2 – 10 Disember	<i>55th International Tropical Timber Council (ITTC) and Associated Sessions of the Committees Disember 2019</i> - Lome, Togo	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Penglibatan
61.	12 Disember	Majlis Penganugerahan Sijil Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) kali ke 7 - Hotel Tenera Bangi	YB Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Mohd Akin Timbalan Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah
62.	13 Disember	Taklimat Industri Buluh: Sumber Ekonomi Baharu - Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah	YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau Timbalan Ketua Menteri Sabah YB Puan Teresa Kok Menteri Industri Utama YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
63.	19 Disember	Mesyuarat <i>National Standards Committee</i> berkenaan kayu, produk kayu dan struktur kayu (NSC V) Bil. 1/2019 - Hotel Impiana KLCC, KL	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Pengurusan MTIB
64.	21 – 22 Disember	Sukan Persahabatan MTIB 2019 antara Ibu Pejabat dan MTIB Wilayah Utara - Pulau Pinang	YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani Ketua Pengarah Warga Kerja MTIB

The background of the entire page is a close-up, horizontal view of a light-colored wood grain, likely plywood or a similar engineered wood product. The grain patterns are wavy and run horizontally across the frame, with various shades of beige and light brown. There are several prominent knots and grain variations visible, adding texture to the background.

BAB 2

PROJEK PEMBANGUNAN

DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-11

PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKe-11)

Di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11), pelaksanaan program dan projek dibuat secara *Rolling Plan* (RP). Melalui pendekatan ini, MTIB telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan tujuh (7) projek pembangunan dengan siling RP semasa (2019 - 2020) berjumlah RM122,773,500.

PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 RP4 2019-2020

Sejumlah RM36.915 juta telah disalurkan oleh pihak Kerajaan bagi tahun 2019 terdiri daripada geran sebanyak RM11.915 juta dan pinjaman dibawah Skim Pinjaman Bagi Program Pembangunan Ladang Hutan Bersaiz Besar dan Sederhana sebanyak RM25 juta.

Jadual 1: Ringkasan Peruntukan dan Belanja RP Semasa

BIL	NAMA PROJEK	SILING DIPERAKU (RM)	PERUNTUKAN RP SEMASA (RM)	BELANJA RP SEMASA (RM)	%
1.	Skim Pinjaman Bagi Program Pembangunan Ladang Hutan Bersaiz Besar dan Sederhana (P20112000220002)	60,623,500	25,000,000	25,000,000	100%
2.	Pembangunan Kepakaran Khusus (<i>Subject Matter Expert</i>) (P20005180100003)	1,720,000	335,000	306,141	91%
3.	Pemeriksaan Pembangunan Modal Insan dan Peningkatan Kapasiti Industri Perakayuan (P20112000090007)	4,232,000	1,580,000	1,252,768	79%
4.	Pembangunan Usahawan Produk Perakayuan Bernilai Tambah Tinggi (P20112000100002)	18,518,000	4,500,000	3,912,117 (Tidak termasuk Komitmen RM587,883)	87%
5.	Projek Peningkatan Kapasiti Pengeluaran di Kilang Kerja Kayu SME Bumiputera (P20112000100003)	22,350,000	2,500,000	1,169,000 (Tidak termasuk Komitmen RM1,331,000)	47%
6.	Peningkatan Penggunaan Bahan Mentah Alternatif Kayu Dalam Penghasilan Produk Kayu dan Biokomposit yang Bernilai Tinggi (P20112000100004)	9,030,000	2,500,000	0.00 (Tidak termasuk Komitmen RM2,500,000)	0%
7.	Pembangunan Standards dan Produk Kejuruteraan Kayu (P20112000020005)	6,300,000	500,000	397,908 (Tidak termasuk Komitmen RM102,092)	80%
JUMLAH		122,773,500	36,915,000	32,037,934	87%

PROJEK 1: SKIM PINJAMAN BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG HUTAN BERSAIZ BESAR DAN SEDERHANA

Latar Belakang

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), sebuah agensi di bawah Kementerian Industri Utama (MPI) menerusi anak syarikatnya Forest Plantation Development Sdn. Bhd. (FPDSB) telah diberikan tanggungjawab untuk menjalankan Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) bermula pada tahun 2005.

Program ini adalah antara usaha Kerajaan ke arah mengekalkan kemampanan dan pemuliharaan sumber hutan yang turut akan mengurangkan pengeluaran kayu dari sumber hutan asli. Matlamat Program Pembangunan Ladang Hutan ini adalah untuk menampung keperluan kayu balak bagi memenuhi permintaan industri kayu-kayan negara.

Projek ini adalah merupakan projek sedia ada (sambungan) daripada projek sama yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Kos keseluruhan peruntukan RMKe-11 yang diluluskan adalah berjumlah RM286,500,000 bertujuan untuk memastikan Program Pembangunan Ladang Hutan yang diluluskan dapat diteruskan selaras dengan persetujuan Jemaah Menteri pada 2 Mac 2005.

Objektif Projek

- i. Memastikan pembangunan industri kayu-kayan melalui sumber bahan mentah berkualiti yang memenuhi kehendak pasaran.
- ii. Mengurangkan tekanan kepada sumber hutan semulajadi bagi mendapatkan bekalan kayu.
- iii. Meningkatkan pelaburan swasta dalam perladangan hutan.

Skop Projek

Menyediakan Kemudahan Pinjaman Mudah Bagi Pembangunan Ladang Hutan Komersial.

Sasaran Output

15 kawasan ladang hutan dibangunkan sepanjang RMKe-11.

Sasaran Outcome

29,000 hektar kawasan ladang hutan dibangunkan sepanjang RMKe-11.

Jadual 2: Aktiviti / Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

TARIKH	PROGRAM	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019	<i>OUTCOME</i>
Sepanjang tahun	Pembiayaan secara pinjaman mudah (<i>soft loan</i>) bagi penubuhan ladang hutan	Pihak peminjam dalam Program Pembiayaan Ladang Hutan	Dua (2) kawasan ladang hutan yang telah diluluskan sedang dibangunkan	Seluas 1,103 hektar ladang hutan dibangunkan

Prestasi Kewangan 2019

ITEM	RM
Peruntukan RP Semasa	25,000,000
Perbelanjaan	25,000,000
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan	100%

RUMUSAN

Pada tahun 2019, seluas 1,103 hektar ladang hutan telah dibangunkan dan sehingga kini bagi keseluruhan program terdapat sebanyak 77 perjanjian pinjaman PPLH daripada 65 syarikat dan agensi kerajaan telah diluluskan oleh Kementerian Industri Utama dengan jumlah keseluruhan kawasan ladang hutan seluas 124,767 hektar dan nilai pinjaman berjumlah RM899,242,478.

GAMBAR AKTIVITI
SKIM PINJAMAN BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG HUTAN BERSAIZ BESAR
DAN SEDERHANA (P)



Ladang Syarikat Alam Manusia Sdn. Bhd.
 Pokok Batai (*Paraserianthes Falcataria*)



Ladang Syarikat In & Out Plantation Management
 Pokok Batai (*Paraserianthes Falcataria*)



Ladang Syarikat Acacia Industries (K) Sdn. Bhd.
 Pokok Getah
 (*Hevea Brasiliensis*)



Lawatan Penilaian
 Kemajuan Program
 Pembangunan
 Ladang Hutan (PPLH)
 Skala Sederhana Dan
 Besar di Syarikat
 Alam Manusia di
 Bidor, Perak

PROJEK 2: PEMBANGUNAN KEPAKARAN KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT*)

Latar Belakang

Program ini dirancang untuk menambah dan meningkatkan kemahiran serta kepakaran sedia ada para pegawai MTIB dengan kepakaran-kepakaran baharu bagi melahirkan tenaga pakar melalui latihan intensif di institusi dan agensi dalam dan luar negara bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cekap, berkesan dan menjadi pakar dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Objektif Projek

- i. Menghasilkan modal insan yang mempunyai latar belakang akademik yang tinggi dan kepakaran dalam bidang profesional yang terbaik.
- ii. Melahirkan Pegawai MTIB yang lebih berilmu, berwibawa, kompeten, inovatif dan kreatif.
- iii. Meningkatkan produktiviti dan meningkatkan imej MTIB.

Skop Projek

- i. Pengajian Ijazah Kedoktoran (Ph.D) – dua (2) warga kerja.
- ii. Pengajian Ijazah Sarjana (*Masters*) – empat (4) warga kerja.
- iii. Latihan/*Attachment*: Pengkhususan Kepakaran Jangka Pendek (tiga bulan ke atas) - 27 warga kerja.

Sasaran Output

- i. Pengajian Ijazah Kedoktoran (Ph.D) - dua (2) warga kerja.
- ii. Pengajian Ijazah Sarjana (*Masters*) - empat (4) warga kerja.
- iii. Latihan/*Attachment*: Pengkhususan Kepakaran Jangka Pendek (tiga bulan ke atas) - 27 warga kerja.

Sasaran Outcome

- i. Pengajian Ijazah Kedoktoran (Ph.D) – Seramai dua (2) orang warga kerja akan mendapat pengiktirafan Ijazah Kedoktoran (Ph.D).
- ii. Pengajian Ijazah Sarjana (*Masters*) – Seramai empat (4) orang warga kerja akan mendapat pengiktirafan Ijazah Sarjana (*Masters*).
- iii. Latihan/*Attachment*: Pengkhususan Kepakaran Jangka Pendek (tiga bulan ke atas) – Peningkatan jumlah pakar melalui latihan/*attachment* yang lebih khusus dan teknikal iaitu pengendalian operasi mesin, perladangan hutan, seni grafik perkayuan dan pengurusan.

Jadual 3: Aktiviti / Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

TARIKH	PROGRAM	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME
Sepanjang tahun	Melanjutkan Pengajian di Peringkat Ijazah Sarjana (<i>Masters</i>)	Pengurusan & Profesional	Lima (5) orang Pegawai MTIB telah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (<i>Masters</i>) seperti berikut: 1. Pn. Syaidatul Nadia Hussin, Bidang Statistik Gunaan di Universiti Malaya (UM). 2. Pn. Norhaaedawati Baharuddin, Bidang Biokomposit Teknologi dan Reka Bentuk di Universiti Putra Malaysia (UPM). 3. Pn. Nurhayati Ahmad, Bidang <i>Cyber Security</i> di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 4. En. Muhammad Shaiful Nordin, Bidang Pengurusan Kejuruteraan di Universiti Teknologi Mara (UiTM). 5. Pn. Sunita Muhamad, Bidang Polisi Sains, Teknologi dan Inovatif di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).	Peningkatan kepakaran dalam MTIB dalam bidang kemahiran dan pengurusan dalam membangunkan industri perikanan negara.
Sepanjang tahun	Latihan/ <i>Attachment</i> : Pengkhususan Kepakaran Jangka Pendek	Warga kerja MTIB (Pelbagai Gred dan Skim Perkhidmatan)	Sebanyak 25 latihan teknikal telah dijalankan	Peningkatan kepakaran dalam MTIB dalam bidang kemahiran dan pengurusan dalam membangunkan industri perikanan negara.

Prestasi Kewangan 2019

ITEM	RM
Peruntukan RP Semasa	335,000
Perbelanjaan	306,141
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan	91%

Rumusan

Pelaksanaan program Pembangunan Kepakaran Khusus (SME) adalah bertepatan dengan dasar latihan MTIB yang sentiasa menggalakkan pegawai dan warga kerja untuk melanjutkan pelajaran bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan menjalani latihan-latihan teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing bagi melahirkan tenaga pakar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tahun 2019, seramai lima (5) orang pegawai MTIB telah melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi menggunakan peruntukan Program Pembangunan Kepakaran Khusus (SME) ini yang mana pengajian pegawai tersebut adalah merangkumi pengajian di dalam bidang Statistik Gunaan, Biokomposit Teknologi & Reka Bentuk, *Cyber Security*, Pengurusan Kejuruteraan dan Polisi Sains, Teknologi & Inovatif. Manakala sebanyak 37 latihan teknikal telah dijalankan bagi 27 orang pegawai MTIB yang telah dikenalpasti.

**GAMBAR AKTIVITI
PEMBANGUNAN KEPAKARAN KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT)**



Kursus Pemantapan Pegawai Serbuan MTIB
2 – 4 Oktober 2019



Kursus Pemantapan Kertas Siasatan & Asas Pendakwaan MTIB
22 – 25 Oktober 2019

PROJEK 3: PEMERKASAAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PENINGKATAN KAPASITI INDUSTRI PERKAYUAN

Latar Belakang

Projek ini merupakan salah satu inisiatif ke arah merealisasikan hasrat kerajaan dalam meningkatkan tenaga kerja mahir menjelang 2020 bagi menggerak dan membangunkan ekonomi Malaysia yang mampan. Ini merupakan usaha bersepadu MTIB bagi menampung kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi di peringkat global dan khasnya dalam sektor perindustrian kayu di Malaysia.

Projek ini juga menyokong Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan tenaga kerja tempatan khususnya golongan belia dalam menceburi kerjaya di sektor perindustrian kayu dan seterusnya dapat menangani kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkayuan. Ini juga selaras dengan hala tuju MTIB sebagai Badan Peneraju Industri (*Industry Lead Body*) dalam sektor perkayuan di Malaysia.

Objektif Projek

- i. Peningkatan pekerja mahir industri kayu yang berkemahiran dan berkompentensi.
- ii. Pengurangan kebergantungan industri kayu kepada pekerja asing.
- iii. Peningkatan kesedaran dalam penggunaan kayu tempatan.
- iv. Peningkatan bilangan usahawan baru atau kecil dalam sektor perkayuan.
- v. Peningkatan kepakaran dan kompetensi pengajar.

Skop Projek

- i. Kursus/seminar/bengkel.
- ii. Khidmat nasihat dan rundingan.
- iii. Lawatan teknikal dan latihan in situ.
- iv. *Business coaching*.
- v. Pembangunan kapasiti reka bentuk dan prototaip perabot.
- vi. Skim Usahawan Perabot Bumiputera (Superbumi).

Sasaran Output

- i. 50 bilangan kursus/seminar/ bengkel.
- ii. Minimum 50 bilangan belia yang dilatih dan diserap untuk bekerja dalam industri kayu.
- iii. Peningkatan 3% produktiviti syarikat.
- iv. 90% peserta Superbumi kekal dalam industri.

Sasaran Outcome

- i. Pengurangan kebergantungan industri kayu kepada pekerja asing.
- ii. Peningkatan jumlah tenaga kerja mahir dalam industri perkayuan.
- iii. Meningkatkan penglibatan tenaga kerja tempatan khususnya golongan belia dalam menceburi kerjaya dalam sektor perkayuan.
- iv. Peningkatan tahap kompetitif usahawan perkayuan dalam rangkaian perniagaan.
- v. Melahirkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing tinggi.
- vi. Melahirkan Usahawan *Vendor* Sub-Kontraktor Bumiputera.

Jadual 4: Aktiviti / Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

TARIKH	PROGRAM
Skop Projek 1 - Kursus/Seminar/Bengkel	
14 – 17 Januari	Bengkel Penjilidan Dokumen <i>Written Instructional Materials</i> (WIM) RB-050-2/3:2012 (Operasi Pembuatan Perabot) dan Pendaftaran Pusat Bertauliah di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
25 & 27 Jun	<i>Internal Quality Assurance</i> (IQA) <i>Workshop</i>
31 Ogos – 2 September	Kem Persediaan Peperiksaan MPAK dan SPM Pelajar Program Latihan Kolej Vokasional WISDEC Banting Kohort Satu 2018/2019
15 – 17 Mei	Promosi Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
11 – 15 Mac	Kursus Struktur Kayu (kerja kemasan luaran)
7 Januari – 7 Mei & 1 Oktober 2019 – 31 Mac 2020	Kursus <i>Profesional Management Development</i> (PMD)
14 Januari – 14 Disember	Program Kolej Vokasional (KV)
2 Ogos – April	Program <i>Furniture Design and Making</i> (FDM)
11 – 15 Mac	Kursus Asas Struktur Kayu (Kerja Kemasan Luar)
19 – 26 September	Program Latihan Teknikal <i>Machining & Power Tools</i> - UTHM
18 April & 26 September	Seminar dan Ceramah Kerjaya - Industri Perkayuan Malaysia
24 Jun/ 27 – 29 Julai/ 15 September/ 15 – 16 November	DIY Produk Berasaskan Kayu
23 – 26 September	Kursus Pembuatan Perabot (Kabinet Dapur) - Pusat Kraftangan Sabah
24 – 27 Jun	Kursus Pengecaman Spesies Kayu Malaysia Bersama Stia
25 – 27 Februari	Kursus Pemasaran Domestik dan Antarabangsa Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera Sabah
18 – 21 Mac	Bengkel Pembangunan Rekabentuk Perabot Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera Sabah
30 April	Kursus <i>Let's Start Up Online Business</i> Utara
1 – 4 April	Kursus Pembuatan Perabot Sofa (<i>Upholstery</i>) Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera Sabah
1 – 4 Julai	Kursus Kemasiapan Perabot Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera Sabah
22 – 25 Julai	Bengkel Pemasaran Digital Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera Sabah
26 – 28 Ogos	Kursus Pengkosan dan Belanjawan Produk Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera Sabah
18 September	Kursus <i>Let's Start-Up Online Business</i> Timur
25 November	Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan 2019
9 – 13 Disember	Kursus Kejuruteraan Pembuatan dan Pemasangan Sofa Moden
9 – 13 Disember	Mengurus Pelaksanaan Kursus Kejuruteraan dan Pemasangan Kabinet Aluminium
18 – 20 Disember	Mengurus Pelaksanaan Kursus Pemasaran Digital

	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN OUTPUT SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME
	Pegawai WISDEC	10 Peserta	• Peningkatan kemahiran • Peningkatan kompetensi dan kemahiran • Peningkatan tenaga kerja mahir dan separa mahir • Peningkatan tenaga kerja tempatan • Peningkatan tenaga kerja belia • Pengurangan tenaga kerja asing • Peningkatan usahawan • Peningkatan kebolehpasaran kerja
	Pegawai WISDEC	27 Peserta	
	Pelajar Kolej Vokasional, Pegawai WISDEC Selangor	15 Pelajar	
	Industri	30 Peserta	
	Pegawai WISDEC	10 Peserta	
	Belia	9 Peserta 19 Peserta	
	Belia	15 Peserta	
	Pegawai WISDEC	10 Peserta	
	Pegawai WISDEC	10 Peserta	
	Belia	16 Peserta	
	Pelajar, Orang Awam dan Belia	60 Peserta 34 Peserta	
	Pelajar, Orang Awam dan Belia	120 Peserta 200 Peserta 50 Peserta 200 Peserta	
	Pusat Kraftangan Sabah	15 Peserta	
	Persatuan	13 Peserta	
	Usahawan, SME Bumiputera, Pekerja Industri dan Orang Awam	21 Peserta	• Peningkatan kemahiran dan produktivi syarikat Bumiputera
		20 Peserta	
		15 Peserta	
		16 Peserta	
		14 Peserta	
		22 Peserta	
		15 Peserta	
		20 Peserta	
		150 Peserta	
		16 Peserta	
		16 Peserta	
		15 Peserta	

TARIKH	PROGRAM
April 2019	Program Lean <i>Creanova</i>
22 Julai 2019 – 21 Mac 2020	Program Pengurusan Lean
1 Oktober 2019 – 31 Jun 2020	Program <i>Good Manufacturing Practices 5S</i>
16 – 24 Jun	Program Pembangunan Kemahiran Teknologi <i>Epoxy</i> Dalam Pembuatan Perabot
19 – 23 Ogos	Program Pembangunan Kemahiran Teknologi <i>Epoxy</i> Dalam Pembuatan Perabot
26 – 30 Ogos	Program Pembangunan Kemahiran Teknologi <i>Epoxy</i> Dalam Pembuatan Perabot
19 – 26 September	Program Pembangunan <i>Door Installer</i>
21 – 25 Oktober	Program Pembangunan Kemahiran Teknologi <i>Epoxy</i> Dalam Pembuatan Perabot
24-28 November	Program Pembangunan Kemahiran Teknologi <i>Epoxy</i> Dalam Pembuatan Perabot
18 - 29 November	Program Pembangunan Kemahiran Pembuatan dan Pemasangan Kabinet Pasang Siap (BIC)
27 – 28 Februari	Bengkel Meraut (<i>Carving</i>) Karas/Gaharu
27 – 28 Mac	Bengkel Pengurusan dan Pembangunan Ladang Hutan Getah
9 – 10 April	Bengkel Asas Pembuatan Minyak Wangi Berasaskan Gaharu
10 – 11 Julai	<i>International Conference on Agarwood Incense & Fragrances</i>
18 – 20 Julai	Bengkel Pembangunan PPLH 2019
12 – 13 Oktober	Seminar/Program Sempena Sambutan <i>World Bamboo Day</i> (WBD) 2019
19 September & 2, 8, 10, dan 24 Oktober	Kursus Peraturan Eksport dan Import Kayu dan Produk Kayu (Johor Bahru, Pelabuhan Klang, Kuantan dan Pulau Pinang)

	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN OUTPUT SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME
	Industri Perkayuan Semenanjung Malaysia	30 Syarikat	• Peningkatan Produktiviti syarikat • Mengurang kos operasi pengeluaran syarikat melalui proses susun atur kilang yang cekap
		110 Peserta	
		15 Syarikat Perkayuan	• Mewujudkan persekitaran kilang perabot yang berkualiti, kondusif dan selamat
	Usahawan, SME Bumiputera dan Pekerja Industri	10 Peserta	• Peningkatan kemahiran • Peningkatan tenaga kerja mahir dan separa mahir • Peningkatan tenaga kerja tempatan • Peningkatan tenaga kerja belia
		20 Peserta	
		15 Peserta	
		18 Peserta	
		23 Peserta	
		10 Peserta	
		11 Peserta	
	Syarikat Pengusaha Gaharu, Syarikat Ladang Gaharu	35 Peserta	• Peningkatan kemahiran 'Good Agricultural Practices' (GAP) dalam perladangan hutan • Mencapai sasaran Pelan Tindakan Pembangunan Karas dan Gaharu 2011-2021 • Mencapai sasaran Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Negara 2011-2021
	Syarikat Peminjam PPLH, Industri Kayu Kayan	40 Peserta	
	Syarikat Pengusaha Gaharu, Syarikat Ladang Gaharu	25 Peserta	
	Syarikat Pengusaha Gaharu, Syarikat Ladang Gaharu	50 Peserta	
	Agensi Kerajaan, Industri Perladangan	36 Peserta	
	Orang Awan, Usahawan, SME Bumiputera, Agensi Kerajaan, dan Industri Buluh	600 Peserta	
	Agensi berkaitan, Usahawan, SME Bumiputera dan Pekerja Industri	82 Peserta 90 Peserta 30 Peserta 52 Peserta 81 Peserta	• Peningkatan produktiviti syarikat

TARIKH	PROGRAM
Skop Projek 2 - Khidmat Nasihat Dan Rundingan	
22 – 28 Ogos	Penyertaan Pegawai MTIB Ke <i>WorldSkills Competition (WSC) 2019</i> Kazan, Rusia
27 Jun – 3 Julai	<i>2019 WorldSkills Competition Workshop in Taiwan – Exchange on Woodworking Practice</i>
Januari – Ogos	Latihan Intensif Calon Peserta Negara bagi <i>WorldSkills Competition (WSC) 2019</i>
25 – 28 Julai	Program Ceramah Kerjaya (<i>Successful Story</i>) Dan Program Perkongsian Ilmu Berkaitan Penghasilan Tanggam Dalam Pembuatan Perabot Untuk Syarikat Reza Sah Sdn. Bhd.
28 September – 2 Oktober	Penilaian Prestasi Peserta Negara Bidang <i>Cabinetmaking</i> Dan <i>Joinery</i> Bagi Persediaan Ke Pertandingan <i>Worldskills Competition (WSC) 2019</i> Kazan, Rusia
Mac – April	Penglibatan Pelatih Kolej Vokasional WISDEC Banting Dan WISDEC Sabah Untuk Menyertai Pertandingan <i>Worldskills Malaysia Belia (WSMB 2019)</i> Peringkat Pra-Kelayakan Bidang <i>Cabinetmaking, Joinery</i> Dan <i>Carpentry</i>
Skop Projek 3 - Lawatan Teknikal Dan Latihan In-Situ	
25 – 30 Mac	<i>Technology Acquisition and Study Mission to China, In Conjunction with Interzum Guangzhou, China 2019</i> (Pn. Nurul Hasana)
21 – 30 Mei	<i>Technology Acquisition Mission to Interzum And Ligna 2019</i>
22 – 26 Oktober	<i>International Forum: Green Supply Chain (China)</i>
Skop Projek 5 - Pembangunan Kapasiti Reka Bentuk Dan Prototaip Perabot	
29 – 30 Jun	Bengkel Buluh 101, FRIM, Selangor.
29 – 31 Ogos	Bengkel Pandai Buluh " <i>Working Furniture & Construction</i> " di <i>Bamboo Jungle Adventures</i> , Sungai Siput, Perak
2 – 5 Julai	Seminar <i>Asia Design Sharing 2019</i> Anjuran Majlis Rekabentuk Malaysia MRM
13 Disember	Taklimat Industri Buluh: Sumber Ekonomi Baru, Hotel Promenade Kota Kinabalu, Sabah
Skop Projek 6 - Skim Usahawan Perabot Bumiputera (Superbumi)	
Januari 2018 – Jun 2019	Program Skim Usahawan Perabot Bumiputera (SuperBumi 2.0)

Prestasi Kewangan 2019

ITEM	RM
Peruntukan RP Semasa	1,580,000
Perbelanjaan	1,252,768
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan	79%

	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN OUTPUT SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME
	Belia	3 Pegawai	• Peningkatan kompetensi dan kemahiran • Peningkatan tenaga kerja mahir dan separa mahir • Peningkatan tenaga kerja belia
		2 Peserta	
		1 Peserta	
		50 Peserta	
		2 Peserta	
		12 Pelatih	
	Pegawai WISDEC	1 Peserta	• Peningkatan kompetensi dan kemahiran dalaman
	Pegawai WISDEC	2 Peserta	
	Pegawai MTIB	2 Peserta	
	Usahawan, SME Bumiputera, Belia, dan Pekerja Industri	20 Peserta	• Peningkatan produktivi syarikat, • Peningkatan kemahiran melalui produk bernilai tambah
		20 Peserta	
		8 Pereka	
		150 Peserta	
	Orang Awam, Usahawan, SME Bumiputera dan Pekerja Industri	5 Orang	• Peningkatan kemahiran dan produktivi syarikat Bumiputera • Melahirkan usahawan baru bumiputera dalam bidang perkayuan

Rumusan

Pada tahun 2019, sebanyak 79% dari keseluruhan peruntukan sebanyak RM1,580,000 telah dibelanjakan. Walaupun terdapat sekatan peruntukan sebanyak RM1,580,000 dalam tahun 2019, sasaran output secara keseluruhannya bagi 2019 berjaya dicapai melalui 57 program yang telah dijalankan. Program-program seperti kursus, seminar, bengkel, pembangunan kapasiti reka bentuk, bimbingan usahawan bumiputera dan pembangunan modal insan dalam industri perkayuan telah berjaya melatih seramai 2,822 orang peserta dan 65 syarikat dalam industri perkayuan.

**GAMBAR AKTIVITI
PEMERKASAAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PENINGKATAN KAPASITI
INDUSTRI PERKAYUAN**



Worldskills Competition (WSC) 2019 Kazan, Rusia



*Worldskills Conference 2019
23 - 24 Ogos 2019*



*Program Pembangunan Kemahiran Teknologi Epoxy Dalam Pembuatan Perabot
16 - 24 Jun 2019*



Program Good Manufacturing Practices 5S
1 Oktober 2019 – 31 Jun 2020



Program Pembangunan Door Installer
19 – 29 September 2019



DIY Produk Berasaskan Kayu
15 September 2019





Seminar/Program Sempena Sambutan *World Bamboo Day (WBD)* 2019
12 – 13 Oktober 2019

PROJEK 4: PEMBANGUNAN USAHAWAN PRODUK PERKAYUAN BERNILAI TAMBAH TINGGI

Latar Belakang

Projek ini bermatlamat untuk membangunkan usahawan industri perkayuan khususnya usahawan produk bernilai tambah tinggi di Malaysia bagi meningkatkan kapasiti dan daya saing usahawan di pasaran global yang secara langsung akan membantu meningkatkan nilai pendapatan usahawan seterusnya menyumbang kepada peningkatan nilai perdagangan produk perkayuan bernilai tambah tinggi negara.

Projek ini juga merupakan salah satu inisiatif transformasi kerajaan bagi mengangkat martabat industri kreatif tempatan khususnya bagi penghasilan produk perkayuan bernilai tambah tinggi seperti kayu kumai dan tanggam, perabot, produk kejuruteraan dan produk biokomposit serta produk daripada material baru di pasaran global. Ini adalah juga selaras dengan matlamat yang telah digariskan di dalam Dasar Perindustrian Kayu Malaysia (NATIP).

Objektif Projek

- i. Membangunkan usahawan industri perkayuan bernilai tambah tinggi di Malaysia untuk meningkatkan nilai pendapatan usahawan seterusnya menyumbang kepada peningkatan nilai perdagangan produk perkayuan.
- ii. Inisiatif transformasi kerajaan bagi mengangkat martabat industri kreatif tempatan khususnya produk perkayuan bernilai tambah tinggi.
- iii. Meningkatkan daya saing usahawan industri perkayuan negara bagi menghadapi cabaran globalisasi dengan memfokuskan kepada produk perkayuan bernilai tambah tinggi di negara berpotensi tinggi.

Skop Projek

- i. Pembangunan inovasi dan kreativiti produk perkayuan bernilai tambah tinggi.
- ii. Pembangunan usahawan dari perspektif bina upaya dan pembangunan perdagangan produk perkayuan bernilai tambah tinggi.
- iii. Penerokaan dan pengukuhan pasaran perabot serta produk kayu SME Bumiputera di pasaran antarabangsa.

Sasaran Output

- i. 125 aktiviti kolaborasi usahawan dijalankan.
- ii. Peningkatan kapasiti dan kebolehpayaan 125 usahawan terutamanya dalam penghasilan produk bernilai tambah.
- iii. Peningkatan nilai eksport perabot 50 usahawan Bumiputera.

Sasaran Outcome

- i. Pembangunan produk *Original Design Manufacturing* (ODM) yang bernilai tambah tinggi bagi membantu meningkatkan pendapatan serta hasil jualan usahawan produk perkayuan.

Jadual 5: Aktiviti/Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

TARIKH	PROGRAM
Penerokaan dan Pengukuhan Pasaran Perabot Serta Produk Kayu SME Bumiputera di Pasaran Antarabangsa	
20 – 22 November	<i>International Furniture Fair, Tokyo (IFFT) - CEMP</i>
Pameran Tempatan & Bertaraf Antarabangsa	
22 – 24 Februari	<i>Malaysia International Renovation Expo 2019</i>
8 – 11 Mac	<i>Malaysian International Furniture Fair (MIFF) 2019</i>
9 – 12 Mac	<i>Export Furniture Exhibition (EFE) 2019</i>
19 – 21 Mac	<i>Ecobuild Southeast Asia</i>
12 – 14 April	<i>Homedec Penang 2019 Part 1</i>
26 – 29 April	<i>Homedec Kuala Lumpur 2019 Part 1</i>
27 – 30 Jun	<i>Sarawak Timber & SME's Expo 2019</i>
28 – 30 Jun	<i>Premier Home Furnishing Expo In The North (PENFURNEC) 2019 Part 1</i>
3 – 6 Julai	<i>ARCHIDEX 2019</i>
25 Julai	<i>Malaysian Timber Conference 2019</i>
5 Ogos	<i>International Business Conference – Bamboo As A Driver For Economic Growth</i>
29 Ogos – 1 September	<i>Korea International Furniture & Interior Fair (KOFURN) 2019</i>
4 – 6 September	<i>9th Muslim World Biz 2019</i>
4 – 6 Oktober	<i>HOMEDEC Penang 2019 Part 2</i>
8 – 9 Oktober	Pameran Promosi Produk Berasaskan Buluh di Parlimen
9 – 11 Oktober	<i>International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) 2019</i>
12 – 13 Oktober	<i>World Bamboo Day 2019</i>
17 – 20 Oktober	<i>HOMEDEC Kuala Lumpur 2019 Part 2</i>
31 Oktober	Hari Terbuka PSM MPI (PSM2U)
14 – 17 November	<i>Perak International Expo</i>
19 – 21 November	<i>Malaysian Wood Expo 2019</i>
25 November	Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan
6 – 8 Disember	<i>Premier Home Furnishing Expo In The North (PENFURNEC) 2019 Part 2</i>

	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019	<i>OUTCOME</i>
	Usahawan produk perkayuan dan SME Bumiputera	Seramai tiga (3) usahawan perabot Bumiputera terlibat	Dapat membantu usahawan produk perkayuan tempatan untuk meneroka dan meluaskan akses pasaran serta jaringan perniagaan bersama pengimport di pasaran antarabangsa Hasil jualan yang berjaya dijana adalah sebanyak RM111,561
	Usahawan produk perkayuan dan SME Bumiputera	Penyertaan dalam 23 pameran tempatan dan bertaraf antarabangsa Seramai 109 usahawan produk perkayuan dan SME Bumiputera terlibat	Meningkatkan jualan usahawan perkayuan tempatan Menyediakan platform untuk usahawan mempamerkan produk serta mendapatkan peluang perniagaan. Hasil jualan yang berjaya dijana adalah sebanyak RM19.5 juta

TARIKH	PROGRAM
Karnival Jualan	
17 – 27 Julai	<i>Kedah Wood & Lifestyle Fair</i>
1 – 4 Ogos	<i>Johor Wood & Lifestyle Fair</i>
28 Ogos – 1 September	<i>Perak Wood & Lifestyle Fair</i>
20 – 29 September	<i>Pahang Wood & Lifestyle Fair</i>
24 – 29 September	<i>Kelantan Wood & Lifestyle Fair</i>
24 – 27 Oktober	<i>Sabah Wood & Lifestyle Fair</i>
23 – 28 November	<i>Terengganu Wood & Lifestyle Fair</i>
13 – 15 Disember	<i>Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair</i>
Penerbitan Artikel Khas Dalam Majalah	
Julai – Disember	Penerbitan artikel khas usahawan produk perkayuan dalam majalah terpilih
Pembangunan Inovasi dan Kreativiti Produk Perkayuan Bernilai Tambah Tinggi	
September – Disember	Pertandingan Reka Bentuk Perabot, MOBILI 2019
Januari – Disember	Penghasilan produk prototaip dengan reka bentuk baru
Mac – Disember	Penyertaan Pameran-pameran Tempatan dan Antarabangsa

	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019	<i>OUTCOME</i>
	Usahawan produk perkayuan dan SME Bumiputera	Menganjurkan lapan (8) karnival jualan produk perkayuan Seramai 143 usahawan produk perkayuan dan SME Bumiputera terlibat	Meningkatkan jualan usahawan perkayuan tempatan Menyediakan platform untuk usahawan mempamerkan produk keluaran usahawan tersebut secara terus kepada pembeli serta mendapatkan peluang perniagaan. Hasil jualan yang berjaya dijana adalah sebanyak RM10.2 juta
	Usahawan produk perkayuan	12 artikel berkaitan usahawan dan produk keluaran telah diterbitkan Artikel : i. Majalah Archilab (3 Artikel) ii. Majalah Metropolitan Home (3 Artikel) iii. Majalah Design Concept (6 Artikel)	Membantu menyalurkan maklumat serta meningkatkan peluang perniagaan usahawan produk perkayuan tempatan Berjaya menjana hasil jualan bernilai RM1.2 juta
	Pereka professional Pelajar IPTA/IPTS, dan pengeluar	Satu (1) pertandingan reka bentuk perabot dan 10 Roadshow /bengkel di IPTA/IPTS, 120 peserta	135 reka bentuk baru Tiga (3) pemenang kategori professional Lima (5) pemenang kategori pelajar
	Pengeluar, <i>retailer</i> , <i>distributor</i> dan pereka	15 reka bentuk dibangunkan dan dikomersilkan	10 perabot dengan reka bentuk baru berjaya dikomersilkan dengan purata nilai jualan dan rundingan RM620,000
	Pengeluar, <i>retailer</i> , <i>distributor</i> dan pereka	Penyertaan Pameran INDEX Mumbai 2019, INDEX Dubai 2019, MIFF 2019, EFE 2019, Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair 2019, ARCHIDEX 2019, MF3 2019, dan RIX 2019	Tujuh (7) reka bentuk dikomersilkan Berjaya menjana hasil jualan dan rundingan bernilai RM800,000

TARIKH	PROGRAM
Februari – Disember	Pengkomersilan dan Pengukuhan Label TANGGAM

Prestasi Kewangan 2019

ITEM	RM
Peruntukan RP Semasa	4,500,000
Perbelanjaan (Tidak termasuk komitmen berjumlah RM587,883 bagi bayaran MIFF, EFE dan Melaka Wood Life style pada awal 2020)	3,912,117
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan	87%

Rumusan

Selaras dengan sasaran yang telah digariskan di dalam Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) untuk mentransformasikan industri perkayuan negara ke arah penghasilan produk perkayuan bernilai tambah menjelang tahun 2020, projek ini akan diteruskan dengan pelbagai program serta aktiviti yang akan dijalankan bagi tahun akan datang. Program dan aktiviti yang bakal dijalankan semasa tempoh Rancangan Malaysia ke-11 ini akan dapat membantu untuk membangunkan serta meningkatkan keupayaan usahawan produk perkayuan bernilai tambah tinggi Malaysia untuk bersaing di pasaran global.

	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019	<i>OUTCOME</i>
	Pengeluar, <i>retailer</i> , <i>distributor</i> dan pereka	Lima (5) kerjasama Industri	Mempromosikan jenama dan produk yang dihasilkan kumpulan pereka TANGGAM. Anugerah dan pengiktirafan: 1. <i>Elite Design Award 2019, Switzerland-Winner (1st place)</i> 2. <i>Bamboo Gift Design Competition, Malaysia-Winner (2nd Place)</i> 3. <i>Best Creative Booth Award, IGEM 2019, -1ST Runner up</i> 4. <i>Furniture Excellence Award, MIFF 2019 – Platinum Award (Office Category-Laborra)</i> 5. <i>Furniture Excellence Award, MIFF 2019 – Gold Award (Office Category-Habitue)</i>

GAMBAR AKTIVITI
PEMBANGUNAN USAHAWAN PRODUK PERKAYUAN BERNILAI TAMBAH TINGGI



Kunjungan YB Menteri Industri Utama di *booth* MTIB sempena Pameran Malaysian Furniture Fair (MIFF) pada 8 – 11 Mac 2019



Lawatan YB Menteri Industri Utama di *booth* sempena Pameran ARCHIDEX pada 3 – 6 Julai 2019



Majlis Perasmian Kelantan Wood & Lifestyle Fair oleh YBrs. Ketua Pengarah MTIB
pada 24 – 29 September 2019



Kedah Wood & Lifestyle Fair, Star Parade
17 – 27 Julai 2019



Kunjungan YB Menteri Industri Utama dan YAB Menteri Besar Perak
di booth MTIB sempena World Bamboo Day
12 – 13 Oktober 2019



*International Furniture Fair (IFFT), Tokyo
20 – 22 November 2019*



*Penyertaan Index Mumbai,
Bombay Exhibition Center, Mumbai
1 – 4 Mei 2019*



*Penyertaan Index Dubai,
Dubai World Trade Centre
17 - 19 September 2019*

PROJEK 5: PROJEK PENINGKATAN KAPASITI PENGELUARAN DI KILANG KERJA KAYU SME BUMIPUTERA

Latar Belakang

Seiring dengan perkembangan pesat industri perkayuan dunia khususnya perabot, MTIB sebagai agensi perkayuan terunggul sedang menggerakkan industri ini selari dengan Dasar Industri Perkayuan Negara (NATIP) dalam meningkatkan eksport industri perkayuan negara ke sasaran RM25 billion menjelang tahun 2020.

Pelbagai usaha terus dan sedang dipergiatkan oleh MTIB bagi memperkemaskan dan mempertingkatkan daya saing industri perkayuan yang mana turut melibatkan usahawan Bumiputera dengan memberi penekanan khusus kepada Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang merupakan salah satu intipati Bajet 2018 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 27 Oktober 2017.

Penglibatan usahawan Bumiputera dalam mempertingkatkan nilai jualan eksport adalah masih rendah berbanding jumlah keseluruhan nilai eksport perabot negara. Hal ini diperlihatkan melalui jumlah nilai jualan eksport perabot Bumiputera pada 2018 adalah sebanyak RM1.14 juta yang mana telah menunjukkan peratusan penurunan berjumlah 82.8% berbanding eksport perabot Bumiputera pada tahun 2017 dengan nilai RM6.63 juta.

Objektif Projek

- i. Meningkatkan keupayaan kapasiti pengeluaran secara pengaplikasian teknologi bersesuaian melalui penggunaan mesin berautomasi dalam proses pengeluaran.
- ii. Memberi kemudahan pinjaman tanpa faedah bagi perolehan bahan mentah kepada SME Bumiputera yang menghadapi kesukaran mendapatkan pembiayaan dari institusi kewangan/bank.

Skop Projek

- i. **Perolehan Mesin** – perolehan 75 unit mesin berteknologi tinggi seperti mesin *CNC 5 Axis*, *CNC 3 Axis*, *CNC Boring*, *Panel Saw Optimizer* dan *Automatic Edge Bander* bagi peningkatan kapasiti yang dirancang, meminjamkan mesin-mesin yang diperolehi kepada 25 SME Bumiputera, dan pemantauan dan bimbingan kepada peminjam mesin bagi memastikan mesin-mesin tersebut beroperasi secara optimum.
- ii. **Sokongan Bahan Mentah** – menyediakan pembiayaan dana pusingan untuk kegunaan perolehan bahan mentah, SME Bumiputera hendaklah membuat bayaran balik pinjaman ini dalam tempoh enam (6) bulan selepas pengeluaran pinjaman.
- iii. **Latihan dan bimbingan** – melaksanakan modul latihan penggunaan mesin yang dirancang, melaksanakan modul bimbingan peningkatan perniagaan penerima mesin supaya dapat membantu meningkat jualan dan seterusnya pengeluaran produk.

Sasaran Output

- i. 25 usahawan mengaplikasikan mesin berteknologi.
- ii. 100 usahawan mencapai tahap kompetitif tinggi (SCORE 3-star ke atas).
- iii. 25 usahawan menggunakan kemudahan pinjaman mudah bahan mentah.

Sasaran Outcome

- i. Produk usahawan Bumiputera berkeupayaan menembusi pasaran terbuka dan eksport.
- ii. Produktiviti pengeluaran kilang usahawan Bumiputera meningkat.
- iii. Nilai kontrak kerja/jualan usahawan meningkat.

Sepanjang tempoh 2019, MTIB telah membuat perolehan mesin untuk diberipinjam kepada usahawan Bumiputera yang terpilih bagi meningkatkan keupayaan kapasiti pengeluaran kilang-kilang usahawan. Jumlah penerima mesin adalah seramai tujuh (7) syarikat dengan bilangan mesin yang diberi pinjam adalah sebanyak tujuh (7) unit. Senarai penerima bantuan pinjaman mesin berserta jenis mesin yang diterima bagi tahun 2019 adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Senarai Penerima Mesin dan Jenis Mesin yang Diterima bagi Tahun 2019

BIL.	NAMA SYARIKAT	JENIS MESIN
1.	HLM Wood Products Sdn Bhd KM65, Jalan Kuantan-Belimbing, Sri Jaya, 26500 Kuantan, Pahang	<i>Fully Automated Finger Joint Heavy Duty</i>
2.	Primbumi Sdn Bhd Unit 10, Lot 25, IZ13, Taman Industri Perabot, Kota Kinabalu Industrial Park, 88450 Kota Kinabalu, Sabah	<i>Fully Automated Finger Joint</i>
3.	Syarikat Perniagaan Perabot Nuri Sdn Bhd KM 17, Jalan Tuaran, Kampung Tebobon, 88450 Kota Kinabalu, Sabah	<i>CNC Router</i>
4.	Nik Lah Sdn Bhd 1066 Batu, Jalan Sabak, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bahru, Kelantan	<i>Panel Saw Optimizer</i>
5.	Prisma Tegas Sdn Bhd Lot 509, KM8, Jalan Bukit Bayau, Bukit Katil, Melaka Tengah, 75450 Melaka	<i>Multi Boring</i>
6.	MYR Construction Sdn Bhd Lot 1808, Kampung Wakaf Delima, Wakaf Bharu, 16250 Tumpat, Kelantan	<i>Panel Saw Optimizer</i>
7.	Bidin Bin Jasir Sdn Bhd Batu 2, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis	<i>Wide Belt Sander</i>
JUMLAH MESIN		7 Unit

Di samping itu juga penekanan turut diberikan kepada latihan dan bimbingan bagi memperkemarkan dan mempertingkatkan daya saing usahawan Bumiputera di dalam industri perkayuan negara. Sebanyak tiga (3) aktiviti latihan dan bimbingan serta lawatan teknikal telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 42 orang dari 30 syarikat penerima mesin di bawah Program Peningkatan Kapasiti Pengeluaran di Kilang Kerja Kayu SME Bumiputera.

Setelah pemberian mesin di lakukan sejak tahun 2014 hingga 2019. Pihak PEB juga melakukan pemantauan dan penilaian pengeluaran di kilang penerima mesin seluruh negara. Sebanyak 13 lawatan telah dilakukan merangkumi 11 aktiviti pemantauan teknikal dan dua (2) aktiviti pentauliahan mesin. Rumusan di atas adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7: Aktiviti / Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

TARIKH	PROGRAM	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN OUTPUT SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME
Sepanjang tahun	i. Perolehan Mesin	SME Bumiputera	7 Perolehan Mesin Kerja Kayu	i. Produk usahawan Bumiputera berkeupayaan menembusi pasaran terbuka dan eksport
	ii. Latihan/ Bimbingan/ Lawatan	SME Bumiputera	3 Sesi	
	iii. Pemantauan Teknikal dan Pengtauliahahan Mesin	SME Bumiputera	13 Sesi	ii. Produktiviti pengeluaran kilang usahawan Bumiputera meningkat

Prestasi Kewangan 2019

ITEM	RM
Peruntukan RP Semasa	2,500,000
Perbelanjaan (Tidak termasuk komitmen berjumlah RM1,331,000 bagi perolehan tender yang dalam proses kelulusan)	1,169,000
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan	47%

Rumusan

Dalam meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera dalam teknologi pengeluaran, aspek teknologi pengeluaran dan bantuan bahan mentah tidak boleh diabaikan bagi memastikan usahawan Bumiputera dapat bersaing secara kompetitif dengan usahawan bukan Bumiputera. Melalui bantuan ini adalah diharapkan usahawan Bumiputera dapat meningkatkan produktiviti syarikat agar dapat menembusi pasaran terbuka seterusnya berkembang ke pasaran eksport. Hal ini adalah bertepatan dengan usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing dan maju seterusnya meningkatkan nilai eksport negara terutama bagi nilai eksport Bumiputera.

**GAMBAR AKTIVITI
PROJEK PENINGKATAN KAPASITI PENGELUARAN DI KILANG KERJA KAYU SME
BUMIPUTERA**



Kursus Lanjutan Pengoperasian Mesin CNC 3 Axis di Syarikat Aban-D Industries Sdn Bhd, Kota Kinabalu, Sabah
19 - 22 Februari 2019



Pemantauan Teknikal Johor di Kilang PSB Decoration Sdn Bhd, Nusajaya, Johor Bahru, Johor
2 Mei 2019



Pemantauan Teknikal Selangor di Kilang KWM Craft, Dengkil, Selangor
10 Mei 2019



Pemantauan Teknikal Selangor di Kilang Kayu Kayangan (Neukraft), Shah Alam, Selangor
27 Mei 2019



Pemantauan Teknikal Timbalan Pengarah bagi Pemohon Baru Mesin Kerja Kayu Kilang Prisma Tegas Sdn Bhd Bukit Katil, Melaka
12 Jun 2019



Pemantauan Teknikal Pahang di Kilang HLM Wood Product Sdn Bhd, Bandar Tenggara, Kuantan, Pahang
18 Jun 2019



Pemantauan Teknikal Terengganu di Kilang Alwy Development Sdn Bhd, Kuala Terengganu, Terengganu
19 Jun 2019



Pemantauan Teknikal Pengarah dan Timbalan Pengarah ke Kilang Paharuddin Industries Sdn Bhd, Langkap, Perak
25 Jun 2019



Pemantauan Teknikal Negeri Sembilan di Kilang Homestead Wood Industries (M) Sdn Bhd, Tampin, Negeri Sembilan
20 Sept 2019



Pemantauan Teknikal Pengarah dan Timbalan Pengarah ke Kilang Hashim Bakar Sdn Bhd, Kepala Batas, Pulau Pinang
26 Jun 2019



Hari Terbuka Pembekal Mesin di SCM Group Asia Sdn Bhd, Bangi, Selangor
27 September 2019



Pemantauan Teknikal Kedah di Kilang Perniagaan Khazali Sdn Bhd, Yan, Kedah
10 Oktober 2019

PROJEK 6: PENINGKATAN PENGGUNAAN BAHAN MENTAH ALTERNATIF KAYU DALAM PENGHASILAN PRODUK KAYU DAN BIOKOMPOSIT YANG BERNILAI TINGGI

Latar Belakang

Malaysia mempunyai sejumlah besar sumber gentian semula jadi/biomas dari sektor pertanian yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Gentian ini terdiri daripada sekam padi, batang kelapa, biomas kelapa sawit dalam bentuk batang kelapa sawit (OPT), daun pelepah kelapa sawit (OPF) dan tandan buah kosong (EFB). Setiap tahun sumber hutan semula jadi semakin berkurangan disebabkan permintaan yang tinggi terutamanya daripada industri perkayuan. Bagi menampung permintaan ini, sumber bahan gentian semulajadi ini sebenarnya boleh dijadikan sebagai sumber alternatif kepada kayu sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap hutan semulajadi.

Malaysia sebenarnya memiliki potensi besar di dalam industri biokomposit. Kemajuan teknologi dan inovasi di dalam bidang pembangunan produk biokomposit mampu menawarkan peluang kepada negara untuk menjana ekonomi disamping mengatasi masalah kekurangan bahan mentah kayu. Perkara ini selari dengan Dasar Perindustrian Kayu Malaysia (NATIP): Teras 2 iaitu penekanan berkaitan penerokaan dan penjanaaan sumber bahan mentah secara mapan dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber berasaskan kayu bagi penghasilan produk. Dasar ini juga memberi penekanan terhadap aspek teknologi dan inovasi sebagai pemangkin kepada pembangunan dan kemampanan industri.

Dalam usaha untuk membangunkan produk biokomposit bernilai tinggi dari sumber gentian semulajadi, perkara yang perlu diutamakan adalah peningkatan kualiti produk dan penambahan dalam rantai nilai produk biokomposit agar ia berdaya saing di dalam pasaran. Peningkatan kualiti produk biokomposit akan membentuk satu kelas baru bagi bahan tersebut yang mempunyai potensi di masa akan datang sebagai produk alternatif khusus untuk aplikasi struktur yang boleh menggantikan produk berasaskan kayu. Perkara tersebut dapat direalisasikan melalui pelbagai kajian dan program pengalakkan penghasilan produk daripada bahan mentah alternatif bermula dari peringkat pemprosesan bahan mentah sehinggalah kepada peringkat produk akhir.

Objektif Projek

- i. Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan secara integrasi dengan institut penyelidikan dan universiti berdasarkan keperluan industri bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan, kualiti serta penghasilan produk-produk baru di dalam industri gentian dan biokomposit.
- ii. Membangunkan model atau *pilot plant* dari hasil penyelidikan dan pembangunan produk yang telah berjaya diperingkat makmal untuk dijadikan rujukan dan kegunaan kepada pihak industri agar dapat dilaksanakan ke peringkat pengkomersilan di kilang.

Skop Projek

- i. Pembangunan makmal dan pengujian berakreditasi.
- ii. Pembangunan sistem pemprosesan dan *grading* bagi venir dan papan lapis batang kelapa sawit yang berefisien tinggi.
- iii. Pembangunan teknologi baru untuk penghasilan produk *Advance Green Biocomposite*.
- iv. Pemberian insentif persijilan *Eco-labelling* produk kayu dan biokomposit.
- v. Bantuan bahan mentah alternatif kayu dalam penghasilan produk kayu dan biokomposit untuk sektor perabot dan pembinaan.
- vi. Kajian peningkatan kualiti, kapasiti pengeluaran dan *recovery rate* bagi produk kayu dan biokomposit.
- vii. Pembangunan kompetensi dan modal insan industri biokomposit.

Sasaran Output

- i. Satu (1) pusat pengujian setempat (sekurang-kurangnya 50 perkhidmatan pengujian setahun).
- ii. Empat (4) Produk venir dan papan lapis batang kelapa sawit (OPT) dihasilkan.
- iii. Tiga (3) produk *Advance Green Composite* (GC) dihasilkan.
- iv. 25 produk kayu dan biokomposit mendapat persijilan *eco-labelling*.
- v. 20 industri tempatan mendapatkan bantuan bahan mentah dan teknikal bagi meningkatkan penggunaan bahan mentah alternatif.
- vi. 10 produk kayu dan biokomposit sedia ada memenuhi piawaian.
- vii. Tiga (3) bahan mentah alternatif kayu dikenal pasti.

Sasaran Outcome

- i. Produk kayu dan biokomposit yang berkualiti diterima pasaran tempatan dan eksport.
- ii. Peningkatan penerimaan produk venir dan papan lapis batang kelapa sawit di pasaran antarabangsa.
- iii. Pertumbuhan baru bagi produk *Green Composite* baru bernilai tinggi.
- iv. Peningkatan nilai eksport bagi industri kayu-kayan Malaysia.
- v. Peningkatan penggunaan bahan mentah alternatif kayu dalam industri kayu-kayan.
- vi. Peningkatan kapasiti pengeluaran industri kayu dan biokomposit.

Jadual 8: Aktiviti / Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

TARIKH	PROGRAM	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN OUTPUT SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME
Skop Projek 1 - Pembangunan Pengujian Berakreditasi				
Sepanjang tahun	Pembangunan makmal dan pengujian berakreditasi 2016-2020	Industri biokomposit dan gentian, Universiti dan Institut Penyelidikan, industri perkayuan	82 Perkhidmatan Pengujian (1 <i>Internal Audit</i> pada April 2019, 1 <i>External Audit</i>, 1 <i>Management Review</i>, 4 <i>Technical Training</i>, dan 2 <i>Signatory</i> dilantik oleh Standard Malaysia - Perolehan peralatan pengujian - Latihan Kompetensi Analisis dan Pengujian Kimia di <i>Biocomposite Centre Bangor, UK</i> - Latihan untuk transisi ISO/IEC 17205:2017	Penyediaan dokumen untuk transisi ISO/IEC 17025:2017. Persediaan tambahan skop akreditasi bagi pengujian mekanikal dan formaldehid untuk diaudit selepas memperolehi transisi ISO.
Skop Projek 2 - Pembangunan Sistem Pemprosesan dan Grading bagi Venir dan Papan Lapis Batang Kelapa Sawit yang Berefisien Tinggi				
Sepanjang tahun	Pembangunan sistem pemprosesan dan <i>grading</i> bagi venir dan papan lapis batang kelapa sawit yang berefisien tinggi	Industri biokomposit dan gentian, Universiti dan Institut Penyelidikan, industri perkayuan	Menghasilkan papan lapis yang berkualiti tinggi daripada 100% batang kelapa sawit (OPT) untuk kajian pembuatan perabot.	Tiga (3) sampel perabot (prototaip) daripada papan lapis batang kelapa sawit (OPT) telah dihasilkan oleh pereka TANGGAM
Skop Projek 3 - Pembangunan Teknologi Baharu Untuk Penghasilan Produk <i>Green Biocomposite</i>				
Sepanjang tahun	Pembangunan teknologi baharu bagi penghasilan produk <i>Advance Green Composite</i> bagi aplikasi automotif dan aeroangkasa	Industri biokomposit dan gentian, Universiti dan Institut Penyelidikan, industri perkayuan	Kemudahan mesin pemprosesan Non- woven telah lengkap dipasang di FIDEC 3 dan telahpun digunakan bagi percubaan penghasilan <i>felt</i> menggunakan kenaf.	Kajian penghasilan <i>Nonwoven Composite</i> akan dijalankan di FIDEC menggunakan bahan mentah semula jadi tempatan yang berpotensi tinggi iaitu kenaf dan EFB bagi penghasilan produk bernilai tambah tinggi dalam sektor aeroangkasa dan automotif khususnya
Skop Projek 4 - Pemberian Insentif Pensijilan <i>Eco-Labeling</i> Produk Kayu Dan Biokomposit				
Sepanjang tahun	Pemberian Insentif Pensijilan <i>Eco-Labeling</i> Produk Kayu Dan Biokomposit	Industri biokomposit dan gentian, Universiti dan Institut Penyelidikan, industri perkayuan	Satu syarikat pengeluar papan lapis OPT dalam pelaksanaan kajian <i>carbon footprint</i> dan dijangka pensijilan <i>carbon footprint</i> akan diperolehi dalam tahun 2020.	Produk yang mempunyai pensijilan <i>eco-labeling</i> dapat menembusi pasaran antarabangsa dengan harga yang lebih kompetitif
Skop Projek 5 - Bantuan Bahan Mentah Alternatif Kayu Dalam Penghasilan Produk Kayu Dan Biokomposit				
Sepanjang tahun	Program penggalakkan penggunaan dan insentif bahan mentah untuk industri perabot dan pembinaan	Industri biokomposit dan gentian, Universiti dan Institut Penyelidikan, industri perkayuan	Projek pembangunan sampel perabot daripada WPC, papan serpi kenaf, batang kelapa sawit dan buluh.	Peningkatan penggunaan produk biokomposit oleh industri perabot tempatan.

TARIKH	PROGRAM	KUMPULAN SASAR	PENCAPAIAN OUTPUT SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME
Skop Projek 6 - Kajian Peningkatan Kualiti, Kapasiti Pengeluaran Dan Recovery Rate Bagi Produk Kayu Dan Biokomposit				
Sepanjang tahun	Kajian peningkatan kualiti, kapasiti pengeluaran dan recovery rate bagi produk kayu dan biokomposit	Industri biokomposit dan gentian, Universiti dan Institut Penyelidikan, industri perkayuan	- Membangunkan <i>prototype</i> parking kereta berbumbung menggunakan bahan <i>Metal-reinforced WPC</i>. - Penghasilan WPC dari OPT dan fibre lain. <i>Development of Cross Laminated Bamboo from G. Scortechinii</i> - Pembangunan Produk Berasaskan Buluh Tempatan	Peningkatan kualiti serta penggunaan bahan mentah alternatif kayu dan produk biokomposit dalam industri perkayuan
Skop Projek 7 - Pembangunan Kompetensi dan Modal Insan Industri Biokomposit				
Sepanjang tahun	Pembangunan kompetensi dan modal insan industri biokomposit	Industri biokomposit dan gentian, industri perkayuan	- Penyertaan persidangan/ <i>workshop</i> berkaitan Industri Hiliran Berasaskan Buluh di India - Program lawatan teknologi baharu untuk pemprosesan OPT ke Jepun (<i>Palmholz</i>) - Misi ke <i>Ligna Wood Working Machine Fair</i> dan lawatan teknikal ke industri pembuat mesin dan <i>tooling</i> untuk <i>Palmwood</i> - Penganjuran bersama <i>Wood and Biofibre International Conference 2019</i>	Pembangunan kompetensi dan modal insan industri biokomposit dan gentian.


Prestasi Kewangan 2019

ITEM	RM
Peruntukan RP Semasa	2,500,000
Perbelanjaan (Tidak termasuk komitmen berjumlah RM2,500,000 bagi tender peralatan FIDEC dalam proses kelulusan)	0.00
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan	0%

Rumusan

Industri biokomposit akan terus dibangunkan dibawah Rancangan Malaysia untuk memberi fokus kepada aktiviti seperti pengalakan penggunaan produk biokomposit untuk industri perabot dan pembinaan, perolehan pensijilan *eco-labelling* dan peningkatan produktiviti pengeluaran dan kualiti produk syarikat. MTIB juga dapat meningkatkan kapasiti modal insan serta kemudahan peralatan pengujian dibawah skop akreditasi makmal pengujian. Ini seterusnya meningkatkan kewajaran dan kepentingan FIDEC sebagai pemangkin kemajuan industri biokomposit negara.

GAMBAR AKTIVITI
PENINGKATAN PENGGUNAAN BAHAN MENTAH ALTERNATIF KAYU DALAM
PENGHASILAN PRODUK KAYU DAN BIOKOMPOSIT YANG BERNILAI TINGGI



Audit Surveillance oleh Jabatan Standard Malaysia
 untuk Akreditasi ISO/IEC 17025



Latihan Pengujian Kimia Di Biocomposite Centre,
 Bangor University, Wales, United Kingdom
 19 – 30 Ogos 2019





Lawatan YBrs. Ketua Pengarah MTIB ke Projek Kajian *Metal-Reinforce Wood Plastic Composite (WPC)*, Parking Kereta Berbumbung Menggunakan Produk Biokomposit *Metal-Reinforced WPC*



Projek Kajian *Metal-Reinforced Wood Plastic Composite (WPC)*, Taman Rekreasi, Singapura



Projek Kajian *Metal-Reinforced Wood Plastic Composite (WPC)*, Hotel Pullman Putrajaya



Lawatan *Technology Acquisition for Wood and Biocomposite* ke Jerman bersama Industri Tempatan
26 Mei – 5 Jun 2019



Perbincangan Kerjasama Dua Hala dan Gambar Prototaip Perabot diperbuat daripada Batang Kelapa Sawit di Ruang Pameran *University Technische Hochschule Ostwestfalen – Lippe*



Jambatan di Taman Hotel Gero, Jepun Berasaskan Papan Lapis OPT, Lawatan Teknikal Teknologi Pemprosesan Papan Lapis OPT ke Jepun 21 – 28 Julai 2019



Panel Papan Lapis OPT dengan Sugi Venir sebagai Bahan Binaan yang diaplikasikan dalam Projek Pembinaan Hotel di Jepun, Lawatan Teknikal Teknologi Pemprosesan Papan Lapis OPT ke Jepun 21 – 28 Julai 2019





Sesi Penerangan Produk Biokomposit bersama Menteri di Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah, YB Datuk Peter Anthony Wood and *Biofibre International Conference* 2019 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu Sabah
3 – 5 Disember 2019



Sesi Pembentangan Kertas Kerja Penyelidikan oleh Dr. Loh Yueh Feng Semasa *Wood and Biofibre International Conference* 2019 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu Sabah
3 – 5 Disember 2019

PROJEK 7: PEMBANGUNAN STANDARDS DAN PRODUK KEJURUTERAAN KAYU

Latar Belakang

Projek ini bertujuan menggalakkan penggunaan kayu dalam industri pembinaan di Malaysia termasuk penggunaan produk kejuruteraan kayu melalui kajian dan penyediaan polisi berkaitan penggunaan kayu yang akan dirangka melibatkan projek-projek kerajaan. Projek ini juga turut memperkenalkan produk kejuruteraan kayu yang baharu iaitu “*Cross Laminated Timber*” (CLT) dengan penyediaan data teknikal yang bersesuaian yang boleh digunakan sebagai rujukan industri tempatan.

Di samping itu juga, projek ini turut melibatkan pembangunan dan penguatkuasaan standard, manual dan dokumen teknikal dalam mempromosikan penggunaan produk kayu yang berkualiti. Projek juga turut melibatkan pemindahan teknologi dalam mempertingkatkan kemahiran pegawai dan industri tempatan berkenaan teknologi perkayuan semasa sedia ada.

Objektif Projek

- i. Mendapatkan data penggunaan kayu berbanding bahan binaan yang lain melalui Kajian Penggunaan Kayu dalam Industri Pembinaan yang dijalankan.
- ii. Peningkatan kemahiran pegawai dan industri tempatan melalui aktiviti “*Technology Transfer*” seperti program lawatan dan latihan sangkut, seminar, bengkel dan sebagainya.
- iii. Membangunkan standard berkaitan kayu, produk kayu, struktur kayu serta buluh dan rotan.
- iv. Membangunkan data teknikal produk kejuruteraan kayu yang baharu iaitu “*Cross Laminated Timber*” (CLT) bagi kayu keras tropika bagi rujukan industri.

Skop Projek

- i. Kajian penggunaan kayu dalam industri pembinaan di Malaysia.
- ii. “*Technology Transfer*”.
- iii. Pembangunan dan Penguatkuasaan Standards, Penghasilan Manual Dan Dokumen Teknikal.
- iv. Pengujian kayu untuk pembangunan data produk “*Cross Laminated Timber*” (CLT).

Sasaran Output

- i. Penghasilan data penggunaan kayu dalam industri pembinaan di Malaysia.
- ii. Program latihan teknikal / seminar / lawatan teknikal / promosi teknikal bagi peningkatan kepada warga kerja, industri perkayuan & *specifiers* berkaitan (aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti “*technology transfer*”).
- iii. Penghasilan standard, manual teknikal dan penguatkuasaan standard yang berkaitan kayu, produk kayu, struktur kayu serta buluh dan rotan.
- iv. Penghasilan data kesesuaian dalam penghasilan produk “*Cross Laminated Timber*” (CLT) yang menggunakan kayu keras tropika.

Sasaran Outcome

- i. Peningkatan penggunaan kayu dalam industri pembinaan dengan penggunaan produk kayu.
- ii. Jaminan kualiti produk kayu melalui standard dan manual teknikal yang dibangunkan dan dikuatkuasakan.

Jadual 9: Aktiviti / Program Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2019

TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
Skop Projek 1: Kajian Penggunaan Kayu Dalam Industri Pembinaan		
11 September	Bengkel Pembangunan Polisi Penggunaan Kayu dalam Industri Binaan telah diadakan di Bangi Hotel Resort.	<i>Stakeholders</i> yang terlibat semasa Kajian Penggunaan Kayu dalam Industri Pembinaan
Skop Projek 2: Technology Transfer		
1 – 6 Julai	Latihan <i>Visual Strength Grading</i> (VSG) Kayu Mengikut Standard Eropah di Jerman	• Industri berasaskan kayu • <i>Specifiers</i> dan <i>stakeholders</i>. • Jabatan Standards, UiTM, Kastam Eksais Diraja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
8 Ogos	<i>Talk on The Potential of Glued Laminated Timber from Malaysian tropical Hardwood as Railway Sleepers</i>	• Industri berasaskan kayu • <i>Specifiers</i> dan <i>stakeholders</i>
Ogos – Disember	<i>Mapping Facilities related to Timber Structure</i>	• Pusat Pengujian dan penyelidikan • Institut Pengajian Tinggi Kerajaan/ Swasta
19 – 23 Ogos	<i>6th Timber Symposium of Timber Construction di Korea Selatan</i>	• Industri berasaskan kayu • MTIB

PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019		<i>OUTCOME</i>
	Bilangan panel yang hadir adalah sebanyak 25 orang yang terdiri daripada:- - Wakil Kementerian Industri Utama - Wakil CIDB - Wakil IBS - Wakil Persatuan - Institut Pengajian Tinggi Data-data daripada kajian penggunaan kayu digunakan sebagai sokongan kepada polisi termasuk cadangan penggunaan 10% kayu struktur dalam pembinaan telah mendapat sokongan <i>stakeholders, specifiers</i>, industri serta agensi berkaitan. Kajian menunjukkan anggaran 20% kayu digunakan dalam aplikasi pembinaan tempatan.	Menggalakkan penggunaan 30% ke atas projek-projek pembinaan kerajaan termasuk struktur berkonsepkan IBS. Draf cadangan polisi akan diangkat kepada MPI untuk edaran serta pertimbangan MJM
	- Satu kursus dijalankan di Stuttgart, Germany dengan kerjasama <i>University Of Stuttgart, Germany</i> dengan empat (4) penyertaan dari Malaysia. - Kursus ini tertumpu kepada perbandingan antara kaedah pemeringkatan dalam <i>Strength Grading of Timber according to European dan Malaysian Standards (MS 1714: Visual Stength Grading for Tropical Hardwoods)</i>. - Maklumat untuk semakan semula MS1714 - Pemahaman dan peningkatan kepakaran dalam pemeringkatan kayu <i>temperate</i> kepada para pegawai MTIB.	- Peningkatan penggunaan produk kayu untuk pembinaan yang bernilai tambah tinggi termasuk produk kejuruteraan kayu yang mematuhi standards dan spesifikasi yang diperlukan oleh pasaran. - Penambahan input dalam Seksyen H JKR (<i>Timber, joinery and ironmongery works</i>) khususnya melibatkan gred kayu dan spesifikasi teknikal bagi mengoptimum dan menggalakkan penggunaan kayu keras tropika dalam projek pembinaan JKR
	Seramai 60 peserta telah menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di UiTM Shah Alam terdiri daripada industri perikanan, KTMB serta agensi kerajaan lain yang berkaitan	Mengembangkan potensi aplikasi produk kejuruteraan kayu glulam sebagai landasan keretapi selain daripada struktur pembinaan. Peningkatan penggunaan kayu sebagai landasan keretapi oleh projek KTMB, ERL dan lain-lain
	- Lawatan Teknikal ke UMP, Kilang Papan dan Taman Industri Perabot(TIP) di Lanchang, Kuantan Pahang pada 27-28 Ogos 2019 - Lawatan Teknikal ke PUSPEK, Nilai pada 3 September 2019 - Lawatan Teknikal ke <i>School of Engineering & School of Technology</i>, USM pada 1 Oktober 2019 - Fakulti Kejuruteraan Awam, UTM pada 18 November 2019	- Bertujuan mendapatkan maklumat mengenai fasiliti pengujian sedia ada di pusat penyelidikan/IPTA berkaitan dengan penyelidikan serta pengujian ke atas produk kayu - Hasil dari ini, akan menentukan halatuju polisi penggunaan kayu dalam pembinaan, menggalakkan perluasan penggunaan kayu dalam penyelidikan serta mengenalpasti pusat pengujian bersesuaian untuk produk perikanan termasuk pengujian ketahanan terhadap api dalam mematuhi keperluan <i>Uniform Building By-Laws (UBBL 1984)</i>.
	Tiga (3) penyertaan dari Malaysia	Melalui simposium ini maklumat bagi perbandingan penggunaan kayu dalam industri pembinaan diperolehi, antaranya - Implimentasi penggunaan kayu dalam pembinaan, - Input mengenai mekanisme ketahanan api terhadap kayu struktur, - Maklumat mengenai penguatkuasaan ke atas <i>formaldehyde</i> dalam industri papan lapis di Korea, di mana menguatkuasakan tahap pembebasan E2 ke atas produk papan lapis, dan - Mendapatkan informasi terkini mengenai hala tuju produk kayu di peringkat antarabangsa terutama yang berkaitan dengan produk kayu untuk pembinaan.

TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
Skop Projek 3: Pembangunan Dan Penguatkuasaan Standards, Penghasilan Manual Dan Dokumen Teknikal		
Januari - Disember	Penyediaan dokumentasi " <i>European Assessment Document (EAD) and EN 384: Structural timber. Determination of characteristic values of mechanical properties and density for 9 tropical wood species for CE Marking of Solid Timber</i> " (Balau, Kempas, Kelat, Resak, Keruing, Light Red Meranti, Geronggang, Kapur, Mengkulang)	Pengeluar dan pengimport produk struktur
Januari-Disember	Pembangunan Peraturan Teknikal Bagi Peroduk Berasaskan Panel (<i>Plywood, Fibreboard dan Particleboard</i>). Cadangan ini dilaksanakan selaras dengan kawalan ke atas kemasukan papan lapis dari Vietnam berikutan dari "<i>trade war</i>" di antara USA dan China serta tindakan pengenaan duti anti-lambakan dan duti timbal balas ke atas produk papan lapis China ke USA.	Pengeluar dan Pengimport produk berasaskan panel
12 April – 30 Mei	Memuatnaik dokumen " <i>Technical Regulation</i> " berkaitan Pembebasan Gas Formaldehid di dalam laman web UPC tersebut bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak industri dan stakeholders	Industri berasaskan panel, (papan lapis, papan serpai dan <i>fibreboard</i> . Institut pengajian tinggi dan institusi penyelidikan Industri perabot dan <i>specifiers</i>
Ogos – Disember	Penjanaan Data Sifat Buluh dan Limatasi sebagai asas untuk Pembangunan Standard Berlamina (<i>Laminated Bamboo</i>)	Industri buluh
Ogos – Disember	Penjanaan Data Kekuatan Penarikan Skru Piawaian Berbanding Skru Am dalam Pembangunan Standard Panel berasaskan Kayu Malaysia (<i>Malaysian Wood-based Panel</i>)	Industri kayu berasaskan panel

	PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019	<i>OUTCOME</i>
	MoA telah ditandatangani pada awal November 2019 Pelaksanaan aktiviti ini adalah selama 7 bulan iaitu (Nov 2019 – Jun 2020)	Peluasan pasaran sedia ada ke atas kayu <i>solid</i> tempatan di peringkat antarabangsa terutama di Eropah. Laporan data bagi pembangunan <i>Malaysian Standards</i> serta Annex kepada ISO/EN
	1. Persediaan dalaman melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Peraturan Teknikal telah bersidang sebanyak lima (5) kali 2. Bengkel penyediaan draf peraturan teknikal diadakan pada 25 Jun 2019 3. Bengkel penyediaan Analisis Impak Peraturan (RIA) diadakan pada 19-21 Mac 2019. RIA telah dikemukakan kepada Perbadanan Productiviti Malaysia (MPC) untuk penilaian pada 10 April 2019. 4. Penyediaan Penyata Impak Peraturan (RIS) dan telah dimajukan kepada MPC untuk penilaian 5. Konsultasi bersama stakeholders telah diadakan secara online dan offline. Secara online melalui hebahan email dan portal upc.mpc.gov.my (12/4/2019 – 15/8/2019). 6. Konsultasi bersama industri pada 29 Julai 2019 dihadiri 97 peserta terdiri daripada wakil MPMA, MWIA, PEKA, MWMJC, MMMA, TEAM, FRIM, MPI pengeluar produk panels, perekat, pengeluar produk perkayuan, agensi kerajaan, MPC, MATRADE, Standards Malaysia serta akademik/ IPTA/ IPTS Draf peraturan teknikal telah disediakan dalam dua (2) bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Draf ini telah dikemukakan kepada notifikasi WTO/TBT bagi tempoh 2 bulan (20/9/2019– 19/11/2019). Semasa tempoh ini, MTIB menerima komen daripada <i>the Toy Association and the U.S. Toy Industry</i> yang meminta agar pihak MTIB dapat mempertimbangkan standard-standard daripada U.S. <i>Environmental Protection Agency (EPA) and California Air Resources Board (CARB) for formaldehyde emission limits in composite wood products</i> sebagai rujukan dalam penyediaan peraturan teknikal ini. Komen dan ulasan yang diterima telah dibincangkan bersama pihak SIRIM pada 9 Disember 2019.	Peningkatan tahap kompetitif industri perkayuan selaras dengan keperluan standard dan peraturan antarabangsa
	Menerima komen positif mengenai cadangan peraturan teknikal yang dicadangkan iaitu; Sebanyak 20 maklumbalas kajian diterima daripada 12 agensi kerajaan, empat (4) pengeluar, satu pengimport, satu peesatuan, satu kontraktor dan seorang pelajar. 100% responden bersetuju dengan cadangan peraturan teknikal dengan tahap pembebasan formaldehid kepada produk berasaskan panel mengikut E1 atau F**	Mendapat maklumbalas pelanggan dan stakeholders/industri secara telus bagi menyokong penguatkuasaan peraturan teknikal mengikut keperluan WTO/TBT
	Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dilantik secara lantikan terus berserta kos siling melalui Surat Setuju Terima bertarikh 30 Ogos 2019. Laporan awal telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (JKT) Projek pada 25 Oktober 2019 dan Jawatankuasa Pemandu (JKP) Projek meluluskan bayaran pertama pada 13 November 2019. Projek kajian buluh ini sedang dilaksanakan bagi tempoh 18 bulan.	Peningkatan penggunaan buluh dalam sektor industri perkayuan untuk kegunaan struktur dan bukan struktur. Penyediaan data bagi membantu pembangunan standards berkaitan buluh dan produk buluh
	Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah dilantik secara lantikan terus berserta kos siling melalui Surat Setuju Terima bertarikh 30 Ogos 2019. Laporan awal telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (JKT) Projek pada 25 Oktober 2019 dan Jawatankuasa Pemandu (JKP) Projek meluluskan bayaran pertama pada 13 November 2019. Projek kajian ini sedang dilaksanakan bagi tempoh 12 bulan.	Perolehan data bagi semakan MS berkaitan serta peningkatan penggunaan standards Malaysia/ antarabangsa oleh industri perkayuan Peningkatan kualiti dan aplikasi standard dalam industri perkayuan

TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
Januari – Disember	Percetakan dan Penerbitan Buku Teknikal/ Risalah	• Industri berasaskan perkayuan • Stakeholders (JKR, CIDB, KPKT) • Persatuan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta
27 – 29 Jun	Penyediaan Garis Panduan Pemeringkatan Kayu Spesies Ladang Hutan Bagi Kayu Balak Dan Kayu Gergaji	• Industri Pemeringkat kayu • Pemeriksa Kwalan Kualiti
Skop Projek 4: Pengujian Kayu Untuk Pembangunan Data Produk <i>Cross Laminated Timber</i> (CLT)		
Januari – Disember	Pemerolehan Data bagi Pembuatan Produk CLT daripada spesies Keruing dan LRM.	• Industri berasaskan perkayuan • Industri Pembinaan
Jun – Disember	Pemerolehan Data bagi Pembuatan Produk CLT daripada Batai dan Laran	• Industri berasaskan perkayuan • Industri Pembinaan
Jun – Disember	Penyediaan SOP dan Manual Pembuatan Rumah IBS	• Penyediaan SOP dan Manual • Pembinaan Rumah MTIB/ • Politeknik Shah Alam (PSA)

	PENCAPAIAN <i>OUTPUT</i> SEHINGGA DISEMBER 2019	OUTCOME												
	- Buku <i>Timber Defects</i> - Draf 90% siap dan dijangka akan dicetak pada Feb/Mac 2020 - Buku Pembebasan Gas Formaldehid daripada Papan Lapis - Draf 70% siap dan dijangka akan dicetak pada September 2020.	- Peningkatan kefahaman industri dan <i>stakeholders</i> mengenai ciri-ciri serta kecacatan kayu-kayu keras tropika yang membantu dalam penghasilan produk yang berkualiti - Peningkatan kefahaman industri perkayuan/ <i>stakeholders</i>/ pengguna mengenai <i>formaldehyde</i> serta implikasi kepada kesihatan dan keselamatan manusia.												
	i) Garis Panduan Pemeringkatan Kayu Balak Perladangan - 90 % Selesai (Gred, Cacat, Kiraan Isipadu, Jadual Gred vs Kualiti, Cacat Rupa & ilustrasi Cacat). ii) Garis Panduan Pemeringkatan Kayu Gergaji Perladangan - 70 % Selesai (Draf Garis Panduan Pemeringkatan kayu Acacia, 5 spesies Kayu Perladangan Hutan & Modul Kayu <i>Temperate Hardwood</i>). • Satu (1) bengkel Garis Panduan Pemeringkatan Kayu Gergaji Perladangan telah dijalankan pada 16-20 Disember 2019 di MTIB Wilayah Sabah yang turut melibatkan wargakerja MTIB Wilayah Sabah. Baki 30 % (Garis Panduan Pemeringkatan Kayu Balak Perladangan) dan 30 % (Garis Panduan Pemeringkatan Kayu Gergaji Perladangan) akan diteruskan sehingga tarikh akhir pada Dis 2020	Peningkatan penggunaan kayu perladangan yang menepati spesifikasi dan kualiti bagi aplikasi strutkur dan bukan struktur untuk pasaran domestik dan eksport.												
	<table><tr><th>Fasa</th><th>Status Kemajuan (%)</th></tr><tr><td>Fasa 1 Persediaan Bahan Mentah</td><td>100</td></tr><tr><td>Fasa 2 Membangunkan <i>tensile strength classes</i> untuk kayu tropika</td><td>100</td></tr><tr><td>Fasa 3 Membangunkan protokol penghasilan CLT bagi kayu tropika berdasarkan <i>Eurocode</i></td><td>100</td></tr><tr><td>Fasa 4 Pengujian prestasi produk CLT yang dihasilkan menggunakan kayu tropika berdasarkan <i>Eurocode</i></td><td>100</td></tr><tr><td>Fasa 5 Menghasilkan <i>structural glued timber products</i> daripada kayu keras Tropika bagi keperluan EOTA</td><td>70%</td></tr></table>	Fasa	Status Kemajuan (%)	Fasa 1 Persediaan Bahan Mentah	100	Fasa 2 Membangunkan <i>tensile strength classes</i> untuk kayu tropika	100	Fasa 3 Membangunkan protokol penghasilan CLT bagi kayu tropika berdasarkan <i>Eurocode</i>	100	Fasa 4 Pengujian prestasi produk CLT yang dihasilkan menggunakan kayu tropika berdasarkan <i>Eurocode</i>	100	Fasa 5 Menghasilkan <i>structural glued timber products</i> daripada kayu keras Tropika bagi keperluan EOTA	70%	- Peningkatan penggunaan produk kejuruteraan IBS CLT dalam pembinaan - Perolehan data bagi pembangunan standards kayu keras tropika berkaitan CLT - Membangunkan industri CLT di Malaysia menggunakan kayu keras tropika - Penggunaan data bagi pembinaan bangunan hibrid termasuk CLT
Fasa	Status Kemajuan (%)													
Fasa 1 Persediaan Bahan Mentah	100													
Fasa 2 Membangunkan <i>tensile strength classes</i> untuk kayu tropika	100													
Fasa 3 Membangunkan protokol penghasilan CLT bagi kayu tropika berdasarkan <i>Eurocode</i>	100													
Fasa 4 Pengujian prestasi produk CLT yang dihasilkan menggunakan kayu tropika berdasarkan <i>Eurocode</i>	100													
Fasa 5 Menghasilkan <i>structural glued timber products</i> daripada kayu keras Tropika bagi keperluan EOTA	70%													
	- Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) telah meluluskan secara dasar pihak UiTM bagi menjalankan kajian ini - Lawatan Teknikal ke Sabah bagi Perolehan Data Teknikal untuk mendapatkan data awal bagi Species Batai dan Laran (Perladangan) pada 24 – 28 Jun 2019	Perluasan pasaran dalam industri pembinaan dengan menggunakan spesies perladangan selaras dengan program perladangan hutan MTIB/MPI serta bahan mentah alternatif kepada spesies hutan												
	- Penyediaan draf awal telah disiapkan sebanyak 80% - Telah menyediakan draf spesifikasi merujuk kepada lukisan awal pembuatan rumah IBS.	Peningkatan penggunaan rumah IBS kayu yang menepati manual pembinaan.												

Prestasi Kewangan 2019

ITEM	RM
Peruntukan RP Semasa	500,000
Perbelanjaan (Tidak termasuk komitmen berjumlah RM102,092 dalam proses kelulusan perunding)	397,908
Peratus Perbelanjaan Berbanding Peruntukan	80%

Rumusan

Sehingga Disember 2019, peratusan perbelanjaan bagi projek ini ialah 80%. Terdapat peruntukan berbaki 20% dalam proses kelulusan lantikan juruperunding bagi dua kajian melibatkan aktiviti di bawah Skop: Pembangunan Standard, Penguatkuasaan Standard & Manual dan dijangka selesai sebelum akhir Januari tahun depan.

BAB 3

PERKEMBANGAN INDUSTRI KAYU-KAYAN

1. TINJAUAN EKONOMI 2019

Pada tahun 2019, ekonomi global dijangka berkembang dengan sederhana ke arah trend pertumbuhan jangka panjangnya. Pengembangan sederhana ini adalah berikutan pertumbuhan lebih perlahan dalam ekonomi maju dan negara utama dalam ekonomi sedang pesat membangun. Faktor kekuatan pasaran pekerja dalam ekonomi maju akan terus menyokong permintaan dalam negeri manakala prestasi beberapa ekonomi sedang pesat membangun tertentu, seperti Brazil dan India, yang bertambah baik akan mendorong pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, keadaan ketidakpastian dijangka kekal tinggi memandangkan risiko utama masih wujud, khususnya risiko yang berpunca daripada pertikaian perdagangan global, keadaan politik yang tidak menentu dan sentimen pelabur yang berubah-ubah. Kesemua risiko ini akan menimbulkan rintangan terhadap pertumbuhan.

Aktiviti ekonomi di negara maju dijangka menjadi lebih sederhana pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran pekerja kekal bercampur-campur. Walaupun kadar pengangguran di Amerika Syarikat (AS) dan kawasan euro masing-masing berkisar pada kadar terendah dalam masa 50 tahun dan sedekad yang lalu, pertumbuhan upah kekal pada kadar sederhana. Namun begitu, dalam persekitaran inflasi yang rendah ini, pertumbuhan gaji terus dijangka menyokong keyakinan pengguna serta perbelanjaan isi rumah.

Kegiatan pelaburan dan permintaan luaran yang makin sederhana akan memperlambatkan kadar pertumbuhan keseluruhan. Di AS, dasar fiskalnya akan memberikan sokongan yang lebih kecil manakala impak keseluruhan akibat pengembalian dasar monetari ke paras yang wajar secara beransur-ansur dijangka memberikan kesan terhadap aktiviti ekonomi. Di United Kingdom, rundingan yang masih berterusan dan ketidakpastian mengenai isu Brexit berkemungkinan mempengaruhi perbelanjaan pengguna dan keputusan pelaburan. Di RR China, pembaharuan struktur yang sedang dijalankan untuk mengimbangi semula ekonomi negara itu mungkin menyebabkan pertumbuhan yang sedikit perlahan, tetapi lebih mampan. Pertikaian perdagangan, sekiranya tidak selesai, dijangka terus melemahkan sentimen perniagaan di RR China.

Oleh itu, campur tangan dasar monetari dan fiskal secara proaktif bagi mengurangkan kesan kitaran ekonomi seharusnya membantu mengurangkan risiko kelembapan pertumbuhan. Di negara Asia yang lain, pertumbuhan akan menjadi lebih sederhana di tengah-tengah keadaan permintaan dalam negeri yang stabil tatkala sektor eksport membuat penyesuaian terhadap kelembapan dalam ekonomi maju dan RR China.

Dari segi prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 2019, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh pada kadar 4.3% – 4.8% pada tahun 2019 (2018: 4.7%). Sektor luaran dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana sejajar dengan pertumbuhan global yang lebih perlahan. Aktiviti sektor swasta dijangka terus menjadi teras pertumbuhan berikutan rasionalisasi berterusan dalam sektor awam. Keadaan pasaran pekerja dijangka terus menyokong pertumbuhan, manakala inflasi secara amnya diunjurkan stabil berbanding dengan tahun 2018.

Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai teras pertumbuhan pada tahun 2019, disokong oleh peningkatan dalam aktiviti sektor swasta yang berterusan. Namun, perbelanjaan sektor awam dijangka memberikan kesan terhadap pertumbuhan

memandangkan beberapa projek berskala besar syarikat awam telah pun disiapkan, dan langkah-langkah terus diambil untuk menyusun semula perbelanjaan Kerajaan mengikut keutamaan. Sektor luaran dijangka meningkat dengan lebih sederhana sejajar dengan pertumbuhan dan aktiviti perdagangan global yang lebih perlahan. Penggunaan swasta dijangka berkembang sebanyak 6.6% pada tahun 2019.

Susulan pertumbuhan kukuh yang dicatat pada tahun 2018, perbelanjaan isi rumah dijangka kembali ke paras yang hampir dengan kadar purata jangka panjangnya, iaitu 6.7%.¹ Walaupun sentimen pengguna menjadi lebih sederhana daripada paras tinggi yang dicapai baru-baru ini, pertumbuhan akan kekal teguh kerana didorong oleh pemacu asas pertumbuhan yang utama, iaitu keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Beberapa langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan, khususnya untuk menangani kenaikan kos sara hidup, dijangka meningkatkan lagi sokongan kepada perbelanjaan penggunaan, terutamanya bagi isi rumah yang berpendapatan lebih rendah. Langkah-langkah ini termasuk penetapan harga siling bagi harga runcit bahan api, kadar upah minimum yang lebih tinggi dan pindahan tunai Bantuan Sara Hidup.

Pertumbuhan ekonomi dijangka disokong oleh pemulihan beransur-ansur daripada gangguan dalam sektor komoditi yang di luar jangkaan pada tahun 2018. Pemulihan ini juga dijangka memberikan manfaat kepada sektor perkilangan dan aktiviti perdagangan. Selain itu, output daripada fasiliti pengeluaran baharu yang akan memulakan operasi pada tahun 2019 akan turut menyokong pertumbuhan. Fasiliti baharu ini termasuk loji penapisan minyak mentah dan petrokimia yang besar, dan juga kilang E&E, kimia dan pemprosesan getah. Dari segi permintaan, perbelanjaan sektor swasta akan terus memacu pertumbuhan. Berikutan faktor-faktor khas yang berlaku pada tahun 2018 (*one-off factors*) dan tidak akan berulang pada tahun ini, penggunaan swasta dijangka berkembang dengan sederhana, namun kekal pada paras yang teguh. Perbelanjaan isi rumah akan terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan.

Sumber : Bank Negara Malaysia


2. STATUS INDUSTRI KAYU 2019

2.1 PRESTASI DAN TREND EKSPORT

Nilai eksport produk kayu-kayan Malaysia pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.04% kepada RM22.50 bilion berbanding tahun 2018. Sumbangan nilai eksport terbesar yang direkodkan adalah perabot kayu iaitu sebanyak 40.6% kepada RM9.14 bilion, diikuti oleh papan lapis sebanyak 15.1% kepada RM3.4 bilion dan kayu gergaji sebanyak 15% kepada RM3.4 bilion.


Graf 1 menunjukkan status eksport produk kayu sehingga bulan Disember 2019 dan **Graf 2** menunjukkan arah aliran eksport produk kayu terpilih. Berdasarkan **Graf 1**, prestasi eksport sektor perkayuan dilihat menurun selaras dengan trend ekonomi domestik dan global yang perlahan. **Jadual 10** menerangkan prestasi nilai eksport bagi tahun 2018-2019.

Graf 1: Nilai Eksport Produk Kayu pada Tahun 2019 (Berdasarkan Bulan)



Sumber : MTIB 2019

Graf 2: Nilai Eksport Produk Kayu Terpilih pada Tahun 2019



Sumber: MTIB 2019

Jadual 10: Prestasi Eksport Kayu-Kayan (2018-2019)

Produk	Unit	2018		2019		% Δ kuantiti 17/18	% Δ RM 17/18
		Kuantiti ('000)	RM Juta	Kuantiti ('000)	RM Juta		
Kayu Balak	m ³	1,636,343	923,886,444	1,346,790	759,564,173	-17.7	-17.8
Kayu Gergaji	m ³	1,927,405	3,651,614,496	1,808,345	3,373,787,380	-6.2	-7.6
Papan Lapis	m ³	2,156,148	4,566,148,914	1,723,548	3,403,632,674	-20.1	-25.5
Venir	m ³	183,290	304,584,919	112,007	171,792,224	-38.9	-43.6
Kayu Kumai	m ³	239,896	874,010,485	232,548	872,279,529	-3.1	-0.2
Kayu Serpai	m ³	677,803	482,453,155	800,739	367,228,524	18.1	-23.9
Papan Gentian	m ³	1,001,228	1,185,287,528	823,521	1,059,888,129	-17.7	-10.6
Bingkai Kayu	kg	8,412,066	123,764,487	9,004,701	127,071,441	7.0	2.7
Kayu Tanggam (BJC)	kg	142,879,302	1,058,488,082	140,095,436	1,036,736,760	-1.9	-2.1
Perabot Kayu	Unit	n.a	7,786,392,277	n.a	9,142,750,575	n.a	17.4
Perabot Rotan	Unit	n.a	2,889,770	n.a	1,467,885	n.a	-49.2
Lain-Lain Produk		n.a	1,304,031,682	n.a	2,179,149,320	n.a	67.1
Jumlah Eksport		n.a	22,263,552,239	n.a	22,495,348,614	n.a	1.04

Sumber: MTIB 2019

2.2 SUMBANGAN INDUSTRI PRIMER BERBANDING INDUSTRI BERNILAI TAMBAH TINGGI

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) mensasarkan nilai eksport produk kayu bernilai tambah tinggi sebanyak 60% dari nilai eksport, berbanding 40% produk primer. Nilai eksport produk perkayuan 2019 mencatatkan Semenanjung telah mengeksport 54.8 % produk bernilai tambah berbanding produk primer (21.0%). Peratusan yang tinggi ini banyak disumbangkan oleh sektor perabot iaitu dengan nilai eksport sejumlah RM9.14 bilion. Bagi aktiviti pengeksportan di Sabah dan Sarawak lebih tertumpu kepada produk primer iaitu Papan Lapis dan Kayu Gergaji. **Carta 1** menunjukkan peratusan nilai eksport produk primer dan produk bernilai tambah.

Carta 1: Eksport Produk Perkayuan Malaysia 2019, Produk Bernilai Tambah Tinggi Berbanding Produk Primer



Kawasan	Nilai (RM Bilion)	% Jumlah Eksport
Primer		
Semenanjung	4.71	20.95
Sabah	1.03	4.60
Sarawak	4.25	18.89
Jumlah	10.0	44.44
Nilai Tambah		
Semenanjung	12.32	54.78
Sabah	0.07	0.29
Sarawak	0.11	0.49
Jumlah	12.5	55.56
Jumlah Eksport 2019	22.28	100.0

2.3 PENGELUARAN KAYU-KAYAN

Sumbangan Sektor Perusahaan Perladangan dan Komoditi Perladangan Kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) - Harga Malar (2015)

Sektor Perusahaan Perladangan dan Komoditi 2019

Komoditi	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	% Perubahan(2018/2017)
Aktiviti Huluhan:			
Kelapa Sawit	37,664.32	38,239.47	1.5
Perhutanan dan Pembalakan	6,862.94	6,336.30	(7.7)
Getah	2,828.77	3,001.98	6.1
Koko	5.77	7.19	24.5
Lada	2,271.57	1,953.25	(14.0)
Tembakau ¹		-	-
Jumlah Kecil	49,633.38	49,538.17	(0.2)
Aktiviti Hiliran:			
Industri Berasaskan Sawit	12,002.35	11,772.11	(1.9)
Industri Kayu-Kayan	10,566.40	11,115.22	5.2
Industri Berasaskan Getah	7,419.34	7,933.29	6.9
Industri Berasaskan Koko	1,435.01	1,548.09	7.9
Industri Berasaskan Tembakau	3,690.25	3,907.03	5.9
Industri Berasaskan Lada ¹		-	-
Jumlah Kecil	35,113.34	36,275.74	3.3
Jumlah Sektor Perusahaan Perladangan dan Komoditi	84,746.72	85,813.91	1.3
Jumlah KDNK	1,361,532.90	1,420,490.35	4.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota :

¹: Data bagi industri berasaskan lada dan aktiviti huluhan lada tidak diperolehi

^P : Data Priliminari

2.4 PENGELUARAN KAYU-KAYAN UTAMA DI MALAYSIA 2019

Pengeluaran Kayu-Kayan Utama di Malaysia, 2019 ('000 m3)

KELUARAN	2018	2019	PERATUSAN MENGIKUT WILAYAH 2019	PERATUSAN PERUBAHAN 2019/2018
Balak				
Semenanjung	4,191	4,335	45.90	3.44
Sabah	1,463	1,036	10.97	- 29.19
Sarawak	4,697	4,074	43.13	- 13.26
Jumlah Balak	10,351	9,445	100.00	- 8.75
Kayu Gergaji				
Semenanjung	2,714	2,749	79.68	1.29
Sabah	219	235	6.81	7.31
Sarawak	507	466	13.51	- 8.09
Jumlah Kayu Gergaji	3,440	3,450	100.00	0.29
Papan Lapis				
Semenanjung	441	434	19.64	- 1.59
Sabah	470	415	18.78	- 11.70
Sarawak	1,597	1,361	61.58	-14.78
Jumlah Papan Lapis	2,508	2,210	100.00	-11.88
Kayu Kumai				
Semenanjung	84	78	66.10	- 7.14
Sabah	33	28	23.73	-15.15
Sarawak	9	12	10.17	33.33
Jumlah Kayu Kumai	126	118	100.00	-6.35
Venir				
Semenanjung	135	109	22.38	-19.26
Sabah	103	58	11.91	- 43.69
Sarawak	335	320	65.71	- 4.48
Jumlah Venir	573	487	100.00	15.01

Sumber : JPSM

Jabatan Hutan Sabah

Jabatan Perhutanan Sarawak STIDC

3. PEMBANGUNAN PERDAGANGAN KAYU-KAYAN

SENARIO PASARAN 2019

Tahun 2019, Malaysia telah merekodkan pertumbuhan terendah dalam tempoh sedekad kepada 4.3% bagi 2019 berbanding 4.7% pada 2018. Pertumbuhan sederhana ini adalah berikutan pertumbuhan lebih perlahan dalam ekonomi maju dan negara utama dalam ekonomi sedang pesat membangun. Ia juga turut didorong oleh faktor berkaitan ketidaktentuan yang berpanjangan dalam kalangan pelabur dan pemulihan yang perlahan dalam sektor berkaitan komoditi.

Pelbagai risiko penurunan dalam ekonomi global telah memberi kesan limpahan kepada ekonomi Malaysia, seperti ketegangan perdagangan yang meningkat antara Amerika Syarikat dan China yang menyumbang kepada ketidaktentuan dan menjejaskan aktiviti pelaburan. Selain itu, ekonomi utama yang lembap dan penurunan yang lebih ketara daripada jangkaan di China telah membawa kepada kemerosotan prospek pertumbuhan dan eksport. Kejatuhan harga komoditi yang tidak dijangka, kenaikan harga petrol, kejatuhan nilai matawang Ringgit Malaysia serta ketidaktentuan isu Brexit turut menjejaskan pertumbuhan dan membawa kepada tekanan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Petunjuk segmen perniagaan menunjukkan tahap keyakinan dalam ekonomi terus rendah. Namun demikian, sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan sektor swasta turut menjadi penyumbang kepada ekonomi meskipun terdapat kekangan terhadap pertumbuhan pelaburan yang rendah serta prestasi eksport yang lemah. Ini menjadikan sektor awam dan swasta mengamalkan langkah berhati-hati dalam perbelanjaan modal dan pelaburan.

Jumlah perdagangan Malaysia pada 2019 merekodkan penurunan sebanyak 2.5% berjumlah RM1.84 trilion berbanding RM1.88 trilion pada tahun sebelumnya berikutan permintaan global yang lemah yang didorong oleh ketegangan perdagangan seperti Amerika Syarikat dan China serta Jepun dan Korea Selatan and persekitaran ekonomi luar yang tidak memberangsangkan. Faktor harga komoditi yang lebih rendah seperti penurunan harga minyak sawit mentah turut memberikan impak negatif kepada prestasi perdagangan negara. Prestasi eksport Malaysia merekodkan penurunan dengan kadar 1.7% bernilai RM986.40 bilion manakala import turut mencatatkan penurunan 3.5% kepada RM849.01 bilion berbanding tahun sebelumnya. Lebih perdagangan telah direkodkan dengan nilai RM137.39 bilion, peningkatan sebanyak 11% berbanding RM123.78 bilion pada tahun 2018. Ini merupakan nilai lebih dagangan yang paling tinggi sejak 2009 dan pencapaian lebih dagangan Malaysia bagi tempoh 22 tahun berturut-turut.

Prestasi eksport yang perlahan ini didorong oleh penurunan permintaan daripada beberapa pembeli utama barangan dan perkhidmatan negara seperti Singapura, Hong Kong, Perancis, Thailand dan Jepun. Namun, eksport ke Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, Cambodia, Mexico dan United Kingdom telah meningkat. Prestasi eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia ke beberapa destinasi utama dunia adalah Singapura RM136.89 bilion (turun 2.4%), China RM139.61 bilion (naik 14.2%), Jepun RM128.83 bilion (turun 4%), Amerika Syarikat RM95.78 bilion (naik 5.5%), Thailand RM55.81 bilion (turun 2.2%), Viet Nam RM34.73 bilion (naik 1.2%), Jerman RM25.96 bilion (turun 7.9%), Belanda RM25.31 bilion (turun 1.9%) dan Filipina RM18.18 bilion (naik 7.3%). Malaysia juga telah menjalin hubungan dagang dengan beberapa rakan baru seperti Mexico

RM9.05 bilion (naik 8.0%), Bangladesh RM9.7 bilion (naik 7.6%), Sri Lanka RM3.56 bilion (naik 23.2%), Cambodia RM2.5 bilion (naik 61.1%), Nigeria RM2.01 bilion (naik 16.6%), Mesir RM1.83 bilion (naik 10.7%), Qatar RM1.63 bilion (naik 64.9%) dan Kenya RM1.5 bilion (naik 58.6%).

Industri perkayuan terus menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan eksport dan KDNK negara. Pada tahun 2019, jumlah eksport kayu dan hasil keluaran kayu negara merekodkan peningkatan sebanyak 1% berjumlah RM22.5 bilion iaitu 2.2% daripada jumlah keseluruhan eksport negara.

Tiga (3) produk utama yang menyumbang kepada nilai eksport industri perkayuan ialah perabot kayu, papan lapis dan kayu bergergaji dengan nilai eksport masing-masing berjumlah RM9.14 bilion, RM3.40 bilion dan RM3.37 bilion. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport produk kayu-kayan negara dengan nilai eksport sejumlah RM4.97 bilion diikuti Jepun RM3.46 bilion, China RM1.83 bilion dan India RM1.28 bilion.

PASARAN TEMPATAN

Malaysia amat bertuah dianugerahi sumber hutan asli yang bernilai tinggi dan merupakan antara penyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Bagi memastikan pengeluaran sumber hutan yang mapan, Dasar Perhutanan Negara telah melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dengan menghadkan kawasan tebanan hutan. Pada tahun 2019, anggaran pengeluaran kayu balak di Malaysia merekodkan penurunan sebanyak 6.6% kepada 11.29 juta meter padu berbanding 12.08 juta meter padu pada tahun 2018.

Harga purata kayu gergaji Balau pada tahun 2019 meningkat sebanyak 3.3% iaitu daripada RM3,284 semeter padu pada tahun 2018 kepada RM3,425 semeter padu. Sementara harga purata bagi kayu gergaji Keruing mencatatkan purata penurunan harga sebanyak 18.9% daripada RM1,455 semeter padu kepada RM1,158 semeter padu. Bagi spesies Meranti Merah Tua pula, harga purata menurun sebanyak 7.7% kepada RM2,036 semeter padu berbanding RM2,207 semeter padu pada tahun 2018.

Kayu getah merupakan antara bahan mentah utama dalam industri pemprosesan tempatan terutama perabot selain daripada kayu hutan asli. Pada tahun 2019, harga kayu balak getah menunjukkan penurunan apabila mencatatkan purata penurunan harga sebanyak 12.4% kepada harga purata RM162 se tan berbanding RM185 se tan pada tahun sebelumnya. Begitu juga bagi harga purata kayu getah bergergaji KGB (*ex-mill*) berukuran 1" x 2" yang turut mencatatkan penurunan sebanyak 0.3% kepada RM1,077 semeter padu pada tahun 2019 berbanding RM1,080 semeter padu tahun 2018. Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh permintaan pasaran yang sederhana bagi kayu getah di pasaran tempatan dan eksport.

Sumber: Bank Dunia, Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Jabatan Perhutanan (Semenanjung, Sabah, Sarawak), MTIB

PAMERAN DAN PENGGALAKAN PASARAN

Dalam mengharungi persekitaran pasaran tempatan dan global yang mencabar pada tahun 2019, MTIB selaku peneraju dalam industri kayu-kayan meneruskan usaha menjalankan program dan aktiviti galakan perdagangan meliputi pemasaran dan promosi untuk memastikan kemajuan industri kayu-kayan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Dari segi pembangunan perdagangan dan pemasaran, MTIB menerusi peruntukan yang diperolehi daripada RMKe-11 melalui Projek Pembangunan Usahawan Produk Perakayuan Bernilai Tambah Tinggi telah menjalankan beberapa aktiviti utamanya seperti pameran untuk mempromosi serta memasarkan produk perakayuan agar terus mendapat permintaan di pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

MTIB melaksanakan aktiviti promosi dan pengembangan pasaran dalam negara melalui penyertaan dalam pameran, karnival jualan dan ekspo perdagangan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di seluruh negara bagi mempromosikan perkhidmatan, produk, bahan dan teknologi yang berasaskan kayu untuk menggalakkan penggunaan kayu dan produk kayu yang berkualiti serta mewar-warkan perkhidmatan MTIB dan maklumat semasa industri perakayuan di kalangan para spesifik seperti arkitek, jurutera, pereka dalaman dan orang awam.

Di bawah projek ini, MTIB telah menjalankan program pembangunan usahawan dari perspektif bina upaya dan pembangunan perdagangan produk perakayuan bernilai tambah tinggi serta penerokaan dan pengukuhan pasaran perabot serta produk kayu usahawan industri kecil dan sederhana (SME) di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Projek ini juga merupakan salah satu inisiatif transformasi kerajaan bagi mengangkat martabat industri kreatif tempatan khususnya bagi penghasilan produk perakayuan bernilai tambah tinggi dengan menggalakkan pembangunan dan peningkatan bilangan usahawan yang inovatif, kreatif dan kompetitif di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, inisiatif ini juga bertujuan membantu meningkatkan pendapatan SME produk perakayuan serta mengembangkan perdagangan produk kayu yang berkualiti, bernilai tambah dan berinovasi dalam pasaran tempatan.

Di samping itu, penyertaan dalam program promosi sebegini dapat membantu usahawan SME untuk mendapat akses kepada pasaran yang lebih luas dan merebut peluang perniagaan untuk meningkatkan penembusan pasaran sama ada di peringkat tempatan mahupun eksport. Penyertaan di dalam pameran dan karnival jualan dapat memberi pendedahan kepada pengusaha untuk mengenal pasti arah aliran terkini di dalam aplikasi material berasaskan kayu dan teknologi yang digunakan serta peluang-peluang pasaran produk perakayuan agar usahawan SME lebih berdaya saing untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif.

Di sepanjang tahun 2019 ini, secara umumnya MTIB telah menyertai sejumlah 31 pameran termasuk karnival jualan di seluruh negara bagi membantu usahawan produk perakayuan untuk mempamerkan dan mewujudkan peluang perniagaan yang seterusnya meningkatkan hasil jualan produk keluaran usahawan terlibat. Seramai 252 usahawan produk perakayuan telah terlibat di dalam aktiviti tersebut dengan mempamerkan pelbagai produk perakayuan seperti perabot rumah, perabot kabinet dapur, produk panel, perabot bio-komposit, produk hutan bukan kayu seperti produk berasaskan buluh, gaharu, produk

ukiran serta produk kraftangan. Hasil daripada aktiviti pameran dan karnival jualan tersebut telah berjaya menjana jualan kira-kira RM29.7 juta.

Pada masa yang sama, MTIB juga menyertai pelbagai pameran dan forum sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi mahupun pameran awam. Penyertaan ini bertujuan untuk menggalakkan perkongsian maklumat dan pengetahuan mengenai perkembangan semasa dan pencapaian industri, usaha-usaha R&D, inovasi, rekabentuk dan usaha pengkomersilan produk-produk perkayuan disamping meningkatkan persepsi positif orang awam terhadap industri perkayuan yang berimej hijau, sah dan mampan.

Selain itu, imej MTIB sebagai sebuah Badan Kerajaan yang relevan di dalam membantu meningkatkan promosi dan penjualan produk perkayuan oleh syarikat-syarikat tempatan dapat diperkukuhkan. Berikut adalah pameran dan karnival jualan yang dianjurkan dan disertai MTIB pada tahun 2019:

Jadual 11: Pameran Dan Karnival Jualan MTIB 2019

BIL	PAMERAN	TEMPAT	TARIKH
A.	PENYERTAAN PAMERAN DAN KARNIVAL JUALAN OLEH IBU PEJABAT KUALA LUMPUR		
1.	<i>Malaysia International Renovation Expo 2019</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	22-24 Februari
2.	<i>Malaysian International Furniture Fair (MIFF) 2019</i>	Malaysia International Trade and Exhibition (MITEC)	8-11 Mac
3.	<i>Export Furniture Exhibition (EFE) 2019</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	9-12 Mac
4.	<i>Ecobuild Southeast Asia 2019</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	19-21 Mac
5.	Homedec Kuala Lumpur 2019 Part 1	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	26-29 April
6.	Archidex 2019	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	3-6 Julai
7.	<i>Malaysian Timber Conference 2019</i>	Hilton Hotel Kuala Lumpur	25 Julai
8.	<i>International Business Conference- Bamboo As A Driver For Economic Growth</i>	Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur	5 Ogos
9.	<i>Korea International Furniture & Interior Fair (KOFURN)</i>	Kintex, Gyeonggi-Do, Republik Korea	29 Ogos-1 September
10.	<i>9th Muslim World Biz 2019 Event</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	4-6 September
11.	Pameran Untuk Promosi Produk Berasaskan Buluh	Lobi Kafe Parlimen, Blok Utama, Parlimen Malaysia	8-9 Oktober
12.	<i>International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) 2019</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	9-11 Oktober
13.	Homedec Kuala Lumpur 2019 Part 2	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	17-20 Oktober
14.	Hari Terbuka Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MPI (PSM2U)	Dewan Serbaguna, MPI, Putrajaya	31 Oktober
15.	<i>Malaysian Wood Expo 2019</i>	PWTC	19-21 November

BIL	PAMERAN	TEMPAT	TARIKH
16.	Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan	Bangunan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM	25 November
17.	<i>Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	13-15 Disember
B. PENYERTAAN KARNIVAL JUALAN OLEH MTIB KELANTAN			
18.	Karnival Jualan : <i>Kelantan Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Aeon Mall, Kota Bharu, Kelantan	24-29 September
C. PENYERTAAN PAMERAN DAN KARNIVAL JUALAN OLEH MTIB WILAYAH UTARA			
19.	Homedec Penang 2019 Part 1	Setia Spice Convention Centre, Penang	12-14 April
20.	<i>Premier Home Furnishing Expo In The North (PENFURNEC) 2019 Part 1</i>	SPICE Arena, Penang	28-30 Jun
21.	Karnival Jualan : <i>Kedah Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Star Parade, Alor Setar, Kedah	17-27 Julai
22.	Karnival Jualan : <i>Perak Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Aeon Mall, Klebang, Ipoh, Perak	28 Ogos – 1 September
23.	Homedec Penang 2019 Part 2	Setia Spice Convention Centre, Penang	4-6 Oktober
24.	<i>World Bamboo Day 2019</i>	Casuarina Hotel, Ipoh, Perak	12-13 Oktober
25.	<i>Perak International Expo</i>	Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak	14-17 November
26.	<i>Premier Home Furnishing Expo In The North (PENFURNEC) 2019 Part 2</i>	SPICE Arena, Penang	6-8 Disember
E. PENYERTAAN PAMERAN DAN KARNIVAL JUALAN OLEH MTIB JOHOR			
27.	Karnival Jualan : <i>Johor Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Angsana Mall, Johor Bahru, Johor	1-4 Ogos
F. PENYERTAAN PAMERAN DAN KARNIVAL JUALAN OLEH MTIB SABAH			
28.	Karnival Jualan : <i>Sabah Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Imago, KK Times Square, Kota Kinabalu, Sabah	24-27 Oktober
G. PENYERTAAN KARNIVAL JUALAN OLEH MTIB PAHANG			
29.	Karnival Jualan : <i>Pahang Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Kuantan Parade, Kuantan, Pahang	20-29 September
H. PENYERTAAN KARNIVAL JUALAN OLEH MTIB TERENGGANU			
30.	Karnival Jualan : <i>Terengganu Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	Kompleks Paya Bunga Square, Kuala Terengganu, Terengganu	23-28 November
I. PENYERTAAN KARNIVAL JUALAN OLEH MTIB SARAWAK			
31.	<i>Sarawak Timber & SME's Expo 2019</i>	Borneo Convention Centre Kuching (BCKK), Kuching, Sarawak	27-30 Jun



Booth pempamer sempena Pameran *Malaysian International Renovation Expo* 2019 pada 22-24 Februari 2019



Kunjungan YB Menteri Industri Utama di booth MTIB sempena Pameran *Malaysian International Furniture Fair (MIFF)* pada 8-11 Mac 2019



Kunjungan YB Timbalan Menteri Industri Utama sempena Pameran *Export Furniture Expo (EFE)* pada 9-12 Mac 2019



Orang ramai berkunjung di booth MTIB sempena Pameran *Ecobuild Southeast Asia* pada 19-21 Mac 2019



Booth pempamer di Pameran Homedec Penang Part 1 pada 12-14 April 2019



Booth pempamer di Pameran Homedec Kuala Lumpur Part 1 pada 18-21 April 2019



Pengunjung mengunjungi *booth* MTIB sempena Sarawak Timber & SME Expo pada 27-30 Jun 2019



Booth pempamer di Pameran PENFURNEC Part 1 pada 28-30 Jun 2019



Kunjungan YB Menteri Industri Utama di *booth* pempamer sempena Pameran Archidex pada 3-6 Julai 2019



Kedah Wood & Lifestyle Fair yang diadakan pada 17-27 Julai 2019 dirasmikan oleh YBrs. Timbalan Ketua Setiausaha MPI



Booth pempamer di Pameran Johor Wood & Lifestyle Fair pada 1-4 Ogos 2019



Kunjungan YBrs. Ketua Pengarah MTIB sempena Pameran Perak Wood & Lifestyle Fair pada 28 Ogos – 1 September



Kunjungan YB Menteri Industri Utama di booth MTIB sempena Malaysian Timber Conference pada 25 Julai 2019



Kunjungan YB Menteri Industri Utama di booth MTIB sempena International Business Conference – Bamboo as A Driver for Economic Growth pada 5 Ogos 2019



Antara pempamer di 9th Muslim World Biz 2019 Event pada 4-6 September 2019



Perasmian Kelantan Wood & Lifestyle Fair oleh YBrs. Ketua Pengarah MTIB pada 24-29 September 2019



Antara pempamer Pahang Wood & Lifestyle Fair 2020 pada 20-29 September 2020



Antara pempamer Pameran Homedec Penang Part 2 pada 4-6 Oktober 2019



Kunjungan YB Menteri Industri Utama sempena Pameran Untuk Promosi Produk Berasaskan Buluh pada 8-9 Oktober 2019



Kunjungan YB Menteri Industri Utama dan YAB Menteri Besar Perak di booth MTIB sempena World Bamboo Day pada 12-13 Oktober 2019



Pengunjung mengunjungi booth MPI sempena Pameran International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) pada 9-11 Oktober 2019



Antara pempamer di
*Homedec Kuala Lumpur
Part 2* pada 17-20
Oktober 2019



Antara pempamer di *Sabah Wood & Lifestyle
Fair* pada 24-27 Oktober 2019



Booth MTIB di Pameran PSM2U pada 31
Oktober 2019



Antara produk yang dipamerkan di
Terengganu Wood & Lifestyle Fair pada
23-28 November 2019



Kiosk MTIB di Pameran *Malaysian Wood Expo*
pada 19-21 November 2019



Antara booth pempamer di Pameran PENFURNEC Part 2 pada 6-8 Disember 2019



Antara booth pempamer di Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair pada 13-15 Disember 2019

Kesimpulan

Bagi memperkasa pembangunan industri perkayuan, MTIB akan terus melaksanakan usaha bersepadu termasuk dengan kerjasama pelbagai agensi, institusi dan pertubuhan kerajaan serta swasta untuk meningkatkan kesedaran dan penggunaan kayu-kayan di pasaran tempatan, khususnya di kalangan para penggiat industri perkayuan dan pihak industri pembinaan termasuk para *specifiers* seperti jurutera, arkitek, pereka serta pelajar, orang awam dan lain-lain pihak yang berkenaan.

Dalam mencapai usaha tersebut, MTIB menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) akan terus memperkasa pembangunan industri perkayuan dengan meningkatkan aktiviti promosi dan pemasaran dengan menawarkan pelbagai insentif untuk menyokong peningkatan aktiviti R&D, serta penggalakkan pembangunan produk yang kreatif dan inovatif bagi memperkukuh sumbangan industri dalam sektor perkayuan. Ini termasuklah mempromosikan penghasilan produk-produk baru bernilai tambah tinggi, menggalakkan peralihan industri perabot daripada *Original Equipment Manufacturing* (OEM) kepada *Own Design Manufacturing* (ODM) dan *Own Brand Manufacturing* (OBM), menggalakkan penggunaan sumber bahan mentah alternatif yang mapan serta menyokong aplikasi standard dan kualiti dalam penggunaan produk perkayuan tempatan.

Selain itu, MTIB juga telah terlibat secara langsung dalam membantu pihak industri mencari penyelesaian dalam permasalahan industri dengan melaksanakan kajian-kajian pasaran, menyediakan khidmat fasilitasi perdagangan seperti suai padan perniagaan, melayani pertanyaan perdagangan, maklumat harga dan mengadakan seminar/taklimat berkenaan produk dan isu semasa industri perkayuan. Selain itu, penyertaan di dalam aktiviti pameran dan karnival jualan dapat membantu pengusaha produk perkayuan tempatan untuk meningkatkan kapasiti dan daya saingnya selain daripada mewujudkan fora untuk meningkatkan jaringan perdagangan serta akses pasaran bagi produk berasaskan kayu. Adalah diharapkan usaha ini akan dapat menggalakkan lagi penggunaan dan penjualan produk perkayuan di pasaran tempatan yang kini bernilai RM18 bilion secara berterusan di samping menyumbang dalam menjana kemajuan ekonomi negara.

PASARAN ANTARABANGSA

Industri kayu-kayan tempatan berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi seperti ketegangan perdagangan di antara beberapa kuasa ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat dan China serta Jepun dan Korea Selatan, ketegangan geo-politik dan permintaan yang lemah bagi tahun 2019. Sehubungan ini, eksport kayu-kayan Malaysia hanya merekodkan peningkatan minima sebanyak 1% kepada RM22.50 bilion berbanding RM22.26 bilion yang dicatatkan pada tahun 2018. Sektor perabot masih merupakan penyumbang utama eksport kayu-kayan dengan menguasai 41% syer pasaran dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 17% dengan nilai berjumlah RM9.14 bilion berbanding RM7.79 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport kayu gergaji pula mencatatkan penurunan sebanyak 8% kepada RM3.37 bilion. Begitu juga dengan eksport papan lapis yang merekodkan penurunan sebanyak 26% kepada RM3.40 bilion berbanding tahun sebelumnya. Eksport kayu tanggam turut mencatatkan penurunan sebanyak 2% kepada RM1.04 bilion berbanding RM1.06 bilion pada tahun sebelumnya.

Eksport kayu balak dan venir mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 18% kepada RM759.56 juta dan 44% kepada RM171.79 juta. Kayu kumai juga mencatatkan penurunan prestasi eksport sebanyak 0.2% kepada RM872.28 juta berbanding RM874.01 juta pada tahun 2018. Eksport papan gentian berketumpatan sederhana (MDF) merekodkan penurunan sebanyak 11% kepada RM1.06 bilion berbanding RM1.19 bilion pada tahun 2018. Prestasi eksport papan serpai turut menurun sebanyak 24% kepada RM367.23 juta berbanding RM482.45 juta pada tahun 2018. Eksport bingkai kayu pula mencatatkan peningkatan sebanyak 2% kepada RM127.07 juta berbanding tahun sebelumnya manakala produk kayu lain juga merekodkan peningkatan sebanyak 67% kepada RM2.18 bilion berbanding RM1.30 bilion tahun 2018.

Eksport produk perkayuan ke pasaran Asia Timur dilihat menurun sebanyak 4% kepada RM6.76 bilion. Jepun sebagai negara pengimport utama di rantau tersebut telah mencatatkan penurunan sebanyak 13% kepada RM3.46 bilion diikuti oleh Korea Selatan sebanyak 33% kepada RM826.80 juta berbanding tahun 2018. Penurunan ini didorong oleh permintaan lemah, peningkatan harga dan saingan dari negara-negara pembekal yang lain seperti Viet Nam, Indonesia, Filipina. Manakala, eksport ke China telah merekodkan kenaikan sebanyak 61% kepada RM1.83 bilion berbanding RM1.14 bilion tahun sebelumnya. Pembeli-pembeli China telah mencari pasaran alternatif berikutan ketegangan perdagangan negara tersebut bersama Amerika Syarikat serta kerancakan sektor pembinaan komersial dan pembinaan di China bagi menampung populasi negara tersebut. Antara produk utama yang dieksport ke pasaran-pasaran tersebut adalah papan lapis, perabot kayu dan kayu gergaji.

Eksport ke pasaran Asia Selatan juga menurun sebanyak 4% kepada RM1.68 bilion. Pasaran keempat terbesar bagi produk perkayuan Malaysia iaitu India telah menurunkan pembelian sebanyak 7% kepada RM1.28 bilion berbanding RM1.37 bilion pada tahun sebelumnya. Ini adalah berikutan pengurangan permintaan, kenaikan harga barangan dan persaingan daripada negara-negara pengeluar yang lain seperti Thailand dan New Zealand telah memberikan impak terhadap prestasi eksport produk perkayuan negara ke negara tersebut. Manakala, eksport ke Maldives telah meningkat 2% kepada RM118.43 juta berikutan perkembangan pesat industri perhotelan di kepulauan tersebut.

Penurunan prestasi eksport juga dilihat merosot di pasaran utama ASEAN seperti Filipina dan Viet Nam masing-masing menurun sebanyak 18% kepada RM646.77 juta dan 24% kepada RM263.26 juta. Sektor pembinaan Filipina dilihat menurun berikutan tempas daripada ketegangan perdagangan global. Manakala eksport ke Viet Nam menurun disebabkan oleh peningkatan pembelian yang tinggi daripada Amerika Syarikat dan China yang menyebabkan pengeluar produk kayu Viet Nam beralih ke pasaran tersebut.

Eksport kayu kayan ke pasaran Eropah mencatatkan penurunan sebanyak 2% kepada RM2.21 bilion berbanding RM2.25 bilion pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, penurunan yang didorong oleh tindakan Britain meninggalkan Kesatuan Eropah (EU) kepada ekonomi Malaysia adalah pada tahap kecil dan tidak menjejaskan perdagangan kayu-kayan negara. Britain keluar daripada EU atau dikenali sebagai Brexit, mengakhiri kerjasama empat dekad dalam aspek ekonomi, politik dan perundangan bersama jiran terdekat mereka. Perkara ini tidak akan memberi kesan segera kepada Malaysia kerana Britain masih terikat dengan peraturan EU bagi tempoh setahun lagi, sementara perjanjian perdagangan dirundingkan. Bagaimanapun selepas tindakan Britain meninggalkan EU, terdapat kemungkinan berlakunya perjanjian dua hala dengan Malaysia, jika perkara itu dirundingkan kedua negara. Impak pasca Brexit, sebagai negara anggota Komanwel, Malaysia akan menjadi sasaran Britain untuk meningkatkan perdagangan. Adalah dijangkakan perkara ini untuk tempoh sementara sahaja dan eksport kayu-kayan ke Eropah akan kembali stabil. Potensi untuk berkembang tetap ada kerana Malaysia kini boleh berunding terus tanpa perlu melalui blok EU.

Bagi tahun 2019, eksport ke rantau Amerika telah mencatatkan peningkatan yang baik sebanyak 27% kepada RM5.67 bilion di mana Amerika Syarikat memonopoli eksport produk kayu-kayan negara. Eksport ke Amerika Syarikat meningkat sebanyak 32% kepada RM4.97 bilion dengan perabot sebagai produk utama yang dieksport ke pasaran tersebut. Amerika Syarikat juga telah direkodkan sebagai negara pengimport utama produk perkayuan Malaysia mengatasi Jepun. Pertumbuhan ini dilihat sebagai kesan positif daripada krisis perdagangan Amerika Syarikat dan China yang mana telah mewujudkan peluang kepada pengeksport produk perkayuan tempatan untuk memenuhi permintaan daripada negara tersebut. Produk perabot merupakan produk yang mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan disamping produk lain seperti kayu kumai, tanggam dan produk panel.

Pada keseluruhannya, eksport ke Asia Barat menurun sebanyak 4% kepada RM1.57 bilion berbanding tempoh sama tahun 2018. Permintaan di Asia Barat tidak begitu memberangsangkan disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak stabil dan situasi ini memberi impak kepada sektor kewangan, iklim pelaburan sekaligus menyebabkan harga hartanah menurun serta permintaan terhadap kayu dan produk kayu berkurangan hasil daripada kelembapan bidang pembinaan di sesetengah kawasan di Asia Barat.

Prospek di pasaran Afrika menunjukkan penurunan sebanyak 7% kepada RM506.96 juta berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Pasaran Afrika dijangka akan terus berkurangan memandangkan keadaan ekonomi yang masih kurang stabil serta pergolakan politik yang berterusan menyebabkan aktiviti - aktiviti pembinaan merosot.

Jadual 12 : Malaysia - Eksport Kayu-Kayan 2018 - 2019 (RM juta)

Produk	Tahun	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Malaysia	% Perubahan 2019/2018
Kayu Balak	2018	44	98	781	923	-17.8
	2019	20	10	729	759	
Kayu Gergaji	2018	2,701	281	670	3,652	-7.6
	2019	2,567	248	559	3,374	
Papan Lapis	2018	635	894	3,038	4,567	-25.5
	2019	577	684	2,143	3,404	
Venir	2018	53	104	148	305	-43.6
	2019	43	60	69	172	
Kayu Kumai	2018	802	46	26	874	-0.2
	2019	810	42	20	872	
Papan Gentian	2018	776	0	410	1,186	-10.6
	2019	625	0	435	1,060	
Kayu Tanggam	2018	952	28	78	1,058	-2.1
	2019	942	15	79	1,036	
Perabot Kayu & Rotan	2018	7,746	5	38	7,789	17.4
	2019	9,131	7	5	9,143	
Papan Serpai	2018	445	0	37	482	-23.9
	2019	335	0	32	367	
Bingkai Kayu	2018	125	0	0	124	2.4
	2019	127	0	0	127	
Lain-lain	2018	1040	25	239	1,304	67.1
	2019	1858	33	288	2,179	
JUMLAH	2018	15,318	1,482	5,463	22,264	1.0
	2019	17,036	1,100	4,359	22,495	

SumSumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Kayu Balak

Jumlah pengeksportan kayu balak pada tahun 2019 telah mencatatkan penurunan sebanyak 18% daripada segi kuantiti dan nilai kepada 1.3 juta meter padu bernilai RM759.6 juta berbanding dengan 1.6 juta meter padu bernilai RM923.9 juta pada tahun 2018.

India yang merupakan pembeli terbesar kayu balak Malaysia meningkatkan pembelian sebanyak 0.5% daripada segi meter padu kepada 578 ribu meter padu namun telah mencatatkan pengurangan nilai jualan sebanyak 8% kepada RM475.7 juta berbanding RM517.7 juta pada tahun sebelumnya. Eksport ke Indonesia, Taiwan dan Jepun masing-masing menurun sebanyak 21%, 31% dan 48% kepada 590 ribu meter padu, 73 ribu meter padu dan 37 ribu meter padu berbanding tahun sebelumnya. Eksport ke China juga menurun 56% daripada segi kuantiti kepada 23 ribu meter padu daripada 53 ribu meter pada tahun sebelumnya.

Jadual 13: Malaysia - Eksport Kayu Balak, 2018-2019

Destinasi	2018		2019		% Perubahan 2019/2018	
	'000	RM'000	'000	RM'000	Meter Padu	Nilai
	Meter Padu		Meter Padu			
India	575	517,727	578	475,700	0.5	-8.1
Indonesia	742	146,439	590	128,763	-20.5	-12.1
Taiwan	107	93,080	73	64,363	-31.4	-30.9
Jepun	70	53,137	37	32,035	-47.5	-39.7
China	53	65,400	23	28,109	-55.7	-57.0
Viet Nam	64	33,990	35	21,935	-45.4	-35.5
Hong kong	-	-	5	4,423	100.0	100.0
Korea Selatan	9	5,974	4	3,089	-53.4	-48.3
Singapura	1	962	1	714	-27.6	-25.8
Thailand	-	207	0	184	0.0	-11.1
Kuwait	-	-	0	67	0.0	100.0
Lain-lain	15	6,972	0	181	100.0	-97.4
JUMLAH	1,636	923,888	1,347	759,563	-17.7	-17.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Kayu Gergaji

Eksport kayu gergaji bagi tahun 2019 menunjukkan penurunan sebanyak 6% daripada segi kuantiti dan 8% daripada segi nilai kepada 1.8 juta meter padu dengan nilai eksport sebanyak RM3.4 bilion.

Eksport kayu gergaji ke pasaran Kesatuan Eropah pada tahun 2019 mencatatkan penurunan sebanyak 15% daripada segi kuantiti dan 16% daripada segi nilai kepada 96 ribu meter padu bernilai RM307.3 juta berbanding tahun sebelumnya. Eksport ke pasaran Belanda yang merupakan pembeli terbesar kayu gergaji Malaysia di rantau Eropah juga mencatatkan penurunan sebanyak 13% daripada segi kuantiti kepada 40 ribu meter padu dan 14% daripada segi nilai kepada RM137.5 juta. Eksport ke United Kingdom pula telah meningkat daripada segi nilai sebanyak 3% kepada RM51.5 juta berbanding tahun sebelumnya. Di Asia, eksport ke Thailand yang merupakan pengimport terbesar kayu gergaji Malaysia juga menunjukkan penurunan sebanyak 15% daripada segi kuantiti dan 11% daripada segi nilai kepada 278 ribu meter padu dengan nilai RM405.8 juta.

Pembelian dari pasaran Asia Barat juga menunjukkan peningkatan daripada segi nilai sebanyak 4% kepada RM539.0 juta. Eksport kayu gergaji ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) turut meningkat sebanyak 5% kepada RM 168.9 juta berbanding RM161.4 juta pada tahun 2018. Pasaran Qatar dan Bahrain juga masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 14% dan 49% kepada RM27.0 juta dan RM13.1 juta berbanding tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, eksport ke pasaran Arab Saudi mencatatkan peningkatan sebanyak 23% kepada RM44.6 juta berbanding RM36.1 juta pada tahun sebelumnya.

Eksport kayu gergaji ke pasaran Afrika Selatan mencatatkan penurunan sebanyak 18% daripada segi kuantiti dan 10% dari segi nilai kepada 45 ribu meter padu bernilai RM95.2 juta. Australia pula merekodkan penurunan pembelian daripada segi nilai sebanyak 4% kepada RM29.0 juta berbanding tahun sebelumnya. Manakala, Amerika Syarikat meningkatkan pembelian sebanyak 6% daripada segi kuantiti dan 13% daripada segi nilai kepada 19 ribu meter padu berjumlah RM72.7 juta.

Jadual 14: Malaysia - Eksport Kayu Gergaji, 2018-2019

Destinasi	2018		2019		% Perubahan 2019/2018	
	'000	RM'000	'000	RM'000	Meter Padu	Nilai
	Meter Padu		Meter Padu			
Asia	1,721	3,046,836	1,628	2,827,795	-5.4	-7.2
Thailand	328	454,644	278	405,757	-15.2	-10.8
China	273	463,130	289	486,069	5.9	5.0
Filipina	233	416,364	168	274,470	-27.9	-34.1
India	207	401,758	188	344,044	-9.2	-14.4
Sri Lanka	79	155,478	75	144,482	-5.1	-7.1
Jepun	58	156,847	56	152,994	-3.4	-2.5
Taiwan	84	156,857	79	149,265	-6.0	-4.8
Singapura	72	102,224	87	107,051	20.8	4.7
Kesatuan Eropah	113	365,048	96	307,311	-15.0	-15.8
Belanda	46	160,296	40	137,537	-13.0	-14.2
United kingdom	16	50,086	16	51,474	0.0	2.8
Belgium	12	41,981	10	34,179	-16.7	-18.6
Jerman	15	46,406	11	30,625	-26.7	-34.0
Perancis	12	34,496	8	22,900	-33.3	-33.6
Itali	5	14,154	5	13,578	0.0	-4.1
Asia Barat	274	519,735	293	538,995	6.9	3.7
Yemen	71	132,037	106	181,846	49.3	37.7
Emiriah Arab Bersatu (UAE)	83	161,358	86	168,912	3.6	4.7
Oman	53	89,070	30	43,136	-43.4	-51.6
Iraq	15	29,059	24	47,490	60.0	63.4
Arab Saudi	18	36,124	22	44,595	22.2	23.4
Qatar	15	31,548	13	27,041	-13.3	-14.3
Bahrain	13	25,803	7	13,067	-46.2	-49.4
Australia	8	30,027	8	28,973	0.0	-3.5
Amerika Syarikat	18	64,411	19	72,720	5.6	12.9
Afrika Selatan	55	105,755	45	95,239	-18.2	-9.9
Lain-lain	138	291,700	140	296,341	1.4	1.6
JUMLAH	1,927	3,651,613	1,810	3,373,785	-6.1	-7.6

*Nota: Termasuk kayu berketam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia



Papan Lapis

Eksport keseluruhan papan lapis Malaysia telah menurun 20% daripada segi kuantiti kepada 1.72 juta meter padu dan 26% daripada segi nilai kepada RM3.40 bilion. Eksport ke pasaran terbesar papan lapis iaitu ke pasaran Asia telah menurun 21% daripada segi kuantiti dan 25% daripada segi nilai kepada 1.43 juta meter padu dengan nilai eksport berjumlah RM2.78 bilion.

Eksport ke Jepun yang merupakan pembeli utama papan lapis negara telah menurun daripada segi kuantiti dan nilai sebanyak 23% kepada 842 ribu meter padu dan sebanyak 26% kepada RM1.77 bilion. Eksport ke Korea Selatan telah menurun daripada segi kuantiti dan nilai sebanyak 29% dan 40% kepada 158 ribu meter padu dengan nilai eksport RM266.79 juta. China juga telah mengurangkan pembelian sebanyak 50% daripada segi kuantiti kepada 12 ribu meter padu dan nilai belian sebanyak 47% kepada RM26.76 juta. Pembelian dari Taiwan telah meningkat daripada segi kuantiti sebanyak 3% kepada 110 ribu meter padu, namun telah menurun daripada segi nilai sebanyak 6% kepada RM176.53 juta. Eksport ke Hong Kong pula menurun daripada segi kuantiti dan nilai sebanyak 22% dan 23% kepada 18 ribu meter padu bernilai RM34.37 juta.

Prestasi eksport papan lapis ke Thailand dan Singapura juga menguncup daripada segi kuantiti dan nilai. Thailand telah mengimport papan lapis negara dengan kuantiti sebanyak 51 ribu meter padu bernilai RM97.36 juta, penurunan sebanyak 2% bagi kuantiti dan 6% bagi nilai eksport. Singapura juga merekodkan penurunan kuantiti eksport sebanyak 21% kepada 22 ribu meter padu dan nilai jualan sebanyak 18% kepada RM43.03 juta. Eksport papan lapis negara ke India telah menurun daripada segi kuantiti sebanyak 5% kepada 21 ribu meter padu dan daripada segi nilai sebanyak 9% kepada RM50.59 juta berbanding tahun sebelumnya.

Eksport papan lapis ke pasaran Kesatuan Eropah mencatatkan penurunan kuantiti sebanyak 30% kepada 64 ribu meter padu dan 32% daripada segi nilai kepada RM131.86 juta. Eksport ke United Kingdom dan Belgium telah merosot daripada segi kuantiti masing-masing sebanyak 31% dan 50% kepada 54 ribu meter padu dan 2 ribu meter padu. Nilai eksport kepada kedua-dua negara ini juga menurun sebanyak 34% dan 50% masing-masing kepada RM109.60 juta dan RM4.39 juta. Eksport ke pasaran Jerman dan Perancis masing-masing telah merekodkan penurunan daripada segi nilai sebanyak 20% dan 37% kepada RM146 ribu dan RM406 ribu. Manakala, Denmark dan Ireland masing-masing telah meningkatkan pembelian daripada segi nilai sebanyak 36% dan 15% dengan nilai belian RM4.32 juta dan RM8.08 juta.

Eksport ke pasaran Asia Barat merosot daripada segi kuantiti dan nilai sebanyak 11% dan 13% kepada 162 ribu meter padu bernilai RM258.53 juta. Arab Saudi dan Kuwait masing-masing telah mengurangkan pembelian sebanyak 41% kepada RM14.06 juta dan 16% kepada RM4.13 juta berbanding tahun 2018. Walau bagaimanapun, Yemen sebagai pembeli utama di rantau tersebut telah meningkatkan pembelian sebanyak daripada segi kuantiti sebanyak 9% kepada 111 ribu meter padu dan nilai eksport juga meningkat sebanyak 4% kepada RM175.15 juta. Eksport ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Jordan masing-masing juga telah meningkat sebanyak 0.1% kepada RM23.83 juta dan 42% kepada RM5.35 juta.

Pasaran lain seperti Australia telah merosot 18% daripada segi kuantiti kepada 31 ribu meter padu dan daripada segi nilai 15% kepada RM100.72 juta. Begitu juga eksport ke Amerika Syarikat telah mencatatkan penurunan daripada segi kuantiti sebanyak 16% kepada 150 ribu meter padu dan daripada segi nilai sebanyak 36% kepada RM288.85 juta. Manakala, eksport ke pasaran lain turut menurun daripada segi kuantiti dan nilai sebanyak 23% dan 21% kepada 106 ribu meter padu bernilai RM196.49 juta berbanding tahun 2018.

Jadual 15: Malaysia - Eksport Papan Lapis, 2018-2019

Destinasi	2018		2019		% perubahan 2019/2018	
	'000 Meter Padu	RM'000	'000 Meter Padu	RM'000	Meter Padu	Nilai
Asia	1,799	3,709,066	1,427	2,782,872	-20.7	-25.0
Jepun	1,098	2,400,142	842	1,772,677	-23.3	-26.1
Korea Selatan	223	444,182	158	266,790	-29.1	-39.9
Taiwan	107	186,928	110	176,528	2.8	-5.6
Thailand	52	103,118	51	97,361	-1.9	-5.6
China	24	50,724	12	26,761	-50.0	-47.2
Hong Kong	23	44,749	18	34,374	-21.7	-23.2
Singapura	28	52,500	22	43,027	-21.4	-18.0
India	22	55,334	21	50,593	-4.5	-8.6
Kesatuan Eropah	92	193,925	64	131,859	-30.4	-32.0
United Kingdom	78	166,110	54	109,603	-30.8	-34.0
Belgium	4	8,707	2	4,392	-50.0	-49.6
Denmark	1	3,190	2	4,322	100.0	35.5
Ireland	2	7,015	4	8,083	100.0	15.2
Jerman	1	183	1	146	0.0	-20.2
Perancis	2	643	1	406	-50.0	-36.9
Asia Barat	181	296,941	162	258,530	-10.5	-12.9
Yemen	102	169,062	111	175,153	8.8	3.6
Emiriyah Arab Bersatu (UAE)	15	23,797	15	23,831	0.0	0.1
Arab Saudi	14	23,909	8	14,058	-42.9	-41.2
Jordan	2	3,761	2	5,345	0.0	42.1
Kuwait	3	4,880	2	4,125	-33.3	-15.5
Australia	38	118,476	31	100,718	-18.4	-15.0
Amerika Syarikat	179	449,913	150	288,846	-16.2	-35.8
Lain-lain	138	248,825	106	196,493	-23.2	-21.0
JUMLAH	2,156	4,566,148	1,723	3,403,632	-20.1	-25.5

**Nota: Jumlah eksport termasuk papan bungkah
Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia*

Venir

Pada keseluruhannya, pengeksportan venir mengalami penurunan daripada segi kuantiti dan nilai kepada 113 ribu meter padu bernilai RM171.79 juta berbanding pada tahun sebelumnya.

Eksport ke negara-negara pembeli terbesar di Asia seperti Taiwan dan Korea Selatan mencatatkan penurunan daripada segi nilai masing-masing sebanyak 18% dan 82% menjadikan nilai eksport sebanyak RM62.2 juta dan RM19.3 juta. Jepun dan China juga mencatatkan penurunan nilai pengimportan mereka masing-masing sebanyak 27% dan 63% kepada RM25.6 juta dan RM16.4 juta. Eksport ke Itali juga telah mengalami penurunan sebanyak 52% kepada RM1.2 juta. Asia Barat tidak mengeksport venir pada tahun 2019 manakala Filipina mencatatkan peningkatan 15% daripada segi kuantiti dan nilai 7% iaitu 15 ribu meter padu berjumlah RM16.6 juta.

Jadual 16: Malaysia - Eksport Venir, 2018-2019

Destinasi	2018		2019		% Perubahan 2019/2018	
	'000 Meter Padu	RM'000	'000 Meter Padu	RM'000	Meter Padu	Nilai
ASIA	180	287,569	109	152,473	-39.4	-47.0
Jepun	13	35,226	9	25,571	-30.8	-27.4
China	40	44,809	19	16,403	-52.5	-63.4
Filipina	13	15,453	15	16,583	15.4	7.3
Taiwan	47	75,538	48	62,200	2.1	-17.7
Korea Selatan	62	103,503	13	19,346	-79.0	-81.3
KESATUAN EROPAH	1	3,016	-	2,678	-100.0	-11.2
Itali	1	2,488	-	1,207	-100.0	-51.5
ASIA BARAT	-	234	-	-	-100.0	-100.0
Lain-lain	9	27,568	9	30,483	0.0	10.6
JUMLAH	185	304,585	113	171,793	-38.9	-43.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Kayu Kumai dan Kayu Tanggam

Eksport kayu kumai dan kayu tanggam pada tahun 2019 menunjukkan sedikit penurunan apabila eksport menurun 1% kepada RM1.9 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya. Permintaan kayu kumai dan tanggam dari Kesatuan Eropah secara keseluruhannya mencatatkan penurunan pada tahun 2019. Eksport ke Jerman, UK, Perancis dan Belgium yang merupakan pasaran utama di Kesatuan Eropah merekodkan penurunan masing-masing sebanyak 13%, 10%, 7% dan 1% kepada RM60.2 juta, RM153.0 juta, RM63.0 juta dan RM78.3 juta. Walau bagaimanapun, permintaan daripada Poland dan Itali telah meningkat masing-masing sebanyak 43% kepada RM15.8 juta dan 1% kepada RM6.9 juta berbanding pada tahun 2018. Eksport ke Amerika Syarikat juga meningkat sebanyak 27% berjumlah RM295.9 juta manakala eksport ke Kanada juga menunjukkan peningkatan apabila eksport meningkat 3% kepada RM4.7 juta berbanding pada tahun sebelumnya.

Eksport ke Jepun telah merekodkan penurunan sebanyak 2% kepada RM158.5 juta diikuti oleh Singapura sebanyak 10% kepada RM115.6 juta dan Thailand sebanyak 8% kepada RM24.3 juta. Begitu juga eksport ke China menurun sebanyak 25% kepada RM24.3 juta. Walau bagaimanapun, eksport ke Korea Selatan menunjukkan peningkatan sebanyak 24% kepada RM60.9 juta berbanding tahun sebelumnya. Australia pula sebagai destinasi utama pengesportan kayu kumai dan tanggam dari Malaysia dilihat menurun dengan kadar sebanyak 3% kepada RM312.7 juta.

Lain-lain negara yang menunjukkan penurunan pengimportan adalah Maldives sebanyak 14% kepada RM27.5 juta manakala Mauritius menunjukkan peningkatan sebanyak 37% kepada RM12.5 juta.

Jadual 17: Malaysia - Eksport Kayu Kumai dan Tanggam, 2018 – 2019

Destinasi	2018	2019	% Perubahan 2019/2018
	RM'000	RM'000	
Australia	321,786	312,670	-2.8
Belanda	255,199	242,572	-4.9
Amerika Syarikat	232,403	295,902	27.3
United Kingdom	170,070	153,014	-10.0
Jepun	161,334	158,529	-1.7
Singapura	127,956	115,649	-9.6
Belgium	79,101	78,331	-1.0
Jerman	68,840	60,177	-12.6
Perancis	67,538	62,997	-6.7
Maldives	32,067	27,542	-14.1
Korea Selatan	49,112	60,947	24.1
China	27,897	20,806	-25.4
Thailand	26,363	24,280	-7.9
Afrika Selatan	33,775	27,321	-19.1
Taiwan	12,003	14,137	17.8
Poland	11,106	15,840	42.6
Hong Kong	11,959	11,179	-6.5
Mauritius	9,116	12,483	36.9
Itali	6,793	6,869	1.1
Kanada	4,554	4,676	2.7
Lain-lain*	223,526	203,093	-9.1
JUMLAH	1,932,498	1,909,014	-1.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia



Papan Gentian Berketumpatan Sederhana (MDF)

Eksport papan gentian berketumpatan sederhana (MDF) pada 2019 menurun sebanyak 18% dalam kuantiti kepada 823 ribu meter padu dan nilai eksport juga menurun sebanyak 11% kepada RM1.06 bilion berbanding pada tahun 2018.

Asia Barat yang merupakan pengimport utama MDF telah menurunkan pembelian mereka daripada segi kuantiti sebanyak 38% kepada 234 ribu meter padu dan nilai eksport sebanyak 36% kepada RM217.81 juta. Eksport ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE) selaku pembeli utama MDF di Asia Barat telah menurun daripada segi kuantiti sebanyak 20% kepada 115 ribu meter padu dan nilai eksport sebanyak 21% kepada RM106.48 juta.

Eksport ke ASEAN juga mencatatkan penurunan dalam kuantiti sebanyak 29% kepada 128 ribu meter padu dan daripada segi nilai sebanyak 25% kepada RM155.46 juta berbanding tahun 2018. Penurunan ketara pembelian MDF adalah daripada Viet Nam dengan pengurangan kuantiti sebanyak 45% kepada 51 ribu meter padu dan nilai eksport sebanyak 42% kepada RM52.50 juta.

Manakala, pasaran Asia Timur merekodkan peningkatan dalam kuantiti sebanyak 1% kepada 171 ribu meter padu, begitu juga dalam nilai sebanyak 12% kepada RM319.62 juta. Jepun telah mencatatkan kenaikan eksport daripada segi kuantiti dan nilai sebanyak 5% dan 15% kepada 155 ribu meter padu dengan nilai sejumlah RM295.71 juta. Eksport ke Asia Selatan pula mencatatkan penurunan bagi kedua-dua indikator dagangan iaitu kuantiti dan nilai sebanyak 5% dan 7% kepada 132 ribu meter padu dengan nilai sejumlah RM150.60 juta. Pembelian MDF dari Pakistan merekodkan penurunan kuantiti sebanyak 22% kepada 42 ribu meter padu dan nilai sebanyak 15% kepada RM63.61 juta.

Pasaran eksport ke Afrika juga menurun sebanyak 27% dalam kuantiti kepada 47 ribu meter padu dan nilai eksport sebanyak 17% kepada RM52.48 juta. Perdagangan dengan negara Oceania turut mencatatkan penurunan 11% kepada 32 ribu meter padu dan 10% kepada RM60.34 juta berbanding tahun 2018. Namun, eksport ke benua Amerika pula meningkat sebanyak 185% kepada 74 ribu meter padu dan nilai eksport juga meningkat sebanyak 92% kepada RM92.16 juta. Peningkatan belian dari benua Amerika adalah didorong oleh pembeli MDF beralih ke pasaran alternatif selain China sementelah perang dagang di antara China dan Amerika Syarikat semakin memuncak. Selain itu, pasaran di Eropah menunjukkan penurunan daripada segi kuantiti sebanyak 29% kepada 5 ribu meter padu, namun nilai eksport telah meningkat sebanyak 17% kepada RM11.41 juta.

Jadual 18: Malaysia - Eksport Papan Gentian Berketumpatan Sederhana (MDF),
2018-2019

Destinasi	2018		2019		% perubahan 2019/2018	
	'000 Meter Padu	RM'000	'000 Meter Padu	RM'000	Meter Padu	Nilai
ASIA TIMUR	170	285,126	171	319,624	0.6	12.1
Jepun	148	257,504	155	295,708	4.7	14.8
China	8	6,436	5	4,553	-37.5	-29.3
Korea Selatan	5	6,549	4	6,046	-20.0	-7.7
Lain-lain negara Asia Timur	9	14,637	7	13,317	-22.2	-9.0
ASIA SELATAN	139	162,717	132	150,596	-5.0	-7.4
Pakistan	54	75,175	42	63,608	-22.2	-15.4
India	59	64,474	60	62,984	1.7	-2.3
Lain-lain negara Asia Selatan	26	23,068	30	24,004	15.4	4.1
ASIA BARAT	377	342,563	234	217,812	-37.9	-36.4
Emiriyah Arab Bersatu (UAE)	144	134,758	115	106,482	-20.1	-21.0
Arab Saudi	34	31,466	17	19,791	-50.0	-37.1
Syria	54	49,039	15	12,791	-72.2	-73.9
Kuwait	50	43,595	26	25,636	-48.0	-41.2
Lain-lain negara Asia Barat	95	83,705	61	53,112	-35.8	-36.5
ASEAN	181	206,211	128	155,456	-29.3	-24.6
Viet Nam	93	89,746	51	52,502	-45.2	-41.5
Indonesia	46	51,812	39	45,577	-15.2	-12.0
Filipina	38	55,704	31	45,941	-18.4	-17.5
Lain-lain negara ASEAN	4	8,949	7	11,436	75.0	27.8
Asia Tengah	1	899	0	0	-100.0	-100.0
Benua Amerika	26	47,904	74	92,158	184.6	92.4
Benua Afrika	64	62,919	47	52,484	-26.6	-16.6
Eropah	7	9,776	5	11,413	-28.6	16.7
OCEANIA	36	67,172	32	60,345	-11.1	-10.2
JUMLAH	1,001	1,185,287	823	1,059,888	-17.8	-10.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Papan Serpai

Eksport papan serpai pada 2019 meningkat sebanyak 18% dalam kuantiti kepada 801 ribu meter padu, namun telah menurun daripada nilai eksport sebanyak 24% kepada RM367.23 juta berbanding pada tahun 2018.

Pasaran Asia Timur menunjukkan peningkatan dalam kuantiti sebanyak 41% kepada 549 ribu meter padu namun nilai eksport telah menurun sebanyak 30% kepada RM189.59 juta. Korea Selatan telah mencatatkan penurunan daripada segi kuantiti dan nilai sebanyak 43% dan 52% kepada 77 ribu meter padu dengan nilai sejumlah RM48.43 juta.

Eksport ke Asia Selatan pula merekodkan penurunan bagi kedua-dua indikator dagangan iaitu kuantiti dan nilai sebanyak 37% dan 33% kepada 42 ribu meter padu dengan nilai sejumlah RM26.76 juta. Pembelian papan serpai oleh pengimport India mencatatkan penurunan kuantiti sebanyak 37% kepada 38 ribu meter padu dan daripada segi nilai sebanyak 33% kepada RM23.28 juta.

Eksport papan serpai ke Asia Barat telah merekodkan penurunan daripada segi nilai eksport sebanyak 14% kepada RM10.86 juta dan mengekalkan kuantiti pembelian sebanyak 13 ribu meter padu. Eksport ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE) selaku pembeli utama papan serpai di Asia Barat telah menurun daripada segi nilai eksport sebanyak 13% kepada RM5.35 juta manakala nilai eksport ke Oman telah meningkat sebanyak 33% kepada RM2.54 juta.

Eksport ke ASEAN pula menunjukkan penurunan dalam kuantiti sebanyak 3% kepada 186 ribu meter padu dan daripada segi nilai sebanyak 10% kepada RM129.59 juta berbanding tahun 2018. Viet Nam telah mengurangkan pembelian daripada segi kuantiti sebanyak 16% kepada 74 ribu meter padu dan nilai belian sebanyak 19% kepada RM47.56 juta. Eksport ke Indonesia pula telah meningkat daripada segi kuantiti dan nilai masing-masing sebanyak 15% kepada 46 ribu meter padu dan 8% kepada RM28.79 juta.

Import dari benua Amerika telah meningkat daripada segi kuantiti sebanyak 25% kepada 5 ribu meter padu dan nilai eksport sebanyak 2% kepada RM4.38 juta. Pasaran eksport ke Afrika pula menurun sebanyak 1 ribu meter padu dengan nilai RM838 ribu. Perdagangan dengan negara Oceania juga menurun sebanyak 25% kepada 3 ribu meter padu dan nilai sebanyak 34% kepada RM2.77 juta berbanding tahun 2018. Manakala, pasaran di Eropah merekodkan pembelian sebanyak 4% kepada RM2.44 juta.

Jadual 19: Malaysia - Eksport Papan Serpai, 2018-2019

Destinasi	2018		2019		% perubahan 2019/2018	
	'000 Meter Padu	RM'000	'000 Meter Padu	RM'000	Meter Padu	Nilai
ASIA TIMUR	390	272,127	549	189,578	40.8	-30.3
China	232	145,512	170	102,263	-26.7	-29.7
Korea Selatan	134	101,637	77	48,427	-42.5	-52.4
Jepun	16	21,377	301	38,473	1,781.3	80.0
Lain-lain negara Asia Timur	8	3,601	1	415	-87.5	-88.5
ASIA SELATAN	67	39,998	42	26,761	-37.3	-33.1
India	60	34,946	38	23,275	-36.7	-33.4
Sri Lanka	2	2,680	2	1,964	0.0	-26.7
Pakistan	1	1,115	1	989	0.0	-11.3
Lain-lain negara Asia Selatan	3	1,257	1	533	-66.7	-57.6
ASIA BARAT	13	12,618	13	10,861	0.0	-13.9
Emiriyah Arab Bersatu (UAE)	5	6,141	5	5,346	0.0	-12.9
Lebanon	3	3,227	2	956	-33.3	-70.4
Oman	2	1,905	2	2,541	0.0	33.4
Lain-lain negara Asia Barat	3	1,345	4	2,018	33.3	50.0
ASEAN	192	143,572	186	129,593	-3.1	-9.7
Viet Nam	88	58,625	74	47,563	-15.9	-18.9
Indonesia	40	26,560	46	28,786	15.0	8.4
Filipina	47	41,409	47	39,481	0.0	-4.7
Lain-lain negara ASEAN	17	16,978	19	13,763	11.8	-18.9
Benua Amerika	4	4,276	5	4,380	25.0	2.4
Benua Afrika	5	3,342	1	838	0.0	-74.9
Eropah	3	2,344	2	2,444	0.0	4.3
OCEANIA	4	4,176	3	2,773	-25.0	-33.6
JUMLAH	678	482,453	801	367,228	18.1	-23.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Perabot

Eksport perabot kayu dan rotan mencatatkan peningkatan sebanyak 17% kepada RM9.1 bilion berbanding RM7.8 bilion pada tahun 2018. Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom, Australia dan Singapura masih kekal dalam kelompok lima pasaran utama perabot kayu Malaysia.

Amerika Syarikat yang merupakan pengimport utama perabot kayu negara telah mencatatkan peningkatan yang baik sebanyak 45% kepada RM4.2 bilion berbanding RM2.9 bilion pada tahun 2018. Negara tersebut menguasai 45% syer pasaran daripada nilai keseluruhan eksport perabot kayu negara pada tahun 2019. Eksport ke pasaran Jepun turut meningkat 3% kepada RM619.8 juta diikuti United Kingdom 29% kepada RM513.5 juta dan Singapura 2% kepada RM463.3 juta. Walau bagaimanapun, eksport ke Australia mencatatkan penurunan sebanyak 10% kepada RM478.9 juta berbanding RM531.2 juta pada tahun 2018.

Eksport ke pasaran Eropah iaitu ke pasaran Jerman dan Belgium merekodkan peningkatan masing-masing sebanyak 4% kepada RM52.5 juta dan 33% kepada RM50.0 juta. Eksport ke pasaran Sepanyol turut meningkat 6% kepada RM19 juta. Manakala, eksport perabot kayu ke pasaran Perancis mencatatkan sedikit penurunan berjumlah RM64.0 juta diikuti Poland 4% kepada RM36.3 juta dan Sweden 10% kepada RM29.2 juta. Pembelian daripada Rusia turut merosot 27% kepada RM21.4 juta berbanding RM29.4 juta pada tahun 2018.

Eksport ke Kanada merekodkan peningkatan sebanyak 10% kepada RM297.8 juta. Manakala, pasaran Chile dan Puerto Rico masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 27% dan 61% kepada RM80.0 juta dan RM38.0 juta. Eksport perabot kayu ke pasaran New Zealand pula meningkat sebanyak 4% kepada RM43.2 juta.

Penghantaran ke China mencatatkan penurunan sebanyak 11% kepada 225.9 juta manakala eksport ke India meningkat sebanyak 4% kepada RM249.9 juta. Eksport ke pasaran Korea Selatan menurun sedikit kepada RM92.1 juta berbanding RM92.2 juta pada tahun 2018.

Eksport ke pasaran Timur Tengah meningkat disumbang peningkatan ke Arab Saudi sebanyak 43% kepada RM179.5 juta diikuti Emiriyah Arab Bersatu (UAE) 13% kepada 151.3 juta dan Kuwait 13% kepada RM49.1 juta.

Pengimportan perabot kayu oleh Filipina pula meningkat sebanyak 15% kepada RM237.2 juta. Manakala, eksport ke pasaran Thailand dan Viet Nam masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 15% dan 1% kepada RM42.8 juta dan RM38.7 juta.

Pembelian dari Algeria telah menyusut sebanyak 17% iaitu kepada RM38.8 juta. Namun begitu, eksport ke Afrika Selatan meningkat sebanyak 3% kepada RM76.2 juta.

Jadual 20: Malaysia - Eksport Perabot Kayu, 2018-2019

Kedudukan Syer Pasaran	Destinasi	2018	2019	% Perubahan 2019/2018
		RM'000	RM'000	
1	Amerika Syarikat	2,871,989	4,154,466	44.7
2	Jepun	602,086	619,809	2.9
3	United Kingdom	398,990	513,529	28.7
4	Australia	531,216	478,907	-9.8
5	Singapura	456,110	463,349	71.6
6	Kanada	270,069	297,766	24.1
7	India	239,872	249,938	4.2
8	Filipina	207,084	237,193	14.5
9	China	254,288	225,916	-11.2
10	Arab Saudi	126,005	179,529	42.5
11	Emiriyah Arab Bersatu	134,453	151,255	12.5
12	Korea Selatan	92,205	92,106	-0.1
13	Chile	109,194	79,959	-26.8
14	Afrika Selatan	73,875	76,211	3.2
15	Taiwan	63,512	66,914	5.4
16	Perancis	64,035	64,017	-0.03
17	Jerman	50,613	52,495	3.7
18	Belgium	37,632	49,979	32.8
19	Kuwait	43,589	49,083	12.6
20	New Zealand	41,650	43,151	3.6
21	Thailand	50,372	42,813	-15.0
22	Algeria	46,621	38,814	-16.7
23	Viet Nam	39,217	38,652	-1.4
24	Puerto Rico	97,907	37,975	-61.2
25	Poland	37,607	36,289	-3.5
26	Lain- lain*	846,197	802,632	-5.1
JUMLAH		7,786,388	9,142,747	17.4

*Lain-lain merangkumi 149 negara

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Permintaan pasaran eksport bagi perabot rotan bagi tahun 2019 mencatatkan penurunan sebanyak 49% kepada RM1.5 juta berbanding RM2.9 juta pada tahun 2018. Penurunan permintaan adalah disebabkan oleh pengurangan permintaan serta peralihan pasaran pengimport utama produk ini.

Eksport ke Jepun mencatatkan penurunan sebanyak 85% kepada RM66 ribu berbanding RM447 ribu pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, eksport ke Australia meningkat kepada RM408 ribu daripada RM53 ribu pada tahun 2018. Eksport ke Singapura turut mencatatkan peningkatan kepada RM202 ribu.

Eksport ke Amerika Syarikat direkodkan berjumlah RM353 ribu diikuti Brazil dengan RM140 ribu, American Samoa RM66 ribu and Perancis RM56 ribu.

Jadual 21: Malaysia - Eksport Perabot Rotan, 2018-2019

Kedudukan Syer Pasaran	Destinasi	2018	2019	% Perubahan 2019/2018
		RM'000	RM'000	
1	Australia	53	408	669.8
2	Amerika Syarikat	0	353	100.0
3	Singapura	118	202	71.2
4	Brazil	0	140	100.0
5	Jepun	447	66	-85.2
6	American Samoa	0	66	100.0
7	Perancis	0	56	100.0
8	Sepanyol	0	50	100.0
9	Maldives	0	43	100.0
10	Samoa Barat	0	33	100.0
11	Lain-lain	2,272	51	-97.8
JUMLAH		2,890	1,468	-49.2

**Lain-lain merangkumi 6 negara*

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Kesimpulan

Prestasi eksport produk perkayuan Malaysia sepanjang tahun 2019 mencatatkan peningkatan dagangan sebanyak 1% kepada RM22.50 bilion berbanding RM22.26 bilion pada tahun 2018. Peningkatan minima prestasi eksport adalah disebabkan oleh ketegangan perdagangan global yang makin meruncing seperti di antara China dan Amerika Syarikat dan Jepun dan Korea Selatan serta pertumbuhan perlahan industri pembinaan di kebanyakan negara.

Berdasarkan pasaran pula, eksport produk perkayuan ke pasaran Asia mencatatkan penurunan sebanyak 6% kepada RM13.0 bilion. Pasaran ke Eropah dan benua Ocenia juga merekodkan penguncupan apabila mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 2% dan 7% kepada RM2.21 bilion dan RM1.11 bilion. Permintaan di Asia Barat tidak begitu memberangsangkan disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak stabil di negara-negara GCC (*Gulf Cooperation Council*) kesan daripada ketidaktentuan harga minyak dunia serta ketegangan geo-politik di beberapa negara di rantau tersebut seperti di Syria dan Iran menyebabkan eksport produk perkayuan ke rantau tersebut telah menurun sebanyak 4% kepada RM1.57 bilion berbanding RM1.63 bilion pada tahun 2018.

Manakala, di benua Amerika, keadaan ekonomi yang beransur stabil serta peningkatan aktiviti pelaburan, penggunaan swasta serta peningkatan perbelanjaan isi rumah telah memberikan impak terhadap permintaan jualan produk kelengkapan rumah termasuk perabot kayu. Tambahan lagi, dengan konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China menyebabkan pembeli-pembeli Amerika Syarikat beralih kepada pasaran alternatif seperti Malaysia dan Viet Nam. Faktor-faktor ini telah mendorong peningkatan eksport ke benua tersebut sebanyak 27% kepada RM5.67 bilion pada tahun 2019.

Menurut Bank Negara Malaysia, pertumbuhan global dijangka meningkat sedikit pada tahun 2020 selepas mencatatkan prestasi paling lemah sejak Krisis Kewangan Global dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.9% pada tahun 2019. Aktiviti perdagangan akan disokong oleh perjanjian Fasa Satu antara AS dengan China yang telah ditandatangani dalam 15 Januari 2020. China dan negara serantau dijangka mendapat manfaat daripada prospek perdagangan yang bertambah baik susulan perjanjian Fasa Satu ini.

Lantaran itu, MTIB akan terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bagi meningkatkan eksport produk perkayuan ke pasaran sedia ada dan juga untuk menembusi pasaran baru yang berpotensi bagi mengembangkan lagi akses produk perkayuan negara. Tambahan lagi, produk kayu-kayan negara menawarkan kualiti produk yang bermutu tinggi dan sesuai bagi menampung keperluan pihak pengimport.

The background of the entire page is a close-up, horizontal view of a light-colored wood grain, likely oak or a similar species. The grain patterns are wavy and organic, with various shades of cream, beige, and light brown. There are several prominent knots visible, adding texture and character to the background.

BAB 4

AKTIVITI DAN PROJEK

PERANCANGAN STRATEGIK

PRESTASI PELABURAN DALAM INDUSTRI BERASASKAN KAYU 2019

Di sebalik persekitaran luaran yang mencabar dan aliran masuk FDI global yang menurun, Malaysia kekal berdaya saing dan berjaya menarik sejumlah RM207.9 bilion bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama pada tahun 2019, dan mencatatkan peningkatan 1.7% berbanding tahun 2018.


Dengan sumbangan 60.4 peratus (RM125.5 bilion), pelaburan domestik (DDI) menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Walaupun FDI mencapai 39.6% (RM82.4 bilion) dari jumlah tersebut, nilai FDI pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak 2.9% daripada tahun sebelumnya. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama yang menerajui jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2019. Pelaburan yang diluluskan untuk sektor ini juga telah meningkat 11.3% berbanding tahun 2018.

Sektor perkilangan Malaysia mencatatkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM82.7 bilion bagi 2019. Bilangan projek perkilangan yang diluluskan meningkat 37% daripada 721 projek pada 2018 kepada 988 projek pada tahun 2019. FDI menyumbang 65.2% (RM53.9 bilion) daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, sementara bakinya iaitu 34.8% (RM28.8 bilion) merupakan pelaburan domestik.

Sektor perkhidmatan terus menjadi tonggak pertumbuhan ekonomi negara. Kelebihan Malaysia sebagai pusat perniagaan dan pelaburan berjaya menarik 4,087 projek yang diluluskan di sektor perkhidmatan pada tahun 2019. Dengan pelaburan sebanyak RM118.1 bilion perlu diperhatikan bahawa meskipun sumber domestik menguasai pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, pelaburan asing telah meningkat sebanyak 53.4% dari RM16.1 bilion pada 2018 kepada RM24.7 bilion pada tahun 2019. Sektor utama mencatatkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM7 bilion pada tahun 2019, berbanding RM10.9 bilion pada tahun 2018.

Prestasi pelaburan bagi sektor pengilangan industri berasaskan kayu menunjukkan arah aliran peningkatan yang positif selaras dengan pengembangan pelaburan sektor pengilangan dan pengembangan ekonomi Malaysia pada tahun 2019. Nilai pelaburan bagi tahun 2019 adalah sejumlah RM1,331 juta meningkat sebanyak 21% (RM233 juta) berbanding RM1,098 juta pada tahun 2018. Nilai pelaburan asing dilihat meningkat secara drastik bagi industri perkayuan dengan jumlah sebanyak RM851 juta berbanding RM654 juta pada tahun 2018. Maklumat perincian data adalah seperti dalam **Carta 2** dan **Jadual 22**.

Carta 2: Projek Pengilangan Industri Berasaskan Kayu yang Diluluskan, 2018 - 2019



Jadual 22: Projek Pengilangan Industri Berasaskan Kayu yang Diluluskan, 2018 - 2019

Industri	2019				2018			
	Pekerjaan	Pelaburan Domestik	Pelaburan Asing	Jumlah Pelaburan	Pekerjaan	Pelaburan Domestik	Pelaburan Asing	Jumlah Pelaburan
		(RM)	(RM)	(RM)		(RM)	(RM)	(RM)
Kayu dan Barangan Kayu	1,649	300,350,726	407,398,666	707,749,392	1,805	332,065,718	211,361,304	543,427,022
Perabot dan Kelengkapan	3,671	179,533,567	444,021,099	623,554,666	1,886	112,634,869	442,898,768	555,533,637
Jumlah	5,320	479,884,293	851,419,765	1,331,304,058	3,691	444,700,587	654,260,072	1,098,960,659

Sumber: MIDA

PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN OLEH INSTITUSI PERBANKAN KEPADA INDUSTRI PERKAYUAN DAN PERABOT

Nilai Kelulusan Pembiayaan dan Kewangan oleh Institusi Kewangan untuk sektor industri berasaskan kayu bagi tempoh 2011-2019 adalah berjumlah RM19.0 bilion.

Bagi tahun 2019, nilai kelulusan pembiayaan yang diluluskan oleh institusi perbankan kepada industri perkayuan adalah berjumlah RM1.67 bilion dan jumlah kelulusan ini telah menunjukkan penurunan sebanyak 11.4% berbanding RM1.85 bilion pada tahun 2018.


Pembiayaan sektor industri berasaskan kayu yang mencatatkan nilai kelulusan tertinggi adalah sub-sektor pengilangan kayu dan produk kayu berjumlah RM770.3 juta (46.1%) diikuti sub-sektor pengilangan perabot bernilai RM652.9 juta (39.1%) dan sub-sektor perhutanan, pembalakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan dengan jumlah pelaburan RM247.3 juta (14.8%). Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 23** dan **Graf 3** di bawah.

Jadual 23: Kelulusan Pembiayaan Oleh Institusi Perbankan Kepada Industri Perkayuan bagi tempoh 2011-2019

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
(a) Perhutanan, pembalakan & aktiviti perkhidmatan berkaitan	727.8	2,285.8	502.7	1,077.4	635.3	317.0	290.5	550.2	247.3
(b) Pengilangan kayu & produk kayu	1,247.5	734.1	721.0	973.2	751.6	1,004.3	569.9	610.1	770.3
(c) Pengilangan perabot	497.6	453.0	459.1	600.1	461.8	615.6	579.9	694.8	652.9
Jumlah (a) + (b) + (c)	2,472.9	3,472.9	1,682.9	2,650.7	1,848.7	1,936.9	1,440.3	1,885.1	1,670.5

Sumber : Bank Negara Malaysia (BNM)

Graf 3: Arah Aliran Kelulusan Pembiayaan Oleh Institusi Perbankan Kepada Industri Perkayuan bagi tempoh 2011 - 2019



Sumber : Bank Negara Malaysia (BNM)



PROGRAM KELESTARIAN INDUSTRI PERKAYUAN MALAYSIA

Bagi mencapai sasaran Malaysia untuk menjadi negara yang maju dan berdaya saing menjelang tahun 2020, adalah perlu bagi kita memfokuskan tenaga dan tumpuan terhadap meningkatkan kadar produktiviti negara ke tahap yang lebih tinggi.

Industri perkayuan kini menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang kritikal di mana masalah ini boleh menyebabkan syarikat perkayuan menutup operasi mereka, malah turut dilaporkan berada di tahap kritikal di mana mereka terpaksa menolak permintaan, kelewatan penghantaran produk dan sesetengahnya terpaksa membayar penalti kepada pelanggan mereka kerana telah melanggar kontrak perjanjian. Sekiranya isu ini dibiarkan, ia akan memberi implikasi yang serius terhadap sektor perkayuan. Maka, adalah menjadi tanggungjawab MTIB untuk membantu industri bagi mengatasi masalah ini.

Sehubungan itu, MTIB menekankan konsep pengurusan pengilangan baik iaitu dengan mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti (*Quality Environment*), kondusif dan selamat, menghasilkan nilai tahap produktiviti dan Prosedur Operasi Standard (SOP) syarikat.

MTIB juga telah mengorak langkah dengan melaksanakan beberapa program bagi memastikan industri perkayuan terus berdaya saing meskipun dibelenggu dengan masalah kekurangan tenaga kerja. Antara program – program yang ditawarkan oleh MTIB kepada industri perkayuan adalah seperti berikut:

i. ***Good Manufacturing Practices (GMP) – 5S***

GMP-5S atau Amalan Pengilangan Terbaik merupakan kaedah dan teknik kawalan kualiti sesebuah organisasi dengan memberi penekanan terhadap penggalakkan persekitaran tempat kerja yang lebih selamat dan kondusif. Ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja serta menggalakkan pengekalan pekerja sedia ada dan menarik pekerja yang baharu untuk bekerja di kilang-kilang perkayuan.

Pada tahun 2019, sebanyak 15 syarikat perkayuan dari Semenanjung Malaysia telah menyertai program ini. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada syarikat perkayuan mengenai pengetahuan dan kemahiran terhadap amalan pengurusan kilang yang lebih kemas dan bersistematik. Program ini masih berlangsung dan dijangka tamat pada bulan Jun 2020.

Program ini juga turut melibatkan pegawai-pegawai MTIB secara langsung dan banyak perkongsian serta pembelajaran yang boleh diambil perhatian dan diaplikasikan hasil daripada pengalaman bersama pihak penyedia latihan ketika menjalankan proses konsultansi.

Sesi Jerayawaraya serta Sesi Taklimat juga turut diadakan bagi mempromosikan program ini di dua (2) lokasi sekitar Semenanjung Malaysia bagi membuat hebahan mengenai program ini:

- i. Ibu Pejabat MTIB, Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2019
- ii. Pejabat Muar Furniture Association (MFA), Johor pada 30 Oktober 2019



ii. **Program Pengurusan *Lean* MTIB 2019**

Program Pengurusan *Lean* merupakan salah satu usaha ke arah mengurangkan pembaziran dan kebergantungan kepada tenaga kerja asing di mana aliran proses pengeluaran kilang dioptimumkan mengikut keperluan sahaja.

Konseppengurusan*Lean*ini merupakan usaha penambahbaik yang amat praktikal untuk membantu menambahbaik proses kerja di bahagian operasi pengeluaran seperti pelan atur lantai (*lay-out*), pengurusan logistik, penyelenggaraan dan sebagainya supaya lebih produktif dan cekap. Oleh yang demikian, pembaziran dapat dielakkan dan seterusnya produktiviti pengeluaran dapat dipertingkatkan serta menyumbang kepada pembangunan dan kecemerlangan organisasi.

Pada tahun 2019, sebanyak 15 syarikat perkayuan dari Semenanjung Malaysia telah menyertai program ini. Program tersebut telah membantu mentransformasikan syarikat-syarikat perkayuan dari segi peningkatan produktiviti, pengurangan proses dan masa dan juga *realignment* proses pembuatan produk perkayuan.

Jumlah penjimatan langsung yang telah dicatatkan oleh 15 syarikat adalah sebanyak RM4.5 juta setahun dan peningkatan jualan adalah sebanyak RM7.65 juta setahun telah dikenalpasti daripada program ini.

Program ini juga turut memberi manfaat kepada pegawai-pegawai MTIB di mana mereka sendiri juga terlibat secara langsung bersama pihak penyedia latihan ketika menjalankan proses konsultasi.

Bagi tujuan mempromosikan program ini, MTIB telah mengadakan Sesi Jerayawaraya serta Sesi Taklimat di dua (2) lokasi sekitar Semenanjung Malaysia bagi membuat hebahan mengenai program ini:

- i. Pejabat Muar Furniture Association (MFA), Johor pada 7 Ogos 2019
- ii. Pejabat KSFA, Kuala Lumpur pada 27 Ogos 2019



Sesi Jerayawara dan Sesi Taklimat untuk Mempromosikan Program Pengurusan Lean dan Program GMP 5S



Pembentangan Akhir Program Lean dan Lawatan Kilang LSK Group di Klang, Selangor



Pembentangan Akhir Program Lean dan Lawatan Kilang Reliable Trend, Batu Pahat, Johor



Pembentangan Akhir Program Lean dan Lawatan Kilang Jetexim Business Sdn. Bhd., Muar, Johor

PENGALAKKAN PASARAN KAYU-KAYAN

PENERBITAN ARTIKEL KHAS DI MEDIA CETAK UNTUK USAHAWAN PRODUK PERKAYUAN BERINOVASI DAN BERNILAI TAMBAH TINGGI

Pelaksanaan aktiviti ini adalah salah satu inisiatif berterusan untuk merealisasikan program pemasaran dan promosi bagi Projek Pembangunan Usahawan Produk Perkayuan Bernilai Tambah Tinggi di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Untuk merealisasikan sasaran NATIP agar dapat dicapai pada tahun 2020, MTIB telah merangka pelbagai program termasuk aktiviti pemasaran yang komprehensif dengan kerjasama pihak industri perkayuan. Di antara program pemasaran yang telah dilaksanakan termasuklah aktiviti penerbitan artikel khas untuk usahawan produk perkayuan di media cetak melalui majalah-majalah terpilih pada tahun 2019.

Objektif utama program ini adalah bagi:

- i. Meningkatkan promosi produk perkayuan bernilai tambah pengusaha tempatan dan
- ii. Menyebarkan maklumat mengenai status semasa, perkembangan dan potensi industri perkayuan yang berinovasi dan bernilai tambah tinggi.

Pemilihan medium media cetak bagi pelan promosi dan publisiti adalah bertepatan dengan impak yang amat memberangsangkan yang diterima hasil daripada siri-siri pengiklanan melalui media cetak yang pernah dijalankan sebelum ini pada tahun 2010 di bawah Program Meningkatkan Kesedaran Dan Penggunaan Kayu Tempatan di Pasaran Domestik.

Program penerbitan artikel khas mengenai usahawan dan produk perkayuan tempatan di dalam majalah terpilih bermula pada tahun 2018 dan ianya diteruskan lagi pada tahun 2019 memandangkan impaknya yang sangat baik. Pada tahun 2019 ianya telah melibatkan 12 pengusaha tempatan produk perkayuan bernilai tambah tinggi yang diterbitkan dalam tiga (3) majalah iaitu majalah Designer Concept, Commercial Concept dan Archilab.

Artikel tersebut diterbitkan dalam Bahasa Inggeris agar promosi penggunaan kayu di kalangan masyarakat dapat diperluaskan meliputi semua golongan pembaca di Malaysia. **Jadual 24** menerangkan penerbitan artikel khas yang dikeluarkan sepanjang tahun 2019.

Jadual 24 : Program Penerbitan Artikel Khas Mengenai Usahawan Dan Produk Perkayuan Tempatan Pada Tahun 2019


BIL.	TAJUK ARTIKEL	SYARIKAT	MAJALAH	KELUARAN
1.	<i>Making People's Imagination Reality</i>	Dr. Kayu Network	Commercial Concept	Ogos
2.	<i>Making Furniture Long-Lasting</i>	Perfect Homecare Industries Sdn. Bhd.	Commercial Concept	Ogos
3.	<i>Giving A Second Life to Wood</i>	Martool Woodwork & Custom Enterprise	Designer Concept	Ogos
4.	<i>Creating unique yet responsible architecture</i>	Domaine Architects Sdn Bhd	Designer Concept	Ogos
5.	<i>Manufacturer of living space furnishings</i>	AV Furniture Group Sdn. Bhd.	Designer Concept	Ogos
6.	<i>Custom-crafted with care</i>	KWM Craft	Archilab	September
7.	<i>Conceptualising sensational spaces</i>	Ruang Idea Kreatif Sdn. Bhd.	Archilab	September
8.	<i>Wondrous wood wares</i>	Dreebu Marketing	Archilab	September
9.	<i>A Timeless Beauty</i>	Esta Ventures Sdn. Bhd.	Designer Concept	Disember
10.	<i>The Wow Factor</i>	MM Door Sdn. Bhd.	Designer Concept	Disember
11.	<i>Making A Comeback</i>	Rinaat Cane Sdn. Bhd.	Designer Concept	Disember
12.	<i>Creating Unique Eco-Friendly Furniture</i>	Waris Papan Resources	Designer Concept	Disember



SEBAHAGIAN MAJALAH DAN ARTIKEL YANG DITERBITKAN



PUSAT PROMOSI PERABOT DAN PERKAYUAN (RUMAH MELAKA)



Rumah Melaka merupakan satu projek kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dengan Kerajaan Negeri Melaka di mana ia dibiayai di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang telah siap dibina pada tahun 2010 dan dirasmikan pada tahun 2011. Pembinaan Rumah Melaka adalah bertujuan menyediakan sebuah pusat promosi produk-produk perkayuan yang dihasilkan oleh pengusaha SME/Bumiputera. Selain itu, Rumah Melaka juga dibina untuk menjadi pusat persejaraan seni bina warisan Negeri Melaka dan pusat rujukan perkayuan khasnya untuk sektor pembinaan, di samping menjadi salah satu destinasi pelancongan.

Pada tahun 2019, MTIB terus meningkatkan promosi Rumah Melaka dan menggalakkan lebih ramai lagi pengunjung melawat Rumah Melaka. Berikut adalah antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Rumah Melaka pada tahun 2019.

Jadual 25: Aktiviti-aktiviti Rumah Melaka Bagi Tahun 2019

BIL.	AKTIVITI/PROGRAM	BILANGAN AKTIVITI/ PROGRAM	BILANGAN PESERTA	CATATAN
1.	Program Kerjasama	9	3,710 orang	Bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Melaka dan Agensi peringkat negeri bagi menjayakan program-program di Rumah Melaka
2.	Lawatan/ Kunjungan Awam	Januari - Disember	570 orang	Lawatan oleh pengunjung seperti orang awam, pelancong, pelajar IPTA/IPTS dan <i>specifiers</i>
3.	Penggunaan Bilik • Sewaan Bilik Kempas • Sewaan Bilik Karas	10	452 orang	Mempromosikan penggunaan kemudahan yang terdapat di Rumah Melaka
4.	Sewaan Dewan	41	39,700 orang	Mempromosikan penggunaan kemudahan yang terdapat di Rumah Melaka
5.	Sewaan Kafetaria	November – Disember	-	Mempromosikan kemudahan yang terdapat di Rumah Melaka
6.	Jualan Penerbitan MTIB	Januari - Disember	-	Meningkatkan sebaran maklumat perkayuan
JUMLAH			44,432 orang	

Sepanjang tahun 2019, jumlah kehadiran pengunjung di Rumah Melaka menurun sebanyak 25% kepada 44,432 orang berbanding 59,487 orang pada tahun 2018. Bagi tahun 2020, aktiviti-aktiviti/program sewaan beberapa kemudahan yang terdapat di Rumah Melaka akan ditingkatkan untuk membantu dalam memperkenalkan lagi Rumah Melaka dan MTIB kepada umum serta mempromosikan penggunaan produk perkayuan di pasaran tempatan.

AKTIVITI DI RUMAH MELAKA BAGI TAHUN 2019



Pembentangan Akhir Program Lean dan Lawatan Kilang Reliable Trend, Batu Pahat, Johor



Program oleh PERKIM Cawangan Bukit Baru



Program KN Edu Solution Centro Seremban Negeri Sembilan



Lawatan pelancong dari Jerman



Mesyuarat Pejabat Rela Negeri Melaka



Lawatan daripada penyanyi Noraniza Idris



Program Berbasikal Mountain Bike Sykt Inferion Batu Berendam Melaka



Majlis Perkahwinan di Rumah Melaka



Kafeteria Rumah Melaka

PENGLIBATAN SYARIKAT PERABOT DALAM PAMERAN ANTARABANGSA

Industri perabot kayu merupakan penyumbang terbesar kepada eksport industri perkayuan negara. Salah satu inisiatif strategik bagi mempromosikan imej Perabot Malaysia adalah Program Pembangunan Reka Bentuk Perabot (*Professional Designers Programme, PDP*). Oleh itu, di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), MTIB dengan kerjasama MATRADE telah menyelaraskan penyertaan sepuluh buah syarikat perabot tempatan di bawah program PDP dalam pameran *Korea International Furniture and Interior Fair (KOFURN) 2019* yang telah diadakan pada 29 Ogos hingga 1 September 2019 di KINTEX, Goyang, Korea Selatan. Penyertaan kesemua syarikat perabot tersebut adalah ditaja oleh ASEAN-Korea Centre (AKC) dan hasil jualan langsung dan rundingan yang diperolehi adalah sejumlah RM1.43 juta. Syarikat-syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) BSL Furniture Sdn Bhd
- (ii) CF Fantastic Industries Sdn Bhd
- (iii) Creative Carpentry (M) Sdn Bhd
- (iv) Hup Chong Furniture Sdn Bhd
- (v) IB Sofa Sdn Bhd
- (vi) Meranti Marshal Sdn Bhd
- (vii) Mobilia International Sdn Bhd
- (viii) SF Furniture Sdn Bhd
- (ix) TMH Furniture Sdn Bhd
- (x) Wegmans Furniture industries Sdn Bhd

Wakil syarikat bersama Pn. Norharliza Mohd. Yunos, Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Seoul, Korea.





Wakil syarikat TMH Furniture Industries Sdn Bhd memberi penerangan produk kepada TYT Dato' Mohd Ashri Muda, Duta Besar Malaysia ke Republik Korea dan Pn. Norharliza Mohd. Yunos, Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Seoul, Korea.



Wakil syarikat sedang memberi penerangan berkenaan produk masing-masing kepada bakal pembeli dan pengunjung pameran.



Antara produk-produk pameran syarikat peserta KOFURN 2019



Antara produk-produk pameran syarikat peserta KOFURN 2019



MESYUARAT RUNDINGAN PERJANJIAN PERDAGANGAN (FTA)

MTIB masih meneruskan penyertaan dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sama ada di peringkat dua hala mahupun serantau. Tujuan utama penyertaan MTIB adalah untuk meningkatkan akses pasaran produk perkayuan Malaysia di pasaran antarabangsa. Selain itu, penyertaan dalam rundingan ini juga bagi memelihara kepentingan industri kayu-kayan negara di pasaran antarabangsa selain memastikan eksport perkayuan Malaysia mendapat layanan keutamaan (*preferential treatment*) di pasaran yang terlibat dalam rundingan FTA yang sedang dijalankan.

Melalui perundingan FTA, MTIB menyertai rundingan berkaitan pengurangan/penghapusan halangan tarif dan bukan tarif serta peraturan tempasal juga dilaksanakan untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih meluas bagi produk perkayuan Malaysia. Sejak kebelakangan ini, skop dan isu alam sekitar juga dititik beratkan dan dimasukkan sebagai salah satu skop penting dalam perundingan FTA terutamanya bagi pasaran yang sensitif terhadap isu-isu persekitaran dan alam sekitar. Bidang-bidang seperti kerjasama ekonomi dan pelaburan juga terdapat dalam skop rundingan yang boleh membantu pembangunan perdagangan produk perkayuan Malaysia di peringkat antarabangsa pada masa hadapan.

Penyertaan MTIB antara lain adalah memberi input serta menyertai mesyuarat disamping terus memantau perkembangan perjanjian yang telah ditandatangani. Antara perundingan FTA yang disertai MTIB dalam tahun 2019 adalah seperti berikut:

- i) Malaysia – *European Free Trade Association (EFTA) Economic Partnership Agreement* (MEEPA)
- ii) *The Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) – ASEAN-Australia, China, India, Japan, South Korea and New Zealand
- iii) Malaysia – *Iran Preferential Trade Agreement* (MIPTA)
- iv) Kajian Semula Malaysia – *Pakistan Closer Economic Partnership Agreement* (MPCEPA)

FORUM ASEAN

Negara-negara ASEAN terus meningkatkan usaha untuk mengukuhkan kerjasama di kalangan anggotanya dalam perdagangan kayu-kayan bagi memastikan sektor perikanan di rantau ini lebih berdaya saing bagi menghadapi cabaran dan persaingan di pasaran global. Antara mesyuarat yang telah disertai pada tahun 2019 adalah:

1. **Mesyuarat ke-22 'ASEAN Working Group on Forest Products Development' (AWG-FPD) di Makati City, Filipina pada 15-16 Julai 2019.**



Ucapan Pengerusi AWG-FPD dan gambar berkumpul delegasi ASEAN

2. **Mesyuarat ke-22 'ASEAN Senior Officials on Forestry' (ASOF) di Makati City, Filipina pada 18-19 Julai 2019.**



Delegasi Malaysia



Mesyuarat sedang berlangsung

3. **Mesyuarat ke-26 'Joint Committee on ASEAN Cooperation in Agriculture and Forest Product Promotion Scheme (JCM-26) di Kota Kinabalu, Sabah pada 24-26 Julai 2019.**



Malaysia selaku pengerusi JCM-26



Gambar berkumpul delegasi ASEAN

FASA KEDUA - PEMBANGUNAN KAPASITI BAGI PENGGUNAAN *TIMBER TRADE GUIDELINES FOR FRONTLINE CUSTOM OFFICERS* KHUSUS UNTUK PEGAWAI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA DAN AGENSI PENGUATKUASAAN BERKAITAN PERKAYUAN

Projek bagi fasa kedua ini adalah kesinambungan daripada fasa pertama pembangunan garis panduan yang dinamakan *Timber Trade Guidelines for Frontline Custom Officers* bagi memastikan hanya kayu dan produk kayu dari sumber sah sahaja diperdagangkan ke pasaran antarabangsa. Fasa kedua melibatkan program pembangunan kapasiti bagi menggunakan garis panduan tersebut kepada pegawai Kastam yang berada di pintu masuk dan keluar Negara serta agensi penguatkuasaan terlibat dalam sektor perkayuan. Peruntukan bagi fasa ini telah diterima daripada *Food and Agricultural Organization of the United Nation* (UN- FAO) di bawah program FAO-EU FLEGT meliputi tempoh setahun pelaksanaan bermula Jun 2018 – Jun 2019. MTIB dan TRAFFIC International telah sekali lagi bekerjasama bagi melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang bagi projek tersebut.

Bermula Jun 2018, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi membuat persediaan projek ini antaranya perjumpaan antara MTIB, Traffic International dan pihak atasan JKDM bagi mendapatkan komitmen pelaksanaan aktiviti yang dirancang. Seterusnya sesi perbincangan bersama pegawai JKDM dari Akademi Latihan Kastam (AKMAL) seterusnya satu bengkel bagi membangunkan modul dan kurikulum kursus telah diadakan melibatkan pegawai JKDM Ibu Pejabat dan AKMAL Melaka. Modul dan kurikulum tersebut dirangka mengikut keperluan garis panduan yang telah dibangunkan sebelum ini dan digunakan semasa bengkel bersama pegawai JKDM daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 2019, sebanyak tiga (3) bengkel penggunaan garis panduan tersebut telah diadakan dengan kerjasama daripada Jabatan Perhutanan Sabah dan Sarawak serta STIDC. Bengkel pertama diadakan di Johor Bharu pada 25-28 Februari 2019 dan dihadiri oleh 21 orang pegawai JKDM daripada semua negeri di Semenanjung Malaysia termasuk ibu pejabat. Bengkel kedua diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 10 – 12 Julai 2019 dan dihadiri 12 orang pegawai JKDM Sabah seterusnya bengkel ketiga di Kuching, Sarawak pada 24 – 25 Julai 2019 dengan kehadiran 17 orang pegawai JKDM Sarawak. Secara keseluruhan seramai 50 orang pegawai JKDM daripada Semenanjung Sabah dan Sarawak telah diberikan pendedahan mengenai prosedur pengeksporan dan pengimportan produk perkayuan berdasarkan jadual MYTLAS Semenanjung, TLAS Sabah dan STLVs Sarawak bagi memastikan kelancaran serta memberikan jaminan bahawa produk perkayuan Malaysia yang dieksport datang dari sumber yang sah.



Gambar berkumpul delegasi ASEAN



Bengkel penutup pula telah diadakan pada 26 September 2019 bagi menandakan penamat kepada fasa kedua projek ini. Bengkel ini telah dihadiri seramai 30 orang pegawai JKDM, wakil dari STIDC, Jabatan Perhutanan Sabah serta wakil dari FAO dan perwakilan EU di Malaysia. Semasa bengkel itu juga, wakil dari JKDM telah diberikan buku garis panduan serta bahan-bahan pengajaran semasa beberapa siri bengkel yang telah diadakan bagi kegunaan dan rujukan pegawai JKDM dalam melaksanakan latihan dan kursus berkaitan.



Bengkel di Kuching, Sarawak dengan kehadiran pegawai JKDM Sarawak, Jabatan Perhutanan Sarawak dan STIDC



Lawatan kilang di Kota Kinabalu, Sabah sebagai pendedahan kepada pegawai JKDM Sabah



Sesi penyerahan garis panduan dan bahan kursus kepada wakil JKDM dan pegawai JKDM yang hadir pada bengkel penutup

SESI PERKONGSIAN PENGALAMAN BAGI PENGUSAHA KAYU TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Sesi perkongsian pengalaman bertajuk Exploring Business Potential for Malaysian Timber Entrepreneurs in Domestic and Overseas Market telah diadakan pada 26 November 2019 di Bangi, Selangor. Seminar yang dihadiri oleh 70 orang pemain industri per kayu Malaysia bertujuan untuk menyediakan platform perkongsian pengalaman dan pengetahuan oleh syarikat-syarikat pembinaan terkenal yang beroperasi di dalam dan di luar negara kepada usahawan per kayu serta meningkatkan jaringan perhubungan dan perniagaan mereka.

YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani, Ketua Pengarah MTIB dalam ucapan pembukaan menekankan bahawa industri pembinaan Malaysia menyumbang 3-6% setahun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar dan industri per kayu Malaysia bagi tempoh Januari - Ogos 2019 menyumbang kira-kira RM14.52 juta di mana perabot kayu dan rotan menjadi penyumbang utama sebanyak RM5.62 bilion diikuti oleh papan lapis RM2.36 bilion dan kayu bergergaji RM2.31 bilion. Oleh itu, MTIB telah mengambil langkah proaktif untuk memupuk kerjasama antara syarikat-syarikat yang telah lama terlibat dalam industri pembinaan dengan industri per kayu negara. Beliau juga menggesa semua peserta untuk terlibat secara aktif dan mewujudkan peluang perniagaan melalui seminar tersebut.

Panel penceramah yang dijemput adalah pemilik syarikat pembinaan yang telah beroperasi selama lebih dari 10 tahun di dalam dan di luar negara. Salah seorang panel penceramah ialah Kaz Akitek Syarikat yang mana syarikat ini mempunyai pengalaman luas dalam bidang pembinaan dan telah meneroka pasaran baru di luar negara. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan profesional yang merangkumi setiap peringkat projek dari reka bentuk lakaran kepada pentadbiran kontrak dan penyeliaan pembinaan. Antara projek yang dijayakan adalah penubuhan Fakulti of Human Resource, UTM, CIQ Kompleks, Gerbang Selatan Bersepadu dan juga projek perumahan Benson@Medini, Nusajaya Johor.

Sementara itu, Encik Tan Goo Can dari Can-I Interior Fit-Out Sdn Bhd berkongsi pengalaman beliau membina perniagaannya yang bermula dari secara arkitek sehingga berjaya membuka firma arkitek dan pembinaan. Encik Tan Goo Can terlibat dalam setiap aspek binaan dan mampu mengukuhkan skil konsep antara perancang dan pembina. Beliau juga mempunyai rancangan revolusioner dalam menggerakkan Can-I ke hadapan melalui perkhidmatan fit-out yang dapat membantu untuk meningkatkan taraf dalam industri ini. Beliau turut berkongsi beberapa projek yang melibatkan kepakaran hiasan dalaman syarikat beliau antaranya Hotel Cinnamon Grand, Sri Lanka; Hotel St Regis, Kuala Lumpur; IPC, Damansara; Stesen MRT Pasar Seni dan Bukit Bintang.

Selain itu, Encik Adhwa Adzmil dari MATRADE berkongsi mengenai inisiatif program e-trade yang merupakan platform perdagangan atas talian (*online trade*) untuk membantu meningkatkan akses produk per kayu negara ke pasaran global. Di samping itu, Puan Noor Asiah Mahmud juga dari MATRADE berkongsi maklumat berkenaan geran pembangunan pasaran (MDG) bermatlamat untuk membantu PKS, penyedia perkhidmatan profesional, persatuan perdagangan & industri dalam menjalankan aktiviti promosi eksport serta syarat dan keperluan yang perlu dipatuhi syarikat untuk mendapat geran tersebut.



YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani, Ketua Pengarah MTIB bersama barisan panel penceramah.



YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani, Ketua Pengarah MTIB bersama-sama peserta.

SEMINAR E-COMMERCE: EXPORT OPPORTUNITIES FOR TIMBER PRODUCTS DENGAN KERJASAMA DENGAN MATRADE

Perkembangan pantas dan pesat dunia teknologi telah mewujudkan satu segmen baru perniagaan iaitu perdagangan atas talian (*online trade*) dan kewujudan pelbagai segmen e-dagang di Malaysia telah mengubah landskap perdagangan sekali gus memberikan prospek cerah khususnya terhadap pembangunan ekonomi digital. Oleh itu, MTIB telah menjalinkan kerjasama dengan MATRADE dalam memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat perkayuan mengenai program E-Trade serta tawaran insentif kewangan bernilai sehingga RM5,000 untuk membiayai sebahagian yuran penyertaan bagi syarikat yang menyertai sebarang platform e-dagang yang tersenarai seperti Amazon.com, Alibaba.com dan DagangHalal.com. Seminar ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat perkayuan tempatan untuk meneroka perdagangan atas talian bagi meluaskan akses pasaran produk mereka, membantu syarikat perkayuan tempatan menjual produk kayu dan produk berasaskan kayu secara dalam talian dengan bekerjasama dengan penyedia ruang e-dagang terkemuka dan meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat perkayuan tempatan kepada pendigitalan dalam perniagaan mereka.

Siri pertama penganjuran seminar ini telah diadakan pada 15 Ogos 2019 di Hotel Sunway, Seberang Jaya, Pulau Pinang dan dihadiri 14 buah syarikat. Manakala, siri kedua pula diadakan pada 14 November 2019 bertempat di Hotel Vistana, Kuantan dan dihadiri 12 buah syarikat. Seminar ketiga program e-Commerce ini diadakan semasa program sesi perkongsian pengalaman yang telah diadakan pada 26 November 2019 di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi, Selangor. Penceramah-penceramah yang terlibat dalam ketiga-tiga seminar e-Commerce terdiri daripada MATRADE, Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC), Exabytes on Alibaba.com, PanPages on Alibaba.com dan See Hup Transport Sdn Bhd.



Gambar berkumpul bersama wakil peserta di Butterworth, Pulau Pinang



Gambar berkumpul bersama wakil peserta di Kuantan, Pahang



Perbincangan wakil syarikat Bersama wakil PanPages semasa seminar E-Commerce di Kuantan, Pahang



Penerangan oleh wakil MATRADE semasa seminar E-Commerce di Butterworth, Pulau Pinang

MESYUARAT/PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Bagi memastikan kepentingan Malaysia di dalam perdagangan kayu-kayuan terpelihara dan untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa serta mendapat maklumat semasa mengenai perkembangan industri di peringkat antarabangsa, MTIB telah menyertai mesyuarat /persidangan antarabangsa seperti berikut:

- i. *APEC Expert Group on Illegal Logging and Associated Trade (EGILAT):* EGILAT-15 Santiago, Chile dan EGILAT-16 Puerto Varas, Chile
- ii. *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)*
- iii. *Sesi ke-55 International Tropical Timber Council (ITTC) and Associated Sessions of the Committees* di Lome, Togo

PENGHASILAN LAPORAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT PASARAN PERKAYUAN

Untuk membantu usaha menyebarkan maklumat pasaran kepada *stakeholders*, pihak industri dan pihak-pihak berkenaan supaya perancangan pembangunan dan strategi pemasaran yang berdaya saing dapat dilaksanakan, pelbagai laporan dan aktiviti penyebaran maklumat telah dijalankan.

a) Laporan berkaitan pasaran telah dihasilkan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- Buletin MASKAYU - *Market Profile, Timber Round Up, Timber World in Brief, Shipping News, Domestic News* (bulanan)
- MTIB News Extracts (dwi-mingguan)
- Laporan Tahunan MTIB
- Laporan Pasaran - Mesyuarat Jemaah Lembaga MTIB (setiap suku tahun)
- Laporan Nota Jemaah Menteri (Pasaran Perkayuan)
- Laporan Komoditi - Kementerian
- Laporan Pasaran dan Harga Kayu Getah (bulanan)
- Laporan Pasca Kabinet - Pasaran perkayuan
- Laporan Penilaian Polisi Tahunan WTO – Sektor Perkayuan Malaysia
- Laporan ITTO
- Laporan Prospektus MTIB

b) Seminar/Bengkel/Taklimat/Dialog Industri yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- Sesi *engagement* bersama industri perkayuan sempena mesyuarat Malaysia – *Australia Forestry and Timber Technical Working Group* pada 19 Mac 2019
- Seminar “*Experience Sharing Session*”: *Exploring Business Potential for Malaysian Timber Entrepreneur in Domestic and Overseas Market*” pada 26 November 2019

PROGRAM PEMBANGUNAN LADANG HUTAN


Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) merupakan satu inisiatif Kerajaan melalui MTIB untuk membangunkan ladang hutan bagi memastikan pengeluaran bekalan bahan mentah yang berkualiti dan berterusan kepada industri perkayuan negara. PPLH telah dijalankan bermula pada tahun 2007 mensasarkan penanaman ladang hutan seluas 130,000 hektar bagi spesies-spesies terpilih yang dikategorikan cepat besar bagi setiap pusingan tebang tidak melebihi tempoh 15 tahun. Peruntukan bagi PPLH adalah berjumlah RM1.045 bilion bagi tempoh 2007-2020.

Sehingga 31 Disember 2019, nilai pinjaman sejumlah RM899,242,477.62 telah diluluskan bagi 77 perjanjian untuk pembangunan 124,766.81 hektar ladang hutan. Daripada jumlah keseluruhan kawasan yang diluluskan, sebanyak 64,862.80 hektar (51.9%) adalah penanaman di Semenanjung, 30,404.01 hektar (24.4%) di Sabah dan 29,500.00 hektar (23.7%) di Sarawak sepertimana **Carta 3**.

Spesies tanaman utama yang ditanam adalah daripada spesies Getah TLC (*Timber Latex Clone*) dengan keluasan 86,380.81 hektar (69.2%), sementara baki adalah tanaman daripada spesies hutan iaitu kelempayan/laran, binuang, batai dan akasia yang meliputi kawasan seluas 38,386.00 hektar (30.8%).


Sehingga 31 Disember 2019, seluas 115,628.26 hektar atau 92.68% daripada keseluruhan kawasan yang diluluskan telah siap ditanam oleh syarikat peminjam.

Carta 3: Pecahan Pembangunan PPLH Mengikut Wilayah



Perbandingan kemajuan sebenar dan perancangan bagi PPLH sehingga 31 Disember 2019 dapat dilihat melalui **Carta 4** di bawah. Kemajuan penanaman PPLH pada tahun 2019 adalah seluas 1,103 hektar iaitu melebihi sasaran penanaman seluas 1,000 hektar sepertimana Indeks Prestasi Utama (KPI) YB Menteri Industri Utama.

Carta 4: Kemajuan Program Pembangunan Ladang Hutan



Ladang Syarikat Jal Star Marine Sdn Bhd
Pokok Getah (*Hevea brasiliensis*)

FOREST PLANTATION DEVELOPMENT SDN. BHD. (FPDSB)

FPDSB ditubuhkan pada 13 Februari 2006 sebagai sebuah anak syarikat milik penuh MTIB yang merupakan agen pelaksana kepada MTIB untuk menyelaraskan Projek Pembiayaan Program Pembangunan Ladang Hutan yang dibahagikan kepada tiga (3) skim pembangunan ladang hutan sepertimana **Jadual 26** di bawah.

Jadual 26: Tiga Skim Pembangunan Ladang Hutan (SPLH)

SPLH KECIL	SPLH SEDERHANA	SPLH BESAR
4 hingga 40 hektar	41 hingga 2,499 hektar	2,500 hektar ke atas
Spesies getah	Spesies getah dan spesies hutan	Spesies getah dan spesies hutan
Pembiayaan 100%	Pembiayaan 100%	Pembiayaan 90%

Melalui program yang dilaksanakan ini, Kerajaan memberi peluang pinjaman mudah kepada pelabur-pelabur tempatan untuk penubuhan ladang hutan komersial. Program ini akan menggalakkan pelabur-pelabur swasta, anak syarikat kerajaan, koperasi dan persatuan yang terlibat dalam perladangan hutan untuk turut serta dalam projek pembangunan ladang hutan.

Pemeriksaan Siap Kerja (Pengauiditan Ladang)

Bagi memastikan permohonan pengeluaran pinjaman mengikut tatacara dan prosedur yang telah ditetapkan, FPDSB bersama wakil MTIB telah menjalankan aktiviti pemeriksaan siap kerja (pengauiditan ladang) ke kawasan ladang peminjam untuk pengesahan dan penilaian siap kerja sebelum pengeluaran pinjaman dibuat kepada syarikat peminjam.

Aktiviti pengauiditan ladang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 berdasarkan tuntutan pengeluaran pinjaman yang dikemukakan oleh syarikat peminjam. Jumlah bayaran yang diluluskan adalah berlandaskan laporan lapangan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Tuntutan Pengeluaran Pinjaman melalui pengauiditan yang dilaksanakan.



Aktiviti-aktiviti Pengauiditan Ladang Hutan di Lapangan

Kursus dan Seminar Bahagian Perladangan Hutan Tahun 2019

Sepanjang tahun 2019, MTIB telah menjalankan aktiviti-aktiviti penganjuran kursus dan seminar bagi peningkatan kemahiran. Sebanyak tiga (3) program telah dijalankan oleh Bahagian Perladangan Hutan MTIB.

Dalam tahun ini seramai 73 peserta yang terdiri daripada syarikat PPLH, usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), individu dan pekebun kecil telah dapat dilatih serta didedahkan dengan pengetahuan dalam pelbagai skop pengurusan ladang berkaitan spesies getah dan karas/gaharu bagi menyokong program pembangunan ladang hutan yang dijalankan oleh MTIB. **Jadual 27** menerangkan senarai kursus dan bengkel yang telah dianjurkan dalam tahun 2019.

Jadual 27: Senarai kursus dan seminar yang dianjurkan dalam tahun 2019

BIL.	TARIKH	TEMPAT	NAMA KURSUS/BENKEL	JUMLAH PESERTA
1.	27-28 Februari	Dewan Persidangan MTIB	Bengkel Meraut (<i>Carving</i>) Karas/ Gaharu	25 orang
2.	27-28 Mac	Dewan Persidangan MTIB	Bengkel Pengurusan Dan Pembangunan Ladang Hutan Getah	30 orang
3.	09-10 April	Dewan Persidangan MTIB	Bengkel Asas Penghasilan Minyak Berasaskan Gaharu	18 orang



Bengkel Meraut (*Carving*) Karas / Gaharu pada 27-28 Februari 2019



Bengkel Asas Penghasilan Minyak Berasaskan Gaharu pada 9-10 April 2019



PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI BULUH

Bagi menyokong program dan aktiviti sepertimana yang terdapat di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia bagi tahun 2011-2020, MTIB telah menganjurkan aktiviti sepanjang tahun 2019. Antara program dan aktiviti yang dijalankan adalah Hari Buluh Sedunia 2019 (WBD 2019) dan taklimat berkenaan buluh sempena Sambutan WBD 2019.

Hari Buluh Sedunia 2019 (WBD 2019)

Sambutan Hari Buluh Sedunia bagi tahun 2019 telah diteruskan pada 12-13 Oktober 2019 bertempat di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh Perak melibatkan 10 syarikat yang menyertai pameran, 39 pelajar daripada sekolah menengah sekitar Ipoh telah menyertai pertandingan penulisan esei berkaitan buluh dan 12 pasukan daripada sekolah menengah telah menyertai pertandingan reka cipta kincir air berasaskan buluh. Dianggarkan lebih 600 orang pengunjung telah hadir bagi memeriahkan sambutan sempena WBD 2019.

Seminar dan Kursus Buluh

Sempena sambutan WBD 2019, terdapat beberapa siri seminar berkaitan buluh telah diadakan bertujuan untuk:

- i. Meneruskan kesinambungan penganjuran dan selaras dengan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh di Malaysia di bawah Teras Strategi Promosi dan Pemasaran. Seiring dengan peranan kerajaan menerusi Kementerian Industri Utama (MPI) untuk menggalakkan serta mempergiat aktiviti berkaitan buluh bermula dari peringkat perladangan hingga ke penghasilan produk bernilai tambah;
- ii. Meningkatkan kesedaran penggunaan buluh di peringkat tempatan dan global;
- iii. Mempromosikan penggunaan buluh sebagai salah satu elemen dalam penghasilan produk dalam industri berasaskan kayu; dan
- iv. Menggalakkan perladangan buluh sebagai satu industri baru terutamanya dalam aspek penggunaan yang lebih mampan.

Dalam seminar ini, terdapat enam (6) slot pembentangan yang dikendalikan dengan Program Bual Bicara Buluh bagi memeriahkan lagi sambutan WBD 2019:

Slot 1	Resort Bertemakan Buluh oleh YBhg Dato' Lai Yeng Fock, <i>Tadom Hill Resort</i>
Slot 2	Pengenalan Kepada Buluh oleh Encik Amir Sariffudin Kassim, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
Slot 3	Pasaran Buluh Global RM300 bilion : Kita Di Mana? oleh Tn Hj Ir Ahmad Mazlan Othman, <i>Bamboo Jungle Adventures (BJA)</i>
Slot 4	<i>Ecotourism – The Bamboo Way</i> oleh Encik Shariff Ali Jabad Ali, <i>Sahom Valley Resort</i>
Slot 5	<i>Textile Bamboo Innovation as New Economic Resource</i> oleh Dr Nazrul Roslan, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)
Slot 6	<i>Futurising Malaysian Bamboopreneurs towards Participation in USD100 Billion Global Market</i> oleh YBhg Dato' Ghazi Sheikh Ramli, <i>Malaysian Bamboo Society (MBS)</i>



Pemenang Pertandingan Reka Cipta Kincir Air Berasaskan Buluh



Pemenang Pertandingan Karangan Esei Berkaitan Buluh



Lawatan Semasa Pameran Produk Berasaskan Buluh Sempena WBD 2019



Majlis Sambutan Program WBD 2019



Pameran Produk Berasaskan Buluh Sempena WBD 2019



Sesi Penanaman Pokok Buluh Sempena WBD 2019

PEMUDAHCARA PERDAGANGAN


PENDAFTARAN DI BAWAH BAHAGIAN III, PENGAWALSELIAAN PERINDUSTRIAN KAYU - AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973 [Akta 105]

PENDAFTARAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

Sepanjang tahun 2019, MTIB telah mendaftarkan sejumlah 504 aktiviti utama iaitu pendaftaran baru bagi Pengeksport Kayu & Pembekal Kayu, Pemeringkat Kayu mencatatkan penurunan sebanyak 55.5% berbanding 586 permohonan pada tahun 2018.


Berikut adalah Perbandingan Pecahan Bilangan Aktiviti yang diluluskan permohonan sebagai Pendaftaran Baharu mengikut tahun

Carta 5: Perbandingan Bilangan Aktiviti yang diluluskan Pendaftaran Baharu dari Tahun 2017 sehingga 2019



Berdasarkan bilangan syarikat, terdapat penurunan mendadak pada tahun 2019 di mana hanya terdapat 261 syarikat yang memohon pendaftaran baharu berbanding 586 pada tahun sebelumnya.


Carta 6 : Perbandingan Bilangan Aktiviti yang diluluskan dalam Pendaftaran Baharu dari tahun 2017 sehingga 2019




Begitu juga dengan bilangan syarikat yang diluluskan permohonan pembaharuan pendaftaran pada tahun 2019 di mana terdapat penurunan sebanyak 16.5% iaitu 1,284 pembaharuan pendaftaran bagi tahun 2019 berbanding 1,538 pada tahun 2018. Bilangan pendaftaran berdasarkan pembaharuan aktiviti juga menurun 16.4% iaitu 2312 aktiviti pada tahun 2019 berbanding 2764 aktiviti pada tahun 2018.

Berikut adalah Perbandingan Jumlah Syarikat yang diluluskan Pembaharuan Pendaftaran dan Bilangan Aktiviti yang diluluskan dalam Pembaharuan Pendaftaran dari tahun 2017 sehingga 2019.

Carta 7: Perbandingan Bilangan Syarikat yang diluluskan Pembaharuan Pendaftaran Bagi Tahun 2017 sehingga 2019



Carta 8 : Perbandingan Bilangan Aktiviti yang diluluskan dalam Pembaharuan Pendaftaran dari tahun 2017 sehingga 2019




PENDAFTARAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGIMPORT KAYU KATEGORI PAPAN LAPIS / VENIR BERLAMINASI, KAYU GERGAJI, KAYU BALAK / BAULKS DAN PENANAM KARAS

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 607 buah syarikat telah mendaftar sebagai pengimport kayu dengan pecahan seperti berikut :

- Pengimport papan lapis / venir berlaminasi ,362 buah syarikat
- Pengimport Kayu Gergaji , 215 buah syarikat
- Pengimport Kayu Balak / Baulks, 30 buah syarikat

Jumlah Pendaftaran Baharu sebagai Pengimport Papan Lapis / Venir Berlaminasi adalah 191, Kayu Gergaji adalah 108 dan Kayu Balak atau Baulks adalah 10. Manakala bagi Pembaharuan Pendaftaran sebagai Pengimport Papan Lapis / Venir Berlaminasi adalah 171, Kayu Gergaji adalah 107 dan Kayu Balak atau Baulks adalah 20.

Carta 9 : Perbandingan Antara Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Pendaftaran mengikut Kategori bagi Tahun 2019




Pendaftaran Di Bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Cites) 2008 [Akta 686]

Di bawah peruntukan Seksyen 16(1)(c) berkaitan Peraturan-Peraturan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Permit, Peraturan, Perdagangan dan Fi) 2009 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2010 telah mewajibkan pendaftaran untuk penanam pokok Karas bagi maksud perdagangan komersial. Semua pengusaha dan penanam pokok Karas yang menjalankan aktiviti penanaman di atas tanah sendiri, tanah sewa/pajak, tanah Kerajaan dan kawasan hutan simpan wajib berdaftar dengan MTIB.


Pada tahun 2019, sebanyak 30 permohonan pendaftaran penanam Karas baharu diluluskan. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 41.2% berbanding dengan tahun

2018, iaitu 51 permohonan dengan MTIB pada tahun tersebut. Manakala 47 permohonan pembaharuan pendaftaran penanam Karas telah diluluskan pada tahun 2019. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 51.6% berbanding tahun 2018 sebanyak 31 permohonan pembaharuan pendaftaran dengan MTIB. **Carta 10** menunjukkan rekod Pendaftaran Sebagai Penanam Spesies Terjadual (Karas) bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 manakala **Carta 11** menunjukkan rekod pembaharuan pendaftaran Sebagai Penanam Spesies Terjadual (Karas) bagi tahun 2017, 2018 dan 2019:

Carta 10: Rekod Pendaftaran Baharu Sebagai Penanam Spesies Terjadual (Karas)




Carta 11 : Rekod Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Penanam Spesies Terjadual (Karas)




Jumlah keluasan tanaman Karas yang telah mendapat kelulusan dari MTIB sehingga tahun 2019 adalah sebanyak 549 Hektar dengan penurunan keluasan pendaftaran tanaman Karas sebanyak 1,193 Hektar berbanding 1,742 Hektar pada tahun 2018. **Carta 12** menunjukkan rekod keluasan tanaman karas mengikut negeri sehingga 2019.

Carta 12: Rekod Keluasan Tanaman Karas Mengikut Negeri Sehingga 2019



Jumlah dirian pokok Karas yang berjaya didaftarkan dengan Lembaga sehingga tahun 2019, adalah sebanyak 1,733,802 batang pokok manakala pendaftaran bilangan anak pokok/benih Karas pula adalah sebanyak 754,568. **Carta 13** menunjukkan rekod bilangan pokok Karas dan anak/benih pokok Karas yang telah didaftarkan dengan Lembaga mengikut negeri sehingga tahun 2019.

Carta 13 : Jumlah Pokok Dan Anak/Benih Karas Yang Berdaftar Mengikut Negeri Sehingga Tahun 2019



Secara keseluruhannya terdapat peningkatan keatas aktiviti pendaftaran penanam Karas bagi tahun 2019. MTIB Sebagai Pihak Berkuasa Pengurusan yang telah dipertanggungjawabkan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta 686 bertanggungjawab untuk memastikan agar aktiviti mengusahakan tapak semeian dan menanam pokok Karas berdaftar dengan MTIB, sekiranya pokok Karas tersebut ditanam untuk tujuan komersial.

PROGRAM TAKLIMAT PERATURAN EKSPORT DAN IMPORT PRODUK KAYU DAN KELUARAN KAYU 2019

Program taklimat Peraturan Eksport Dan Import Produk Kayu Dan Keluaran Kayu 2019 merupakan satu program yang dirancang (*Industry Awareness Programme*) untuk syarikat yang berdaftar dengan MTIB, seperti syarikat pengeksport dan pengimport serta wakil-wakil persatuan perkayuan.

Objektif program taklimat ini adalah bertujuan untuk:

- (1) Mengukuhkan kefahaman terhadap dasar dan peraturan eksport dan import produk kayu dan keluaran kayu;
- (2) Meningkatkan kefahaman terhadap perundangan perdagangan kayu diperingkat antarabangsa dan implikasinya;
- (3) Menambahkan pengalaman pengeksport dan pengimport supaya lebih berdaya saing dan berdisiplin; dan
- (4) Merancakkan pembangunan dan pertumbuhan industri perkayuan selaras dengan pencapaian objektif NATIP.

Di samping itu, program taklimat ini juga merupakan platform untuk MTIB menghebahkan kepada industri perkayuan berkenaan isu-isu terkini dalam perdagangan kayu di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Taklimat ini memberi peluang kepada pihak industri untuk mengemukakan sebarang cadangan, pertanyaan atau penambahbaikan berkaitan peraturan pengeksportan dan pengimportan kayu dan keluaran kayu secara terus kepada MTIB.

Program ini telah dilaksanakan dengan penglibatan sejumlah 335 orang peserta yang terdiri daripada syarikat pengeksport dan pengimport serta wakil-wakil persatuan perkayuan di lima (5) lokasi seperti berikut:

Jadual 28 : Senarai program / latihan pada tahun 2019

NO	LOKASI	TARIKH	BILANGAN PESERTA
Taklimat Peraturan Eksport Dan Import Produk Kayu Dan Keluaran Kayu 2019			
1	Hotel Crown Crystal Klang, Selangor	19 September 2019	82
2	Hotel Granada Johor Bharu, Johor	2 Oktober 2019	90
3	Hotel Perdana Kota Bahru, Kelantan	8 Oktober 2019	30
4	Hotel Sri Manja Boutique Kuantan, Pahang	10 Oktober 2019	52
5	Hotel Sunway Seberang Prai, Pulau Pinang	24 Oktober 2019	81
JUMLAH			335



Taklimat Peraturan Eksport dan Import Produk Kayu dan Keluaran Kayu 2019 di Johor Bahru, Johor.

KURSUS/LATIHAN YANG DISERTAI

MTIB juga telah mengadakan Seminar Akta Syarikat 2016, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 27 November 2019 bertempat di Dewan Persidangan MTIB, Tingkat 13. Seramai tiga puluh sembilan (39) kakitangan Bahagian P&I telah mengikuti bengkel ini.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman dan pengetahuan baru kepada staf dan pegawai Unit Pendaftaran yang terlibat mengenai Akta Syarikat 2016, SSM yang telah digubalkan bagi menggantikan dokumen lama seperti Memorandum Articles of Association (MAA), Borang 24 & 49 dengan dokumen baru yang lebih ringkas yang diperlukan untuk proses permohonan lesen dan pendaftaran import & eksport.

PELESENAN


Pengeluaran Lesen Eksport

Pada tahun 2019, sebanyak 86,182 lesen eksport telah diproses dan dikeluarkan. oleh pejabat-pejabat MTIB di Semenanjung Malaysia. Jumlah keseluruhan lesen eksport yang dikeluarkan pada tahun 2019 menunjukkan pengurangan sebanyak 2.08% atau sebanyak 1,831 lesen eksport berbanding tahun sebelumnya iaitu 88,013 lesen. Secara keseluruhannya, pada 2019 sebanyak 10,941,799 meter padu kayu dan keluaran kayu telah dieksport dari Semenanjung Malaysia berbanding dengan 5,760,343 meter padu pada tahun 2018. Butiran pecahan lesen eksport adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29: Pengeluaran Lesen Eksport bagi Tahun 2019 Berbanding Tahun 2017 dan 2018

Wilayah/Pejabat Pengeluar Lesen	2017	2018	2019
Ibu Pejabat, KL	22,156	23,185	20,969
Selatan	18,414	23,125	22,672
Utara	12,584	12,352	17,879
Timur (Kota Bharu)	8,095	7,360	7,308
Timur (Kuantan)	3,712	4,088	3,685
Timur (K. Terengganu)	1,125	1,236	1,074
Tengah	14,980	16,667	12,595
Jumlah	81,066	88,013	86,182
Kota Kinabalu	537	Tiada Pengeluaran Lesen	Tiada Pengeluaran Lesen
Sandakan	192		
Tawau	781		
Jumlah	1,510		
JUMLAH KESELURUHAN	82,576	88,013	86,182

Carta 14: Perbandingan Jumlah Lesen Eksport Pada Tahun 2017- 2019



Pengeluaran Lesen MYTLAS


Lesen MYTLAS merupakan dokumen memberi pengesahan ke atas produk kayu berstatus sah (*legal timber*). Sistem tersebut dibangunkan sebagai *Timber Legality Assurance System* (TLAS) yang berasaskan kepada enam (6) prinsip utama dan disokong oleh 26 Jadual (*Criterion*). Prinsip tersebut terdiri daripada *Right to Harvest, Forest Operations, Statutory Charges, Other Users' Rights, Mill Operations* dan *Trade and Customs*. Pelaksanaan TLAS adalah melibatkan lapan (8) Agensi Pelaksana di bawah enam (6) Kementerian berbeza, dan MTIB bertindak sebagai Pihak Berkuasa Pelesenan (*Licensing Authority*).

Pada tahun 2019 sebanyak 10,557 lesen MYTLAS telah dikeluarkan berbanding 11,393 lesen dikeluarkan pada tahun 2018. Pengeksportan ini melibatkan 11 produk kayu utama termasuk kayu gergaji, kayu kumai, perabot, *Builders' Joinery and Carpentry (BJC)*, papan lapis dan bingkai kayu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 36% (3,632) adalah produk kayu gergaji, 25% (2,647) untuk produk kayu kumai, 23% (2,400) produk perabot, 12% (1,285) produk BJC manakala 6% dikeluarkan untuk lain-lain produk seperti papan lapis, papan gentian, bingkai kayu dan lain-lain. Lima (5) destinasi utama Lesen MYTLAS dikeluarkan adalah Belanda, diikuti United Kingdom, Jerman, Belgium dan Perancis.

Jadual 30: Perbandingan Jumlah Lesen MyTLAS yang dikeluarkan 2017 – 2019 (Mengikut produk)

PRODUK/TAHUN	2017	2018	2019
Kayu Gergaji	4678	4144	3632
Perabot	1792	2443	2400
Kayu Kumai	2521	2719	2647
BJC	1265	1358	1285
Lain-Lain	814	729	593
JUMLAH	11,070	11,393	10,557

Carta 15: Pengeluaran Lesen MYTLAS Mengikut Produk Pada Tahun 2017 - 2019




Pengeksportan Produk Kayu Getah

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 70,520 meter padu produk melibatkan kayu getah telah dieksport melalui pintu keluar terutama Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang. Eksport produk kayu getah bagi tahun 2019 menunjukkan trend penurunan berbanding 2018 akibat permintaan yang lemah daripada pengimport terutama daripada negara China.

Jadual 31: Jumlah Eksport Produk Kayu Getah Pada Tahun 2017 – 2019

PRODUK KAYU GETAH	ISIPADU (M3)		
	2017	2018	2019
SAWN TIMBER	57,166.26	0	33,067.69
FINGER JOINT SAWN TIMBER	66,700.96	77,002.79	31,131.38
DRESSED TIMBER	4,081.76	9,154.60	6,320.64
JUMLAH	127,948.98	86,157.39	70,519.71

Carta 16: Trend Eksport Produk Kayu Getah (M3) Pada Tahun 2019



Sejumlah 22 syarikat telah direkodkan memohon lesen eksport produk Kayu Getah Bertanggung Jejari (FJST) daripada kayu getah bergergaji mulai 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019. Sebanyak 31,131.38 meter padu telah diikrarkan melalui pintu keluar Pelabuhan Pulau Pinang (99.58%) dan Pelabuhan Klang (0.42%). Destinasi utama eksport FJST KGB adalah China (98.92%), Jepun (0.49%), Taiwan (0.29%) dan India (0.29%). Produk ini telah dilarang pengeksportan sepenuhnya bermula 1 Julai 2019 lanjutan daripada kebenaran kuota eksport Kayu Getah Bergergaji sejumlah 50,000 meter padu.

Sebanyak 24 syarikat telah direkodkan menggunakan Kuota KGB yang diperuntukkan dimana pengistiharan kuota adalah sebanyak 33,067.69 meter padu. Pelabuhan Pulau Pinang (98.93%) dan Pelabuhan Klang (1.07%) merupakan pelabuhan utama bagi pengeksportan produk ini. Selain daripada itu, destinasi utama pengeskpontan ialah China (98.28%), Vietnam (0.82%) Taiwan (0.65%), dan Japan (0.24%).

Jumlah eksport kayu getah berketam (S4S) bagi tahun 2019 adalah sebanyak 6,320.64 meter padu. Sebanyak 19 syarikat telah menjalankan aktiviti pengeksportan produk ini di mana pasaran utama bagi pengeksportan produk ini adalah ke negara China (56%), Vietnam (32%), dengan diikuti oleh Japan (9%) dan lain-lain negara (3%).

Pengeluaran Lesen Import

Pada tahun 2019, sebanyak 9,057 lesen import bagi produk kayu balak, *baulks*, kayu bakau, papan lapis dan kayu gergaji telah dikeluarkan di Semenanjung Malaysia. Ia mencatat peningkatan sebanyak 415 lesen (4.8%) berbanding dengan jumlah lesen yang telah dikeluarkan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 8,642 lesen.

Untuk balak dan baulks terdapat peningkatan sebanyak 33.3% berbanding tahun 2018 iaitu 96 lesen import. Dari jumlah tersebut, sebanyak 86 lesen import telah dikeluarkan untuk kayu balak dengan isipadu berjumlah 3,649.65 meter padu. Manakala sebanyak 10 lesen import pula telah dikeluarkan untuk *baulks* dengan isipadu berjumlah 334.75 meter padu. Seterusnya sebanyak 77 lesen import dikeluarkan untuk kayu bakau dengan jumlah 435,000 batang. Sehingga 31 Disember 2019 MTIB telah mendaftarkan 30 buah syarikat bagi pengimportan produk ini.


Bagi pengimportan papan lapis dan venir berlaminasi, sehingga 31 Disember 2019 MTIB telah mendaftarkan 362 buah syarikat bagi pengimportan produk ini dimana MTIB mengeluarkan sebanyak 5,781 lesen pada tahun 2019 dengan isipadu berjumlah 790,507.31 meter padu berbanding 5,251 lesen import yang telah dikeluarkan dengan isipadu berjumlah 698,876.36 meter padu pada tahun 2018.

Bagi pengimportan kayu gergaji sehingga 31 Disember 2019 MTIB telah mendaftarkan 215 buah syarikat bagi pengimportan produk ini dimana MTIB mengeluarkan sebanyak 3,103 lesen dengan isipadu berjumlah 232,192.94 meter padu berbanding 3,276 lesen import yang telah dikeluarkan dengan isipadu berjumlah 262,122 meter padu pada tahun 2018. Jadual 2 menerangkan perbandingan pengeluaran lesen import bagi tahun 2019 berbanding 2018 dan 2017.

Jadual 32: Pengeluaran Lesen Import Bagi Tahun 2019 Berbanding Tahun 2018

PRODUK KAYU	2017	2018	2019
Balak	75	68	86
Baulks	2	4	10
Bakau	77	43	77
Papan Lapis	3,321	5,251	5,781
Kayu Gergaji	1,173	3,276	3,103
Jumlah	4,600	8,642	9,057

Carta 17: Jumlah Lesen Import Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2017 - 2019



Kawalan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (CITES)


Permit Eksport/Import dan Sijil Eksport-Semula CITES yang ditadbirkan oleh MTIB adalah berlandaskan kepada persetujuan Mesyuarat *Conference of Parties* (COP) ke-13, Konvensyen CITES pada 12 Januari 2005 di mana semua perdagangan (eksport, import dan eksport-semula) keluaran kayu Ramin (*Gonystylus spp.*) dan produk kayu Karas/Gaharu (*Aquilaria spp.*) telah dinaiksenaraikan dalam *Appendiks II*, CITES. Begitu juga untuk keluaran kayu Rosewood (*Dalbegia spp.*) dan Bubinga (*Guibourtia spp.*) telah diletakkan dalam *Appendiks II*. Dengan itu, perdagangan keluaran dan produk dari spesies tersebut memerlukan Permit Eksport/Import dan Sijil Eksport-Semula CITES yang dikeluarkan oleh MTIB untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah.

MTIB mengeluarkan permit CITES (eksport, import dan sijil eksport-semula) bagi tujuan mengimport atau mengeksport mana-mana spesies kayu terjadual di bawah Seksyen 3 dalam Jadual Ketiga, AKTA 686. Penetapan kuota eksport tahunan bagi produk Ramin telah ditetapkan sebanyak 10,000 m³, manakala kuota eksport tahunan bagi produk Karas/Gaharu (*Aquilaria spp.*) sebanyak 150,000 kg setahun untuk perdagangan antarabangsa. Di bawah Seksyen 16(1)(c) [Akta 686], MTIB juga mendaftarkan Penanam Pokok Karas yang dibiakbakakan secara buatan (*artificially propagated*) daripada mana-mana spesies yang terjadual bagi maksud perdagangan komersial.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 925 Permit/Sijil CITES telah dikeluarkan peningkatan sebanyak 9.86% (83 permit/sijil) berbandingkan 842 pada tahun 2018. Daripada jumlah itu, 302 Permit Eksport, 453 permit import dan 170 Sijil Eksport-Semula telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2019.

Jadual 33: Jumlah Pengeluaran Permit CITES 2019

COMMON/ SCIENTIFIC NAMES	EXPORT	RE-EXPORT	IMPORT	JUMLAH
Agarwood / <i>Aquilaria spp</i>	152	68	53	273
Ramin / <i>Gonystylus spp</i>	150	0	0	150
Afrormosia / <i>Pericopsis elata</i>	0	3	4	7
Rosewood / <i>Dalbergia spp</i>	0	382	51	433
Bubinga / <i>Guibourtia spp</i>	0	0	61	61
Other	0	0	1	1
JUMLAH	302	453	170	925

Carta 18: Perbandingan Jumlah Pengeluaran Permit CITES Pada Tahun 2017 - 2019

Eksport produk Ramin pada tahun 2019 adalah sebanyak 2,328.1940 m³ iaitu 15.52% daripada kuota yang diluluskan. Keluaran Ramin terdiri daripada 1691.7080 m³ (kayu gergaji), 403.4282 m³ (*moulding*), 5.7100 m³ (*picture frame*), 62.9392 m³ (*dressed timber*), 102.3086 m³ (*round rod*) dan 62.1000 m³ (*blind slats*). Nilai eksport produk Ramin dicatatkan berjumlah RM 8,426,300.48. Pecahan nilai adalah RM5,391,461.66 (kayu gergaji), RM1,850,159.88 (*moulding*), RM16,731.60 (*picture frame*), RM86,806.36 (*dressed timber*), RM347,423.88 (*round rod*) dan RM733,717.10 (*blind slats*).

Jadual 34: Prestasi eksport produk Karas/Gaharu sehingga 31 Disember 2019

Jenis Produk	Jumlah (kg)
Woodchip	19,120.15
Woodblock	3,534.50
Woodpiece	9,548.00
Wood Dusts	0.00
Minyak Gaharu	18.7125 liter (bersamaan 3,742.50 kg)
Jumlah	35,945.05

Pasaran utama eksport untuk *woodchip/piece/block* adalah Taiwan (20,196.00 kg), Singapura (10,676.00 kg), Perancis (1,752.40 kg), India (1,022 kg), Filipina (870 kg) dan lain-lain negara adalah 1,428.65kg.

Nilaian eksport bagi produk Karas/Gaharu yang dicatatkan adalah berjumlah RM8,808,349.00. Pecahan nilaian adalah RM6,965,079.00 (*woodchip*), RM967,287.00 (*agarwood oil*), RM533,389.00 (*woodblock*), dan RM 342,624.00 (*woodpieces*).

BENGKEL/ LATIHAN YANG TELAH DISERTAI

Bagi aspek pengukuhan bina upaya dan kemahiran pegawai yang terlibat dengan isu CITIES, berikut merupakan bengkel/latihan yang telah disertai pada tahun 2019:

Jadual 35: Senarai Bengkel/Latihan Pada Tahun 2019

BIL	PERKARA/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA (MTIB)
1.	<i>National workshop on Forest Law Enforcement, Governance and Trade (FLEGT) of Legal Timber in Cambodia</i>	24 Januari	Cambodia	1
2.	<i>BTSF Regional Workshop on the use of Trade Control Expert System (TRACES)</i>	25-28 Mac	Bangkok, Thailand	1
3.	<i>Seminar Import and Export Management and Protection of Endangered Species for Official from Developing Countries</i>	8 - 28 September	Beijing, China	2
4.	<i>7th ASEAN Training Workshop on Timber Legality Assurance</i>	19 – 21 November	Indonesia	1
5.	<i>UNODC Container Control Program: Practical Forestry Crime and Illicit Timber Trade Training, Malaysia</i>	22 November	Kuala Lumpur	4
6.	Bengkel Pengukuhan Dasar Legaliti Import	3 – 5 Disember	Melaka	28
7.	Pengelasan Produk Kayu & Pengharmonian HS Code	9 – 11 Disember	Kajang, Selangor	33
8.	<i>Compliance Rules untuk Prosedur Eksport & Import</i>	11 – 13 Disember	Kajang, Selangor	33



Peserta National workshop on Forest Law Enforcement, Governance and Trade (FLEGT) of Legal Timber in Cambodia



Peserta UNODC Container Control Program Practical Forestry Crime and Illicit Timber Trade Training, Malaysia



Pembentangan 7th ASEAN Training Workshop on Timber Legality Assurance, Indonesia

PENGUATKUASAAN

Aktiviti-aktiviti pengawasan dan pemantauan ke atas pengeksportan, pengimportan kayu dan keluaran kayu terus dipergiatkan oleh Unit Penguatkuasaan MTIB sepanjang tahun 2019. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah pemeriksaan fizikal, pemantauan, risikan dan siasatan serta pemeriksaan mengejut melibatkan di pintu masuk dan pintu keluar seperti pelabuhan, Zon Perdagangan Bebas (FTZ), jeti import dan premis pengeksport. Kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pihak Berkuasa Pelabuhan (*Port Authority*), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga dipertingkatkan bagi memantapkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan.

Kerjasama Agensi Keselamatan Sempadan, Pasukan Gerak Am, Polis Marin dan Polis Diraja Malaysia turut diterima dalam usaha pengawalan penyeludupan di sempadan Malaysia. Aktiviti pemantauan dan pengawasan eksport kayu turut diberikan tumpuan ke atas loji pengeringan tanur, premis-premis yang terlibat dengan pemprosesan kayu serta aktiviti pengimportan kayu.

PENGESANAN KES

Siasatan hanya dijalankan sekiranya kes yang dikesan menerusi pemeriksaan fizikal dan pemeriksaan mengejut mempunyai maklumat yang mencukupi. Begitu juga dengan butiran aduan yang diterima. Siasatan diteruskan jika terdapat kesalahan di bawah Akta 105, Akta 686 atau Peraturan berkaitan.

Output Kes dari aktiviti yang dijalankan oleh MTIB adalah seperti berikut:

- i. Pemeriksaan Fizikal
- ii. Pemeriksaan Mengejut
- iii. Penerimaan Aduan
- iv. Risikan (*Intelligence*)

Pemeriksaan Fizikal

Sebanyak 79,544 permohonan pemeriksaan fizikal konsignasi eksport diterima dalam tempoh bermula Januari sehingga Disember 2019. Daripada jumlah tersebut sebanyak 42,908 (54%) telah diperiksa manakala 36,636 (46%) diluluskan tanpa pemeriksaan fizikal. Sementara itu, daripada jumlah permohonan yang diterima, terdapat enam (6) permohonan (0.01%) yang gagal menepati piagam disebabkan oleh masalah gangguan sistem.

Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut dijalankan ketika pemantauan atau setelah mendapat maklumat berkaitan aktiviti yang mencurigakan. Pada tahun 2019 Unit Penguatkuasaan telah menjalankan 29 kali pemeriksaan mengejut terutama di pelabuhan, kawasan zon bebas, jeti, kilang, gudang, dan premis berdaftar.

Penerimaan Aduan

Aktiviti pemantauan dijalankan di setiap pintu keluar dan masuk seperti di pelabuhan, jeti serta kawasan premis yang disyaki berisiko menjalankan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang negara. Manakala risikan turut dijalankan setelah maklumat diterima dari pegawai cawangan atau orang awam. Dari Januari sehingga Disember 2019, sebanyak tujuh (7) aduan orang awam diterima dan direkodkan kerana disyaki menjalankan aktiviti yang menyalahi peraturan.



Risikan (*Intelligence*)

Aktiviti ini dijalankan di semua peringkat dan setiap masa sepanjang tahun. Sumber maklumat juga diterima menerusi sumber terbuka dan tertutup. Kerja-kerja risikan memerlukan kecekapan dari setiap Pegawai Penguat Kuasa dalam menganalisa maklumat, modus operandi serta mengenalpasti trend kesalahan.

Kes-Kes Penguatkuasaan

Dari Januari sehingga Disember 2019, 21 kes penyelewengan dalam perdagangan kayu telah dikesan. Dari jumlah ini, 17 kes merupakan kesalahan di bawah Akta 105 dan tiga (3) kes kesalahan di bawah Akta CITES 686 yang melibatkan Gaharu dan *Red sanders wood*. Terdapat satu (1) kes di bawah Akta Kastam 1967 melibatkan penyeludupan kayu getah.

Dari jumlah 21 kes ini, sebanyak tujuh (7) kes dibuka kertas siasatan, manakala tujuh (7) kes kesalahan kecil yang menyalahi peraturan MTIB telah diberi amaran dan lesen dibatalkan di mana wang ses/levi tidak dikembalikan. Sementara itu, enam (6) kes telah diselesaikan dengan tindakan kompaun. Dua (2) kes *Red sanders wood* masih dalam siasatan pihak Kastam.

Jadual 36: Kes Penyelewengan Dalam Perdagangan Kayu

BIL.	KES KESALAHAN	JUMLAH KES	CATATAN
i.	Akta 105	17	6 kes dikenakan kompaun 1 kes masih dalam siasatan 7 kes diberi amaran 3 kes (<i>No Further Action</i>)
ii.	Akta 686	3	1 kes melibatkan <i>woodchip</i> karas 2 kes melibatkan <i>Red sanders wood</i>
iii.	Akta Kastam	1	1 kes cubaan menyeludup kayu getah
Jumlah Kes		21	



Pegawai Penguat Kuasa melakukan pemeriksaan rapi terhadap barang kes yang ditahan.



Ukuran kayu diambil bagi menentukan kesalahan terhadap konsaimen yang ditahan.



Red sanders wood yang dirampas akan ditimbang setiap batang untuk rekod dan disimpan di dalam Fail Siasatan



Pemeriksaan mengejut dijalankan pada waktu malam terhadap konsaimen yang melanggar peraturan yang ditetapkan

Kes Aduan Perdagangan Berkaitan Perdagangan Kayu

Sepertimana yang dinyatakan dalam Akta 105, adalah menjadi tugas MTIB memastikan perdagangan kayu eksport berjalan dengan lancar dan teratur. Maka aduan yang merujuk kepada kegagalan pihak pengeksport kayu di Semenanjung Malaysia mematuhi kontrak jual beli, akan ditadbir urus oleh MTIB dalam menyelesaikan aduan yang berkaitan.

Tanggungjawab ini amat penting bagi memelihara imej industri kayu negara dalam menjalankan perdagangan kayu yang sihat dan teratur (*orderly manner*). Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 MTIB tidak menerima sebarang kes aduan perdagangan daripada pihak pembeli luar negara.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Pembangunan Modal Insan

Bagi meningkatkan pembangunan modal insan di kalangan pegawai unit Penguatkuasaan dalam menjalankan tugas, empat (4) buah kursus telah dijalankan iaitu:

- i. Kursus Pemantapan Pegawai Serbuan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia pada 2 hingga 4 Oktober 2019 bertempat di Oakwood Hotel & Residence, Kuala Lumpur. Ia melibatkan 30 orang peserta dari ibu pejabat dan pejabat cawangan. Tenaga pengajar adalah Pegawai Bahagian Pelesenan & Inspektorat.
- ii. Kursus Akido Untuk Pemantapan Aktiviti Penguatkuasaan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia pada 15 hingga 18 Oktober 2019 di Pusat Latihan Akido Seri Kembangan, Selangor yang melibatkan 24 peserta dari Ibu pejabat dan pejabat cawangan. Tenaga pengajar adalah daripada Pusat Latihan Akido.
- iii. Kursus Pemantapan Siasatan & Asas Pendakwaan Kertas Siasatan pada 22 - 25 Oktober 2019 di Hotel Ixora, Pulau Pinang yang melibatkan 26 orang peserta dari Ibu pejabat dan pejabat cawangan. Tenaga pengajar adalah daripada Pejabat Timbalan Pedakwa Raya Pulau Pinang dan Bahagian Pelesenan & Inspektorat serta Unit Undang-undang.
- iv. Kursus Mengenali Gerak Tubuh Badan Suspek Dalam Aktiviti Penguatkuasaan pada 13 -15 November 2019 di Novotel Melaka melibatkan 29 orang peserta dari ibu pejabat dan pejabat cawangan. Tenaga pengajar adalah daripada Kastam DiRaja Malaysia.



Kursus Pemantapan Pegawai Serbuan
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia di
Oakwood Hotel & Residence, Kuala Lumpur



Kursus Akido Untuk Pemantapan Aktiviti
Penguatkuasaan MTIB, Pusat Latihan Akido
Seri Kembangan, Selangor



Sensei Ramlan Ahmed, menunjukkan cara serangan balas kepada pihak lawan



Peserta memberi perhatian setiap langkah yang diajarkan oleh sensei



Kursus Mengenali Gerak Tubuh Badan Suspek Dalam Aktiviti Penguatkuasaan, Novotel Melaka



Latihan amali sesi soal siasat diadakan secara berkumpul

Semakan Tatacara Penguatkuasaan

Dalam memastikan Tatacara Penguatkuasaan yang dibangunkan mengikut Peruntukan Akta yang telah diwartakan, semakan perlu dilaksanakan agar ianya selari dan relevan. Ini merupakan salah satu dari aspek peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, yang mampu memberi impak positif di dalam mewujudkan perdagangan kayu-kayan yang berdisiplin disamping memberi keyakinan kepada rakyat.

Oleh itu, bagi tahun 2019 sebanyak dua (2) buah Kursus bagi Semakan Tatacara Penguatkuasaan dilaksanakan seperti berikut:

- i. Siri 1/2019 diadakan pada 20 – 22 Mac 2019 bertempat di The Imperial Heritage Hotel, Melaka.
- ii. Siri 2/2019 diadakan pada 21 – 23 Ogos 2019 bertempat di Avenue Garden Hotel, Bangi, Selangor.

BADAN PENSIJILAN NASIONAL MTIB

MTIB masih meneruskan aktiviti Badan Pensijilan yang telah diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia sejak 3 April 2012. Sistem Pensijilan ini dilaksanakan berdasarkan kepada Standard ISO/IEC 17065:2012 *Conformity assessment-requirements for bodies certifying products, processes and services*. Skim pensijilan yang dilaksanakan bagi produk Papan lapis sejak tahun 2010 telah melalui proses pembaharuan akreditasi untuk kitaran ke tiga (3) bermula pada 17 April 2018 hingga 2 April 2021.

Pelaksanaan skim ini bertujuan untuk memastikan produk yang dihasilkan oleh industri lebih berkualiti, selamat digunakan seterusnya tidak menjejaskan kesihatan pengguna. Kesedaran pengguna terhadap aspek keselamatan dan kesihatan telah meletakkan pensijilan sebagai satu kemestian kerana aspek ini turut berkait rapat dengan isu alam sekitar yang menjadi perhatian umum.

Syarikat papan lapis yang mendapat pensijilan melalui skim ini telah melalui proses *Renewal Audit* dan *Surveillance Audit* bagi kitaran ke empat (4) untuk tempoh pensijilan yang akan tamat pada 3 April 2021. Pasukan audit MTIB telah menjalankan aktiviti sesi pengauditan pada 26 – 27 Mac 2019 dan pada 2 – 3 April 2019 terhadap syarikat-syarikat yang terlibat.

Bagi keperluan pensijilan pada masa akan datang, MTIB CB dalam proses merangka dan membangunkan Skim Pensijilan Pembebasan Formaldehid Daripada Produk Panel. Skim ini bertujuan untuk memastikan bahawa produk panel yang dipasarkan mematuhi Peraturan Teknikal bahawa hanya produk panel yang dibenarkan sahaja boleh dipasarkan untuk kegunaan industri.

Beberapa aktiviti utama telah dilaksanakan pada tahun 2019 sebagai langkah penyediaan dan pembangunan skim pensijilan baru seperti berikut:

- i. Mesyuarat/Bengkel Pembangunan Draf Dokumentasi Skim Pensijilan pada 7 – 9 Ogos 2019.
- ii. Bengkel Pembangunan Dokumen pada 3 – 6 September 2019.
- iii. Lawatan Penanda Aras dan Penilaian Persediaan kilang terhadap skim pensijilan baru ke Heveaboard Berhad, Gemas, Negeri Sembilan pada 3 Oktober 2019.
- iv. Lawatan Penanda Aras dan Penilaian Persediaan kilang terhadap skim pensijilan baru ke SCS Plywood, Pokok Sena, Kedah dan Dongwha Malaysia, Merbok, Kedah pada 22 Oktober 2019.
- v. Lawatan Penanda Aras dan Penilaian Persediaan kilang terhadap skim pensijilan baru ke Zheng De Mai Plywood, Sungai Petani, Kedah pada 23 Oktober 2019.

MTIB dari semasa ke semasa menjalankan promosi ke atas Skim Pensijilan Produk MTIB dengan mengedarkan risalah, poster dan bunting semasa pernyertaan pameran. Aktiviti promosi juga dipanjangkan ke pejabat-pejabat MTIB seluruh Malaysia untuk dihebahkan kepada industri papan lapis agar lebih banyak syarikat menyertai skim ini. Maklumat mengenai Skim Pensijilan Produk MTIB juga dipaparkan di Laman Web MTIB.



Mesyuarat Pembangunan Standard Pembebasan Formaldehid Produk Panel MTIB pada 7-9 Ogos 2019



Sesi lawatan ke Syarikat Zheng De Mai Kilang Papan Lapis Sdn. Bhd pada 23 Oktober 2019



Sesi lawatan ke Syarikat Heveaboard Berhad di Gemas, Negeri Sembilan pada 3 Oktober 2019

PEMBANGUNAN INDUSTRI

CTCS WORLDWIDE SDN BHD

MTIB telah menubuhkan anak Syarikat di bawah nama CTCS Worldwide Sdn Bhd (CWSB) pada 23 Januari 2019. Encik Ahmad Shah Mohamad telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi Syarikat ini dan pada masa kini, Syarikat mempunyai tujuh (7) orang warga kerja. Penubuhan CWSB adalah rentetan daripada tamatnya program *Certified Timber Credible Supplier Program* (CTCS) yang dijalankan oleh Persatuan Pengusaha-Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputera (PEKA). Visi dan Misi syarikat adalah seperti berikut:

MISI

Mempromosi serta memperluaskan penggunaan produk berasaskan kayu dalam industri binaan tempatan dan pasaran eksport

VISI

Menjadi sebuah organisasi yang proaktif, inovatif dan mampan dalam memupuk pengusaha dan pembekal Bumiputera dan PKS yang berdaya saing

Fungsi Syarikat adalah untuk mendapatkan kontrak kerja pembekalan produk perkayuan dalam industri pembinaan untuk usahawan SME khususnya Bumiputera. Syarikat memfokuskan produk-produk utama pembinaan seperti bahan bangunan/aksesori, hiasan dalaman, almari, kabinet dapur, perabot dan glulam. Pengagihan kontrak kerja tersebut akan diberikan kepada vendor-vendor Bumiputera yang berdaftar dan berkeelayakan di bawah syarikat. Setiap kontrak kerja yang diberikan kepada vendor-vendor Bumiputera akan dikenakan yuran pentadbiran sebanyak 3% - 5% daripada nilai kontrak kerja tersebut.

Disamping itu juga, Syarikat ini ditugaskan untuk membimbing dan menyokong usahawan Bumiputera yang berpotensi dalam pembekalan produk perkayuan pembinaan khususnya bertaraf Mikro kepada status SME. Bimbingan diberikan dari segi pemprosesan bahan mentah, pembuatan produk, kualiti, penghantaran dan pemasangan. Seramai 27 vendor telah berdaftar dengan syarikat mengikut skop produk seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37: Senarai Vendor Yang Telah Berdaftar Dengan Syarikat Mengikut Skop Produk

Bil.	Vendor	Status	Kategori	Skop Produk					
				Building Material & Accessories	Wardrobe	Kitchen Cabinet	Interior Design	Furniture	Glulam
1.	Ghaji Enterprise	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓	✓	✓	
2.	Outlaw Design Enterprise	B	Pengilang & Pemasang	✓	✓	✓	✓	✓	
3.	Quadratika Berkat Resources	B	Pemasang	✓					
4.	Creative Skill Solutions	B	Pengilang & Pemasang					✓	
5.	MYR Construction S/B	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓		✓	
6.	N Alumake S/B	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓	✓	✓	
7.	Nadya Properties S/B	B	Pengilang	✓	✓	✓	✓	✓	
8.	Maju Design & Renovation Work	B	Pengilang & Pemasang	✓	✓	✓	✓	✓	
9.	Nik Lah S/B	B	Pengilang		✓	✓	✓	✓	
10.	TTITC Production S/B	B	Pengilang		✓	✓	✓	✓	
11.	Perfect Decor Interior Design	B	Pemasang		✓	✓	✓	✓	
12.	Triumphant Gallery S/B	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓	✓	✓	
13.	Meranti Marshal S/B	B	Pengilang & Pemasang	✓	✓	✓	✓	✓	
14.	Wolclass S/B	NB	Pengilang		✓	✓		✓	✓
15.	MFD Wood Work	B	Pemasang			✓		✓	
16.	Darul Intensif (M) S/B	B	Pengilang & Pemasang			✓		✓	
17.	Classic Door & Frame S/B	NB	Pengilang	✓					
18.	BM Wooden Doors (M) S/B	B	Pengilang	✓					
19.	ME Industries S/B	NB	Pengilang	✓	✓		✓	✓	
20.	Oval Asia S/B	NB	Pengilang & Pemasang	✓	✓	✓	✓	✓	
21.	Sin Soon Hup Furniture S/B	NB	Pengilang & Pemasang	✓					
22.	Era Fabrique	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓	✓	✓	
23.	Paharudin Industries S/B	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓	✓	✓	
24.	Ramanis Syakim Enterprise	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓		✓	
25.	Intrend Design	B	Pengilang & Pemasang		✓	✓	✓	✓	
26.	One Tech (M) Sdn Bhd	B	Pengilang				✓	✓	
27.	Furnitech Industries (M) Sdn Bhd	B	Pengilang & Pemasang				✓	✓	



PERMOHONAN PEMERINGKATAN PENUH BAGI KAYU LANDASAN, LINTASAN KERETAPI DAN KAYU PALANG

MTIB menawarkan perkhidmatan pemeringkatan penuh ke atas Kayu Palang, Kayu Landasan dan Lintasan Keretapi. Perkhidmatan ini kebiasaannya dipohon oleh Syarikat-syarikat yang membekalkan produk perkayuan tersebut kepada agensi pembekal perkhidmatan keretapi seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), *Express Rail Link* (ERL), *Light Rapid Transit* (LRT), *Mass Rapid Transit* (MRT) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

MTIB akan memeringkat mengikut Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia (MGR) - E I & E II dan SOP Pemeringkatan Penuh (Kayu Landasan dan Kayu Palang) serta Spesifikasi Teknikal.

Pada tahun 2019, MTIB telah menerima sebanyak 15 permohonan perkhidmatan pemeringkatan penuh dengan isipadu sebanyak 242.32m³ dan dengan perkhidmatan ini bayaran fi yang telah dikutip adalah sebanyak RM3,740.72. Daripada permohonan tersebut, sebanyak 11 permohonan dengan isipadu 205.65m³ adalah dari Kayu Landasan dan Lintasan Keretapi. Manakala empat (4) permohonan dengan isipadu sebanyak 36.66m³ adalah dari Kayu Palang. **Jadual 38** menunjukkan perkhidmatan pemeringkatan penuh pada tahun 2019.

Jadual 38 : Perkhidmatan Pemeringkatan Penuh Pada Tahun 2019

Bil.	Syarikat	Lokasi Pemeringkatan	Kategori Pemeringkatan Penuh	Isipadu (m ³)	Kutipan Fi (RM)
1.	Syarikat Binachuan Sdn Bhd	Mentakab, Pahang	Kayu Landasan & Lintasan	29.7172	228.02
2.	Syarikat Tong Sim Industries Sdn Bhd	Rawang, Selangor	Kayu Landasan & Lintasan	21.9903	173.93
3.	Syarikat Raub Sawmill Sdn Bhd	Chan Sow Lin, Kuala Lumpur	Kayu Palang	9.3300	85.31
4.	Syarikat EZ Lumber (M) Sdn Bhd	Ijok, Selangor	Kayu Landasan & Lintasan	3.6774	45.74
5.	Durga Timber Traders Sdn Bhd	Kuantan, Pahang	Kayu Landasan & Lintasan	19.2902	155.03
6.	Syarikat Binachuan Sdn Bhd	Kuala Lipis, Pahang	Kayu Landasan & Lintasan	7.1612	70.13
7.	Syarikat Raub Sawmill Sdn Bhd	Chan Sow Lin, Kuala Lumpur	Kayu Palang	9.9692	89.78
8.	Syarikat Raub Sawmill Sdn Bhd	Chan Sow Lin, Kuala Lumpur	Kayu Palang	1.5600	30.92
9.	Syarikat Binachuan Sdn Bhd	Mentakab, Pahang	Kayu Landasan & Lintasan	11.3369	99.36
10.	Durga Timber Traders Sdn Bhd	Kuantan, Pahang	Kayu Landasan & Lintasan	38.5773	290.04
11.	Syarikat Tong Sim Industries Sdn Bhd	Rawang	Kayu Landasan & Lintasan	20.3175	162.22
12.	Syarikat Binachuan Sdn Bhd	Mentakab, Pahang	Kayu Landasan & Lintasan	20.8428	165.90
13.	Syarikat Binachuan Sdn Bhd	Mentakab, Pahang	Kayu Landasan & Lintasan	24.7630	1,258.15
14.	Syarikat Raub Sawmill Sdn Bhd	Chan Sow Lin, Kuala Lumpur	Kayu Palang	15.8057	810.29
15.	Syarikat EZ Lumber (M) Sdn Bhd	Ijok, Selangor	Kayu Landasan & Lintasan	7.9804	75.90
JUMLAH				242.3191	3,740.72

Gambar-Gambar Proses Perkhidmatan Pemeringkatan Penuh Kayu Landasan dan Lintasan Keretapi



Slot stensil yang digunakan ke atas kepingan kayu yang diperingkat



Pemeriksaan awal secara rambang sebelum proses pemeringkatan dijalankan



Proses pemeringkatan sedang dijalankan



Kerja-kerja mengecat slot stensil ke atas kepingan selepas selesai kerja-kerja pemeringkatan



Kepingan yang telah diperingkat dan distensil disusun serta diletakkan di kawasan berbumbung



Kepingan kayu yang telah siap distensil sebelum diikat

PERKHIDMATAN VERIFIKASI KAYU (TVS)

Pada tahun 2019, perkhidmatan verifikasi kayu (TVS) yang telah dijalankan oleh MTIB telah mencatatkan sebanyak 159 permohonan dengan jumlah kutipan fi sebanyak RM33,117.10 seperti di **Jadual 39**. Permohonan diterima daripada syarikat-syarikat perkayuan, pembekal kayu kayan, “*specifiers*”, kontraktor dan pemaju perumahan.

Jadual 39: Jenis-Jenis Perkhidmatan TVS Pada Tahun 2019

Jenis Perkhidmatan	Unit	Kutipan Fi (RM)
Pengesahan Spesis	580 keping	2,320.00
Pengesahan Pengawetan	-	-
Pengesahan MC	82 keping	4,100.00
Pengesahan Gred	-	-
Lain-lain perkhidmatan (rundingan)	16 jam	480.00
Pemeringkatan Penuh	241.3191 m ³	5,337.10
	Jumlah	33,117.10

Sebanyak 11 aktiviti promosi serta penggalakkan khidmat TVS telah dijalankan sepanjang tahun 2019 seperti penyertaan dalam pameran dan program MTIB di *Export Furniture Exhibition*, *Export Furniture Exhibition*, *Ecobuild Southeast Asia 2019*, *Putrajaya Open Day*, Hari Terbuka Kementerian Industri Utama dan *Forensic Sivil Engineering Seminar*.

Tujuan mempromosikan aktiviti TVS adalah bagi menggalakkan penggunaan kayu dalam pembinaan seperti kekuda bumbung, struktur tiang, lantai, dinding dan pelbagai aplikasi kegunaan kayu yang berkaitan dengan sektor pembinaan.

Selain daripada itu, perkhidmatan TVS ini telah berjaya mendapat pensijilan di bawah sistem pengurusan MS ISO: 2015 dalam skop penentusahan spesies dan pengredan kayu. Melalui persijilan ini, penyampaian perkhidmatan TVS dapat diberikan dengan lebih berkualiti serta meyakinkan para pelanggan MTIB khususnya “*specifiers*”, pemaju perumahan, kontraktor pembinaan dan “*stakeholders*” yang berkaitan seperti JKR dan pihak berkuasa tempatan.



Gambar-gambar sekitar program Hari Terbuka Kementerian Industri Utama di Putrajaya yang diadakan pada 5 Oktober 2019

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL


Sepanjang tahun 2019, MTIB telah memberi 20 khidmat nasihat teknikal secara langsung dan tidak langsung kepada pemain industri perindustrian kayu dalam aspek peningkatan kualiti pengeluaran produk kayu dan juga penggunaan kayu dalam pembinaan.

PROJEK “CAPACITY BUILDING FOR COMPLIANCE WITH REQUIREMENTS FOR CHAIN OF CUSTODY (COC) CERTIFICATION UNDER MALAYSIAN TIMBER CERTIFICATION SCHEME (MTCS)”

Projek “*Capacity Building for Compliance with Requirements for CoC Certification under Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)*” telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tabung Pembangunan Industri Kayu-Kayan Malaysia (JTPIKM) pada 18 Julai 2011 dengan peruntukan pembiayaan sejumlah RM2.3 juta. Projek ini telah melalui beberapa empat (4) kali siri perlanjutan dan akan tamat pada Disember 2020.

Tujuan utama projek ini adalah untuk menggalakkan industri perindustrian kayu untuk mengeksport produk-produk kayu yang mempunyai pensijilan MTCS yang memenuhi keperluan pasaran antarabangsa melalui pensijilan *Chain of Custody (CoC)* berdasarkan “*PEFC Standard: Programme for the Endorsement of Forest Certification*” yang mendapat kerjasama pihak Malaysian Timber Certification Council (MTCC). Sehingga Disember 2019, sebanyak 94 syarikat yang telah berjaya mendapat pensijilan CoC PEFC di bawah program ini seperti di **Carta 19**.

Carta 19: Kategori Pemohon Dan Syarikat Yang Mendapat Pensijilan COC



Bermula 1 April 2019, MTIB telah meluluskan bantuan pembiayaan kepada syarikat-syarikat perindustrian kayu yang menjalankan pembaharuan pemantauan (*surveillance audit*) atau pensijilan semula (*re-certification*) berasaskan PEFC yang dilaksanakan menerusi Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS). Tarikh akhir penerimaan permohonan adalah sehingga November 2020.

PEMBANGUNAN INDUSTRI BULUH

MTIB telah mengadakan beberapa siri program atau aktiviti seperti pameran-pameran berkaitan pembangunan industri buluh. Ia bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan kepada orang awam bahawa buluh boleh dijadikan sumber alternatif selain kayu yang berpotensi menjana pendapatan ekonomi negara. Secara umumnya, MTIB telah membangunkan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2011-2020 yang menggariskan 5 Teras Strategik ke arah pembangunan industri buluh iaitu:

Teras Strategik 1

Penubuhan Ladang Buluh & Melestarikan Pengurusan Sumber Asli Sedia Ada

Teras Strategik 2

Pembangunan Modal Insan

Teras Strategik 3

Pembangunan Aktiviti Hiliran

Teras Strategik 4

Penyelidikan Dan Pembangunan

Teras Strategik 5

Promosi Dan Perdagangan

Justeru itu, pada tahun 2019 antara aktiviti-aktiviti atau program-program yang telah dijalankan bagi mempromosikan pembangunan industri buluh adalah seperti berikut:

- i) *International Business Conference – Bamboo as a Driver for Economic Growth* pada 5 ogos 2019 di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Syarikat Natgreen Resources dengan MTIB.
- ii) Pembentangan Kertas Kerja Status Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2011 – 2020 pada 12 September 2019 sempena Bengkel Pembangunan Keusahawanan Berasaskan Buluh anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan.
- iii) Menandatangani Memorandum kerjasama (MoU) antara MTIB dan Invest Perak pada 16 November 2019 dan turut serta di dalam Pameran *Perak Invest Expo* (PIEX) pada 15-17 November 2019.
- iv) Program Keusahawanan Sempena Program Dana RM10K Negeri Perak pada 16 November 2019 di Kg. Rasau Perak anjuran ADUN Behrang Negeri Perak dengan kerjasama MTIB dan *Malaysian Bamboo Society* (MBS).
- v) Taklimat Industri Buluh : Sumber Ekonomi Baharu di Kota Kinabalu Sabah anjuran MPI/MTIB dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah 13 Disember 2019.
- vi) Seminar dan Bengkel *International Bamboo Maestro* 2019 pada 16-19 Disember 2019 di Bamboo Centre Sg. Siput, Perak anjuran MTIB bersama Kerajaan Negeri Perak dan syarikat Bamboo Jungle Adventure.



Gambar-gambar Taklimat Industri Buluh : Sumber Ekonomi Baharu di Hotel Promende, Kota Kinabalu, Sabah pada 13 Disember 2019

AKTIVITI PEMBANGUNAN STANDARD

Sejak tahun 1999 MTIB bergiat aktif dalam aktiviti pembangunan standard sama ada di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa bagi skop kayu, produk kayu dan kayu struktur termasuklah buluh dan rotan. Usaha ini adalah signifikan dengan peranan MTIB dalam memperkasakan industri perkayuan dan memastikan dokumen Malaysian Standard dibangunkan adalah relevan dengan keperluan industri perkayuan, terutama bagi memenuhi keperluan teknikal dan akses pasaran antarabangsa.



Mesyuarat pertama NSC V yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MTIB pada 19 Disember 2019 di Hotel Impiana KLCC.

Ketua Pengarah MTIB juga telah dilantik oleh Jabatan Standard Malaysia sebagai Pengerusi *National Standard Committee (NCS V) on Timber, Timber Products and Timber Structures*. Selain itu, MTIB turut terlibat dalam memberi input teknikal sebagai pakar di dalam jawatankuasa teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal berkaitan Kayu, Jawatankuasa Teknikal berkaitan Wood-based Panels, Jawatankuasa Teknikal berkaitan Kayu Struktur dan Jawatankuasa Teknikal berkaitan Buluh dan Rotan. Sebanyak tujuh (7) MS Baru sedang dibangunkan seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40: Malaysian Standards (MS) Baharu Yang Dibangunkan

BIL.	NO. PROJEK	TAJUK PROJEK	JENIS STANDARD	STATUS SEMASA
1	MTIB15TC4001R0	<i>Laminated bamboo – Specification</i>	<i>Indigenous</i>	Telah diluluskan oleh NSC untuk penerbitan
2	MTIB17TC3022R0	<i>Kenaf fibre – Classification</i>	<i>Indigenous</i>	Ulasan umum
3	MTIB17TC3023R0	<i>Kenaf fibre - Testing Method for physical properties</i>	<i>Indigenous</i>	Ulasan Umum
4	MTIB17TC1042R1	<i>Visual Strength grading of tropical hardwood timber – Specification</i>	Revision	Penelitian oleh TC/WG
5	MTIB18ISCV002R1	<i>Wood-based Panels - Part 1: Determination of dimensions of panels (ISO 9426:2003, MOD)</i>	Revision - Adoption	Penelitian oleh TC/WG
6	MTIB18ISCV003R1	<i>Wood-Based Panels – Part 2: Sampling and cutting of test pieces (ISO 16999:2003, MOD)</i>	Revision - Adoption	Penelitian oleh TC/WG
7	NEW WORK ITEM PROPOSAL	<i>Formaldehyde emission limit for wood-based panels</i>	<i>Indigenous</i>	Telah diluluskan oleh NSC untuk Standard baru



Mesyuarat Pembangunan Kenaf di Kota Bharu, Kelantan

MTIB juga turut terlibat di dalam penyediaan input teknikal bagi pembangunan standards di peringkat ASEAN dan antarabangsa menerusi *platform ACCSQ / WG 1 on Standards and Mutual Recognition Arrangements (MRA)-Task Force on Wood-based Products (TFWBP)* dan *International Standards Organisation (ISO)*. Penyertaan mesyuarat pembangunan standard di peringkat antarabangsa dan ASEAN seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41: Penglibatan Malaysia dalam mesyuarat antarabangsa (ISO) Tahun 2019

BIL.	MESYUARAT	IMPAK
1	Mesyuarat ACCSQ, WG1 <i>on Standard and conformity assessment, Task force on building and construction and Task force on wood-based products (TFWBP)</i>	Pengharmonian 57 standards berkaitan <i>sawntimber, flooring, wood-based panel and furniture testing</i> .
2	Mesyuarat ISO/TC 296: <i>Bamboo & Rattan</i> pada 2-6 September 2019 di Manila, Filipina	Menjaga kepentingan Malaysia dalam pembangunan standards antarabangsa dan mempromosi kayu keras tropika Malaysia ke pasaran global melalui input-input yang disediakan serta meningkatkan akses pasaran.
3	Mesyuarat ISO/TC 165: <i>Timber Structure</i> pada 23-26 September 2019 di Bogotta, Columbia	
4	Mesyuarat ISO/TC 218: <i>Timber</i> pada 28 Oktober – 1 November 2019 di Saitama, Jepun	



Delegasi mesyuarat ACCSQ/WG1 & Task Force on Wood-based Products



Delegasi yang menyertai mesyuarat ISO/TC 218



Delegasi yang menyertai mesyuarat ISO/TC 296



Delegasi yang menyertai mesyuarat ISO/TC 165

PUSAT REKA BENTUK, TANGGAM® DESIGN CENTRE (TDC), KOTA DAMANSARA

TANGGAM Design Centre (TDC) merupakan sebuah pusat rujukan reka bentuk perabot dan produk berasaskan kayu yang dilengkapi dengan kemudahan untuk para pereka mengembangkan bakat mereka didalam merekabentuk perabot dan produk berasaskan kayu. TDC mula beroperasi pada 5 Disember 2016. TDC dilengkapi dengan 14 studio reka bentuk, kemudahan mesin *Rapid Prototyping* dan pusat rujukan reka bentuk perabot. Pada Tahun 2019 sebanyak tujuh (7) syarikat telah menyewa di Studio reka bentuk TDC. TDC juga telah menerima 50 keahlian dari kalangan pereka, professional dan pelajar.

Pereka yang beroperasi di Studio Reka Bentuk telah berjaya menjalankan perkhidmatan menyediakan reka bentuk perabot untuk dihasilkan dan dipasarkan oleh pengusaha perabot tempatan dan aktiviti ini telah menjana pendapatan eksport pengusaha perabot tersebut sebanyak RM7.0 juta. Penyewaan studio reka bentuk di TDC telah memberi MTIB pendapatan sebanyak RM57,000 selama tiga (3) tahun beroperasi. Dengan adanya pusat rujukan reka bentuk perabot dan produk berasaskan kayu, TANGGAM Design Centre, aktiviti pengukuhan label TANGGAM terus giat dijalankan termasuk aktiviti seperti berikut:

- i. Penjenamaan Label TANGGAM di bawah MyIPO;
- ii. Penganjuran Pertandingan Rekabentuk Perabot, MOBILI
- iii. Penghasilan prototaip dengan rekabentuk baru di bawah label TANGGAM®
- iv. Penempatan Jurureka Antarabangsa Dan Tempatan Untuk Forum 'Business Matching'
- v. Penyertaan pameran tempatan dan antarabangsa

AKTIVITI PENGUKUHAN LABEL TANGGAM

Label TANGGAM® merupakan salah satu inisiatif MTIB sebagai usaha untuk memajukan dan meningkatkan daya saing industri perabot negara dipasaran tempatan serta antarabangsa. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi pengukuhan label TANGGAM® pada tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 42**.



Jadual 42: Aktiviti Pengukuhan Label TANGGAM®

BIL.	AKTIVITI	IMPAK/PENCAPAIAN
1.	Penganjuran Pertandingan Reka Bentuk Perabot MOBILI 2019	- Mengenalpasti dan mencungkil bakat jurureka muda yang bernilai komersil tinggi untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa. - Menambahkan bilangan <i>database</i> pereka yang berbakat dalam rekabentuk perabot untuk diketengahkan.
2.	Penghasilan prototaip dengan reka bentuk baru di bawah label TANGGAM®	- Membangunkan prototaip berdasarkan reka bentuk baru yang berpotensi untuk dikomersilkan dengan kerjasama pihak pengeluar. - Lebih 25 reka bentuk telah berjaya dikomersilkan pada tahun 2019 untuk pasaran eksport dan juga tempatan manakala Label TANGGAM mempunyai lebih 100 koleksi rekabentuk yang telah dihasilkan oleh para pereka. - Koleksi terbaru tahun 2019 adalah ANTARA yang merangkumi reka bentuk, sofa, kerusi, meja makan, meja sisi dan rak serbaguna menggunakan kayu nyatoh.
3.	Penempatan Jurureka Antarabangsa Dan Tempatan Untuk Forum 'Business Matching'	- Memperolehi pengiktirafan antarabangsa. - Meningkatkan nilai eksport industri perabot. - Label TANGGAM dikenali diperingkat antarabangsa dan tempatan. - Meningkatkan jaringan kerjasama industri perabot.
4.	Penyertaan Pameran-pameran Tempatan dan Antarabangsa	- Memperkenalkan pereka dan prototaip TANGGAM kepada industri dan pengguna. - Memperoleh kalaborasi bersama industri perabot untuk pengukuhan label TANGGAM®. - Menjenama dan mengukuhkan label TANGGAM® di kalangan industri dan pengguna akhir serta memberi nilai tambah kepada label TANGGAM® untuk tujuan komersil. - Pameran yang telah disertai oleh Label TANGGAM pada tahun 2019 adalah seperti berikut: i. <i>Malaysia International Furniture Fair</i>, MIFF 8-11 Mac 2019 ii. <i>Export Furniture Exhibition</i>, EFE, 9 -12 Mac 2019 iii. <i>INDEX Mumbai</i> 1-4 Mei 2019 iv. <i>INDEX Dubai</i> 17-19 September 2019 v. <i>ARCHIDEX</i> 2019 vi. <i>Wood and Lifestyle KL (W&L)</i>, 13-15 Disember 2019 vii. <i>Malaysia Furniture & Furnishing Fair</i>, MF3 13-15 Disember 2019 viii. <i>REKA Interior Exhibition</i>, RIX, 17-20 Oktober 2019

RANCANGAN MASA HADAPAN

Rancangan pada masa hadapan dalam memperkukuhkan rangkaian industri perabot dari segi reka bentuk produk dan inovasi adalah seperti berikut:

- Mengukuhkan penjenamaan TANGGAM® di peringkat antarabangsa;
- Menambah bilangan kolaborasi bersama pihak industri dan pembeli dengan menyediakan perkhidmatan reka bentuk yang berkualiti;
- Penyediaan TANGGAM® Business Plan yang komprehensif merangkumi aktiviti promosi dan pasaran tempatan dan antarabangsa; dan
- Mewujudkan aktiviti TANGGAM® Retail bagi jualan fizikal (*showroom*) dan atas talian (*online & offline*)



Penyertaan Label TANGGAM sempena pameran Malaysian International Furniture Fair (MIFF) 2019 di MITEC, Kuala Lumpur.




Mayor of Mumbai melawat dan melancarkan booth TANGGAM/NOKTA sempena penyertaan dalam pameran INDEX Mumbai 2019 pada 1 – 4 Mei 2019



Penyertaan pameran Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair, 13 – 15 Dec 2019 di KLCC



REKA INTERIOR EXHIBITION 2019 (RIX) di KLCC pada 17 -20 Oktober 2019



ELITE DESIGN AWARD 2019, Switzerland yang telah dimenangi oleh En. Shahril Faisal dari TANGGAM DESIGNER



Pereka TANGGAM® iaitu En. Shahril Faisal telah memenangi Tempat Kedua dalam pertandingan Malaysian Bamboo Gift & Accessories Design Competition anjuran Global Innovation and Entrepreneurship Foundation (GIEF) dan UPM bagi tahun 2020





Habitue Collection Design oleh Bo.Qiang telah memenangi Anugerah Emas di MIFF Furniture Design Award 2019



LABORRA design oleh En. Sujak Hasbollah telah Berjaya memenangi Anugerah Platinum di MIFF Furniture Excellent Design Award 2019



Penyertaan Pameran Index Dubai pada 17 - 19 September 2019 di Dubai World Trade Centre

PEMBANGUNAN INDUSTRI BIOKOMPOSIT DAN FIBER

Pusat Biokomposit dan Gentian (*Biocomposite and Fibre Centre* - FIDEC) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk membangun dan memajukan industri fiber dan biokomposit di Malaysia. Pusat ini berfungsi sebagai sebuah pusat rujukan setempat bagi pengumpulan maklumat hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D), berkaitan dengan fiber semulajadi (*natural fibre*) dan biokomposit di Malaysia.

FIDEC turut berperanan untuk menggalakkan aktiviti pengkomersialan hasil R&D, dengan kerjasama institusi penyelidikan, universiti tempatan dan pihak industri sama ada dari dalam negara atau luar negara, bagi memacu pembangunan industri ini ke peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, FIDEC merupakan satu pusat setempat atau *one stop centre* untuk aktiviti pembangunan dan penyelidikan produk biokomposit berasaskan gentian semulajadi ke arah pengkomersialan.

Sepanjang tahun 2019, FIDEC telah menjalankan beberapa projek yang melibatkan aktiviti R&D selaras dengan fungsi dan objektif penubuhan pusat ini. Selain itu pegawai-pegawai juga telah mengikuti kursus dan latihan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kompetensi dalam bidang tugas.

Projek Kajian *Metal-reinforce Wood Plastic Composite* (MWPC)


Kegunaan bahan biokomposit *Wood Plastic Composite* (WPC) di pasaran kini, hanya sesuai untuk kegunaan "*non-load bearing /non-structural*". Perkara ini telah menghadkan aplikasinya dan produk WPC kini sukar bersaing apabila berbanding dengan bahan pembinaan tradisi di pasaran tempatan malah peringkat antarabangsa. Oleh itu, FIDEC bersama Syarikat Perceptive Profile Sdn. Bhd. telah menjalankan kerjasama R&D&C merangkumi penggunaan teknik, bahan mentah, rekabentuk, peralatan, modifikasi serta aksesori yang sesuai untuk penghasilan produk WPC bernilai tambah ini.

Kepentingan perlindungan sumber semula jadi, kitar semula dan *biodegradability* adalah alasan asas di sebalik peningkatan penggunaan WPC. Bahan-bahan ini boleh didapati dalam bentuk ringan, murah, mesra alam dengan penyelenggaraan yang mudah. Kelebihan utama MRWPC adalah mempunyai kelembapan dan kestabilan dimensi, selain mengubah ciri-ciri serat kayu dalam masa yang sesuai. Di samping itu, MRWPC memberikan sifat-sifat *load bearing* dan boleh digunakan dalam aplikasi bidang pembinaan. Penggunaan sumber "*additive*" tambahan dalam pembuatan WPC adalah trend terbaru peningkatan bahan komposit polimer yang berasaskan bahan kayu bagi menembusi pasaran baru. Produk ini telah difailkan hak ciptaan (No: PI 2018701020) dan dikomersilkan pada tahun 2018 serta telah menjana pendapatan jualan sebanyak RM100,000 setahun. Spesifikasi produk tersebut telah mengesahkan bahawa sekurang-kurangnya lima (5) tahun jaminan terhadap sifat dan penampilan kekuatan (diguna secara dalaman).

Kelebihan teknik penggunaan besi ini diperkenalkan dalam pemprosesan produk WPC konvensional adalah seperti di bawah:

- Untuk mengatasi kelemahan kayu (penampilan seperti kayu, dapat mempertahankan air dan rintangan rayap, meningkatkan kekuatan dan kekakuan)

- Untuk mengurangkan kos penyelenggaraan jangka panjang.
- Untuk menawarkan pelbagai jenis aplikasi seperti bahan binaan (sistem IBS).



Tempat letak kereta berbumbung diperbuat daripada produk hasil kajian

Sampel produk Metal-reinforce Wood Plastic Composite (MWPC)

Program Pembangunan Pengujian Akreditasi dan Perkhidmatan Pengujian

Selain aktiviti pembangunan R&D yang dilaksanakan bersama-sama pihak industri, FIDEC juga memberikan perkhidmatan pengujian kepada industri serta institusi pengajian tinggi. Selaras dengan objektif pusat ini, FIDEC telah berjaya memperoleh penganugerahan sebagai makmal berakreditasi dibawah ISO/IEC 17025 bagi bidang pengujian mekanikal dan kimia. Sehingga kini, FIDEC sentiasa menambahbaik dan meningkatkan mutu perkhidmatan dengan memperluaskan skop pengujian berakreditasi bagi kedua-dua bidang mekanikal dan kimia.

Pada tahun 2019, FIDEC telah melaksanakan sebanyak 82 perkhidmatan pengujian merangkumi pengujian mekanikal dan pengujian kimia. Manakala perkhidmatan sewaan fasiliti pemprosesan juga mencatat sebanyak 70 perkhidmatan.



Audit Surveillance oleh Jabatan Standard Malaysia pada 3 April 2019

Latihan Teknikal di Bangor University, Wales, United Kingdom

FIDEC merupakan sebuah pusat pengujian yang telah memperoleh akreditasi di bawah skim pensijilan ISO/IEC 17025 meliputi skop bidang mekanikal dan kimia. Pengauditan berkala oleh Jabatan Standard Malaysia akan dijalankan terhadap sistem akreditasi makmal FIDEC dan salah satu elemen penting adalah peningkatan tahap kompetensi dan kemahiran pegawai teknikal yang menjalankan kerja-kerja pengujian makmal pengujian mekanikal dan kimia. Oleh yang demikian, pegawai FIDEC telah mengikuti latihan di Bangor University pada 17 – 31 Ogos 2019. Tujuan latihan adalah untuk membina tahap kompetensi dan melatih kemahiran pegawai teknikal pengujian dan mengekalkan perolehan akreditasi makmal ISO/IEC 17025. Ini sebagai persediaan FIDEC dalam menawarkan perkhidmatan pengujian dan penambahan skop akreditasi pengujian.

Biocomposite Centre, Bangor yang terletak di *Bangor University* merupakan satu institut penyelidikan, pembangunan dan pengujian yang ternama dalam industri kayu dan biokomposit sejak sekian lama. Latihan tersebut telah mengfokuskan dalam pengujian teknikal bidang biokomposit mengikuti piawaian *British Standard (BS)*. Aktiviti yang dijalankan meliputi analisis unsur kimia, pengujian pembebasan gas formaldehid dan *Volatile Organic Compound (VOC)*.



Latihan pengujian unsur kimia



Sampel produk Metal-reinforce
Wood Plastic Composite
(MWPC)

Lawatan *Technology Acquisition or Wood and Biocomposite* Ke Negara Jerman Pada 26 Mei – 5 Jun 2019 Bersama Industri tempatan

LIGNA Fair adalah pameran antarabangsa terbesar berkaitan *woodworking* dan *wood processing industries* yang diadakan dua (2) tahun sekali di Hannover, Jerman. *LIGNA Fair* merupakan pusat utama pameran dan jualan mesin-mesin kerja kayu dan pemprosesan atau produk panel berteknologi tinggi berasaskan bidang *Forestry Technology, Sawmill Technology, Wood-based panel Production and Energy from Wood*.

Satu lawatan ke *LIGNA Fair 2019* bersama syarikat pembuatan biokomposit tempatan telah dilaksanakan. Sepanjang lima (5) hari pameran, para pempamer telah mempamerkan produk inovasi dan menunjukkan cara penyelesaian yang mengagumkan dengan mendigitalisasi dan individualisasi sebagai topik utama. Kata kunci seperti robotik, interaksi manusia, sistem kawalan pusat baru dan cara pengeluaran secara *batch* tanpa penghasilan lebih merupakan nada industri perkayuan. Selain itu, aplikasi revolusi bagi teknologi pengemasan permukaan produk biokomposit telah memberikan *impuls* yang kuat bagi kemajuan teknik dan teknologi pemprosesan. Tambahan pula, Industri utama seperti industri pembuatan perabot dan papan biokomposit juga terlibat dengan subjek-subjek automasi dan *connectivity* yang menonjolkan tema seperti *Versi Perhutanan 4.0*.



Delegasi Lawatan ke LIGNA FAIR 2019



Perbincangan bersama syarikat berkenaan reka bentuk mesin Multi Hot-Press



Mill Trails dan ujian kecekapan menggunakan mesin pulveriser di kilang

Lawatan bagi Program ‘Technology Acquisition and Familiarisation for Palmwood Plywood’ Ke Jepun

FIDEC bersama industri telah mengikuti lawatan bagi Program ‘Technology Acquisition and Familiarisation for Palmwood Plywood’ ke Jepun ada 21– 28 Julai 2019. Syarikat yang dilawati semasa program adalah Palmholz Co.Ltd. Tujuan program ini dilaksanakan adalah:

- i. Menjalankan survei dan pengumpulan maklumat mengenai penggunaan teknologi dan mesin yang terlibat dalam pemprosesan papan lapis OPT untuk penghasilan produk kayu yang digunakan dalam industri perabot dan pembinaan kepada pegawai MTIB dan pengusaha OPT tempatan.
- ii. Meningkatkan pengetahuan mengenai teknologi terbaru Jepun bagi pemprosesan OPT terutamanya dalam proses tekanan panas dan *chemical modification* dan seterusnya dapat diaplikasi dalam industri kayu-kayan Malaysia.
- iii. Mengembangkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan aspek teknikal dan pengeluaran dengan mengaplikasikan teknologi terkini dan sistem automasi yang bersesuaian dengan pegilang produk kayu Malaysia.
- iv. Mendapat idea dan memberi cadangan bagi melaksanakan projek pembangunan produk OPT di peringkat nasional dengan meninjau potensi produk yang boleh dihasilkan dari papan lapis OPT seperti *flooring*, *outdoor furniture*, panel dinding, pintu dan sebagainya.
- v. Membuat perbincangan bersama Palmholz Co. Ltd. mengenai pemindahan teknologi dan pelaksanaan projek ini di Malaysia pada tahun 2019-2020 dimana telah disasarkan dalam Mesyuarat Kebangsaan Pembangunan OPT.

Semasa lawatan, semua peserta dapat mengetahui teknologi terbaru Jepun yang dihasilkan oleh Palmholz bagi pemprosesan OPT kepada papan lapis menggunakan proses tekanan panas yang berteknologi tinggi dan *chemical modification* dan seterusnya dapat diaplikasi dalam industri pembinaan. Papan lapis OPT yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi dari segi kekuatan dan fizikal disebabkan penggunaan tekanan dan suhu yang tinggi. Papan lapis ini juga tidak memerlukan penggunaan resin di mana struktur OPT *veneer* telah berubah semasa tekanan dan suhu yang tinggi dikenakan.

Delagasi Malaysia dapat melawat beberapa tempat yang telah menggunakan produk yang dihasilkan menggunakan teknologi mereka. Papan lapis OPT dengan permukaan Sugi juga telah dihasilkan dan diaplikasikan dalam Hotel di Gero, Japan dan bangku untuk taman di Universiti.

Syarikat Palmholz bersedia untuk membuat pemindahan teknologi/*knowhow* ke Malaysia dengan kos yang telah ditetapkan dan ingin mendapatkan pelabur dari Malaysia untuk pengeluaran produk papan lapis OPT yang bergred tinggi untuk sektor pembinaan. Di samping itu, Palmholz juga akan memohon peruntukan dari kerajaan Jepun untuk projek pemindahan teknologi dan pengkomersilan di Malaysia dan meminta MTIB juga berusaha untuk mendapatkan peruntukan untuk membantu syarikat tempatan.



Sekitar kawasan University of Nagoya



Bangku diperbuat daripada OPT plywood yang menggunakan teknologi compression



Jambatan yang menggunakan OPT material diaplikasikan di Taman Hotel Gero



Perjumpaan dengan Presiden Palmholz Co. Ltd



Sugi flooring yang digunakan oleh sekolah rendah dan Toyota City Hall di Inuyama dengan struktur Glulam





Bingkai tingkat yang dibuat dari OPT plywood dengan Sugi veneer sebagai permukaan terletak di Hotel Gero



Panel Oil palm Plywood dengan Sugi veneer sebagai bahan binaan yang diaplikasikan dalam projek pembinaan hotel



Seminar dan mesyuarat mengenai projek kerjasama dan pemindahan teknologi ke Malaysia

Selepas lawatan teknikal, Palmholz juga telah menyertai Wood Expo di Malaysia pada 20-22 November 2019 dengan kerjasama syarikat Alaf Hijau Sdn. Bhd. Semasa program pameran berlangsung, YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama telah melawat ke booth pameran tersebut pada 20 November 2019.



Lawatan YB Menteri ke ruang pameran produk OPT di Malaysia Wood Expo



Penganjuran Bersama dan Penyertaan ke Persidangan Antarabangsa *Wood and Biofiber* 2019 (WOBIC 2019)

Penganjuran bersama persidangan WOBIC 2019 pada 3-5 Disember 2019 di Promenade Hotel, Kota Kinabalu antara pihak INTROP, UPM dan MTIB adalah bertujuan untuk mempromosikan produk gentian dan biokomposit, berkongsi matlumat dengan industri, akademik dan penyelidik untuk bersama-sama membincangkan perkembangan terkini bagi kayu dan biofiber bermula daripada aktiviti hulu yang berkaitan rapat dengan agrikultur sehingga kepada aktiviti hiliran yang berkaitan dengan pemprosesan fiber, penambahbaikan produk serta impak sosio ekonomi terhadap komoditi. Tema penganjuran pada tahun ini adalah "*WOOD AND BIOFIBRE INNOVATION TOWARDS IR 4.0: FROM FORESTS TO SHELVES*".

Persidangan ini telah diadakan pada 3-4 Disember 2019 dengan pengisian sesi *keynote* dan *plenary*, sesi teknikal dan pameran poster. Manakala lawatan teknikal pula diadakan pada 5 Disember 2019.

Skop penyampaian (*Presentation*) terdiri daripada pelbagai topik berkaitan dengan tema WOBIC 2019. Antaranya topik yang spesifik adalah seperti berikut:-

- i. *Forest Plantation Management*
- ii. *Forest Products and Product Design*
- iii. *Advanced Technology in Forest Plantation*
- iv. *Biocomposite Technology*
- v. *Wood Technology and Application*
- vi. *Advanced Biobased Materials*
- vii. *Biopolymer Technology*
- viii. *Socio-Economic and Policy*
- ix. *Biobased Packaging Technology*
- x. *Bionanomaterials Technology*
- xi. *IR 4.0 in Biobased Production*
- xii. *Internet of Things (IoT)*

YBrs. Dr. Loh Yueh Feng telah menyampaikan kertas teknikal bertajuk: *The Palm Plywood: It's Opportunities and Challenges in Furniture Making*. Selain itu pembentangan kertas penyelidikan, sesi *flashtalk* yang merupakan sesi khas untuk anugerah poster terbaik juga diadakan. Penyampai perlu menyampaikan keseluruhan penyelidikan dalam masa lima (5) minit dan penilaian berdasarkan beberapa kriteria. Sesi ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Yeoh Beng Hoong dan lapan (8) peserta terpilih daripada 50 poster menyampaikan hasil penyelidikan mereka.

Pada sesi dialog topik yang dibincangkan adalah berkaitan isu dan cabaran semasa dalam industri kayu. Agensi dan institusi yang terlibat dalam perbincangan tersebut adalah MTIB, MPOB, Jabatan Perhutanan Sabah dan UPM. Isu-isu yang dibincangkan termasuk kekurangan kerjasama antara sektor hulu dan hiliran, pemindahan bahan biomas kelapa sawit seperti batang kelapa sawit, tandan buah kosong dan pelepah kelapa sawit kepada industri kayu dan cabaran di ladang hutan.

Berdasarkan perbincangan, panel-panel menghujahkan nilai pendekatan holistik terhadap pengeluaran kayu dan *biofibre* secara mampan supaya produk akhir memenuhi keperluan semua industri. Kayu dan biogentian adalah bahan mentah penting untuk semua aspek kehidupan manusia. Bahan biomas ini boleh diperbaharui, mesra alam dan mempunyai kepelbagaian aplikasi seperti membuat tali, bangunan dan aplikasi automotif, serta pengekstrakan bioproduct untuk penjagaan kesihatan dan aplikasi makanan. Baru-baru ini, perkembangan produk kayu dan biogentian telah berkembang dengan peningkatan kesedaran alam sekitar.

MTIB, melalui Pusat Biokomposit dan Gentian (FIDEC) telah mengambil bahagian dalam pameran yang berlangsung bersempena dengan WOBIC 2019. MTIB telah mempamerkan pelbagai jenis produk gentian dan biokomposit termasuk bahan mentah, produk, reka bentuk perabot, prototaip dan juga video pemprosesan. Pameran itu turut disertai oleh Sabah Softwoods Berhad, LKTN, MPOB dan Kyungpook National University, Korea Selatan. WOBIC 2019 berjaya mengumpulkan para peserta dari lebih 30 negara.

Sesi penerangan produk biokomposit dan bergambar bersama Menteri Kementrian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah iaitu YB Datuk Peter Anthony.



Sesi dialog bagi membincangkan isu dan cabaran dalam industri perikanan

Program Penggalakkan Pasaran Biokomposit Dan Gentian

Aktiviti ini merupakan inisiatif berterusan yang dilaksanakan bagi menggalakkan lagi pertumbuhan industri biokomposit dan gentian negara. Ia juga merupakan salah satu aktiviti yang dirancang bagi merealisasikan program peningkatan penggunaan bahan mentah alternatif kayu dalam penghasilan produk kayu dan biokomposit yang bernilai tinggi di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

MTIB di bawah Pusat Biokomposit dan Gentian (FIDEC) telah menjalankan program penggalakkan pasaran/pameran khusus berkaitan produk biokomposit dan gentian. Tujuan penyertaan pameran ini adalah untuk meningkatkan lagi promosi syarikat-syarikat tempatan yang mengusahakan produk biokomposit dan gentian agar dapat menembusi pasaran domestik mahupun antarabangsa. Di samping ingin menyebarkan maklumat mengenai penggunaan produk, perkembangan dan potensi industri ini di kalangan masyarakat awam. Di antara program pameran yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 43: Pameran Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2019

BIL.	PAMERAN	TEMPAT	TARIKH
1.	<i>Ecobuild - International Construction Week</i>	Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), KL	19 - 21 Mac
2.	<i>International Architecture, Interior Design and Building Construction (Archidex)</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), KL	3 - 6 Julai
3.	<i>Johor Wood & Lifestyle Fair</i>	Plaza Angsana, Johor	1 - 4 Ogos
4.	<i>International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), KL	9 - 11 Oktober
5.	<i>Wood & Fibres Exhibition and Conference (WOBIC)</i>	Hotel Promenade Kota Kinabalu, Sabah	3 - 5 Disember



Antara pengunjung yang melawat *booth* pameran MTIB di bawah Kementerian Industri Utama serta pegawai MTIB yang bertugas semasa Ecobuild - International Construction Week.



Penyertaan pameran Johor Wood Lifestyle di Plaza Angsana, Johor bertujuan memberi pendedahan dan menyebarkan maklumat berkaitan produk biokomposit kepada orang awam.



Aktiviti Pengumpulan informasi dan Pertukaran Kayu Pelbagai Spesies

Aktiviti ini merupakan antara inisiatif MTIB bagi mengumpulkan pelbagai spesies kayu tempatan dan luar negara bagi tujuan penubuhan *xylarium* iaitu koleksi kayu pelbagai spesies. Tujuannya adalah sebagai sampel rujukan dan penyediaan data komprehensif untuk kegunaan pihak industri mahupun agensi kerajaan yang berkaitan.

Aktiviti ini telah dilaksanakan sejak tahun 2013 dan masih diteruskan sehingga ke hari ini. Pada asalnya, pengumpulan sampel kayu lebih tertumpu kepada kerjasama antara semua pejabat wilayah MTIB dan pihak kilang sahaja. Walaubagaimanapun, sejak tahun 2018, MTIB telah mula menjalinkan kerjasama antara agensi, universiti dan persatuan yang berkaitan dengan industri perkayuan di peringkat antarabangsa dengan membuat pertukaran sampel kayu pelbagai spesies secara sukarela.

Bagi tahun 2019, MTIB telah membuat pertukaran sebanyak 54 spesies kayu komersial (tempatan) dengan Department of Wood anatomy and Utilization, Research Institute of Wood Industry, China. Manakala institusi tersebut pula telah memberikan 97 spesies kayu yang berasal daripada China sebagai pertukaran. Pertukaran ini adalah hasil jalinan yang diperolehi oleh pegawai FIDEC semasa menghadiri IAWA-IUFRO *Scientific Program: Updating Wood Identification* dan bengkel Asia GTTN-IAWA (Global Timber Tracking Network) yang berlangsung di Beijing, China pada 20 sehingga 22 Mei 2019.

Selain koleksi kayu, slaid mikroskop kayu juga dihasilkan bagi menganalisis ciri-ciri mikroskopik khusus bagi tujuan rujukan dalaman MTIB dan juga pihak industri. Pada tahun ini, FIDEC telah membantu unit penguatkuasaan dan unit *Timber Verification Services* (TVS), MTIB menganalisis 14 spesies kayu tempatan dan luar negara yang sukar dibuat pengelasan dan jarang ditemui di Malaysia.



Aktiviti rutin pengumpulan sampel spesies kayu di sebuah kilang di Johor



97 Sampel pelbagai spesies dari Research Institute of Wood Industry, China
Kanan: Pertukaran 54 spesies kayu tempatan dari Malaysia yang dihantar sebagai pertukaran



Pembangunan Industri Buluh Malaysia

FIDEC dibawah Unit Penyelidikan dan Pembangunan telah menjalankan dan menyertai beberapa program berkaitan pembangunan industri buluh meliputi aktiviti R&D, program pengembangan teknologi, seminar dan taklimat serta pameran. Pelaksanaan aktiviti ini dilihat bertepatan dengan hasrat Kementerian untuk mengetengahkan buluh sebagai sumber bahan mentah alternatif selain kayu dengan mempromosikan kepelbagaian kegunaan buluh dan produk buluh, selari dengan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia. Pada tahun 2019, aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Buluh

FIDEC memberikan tumpuan kepada pelaksanaan kajian berasaskan produk hiliran buluh. Antara fokus kajian yang dijalankan pada 2019 adalah seperti berikut:

- i. Kajian ikatan ricih terhadap buluh laminasi.
- ii. Kajian sifat-sifat kimia dan fizikal buluh Malaysia bagi pengekstrakan gentian.
- iii. Reka bentuk dan pembangunan sampel produk perabot berasaskan buluh tempatan



Pengekstrakan gentian buluh



Pengujian papan laminasi buluh



2) Penyertaan Dalam *World Bamboo Workshop* (WBW 2019)

Penyertaan WBW 2019 dihadiri oleh enam (6) orang peserta merangkumi MTIB, Kementerian Industri Utama dan empat (4) orang industri buluh pada 4-9 Februari 2019 di Manipur, India. Program ini adalah bertujuan untuk menyebarkan maklumat mengenai aplikasi penggunaan buluh sebagai aplikasi struktur selain berkongsi pengetahuan saintifik, teknikal dan tradisional terhadap penggunaan buluh dikalangan peserta. Selain teori, peserta diberi latihan praktikal untuk membina sebanyak lima (5) buah pavilion buluh dengan menggunakan kaedah “lumpur” sebagai bahan kemasiahan. Program ini telah disertai oleh seramai 700 peserta dari 30 buah negara seperti India, Brazil, Colombia, Thailand, Filipina, Singapura, Bhutan dan sebagainya.



Pemasangan rangka bangunan



Proses membancuh lumpur sebagai bahan kemasiahan



Antara Pavilion yang telah siap dibina



3) Ekspo dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarangsa (PECIPTA'19)

FIDEC telah mengambil bahagian dalam PECIPTA'19 pada 22-23 September 2019. Program ini merupakan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang diadakan di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM). Bersempena program ini, FIDEC turut telah menganjurkan Seminar Inovasi Buluh dalam Teknologi Tekstil bertujuan bagi mempromosikan buluh dan produk buluh terutamanya potensi gentian buluh sebagai aplikasi tekstil.



Pameran produk buluh dan inovasi gentian buluh di PECIPTA 2019

4) Pameran Produk Berasaskan Buluh di Parlimen

Pameran ini telah diadakan pada 8 - 9 Oktober 2019 bertujuan untuk memberi kesedaran kepada umum mengenai potensi buluh yang versatil dan mesra alam selain dilihat sebagai pendapatan sumber ekonomi baharu yang boleh diterokai. Pameran ini telah berjaya menarik perhatian Ahli-Ahli Parlimen dalam mendekati potensi kegunaan buluh dan kepelbagaian penghasilan produk buluh bernilai tambah tinggi.



Penerangan terhadap proses penghasilan papan komposit buluh dan pengekstrakan gentian buluh di Parlimen

5) Taklimat Industri Buluh

Terdapat dua (2) program taklimat industri buluh bersama komuniti telah diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan peranan MTIB dalam membantu industri buluh di Malaysia serta program-program yang telah dan sedang dijalankan oleh MTIB. Taklimat tersebut adalah:

- i) Program Keusahawanan sempena Program Dana RM10K Negeri Perak di Behrang, Perak pada 16 November 2019
- ii) Taklimat Industri Buluh di Kota Kinabalu, Sabah pada 13 Disember 2019



Sesi pembentangan oleh pegawai FIDEC



6) Bengkel *International Bamboo Maestro* 2019

Bengkel ini telah diadakan pada 16-19 Disember 2019 anjuran bersama MTIB dan Bamboo Jungle Adventures. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan secara praktikal kepada peserta terhadap fungsi buluh sebagai aplikasi struktur. Bengkel ini dilihat sebagai satu inisiatif pihak industri dan MTIB dalam merealisasikan pembinaan buluh menggunakan gabungan teknik yang dipelajari semasa program *World Bamboo Workshop* di India dan teknik yang digunakan di Thailand.



Pembinaan rumah yang diperbuat daripada buluh



PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA

PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PERKAYUAN

Pelbagai usaha dan program dilaksanakan MTIB bagi meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam industri perkayuan menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RM Ke-11) selaras dengan Teras 7 Penyertaan Bumiputera, Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP). Lima (5) aktiviti utama yang dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- i. Program Sokongan Bahan Mentah
- ii. Program Peningkatan Kapasiti Pengeluaran di Kilang Kerja Kayu SME Bumiputera
- iii. Program Pembangunan Eksport Perabot
- iv. Program Promosi Tempatan
- v. Program Pembangunan Modal Insan

Penglibatan usahawan perkayuan Bumiputera pada tahun 2019 adalah sebanyak 370 buah kilang. Daripada jumlah ini, 99.7% bersaiz mikro dan kecil. Sumbangan eksport produk perkayuan usahawan Bumiputera masih kecil iaitu kurang 1% daripada nilai eksport perkayuan Malaysia.

Nilai eksport produk perkayuan usahawan Bumiputera bagi tahun 2019 adalah RM133.13 juta atau 0.6% daripada nilai eksport perkayuan Malaysia iaitu RM22.5 bilion. Walaupun sumbangan eksport produk perkayuan usahawan Bumiputera tahun 2019 masih kurang daripada 1%, namun terdapat sedikit peningkatan berbanding nilai eksport pada tahun 2018 iaitu sebanyak 0.1%.

Justeru itu, MTIB akan terus mempergiatkan program-program pembangunan bagi memperkasakan ekonomi usahawan perkayuan Bumiputera selaras dengan seksyen 12(1) (gb), Akta 105 MTIB iaitu memajukan usahawan Bumiputera dalam perindustrian kayu supaya lebih berdaya saing.

Jadual 44: Eksport Produk Kayu dan Perabot Bumiputera Berbanding Malaysia (2018- 2019)

PRODUK	2018		2019	
	BUMIPUTERA (RM Juta)	MALAYSIA (RM Juta)	BUMIPUTERA (RM Juta)	MALAYSIA (RM Juta)
Kayu Balak	0.61	925.83	0.25	759.56
Kayu Gergaji	72.4	3,655.52	101.09	3,373.79
Papan Lapis	0.62	4,579.28	0.23	3,403.63
Venir	0.8	305.97	0	171.79
Kayu Kumai	15.28	874.01	20.02	872.28
Papan Serpai	0	482.7	0	367.22
Papan Gentian	0	1,186.34	0	1,059.88
Bingkai Kayu	0	123.76	0	127.07
Kayu Tanggam	5.16	1,060.07	3.80	1,036.74
Perabot Kayu	1.14	7,786.23	0.99	9,142.76
Lain-lain Produk	3.75	1,310.01	6.75	2,180.62
JUMLAH KESELURUHAN	99.76	22,289.78	133.13	22,495.34
Peratus Bumiputera	0.5		0.6	

Sumber: DOSM, MCS, MTIB (PEB)



AKTIVITI PEMASARAN BAGI PELUASAN DAN PENGUKUHAN PASARAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA PERKAYUAN USAHAWAN BUMIPUTERA

Pada tahun 2019, aktiviti pemasaran bagi peluasan dan pengukuhan pasaran domestik dan antarabangsa perkayuan usahawan Bumiputera dibiayai menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia ke-11 melalui Projek Pembangunan Usahawan Produk Perkayuan Bernilai Tambah Tinggi.

Usahawan Bumiputera telah diberi peluang untuk menerokai pasaran tempatan melalui penyertaan dalam Pameran *Wood & Lifestyle Fair* yang dianjurkan oleh MTIB di beberapa negeri iaitu Kedah, Johor, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan kemuncaknya adalah di Kuala Lumpur. Penyertaan 143 usahawan Bumiputera di dalam siri Pameran *Wood & Lifestyle Fair* ini telah menjana jualan sebanyak RM10.2 juta.

Bagi aktiviti meluaskan dan mengukuhkan pasaran antarabangsa, tiga (3) usahawan Bumiputera diberi peluang untuk mempromosikan produk mereka melalui Pameran Perabot Antarabangsa iaitu *Malaysian International Furniture Fair* (MIFF), Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan dua (2) usahawan di *Malaysian Export Exhibition* (EFE), Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Hasil jualan bagi kedua-dua pameran ini berjumlah RM5.4 juta.

Program *Credible Entrepreneur & Marketing Promotion Group* (CEMP) diteruskan untuk tahun ketiga dengan menggunakan NOKTA sebagai jenama produk yang diketengahkan. CEMP telah menyertai beberapa pameran bertaraf antarabangsa antaranya ialah *Malaysian International Furniture Fair* (MIFF) dan *Malaysia Export Exhibition* (EFE). CEMP turut mengambil bahagian di Index Mumbai 2019 dengan nilai jualan sebanyak RM11,559 dan *International Furniture Fair* Tokyo (IFFT), Jepun bagi meneroka peluang pasaran dan membawa produk-produk perkayuan Bumiputera dengan nilai jualan sah bernilai RM111,561.

Malaysian Timber Council (MTC) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000 kepada MTIB bagi pelaksanaan *Bumiputera Entrepreneurs Development Programme* (BEDP). Program ini bertujuan meningkatkan penglibatan usahawan perkayuan Bumiputera khususnya membangunkan elemen reka bentuk perabot ke dalam proses pembuatan perabot tempatan disamping mempromosikan pereka tempatan. BEDP adalah program pembangunan reka bentuk perabot melibatkan kolaborasi diantara perekabentuk dan pengusaha perabot. PEKA telah dilantik bagi melaksanakan program ini. Beberapa pameran telah disertai antaranya *Malaysian Wood Expo* 2019 dan *KL Wood & Lifestyle Fair*.

Jadual 45: Penyertaan Usahawan Bumiputera bagi Aktiviti Promosi di Pasaran Antarabangsa dan Tempatan 2019

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	LOKASI	BILANGAN USAHAWAN	NILAI JUALAN (RM)
1.	Kedah Wood & Lifestyle Fair	17-27 Julai	Star Parade, Alor Setar	27	2,678,553
2.	Johor Wood & Lifestyle Fair	1-4 Ogos	Angsana Mall, Johor Bahru	22	1,173,135
3.	Perak Wood & Lifestyle Fair	28 Ogos-1 September	Aeon Mall, Klebang, Ipoh	16	315,470
4.	Pahang Wood & Lifestyle Fair	20-29 September	Kuantan Parade	13	836,735
5.	Kelantan Wood & Lifestyle Fair	24-29 September	Aeon Mall, Kota Bharu	14	2,503,903
6.	Sabah Wood & Lifestyle Fair	24-27 Oktober	Imago, KK Times Square, Kota Kinabalu	8	577,980
7.	Terengganu Wood & Lifestyle Fair	23-28 November	Kompleks Paya Bunga Square, Kuala Terengganu	10	989,200
8.	Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair	13-15 Disember	Kuala Lumpur Convention Centre	33	1,167,988
9.	Malaysian International Furniture Fair (MIFF)	6-12 Mac	PWTC	2	1,600,000
10.	Malaysia Export Exhibition (EFE)	9-12 Mac	KLCC	3	3,800,000
11.	Malaysian Wood Expo (MWE) 2019	19-21 November	PWTC	4	3,800,000
12.	International Furniture Fair Tokyo (IFFT)	20-22 November	Tokyo	3	111,561

Kedah Wood & Lifestyle Fair, Star Parade, 17-27 Julai 2019



Sekitar di Pameran Kedah Wood & Lifestyle Fair pada 17-27 Julai 2019



**Pahang Wood & Lifestyle Fair , Kuantan Parade,
20-29 September 2019**



Perasmian Pahang Wood & Lifestyle Fair oleh YBrs. Tuan Mohd Kheiruddin Mohd Rani, Ketua Pengarah MTIB

**Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair, KL Convention Centre
13-15 Disember 2019**



Perasmian Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair oleh YB Datuk Seri Shamsul Iskandar, Timbalan Menteri Industri Utama



**Penyertaan CEMP Di International Furniture Fair Tokyo,
20-22 November 2019**



Antara perbincangan bersama pengunjung yang hadir



Booth CEMP (NOKTA)

**Malaysian Wood Expo (MWE) 2019, KL Convention Centre
19-21 November**



Lawatan oleh YB Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama ke *Booth* Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan & Perabot Bumiputera Malaysia (PEKA)



Antara pempamer di pameran Malaysian Wood Expo (MWE) 2019 pada 19-21 November 2019

PROGRAM SOKONGAN BAHAN MENTAH

Program Sokongan Bahan Mentah adalah satu inisiatif Kerajaan untuk melonjakkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam industri perkayuan. Sebanyak RM16 juta telah diperuntukan sebagai satu dana pusingan daripada Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11. Peruntukan dana ini disalurkan kepada usahawan sebagai pinjaman mudah tanpa faedah untuk membantu usahawan Bumiputera membuat perolehan bahan mentah kayu dalam pembuatan perabot dan produk bernilai tambah. Dengan cara ini, MTIB dapat membantu usahawan Bumiputera memperolehi bahan mentah secara kompetitif dan secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada usahawan untuk terus berdaya saing khususnya dalam industri perkayuan.

Program Sokongan Bahan Mentah ini telah berjaya merealisasikan kontrak kerja berjumlah RM149.7 juta dengan jumlah kelulusan pinjaman berjumlah RM25.1 juta bermula bulan Oktober 2012 sehingga Disember 2019. Berikut adalah senarai syarikat yang telah diluluskan pinjaman pembelian bahan mentah kayu bagi tahun 2019 seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46: Syarikat Bumiputera yang telah mendapat Pinjaman Bahan Mentah pada Tahun 2019

BIL.	NAMA SYARIKAT	NEGERI
1.	HLM Wood Products Sdn. Bhd.	Pahang
2.	PSB Decoration Sdn. Bhd.	Johor
3.	Paharuddin Industries Sdn. Bhd.	Perak
4.	One Tech (M) Sdn. Bhd.	Selangor
5.	Meranti Marshal Sdn. Bhd.	Selangor

PEMBANGUNAN DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN USAHAWAN BUMIPUTERA

Pada tahun 2019, Bahagian Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera telah menerima peruntukan berjumlah RM210,000 di bawah peruntukan RMKe-11: Pemerkasaan Pembangunan Modal Insan dan Peningkatan Kapasiti Industri Perkayuan. Peruntukan ini disediakan untuk melaksanakan program/ kursus/ seminar/ bengkel bagi membantu usahawan Bumiputera agar lebih berdaya saing dalam industri perkayuan.

Seramai 340 peserta telah dibiayai bagi penyertaan dalam kursus, seminar dan bengkel peningkatan kemahiran yang dijalankan sepanjang tahun ini. Perincian kursus/seminar/ bengkel yang telah dijalankan adalah seperti di **Jadual 47**.



Jadual 47: Senarai Kursus/ Seminar/ Bengkel yang telah dijalankan pada Tahun 2019

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	LOKASI	BIL. PESERTA
1.	Kursus Pemasaran Domestik dan Antarabangsa Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera	25-27 Februari	Kota Kinabalu, Sabah	21 peserta
2.	Bengkel Pembangunan Reka Bentuk Perabot Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera	18-21 Mac	Kota Kinabalu, Sabah	20 peserta
3.	Kursus <i>Let's Start Up Online Business</i>	30 April	Alor Setar, Kedah	15 peserta
4.	Kursus Pembuatan Perabot Sofa (<i>Upholstery</i>) Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera	1-4 April	Kota Kinabalu, Sabah	16 peserta
5.	Kursus Kemasiapan Perabot Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera	1-4 Julai	Kota Kinabalu, Sabah	14 peserta
6.	Bengkel Pemasaran Digital Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera	22-25 Julai	Kota Kinabalu, Sabah	22 peserta
7.	Kursus Pengkosan dan Belanjawan Produk Kepada Pengusaha Perabot Bumiputera	26-28 Ogos	Kota Kinabalu, Sabah	15 peserta
8.	Kursus <i>Let's Start-Up Online Business</i>	18 September	Kota Bharu, Kelantan	20 peserta
9.	Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan 2019	25 November	Serdang, Selangor	150 peserta
10.	Kursus Kejuruteraan Pembuatan dan Pemasangan Sofa Moden	9-13 Disember	Kuala Lumpur	16 peserta
11.	Kursus Kejuruteraan dan Pemasangan Kabinet Aluminium	9-13 Disember	Kuala Lumpur	16 peserta
12.	Kursus Pemasaran Digital dan <i>Epoxy</i>	18-20 Disember	Banting, Selangor	15 peserta

Aktiviti Kursus/ Seminar/ Bengkel



Bengkel Pemasaran Digital



Kursus Pembuatan Perabot Sofa (Upholstery)



Kursus Pembuatan Kabinet Aluminium dan Sofa Moden



Simposium Usahawan Perabot
Bumiputera Kebangsaan 2019

SME COMPETITIVENESS RATING FOR ENHANCEMENT (SCORE)

SCORE adalah satu alat diagnostik yang digunakan untuk mengukur dan meningkatkan daya saing syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdasarkan kepada prestasi dan keupayaan mereka manakala, *Micro Enterprise Competitiveness Rating for Enhancement* (M-CORE) pula alat mengukur tahap daya saing dan prestasi syarikat bertaraf mikro.

Salah satu objektif utama SCORE adalah bertujuan untuk membangunkan keupayaan dan kapasiti melalui pakej bantuan yang bersepadu bagi melahirkan PKS Bumiputera yang dinamik, berdaya saing, mampan dan berproduktiviti tinggi.

MTIB telah melaksanakan SCORE/M-CORE ke atas syarikat pembuatan produk berasaskan kayu Bumiputera bagi tempoh sembilan (9) tahun bermula 2010-2019. Program auditan SCORE/M-CORE pada tahun 2019 mensasarkan auditan baru dan juga auditan ulangan sebanyak 49 syarikat. Sehingga Disember 2019 sebanyak 61 syarikat telah diberikan penarafan bintang SCORE seperti di **Jadual 48** dan 39 syarikat bagi penarafan Level M-CORE seperti di **Jadual 49**. Jumlah syarikat yang telah menjalani penarafan SCORE/MCORE adalah sebanyak 100 syarikat.

Jadual 48: Keputusan Penilaian Bagi Auditan SCORE 2019

PENARAFAN BINTANG	BIL. SYARIKAT
5 Star	0
4 Star	15
3 Star	40
2 Star	6
1 Star	0
Jumlah	61

Jadual 49: Keputusan Penilaian Bagi Auditan M-CORE 2019

TAHAP PENARAFAN	BIL. SYARIKAT
Level 3	0
Level 2	27
Level 1	12
Jumlah	39

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan merupakan salah satu aspek yang penting kepada pembangunan dan kemajuan sektor industri perindustrian negara. Antara bidang yang diberi penekanan adalah peningkatan pengetahuan dan kemahiran. Kejayaan masa depan industri perindustrian negara juga boleh diukur dari segi kualiti tenaga kerja yang dihasilkan. Justeru, Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) merupakan Penyedia Latihan Kemahiran yang telah memainkan peranannya sebagai peneraju kecemerlangan kemahiran dalam bidang perindustrian negara ke tahap antarabangsa.

PROGRAM LATIHAN INDUSTRI

Di bawah program ini, WISDEC giat melaksanakan program latihan yang berbentuk kursus jangka pendek dan kursus jangka panjang. Kursus jangka pendek terbahagi kepada kursus berjadual (*scheduled courses*) dan kursus atas permintaan (*customised courses / In-house training*). Manakala, kursus berjadual adalah kursus-kursus tahunan yang dirancang untuk memenuhi keperluan pihak industri kayu terutamanya IKS di peringkat pengeluaran, penyeliaan dan pengurusan.

Ia menjurus kepada latihan berbentuk peningkatan kemahiran serta pengetahuan pekerja di dalam industri kayu (*upgrading skills*) dan latihan semula (*retraining*). Manakala kursus atas permintaan (*customised courses / In-house training*) adalah kursus-kursus yang dilaksanakan atas permintaan pihak-pihak tertentu sama ada dari pihak industri mahupun dari organisasi tertentu.

Semua kursus di WISDEC adalah memberi fokus kepada latihan kemahiran teknikal seperti CNC, *finishing*, *automation* pemesinan, pengeluaran dan sebagainya. Sejumlah 31 program latihan industri telah dilaksanakan dalam tahun 2019.

Jadual 50: Senarai Kursus Berjadual Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2019

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	JUMLAH PESERTA	TEMPAT KURSUS
1.	Kursus Pemasaran Domestik dan Antarabangsa	25 - 27 Februari	21	Sabah
2.	Kursus Reka Bentuk Perisian Alphacam	12 Mac	21	Sabah
3.	Kursus Suaikhas Pengenalan Operasi Pengeringan Tanur	11 – 15 Mac	14	Banting
4.	Kursus Asas Struktur Kayu (Kerja Kemasan Luar)	11 – 15 Mac	10	Banting
5.	Bengkel Pembangunan Reka Bentuk Perabot	18 – 20 Mac	20	Sabah
6.	Kursus Pembuatan Perabot Sofa (Upholstery)	1 – 4 April	15	Sabah
7.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 1	1– 4 April	18	Banting
8.	Kursus Cam & Operasi Mesin CNC (KV Slim River)	1-5 April	16	Banting
9.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 2	15-18 April	17	Banting
10.	Program latihan amali – Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam	15 – 19 April	17	Banting
11.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 3	22 – 25 April	18	Banting
12.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 4	6 – 9 Mei	21	Banting
13.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 5	17 – 20 Jun	18	Banting
14.	Kursus Pengecaman Jenis-Jenis Kayu Malaysia	24 – 27 Jun	13	Sabah
15.	Kursus Kemasiapan Perabot	1 – 4 Julai	14	Sabah
16.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 6	1 – 4 Julai	19	Banting
17.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 7	15 – 18 Julai	15	Banting
18.	Kursus CAD & Woodworking CAM Operation (DPC 1043)	22 – 25 Julai	21	Banting

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	JUMLAH PESERTA	TEMPAT KURSUS
19.	Bengkel Pemasaran <i>Online</i>	22 – 25 Julai	22	Sabah
20.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 8	5 – 8 Ogos	20	Banting
21.	Program Pembangunan Kemahiran Teknologi EPOXY dalam Pembuatan Perabot	19 – 23 Ogos	20	Sabah
22.	Kursus Prosedur Import Eksport Produk Kayu	20 Ogos	15	Banting
23.	Kursus Pengkosan dan Belanjawan	26 – 28 Ogos	15	Sabah
24.	Kursus Pengecaman Spesies-Spesies Kayu Malaysia (TNB) Batch 9	26 – 29 Ogos	22	Banting
25.	Program Latihan Teknikal 'Machining & Powertools'	3 – 6 September	14	Banting
26.	Kursus Asas Pengecaman Kayu	23 – 26 September	29	Sabah
27.	Kursus Asas Pembuatan Perabot (Kabinet Dapur)	23 – 26 September	15	Sabah
28.	Kursus Suaikhas Pembuatan Dan Pemasangan Kabinet Dapur Moden – Jabatan Penjara Malaysia	14 – 18 Oktober	10	Banting
29.	Program Pembangunan Kemahiran Aplikasi Teknologi "Epoxy" dalam Pembuatan Perabot	11 – 15 November	14	Banting
30.	Program Pembangunan Kemahiran Pembuatan Dan Pemasangan Kabinet Pasang Siap- <i>Installer for Built in Cabinet (BIC)</i>	18 – 29 November	11	Sabah
31.	Kursus Pemeringkatan Kayu Bergergagi untuk Jabatan Perhutanan Brunei	7 Oktober – 7 Disember	26	Brunei
JUMLAH PESERTA KURSUS			541	

PROGRAM LATIHAN BELIA

Program Latihan Belia merupakan satu program latihan berstruktur yang menawarkan latihan kemahiran industri kepada pelajar-pelajar sekolah, belia dan graduan. Ia merupakan pendedahan awal mengenai industri berasaskan kayu kepada pelajar yang berminat untuk membina kerjaya dalam industri berasaskan kayu. Selain latihan formal, kaedah latihan menekankan latihan secara '*hands-on*' yang mana pelajar akan menggunakan kebanyakan masa untuk menjalani kerja-kerja praktikal.

Jadual 51: Senarai Program Latihan Belia

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PELAJAR	TEMPAT
1.	<i>Professional Management Development (PMD)</i> Bil. 1/2019	7 Januari – 6 Jun	9	WISDEC Selangor
2.	<i>Furniture Design & Making (FDM)</i>	18 Februari – 19 April	10	WISDEC Selangor
3.	<i>Furniture and Timber Machining Technology (FTMT)</i> Sesi 1/2019	1 – 28 November	9	WISDEC Selangor
4.	<i>Professional Management Development (PMD)</i> Bil 2/2019	3 Oktober 2019 – 3 Mac 2020	19	WISDEC Selangor
5.	Kolej Vokasional	12 Februari 2018 – 20 Disember 2019	15	WISDEC Selangor

PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN KOLABORATIF KOLEJ VOKASIONAL (KV)

Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha kerajaan bagi memperkasa sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

Sistem pendidikan vokasional baharu digerakkan oleh sumber manusia responsif kepada pelbagai inisiatif kerajaan dan berkolaborasi dengan industri bagi menginovasikan pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir dan usahawan.

Penubuhan Kolej Vokasional (KV) di mana asalnya merupakan sebuah Sekolah Menengah Vokasional atau Teknik, adalah untuk mengangkat taraf pendidikan vokasional dan teknik ke tahap yang lebih tinggi. Melalui penaikan taraf kepada KV, program kemahiran ini dapat diteruskan di peringkat sijil ke peringkat diploma kemahiran.

Usaha-usaha untuk memperluaskan program KV ini akan terus dipergiatkan dengan kementerian dan institusi swasta yang lain dari masa ke semasa bagi memantapkan pendidikan vokasional di Malaysia. Hubungan kerjasama yang diwujudkan antara agensi kerajaan dan swasta satu pendekatan yang menepati Dasar Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS).

Sejajar dengan hasrat itu, MTIB melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) telah dikenal pasti sebagai rakan strategik dalam industri perkayuan negara oleh pihak Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia merupakan langkah kolaboratif dan perluasan program KV, KPM di kementerian-kementerian lain. Kerjasama ini telah termeterai melalui satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) di antara KPM dan MTIB yang telah diadakan pada awal tahun 2012.

Objektif program latihan KV adalah:

- Menghasilkan lepasan pendidikan menengah rendah yang memiliki sijil kemahiran atau diploma yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan pensijilan kebangsaan,
- Menghasilkan lepasan pendidikan menengah rendah yang bersedia melanjutkan pengajian vokasional ke peringkat yang lebih tinggi,
- Menghasilkan lepasan pendidikan menengah atas yang berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing,
- Memperkasakan sistem penyampaian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan transformasi pendidikan vokasional,

Pada 12 Februari 2018, WISDEC Banting Selangor telah membuat pengambilan pertama bagi program KV ini. Seramai 15 orang pelajar mengikuti latihan di WISDEC Banting Selangor bagi mengikuti Sijil Kemahiran Teknologi Pemprosesan Perabot (Tahap 2 dan 3) selama dua (2) tahun.

Pada 20 Disember 2019, seramai 15 orang pelajar KV ini akhirnya telah berjaya menamatkan program KV selama dua (2) tahun ini dengan memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 2 dan tahap 3 Teknologi Pemprosesan Perabot daripada Jabatan Pembangunan

Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta telah dianugerahkan sijil IMPAC oleh Yang Berhormat Puan Teresa Kok, Menteri Industri Utama di dalam Majlis Anugerah IMPAC Kali Ke-7 pada 12 Disember 2019 di Hotel Tenera Bangi, Selangor.

WORLD SKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB)

Pertandingan *WorldSkills* Malaysia kategori Belia (WSMB) atau dahulunya dikenali sebagai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) adalah satu pertandingan kemahiran yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul.

Pertandingan ini akan dijalankan melalui dua (2) peringkat iaitu peringkat pra-kelayakan dan akhir. Ia akan dapat membantu meningkatkan tahap kemahiran sumber manusia di Malaysia yang bertaraf dunia. Selain itu, ia dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

Pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia (WSMB) 2019 peringkat pra-kelayakan bidang *Cabinet Making* telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2019 bertempat di Institut Kraf Negara, Rawang manakala bagi bidang *Joinery* telah diadakan pada 23 hingga 26 April 2019 bertempat di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur, Terengganu. MTIB turut menghantar empat (4) orang pelatih Kolej Vokasional WISDEC Banting dan WISDEC Sabah untuk menyertai pertandingan berkenaan iaitu dua (2) orang dalam bidang *Cabinet Making* dan dua (2) orang dalam bidang *Joinery*. Tiada pertandingan peringkat pra-kelayakan untuk bidang *Carpentry*.

Seterusnya, untuk peringkat Akhir pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia (WSMB) 2019 bidang *Cabinet Making* telah diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2019 bertempat di WISDEC Banting yang melibatkan penyertaan lapan (8) orang peserta. Bagi bidang *Joinery* dan *Carpentry*, peringkat akhir pertandingan WSMB 2019 telah diadakan pada 17 hingga 21 Oktober 2019 bertempat di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur, Terengganu. Tiga (3) orang pelatih WISDEC turut menyertai pertandingan akhir untuk kedua-dua bidang ini iaitu satu (1) orang dalam bidang *Joinery* dan dua (2) orang dalam bidang *Carpentry*.

Seorang peserta WISDEC iaitu Muhammad Adib Asyraf Bin Azhar telah memenangi pingat kecemerlangan dalam Pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia (WSMB) 2019 bidang *carpentry*. Beliau menjalani latihan intensif di WISDEC Banting di bawah seliaan Encik Mohd Azizi Razali selaku pakar Negara bidang *Carpentry*.

WORLD SKILLS COMPETITION (WSC) 2019 KAZAN, RUSSIA

Malaysia telah menyertai *WorldSkills Competition* (WSC) kali ke-45 yang diadakan di Kazan Expo International Exhibition Centre, Kazan, Rusia pada 22 hingga 27 Ogos 2019 yang melibatkan seramai 1,354 orang peserta dari 63 buah Negara dalam 56 bidang kemahiran.

Sebagai peneraju dalam sektor industri perkayuan Negara, MTIB melalui WISDEC telah dikenalpasti oleh *Skills Malaysia* sebagai COE (*Centre Of Excellence*) bagi bidang *Cabinetmaking* oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan *Joinery* oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk melatih peserta negara yang membawa cabaran ke setiap pertandingan ASEAN Skills Competition (ASC) dan juga *World Skills Competition* (WSC) bagi merealisasikan pingat untuk negara dalam pertandingan yang disertai.



Dua (2) orang peserta negara telah mewakili Malaysia dalam pertandingan WSC 2019 untuk bidang perkayuan dan mereka menjalani latihan di bawah seliaan dua (2) orang pakar negara iaitu Encik Amri Mustafa (Pakar *Cabinet Making*) dan Encik Saifol Azri Mohamad (Pakar *Joinery*).

Jadual 52: Maklumat peserta negara adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	BIDANG	INSTITUT LATIHAN	CATATAN
1.	Joerdan Jesselly James	<i>Cabinet Making</i>	WISDEC	Sijil Penyertaan
2.	Muhammad Yusri Aiman bin Nasir	<i>Joinery</i>	Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur	Sijil Penyertaan

PEMBANGUNAN PRODUK

Penglibatan WISDEC di dalam beberapa projek pembangunan produk kayu dan meneroka bidang keberhasilan produk-produk baru adalah perkara yang selalu diberi perhatian. Segalanya bergerak atas keprihatinan WISDEC membantu industri meningkatkan hasil tambah dan pendapatan dalam sektor perkayuan negara. Pada tahun 2019, lebih dari 50 produk telah dibangunkan. Antaranya adalah produk CNC, cenderamata, produk pelatih dan industri.

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL

Khidmat nasihat teknikal adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh WISDEC bagi memberi khidmat nasihat kepakaran seperti bidang pemeringkatan kayu, pemprosesan kayu, teknologi pengeluaran perabot, pengeringan tanur dan sebagainya. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pihak industri yang terlibat secara langsung dalam sektor perkayuan, agensi-agensi kerajaan serta swasta dan juga terbuka kepada umum. Dengan adanya khidmat nasihat teknikal industri (SMART TEAM) berkaitan Reka Bentuk, Pembangunan Produk dan CAD, lebih daripada 20 khidmat nasihat teknikal telah diberikan oleh WISDEC dalam tahun 2019.

PROGRAM CERAMAH KERJAYA/ LAWATAN/ TAKLIMAT/ SEMINAR/ PROMOSI

Sebagai pusat latihan yang memperkasakan program dalam kemahiran industri perkayuan negara, WISDEC telah menjadi pusat rujukan kepada orang ramai terutamanya di peringkat sekolah, pusat-pusat latihan, IPTA/ IPTS, kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan industri.

Selain itu, WISDEC juga sentiasa dijemput untuk menyertai seminar dan pameran yang dianjurkan oleh pihak luar dan fokus utama yang akan WISDEC ketengahkan adalah mempromosikan segala latihan yang dirancang pada tahun berkaitan. Disamping itu, WISDEC sentiasa mengamalkan pintu terbuka kepada mana-mana pelawat untuk berkunjung dan melihat dengan lebih dekat peranan WISDEC sebagai pusat latihan perkayuan yang unggul.



Jadual 53: Senarai Program Kerjaya/ Lawatan/ Taklimat/ Seminar/ Promosi

BIL.	PROGRAM	TARIKH
WISDEC BANTING		
1.	Lawatan Pengajar dan Pelajar dari Institut Kraf Negara	26 Feb
2.	Lawatan dari Akademi Hevea Malaysia	28 Feb
3.	Lawatan Pegawai dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	11 Mac
4.	Lawatan dari Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputera Malaysia (PEKA)	3 April
5.	Lawatan Pegawai dan Pelajar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	18 April
6.	Lawatan dari Pegawai dan Pelajar Sarjana Muda Sains Teknologi Kayu, Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM)	23 April
7.	Taklimat Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada Syarikat Puncak Bumi Sdn. Bhd	15 Mei
8.	Taklimat Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia kepada Persatuan PEWAKIR Kedah	16 Mei
9.	Program Familiarisasi Pegawai MPI Bil.1/2019	19 Jun
10.	Lawatan Tenaga Pengajar dari Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, Universiti Malaysia Kelantan, UMK	25 Jun
11.	Johor Wood & Lifestyle Fair 2019 di Angsana Mall, Johor Bahru	3 Ogos
12.	Lawatan Kerja YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI)	26 Ogos
13.	Lawatan sambal Belajar Kolej Vokasional Muazam, Pahang	11 September
14.	Program Familiarisasi Pegawai MPI Bil.2/2019	25 September
15.	Lawatan Kerja YBhg. Dato' Dr. Mohd Puat Bin Dahalan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi) MTIB	26 September
16.	Lawatan dari City & Guilds External Verifier (EV)	15 Disember
WISDEC SABAH		
17.	Taklimat Outreach KV SMK Pekan Telipok	23 Januari
18.	Taklimat Outreach KV SMK St. Peter	24 Januari
19.	Taklimat Outreach KV SMK Bandaraya	28 Januari
20.	Lawatan dari City & Guilds External Verifier (EV)	27 Jun
21.	Sayangi Komoditi – Kudat	4 September
22.	Program Bersama Rakyat 3.0	8 September
23.	Lawatan SMK Limbanak	13 September
24.	Lawatan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah (JPSM)	18 September
25.	Lawatan SMK Badin	22 Oktober
26.	Promosi Latihan Sabah Wood and Lifestyle Fair	24-27 Oktober



Pelajar Program Latihan Kemahiran Kolaboratif Kolej Vokasional (KV) WISDEC Selangor Kohort 1



Pelajar Program Latihan Kemahiran Kolaboratif Kolej Vokasional (KV) WISDEC Selangor Kohort 1 sedang mengikuti aktiviti pembelajaran



Peserta dan pakar Negara bidang Joinery di WSC 2019 Kazan, Rusia



Peserta Negara bidang Cabinet Making iaitu Joerdan Jessely James di WSC 2019 Kazan, Rusia



Peserta Negara bersama YB Dato' Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia selaku Ketua Kontinjen Malaysia ke WSC 2019 Kazan

Peserta WISDEC bidang Joinery dan Carpentry di WorldSkills Malaysia dalam kategori Belia (WSMB) 2019



Peserta WISDEC bidang Carpentry di WorldSkills Malaysia dalam kategori Belia (WSMB) 2019



Peserta Furniture Design Making bersama Pengarah WISDEC, YBrs. Dr. Mohd Nor Zamri Mat Amin



Peserta Professional Management Development (PMD) sedang memasang kabinet pasang siap



1. Kursus Pemasaran Domestik dan Antarabangsa pada 25-27 Februari 2019



2. Bengkel Pembangunan Reka Bentuk Perabut (18 - 21 Mac 2019)



3. Kursus Pembuatan Perabot Sofa (Upholstery) (1-4 April 2019)



4. Kursus Kemasiapan Perabot (1-4 Julai 2019)



5. Bengkel Pemasaran Digital (22-25 Julai 2019)



6. Kursus Pengkosaan dan Belanjawan Produk (26-28 Ogos 2019)



7. Kursus Asas Pengecaman Kayu (23 – 26 Sept 2019)



8. Kursus Asas
Pembuatan Perabot
(Kabinet Dapur)
23 – 26 Sept 2019



9. Program Pembangunan
Kemahiran Pembuatan dan
Pemasangan Kabinet Pasang
Siap (BIC) pada
18 – 29 November 2019





10. Program Pembangunan Kemahiran Teknologi EPOXY dalam pembuatan perabot pada 19-23 Ogos 2019, Bengkel Kerja Kayu, WISDEC, Sabah

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL



PNC Enterprise, Tenom dan Lawatan MTIB Sabah ke EME Timber Sdn Bhd pada 1 Ogos 2019, Keningau Sabah



Nizam Enterprise Papar pada 2 Ogos 2019, Papar Sabah



Lawatan ke kilang pengusaha perabot Bumiputera Sabah dan Gerak Kerja Industri:
Hanum Furniture, My Carpenter, Raezal Furniture & Interior dan Darau Furniture Sdn Bhd



Ujian Penilaian Pra Kelayakan WSMB Sabah
pada 11-12 April 2019



Gambar penilaian amali PPT
Taklimat dan pendaftaran calon PPT Sabah. Seramai 10 orang calon terdiri daripada pengusaha kecil dan seberhana (PKS) Sabah telah melalui proses penilaian amali bertempat di WISDEC, Sabah.

PEMBANGUNAN PRODUK



Ukiran pada mimbar Masjid
Jamek Bandar Sri Alam Pasir
Gudang



Ukiran pada mimbar Masjid
Jamek Iskandar Puteri



Ukiran pada mimbar Masjid
Muadzam Shah Pahang



Ukiran pada mimbar projek mimbar masjid di Sg petani



Produk – produk yang dihasilkan oleh peserta Inkubator WISDEC

PERHUBUNGAN KORPORAT

DIARI KORPORAT

Jadual 53: Senarai Program Rasmi MTIB Pada Tahun 2019

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Majlis Menandatangani dengan FRIM	29 Mac
2.	Majlis Jalinan Kasih Ramadhan MTIB	24 Mei
3.	Majlis Persaraan dan Sambutan Aidilfitri MTIB 2019	24 Jun
4.	Majlis Mesra Aidilfitri Alumni MTIB 2019	25 Jun
5.	<i>International Conference on Agarwood, Incense and Fragrances 2019</i>	10 Julai
6.	<i>Retreat Program Pembangunan Ladang Hutan</i>	18 Julai
7.	Majlis Perasmian Kedah <i>Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	21 Julai
8.	<i>National Consultation Towards Implementing Technical Regulation on Formaldehyde Emission Limit from Wood-Based Panel Products</i>	29 Julai
9.	Pameran Johor <i>Wood & Lifestyle Fair</i>	1-4 Ogos
10.	<i>International Business Conference Bamboo as A Driver for Economic Growth Forest Beyond Timber - New Wealth Creation for The Nation</i>	5 Ogos
11.	Majlis Perasmian Pameran Kuantan <i>Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	21 September
12.	Majlis Perasmian Seminar Inovasi Buluh dalam Teknologi Tekstil	23 September
13.	Majlis Penutup Kelantan <i>Wood & Lifestyle Fair 2019</i>	28 September
14.	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 18 Koperasi MTIB (KOMTIB)	30 September
15.	Pameran Buluh di Parlimen	8 Oktober
16.	Perasmian Majlis Sambutan <i>World Bamboo Day 2019</i>	13 Oktober
17.	Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan LPKM kali ke 41	14 Oktober
18.	Simposium Usahawan Perabot Bumiputera Kebangsaan 2019	25 November
19.	<i>Program Experience Sharing Session: Exploring Business Potential for Malaysian Timber Entrepreneurs in Domestic and Overseas Market</i>	26 November
20.	Taklimat Industri Buluh di Sabah: Sumber Ekonomi Baharu	13 Disember
21.	Majlis Perasmian <i>Malaysian Furniture & Furnishing Fair (MF3) / Kuala Lumpur Wood & Lifestyle Fair</i>	13 Disember
22.	Program Pertandingan Sukan MTIB	20 Disember

KUNJUNGAN HORMAT

MTIB telah menerima lawatan dan kunjungan hormat daripada pihak industri serta pihak luar samada dari dalam ataupun luar negara bagi berkongsi ilmu dan pengetahuan dalam bidang perkayuan. MTIB sering dijadikan destinasi kunjungan pelawat termasuk ke pusat promosi perabot, pusat latihan dan fasiliti-fasiliti yang lain.



PROMOSI MELALUI MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK

Sepanjang tahun 2019, MTIB telah giat mempromosikan aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MTIB dalam pelbagai slot wawancara secara langsung di media elektronik khususnya televisyen dan radio. Penyebaran maklumat melalui medium media elektronik ini telah memberi impak yang tinggi khususnya kepada pihak industri dan masyarakat berhubung penganjuran sesuatu program yang dijalankan oleh MTIB untuk membangunkan industri perkayuan.

Selain itu, promosi melalui media cetak seperti surat khabar dan majalah juga turut menjadi agenda utama MTIB. Antara program yang dijalankan termasuklah pengiklanan, temu bual bersama Ketua Pengarah, persidangan media, kenyataan akhbar serta publisiti penganjuran majlis atau program yang dijalankan oleh MTIB bersama industri kayu.

Jadual 54: Berita dan Artikel di Media Massa 2019

TARIKH	TAJUK BERITA / RENCANA	EDARAN / TERBITAN	JENIS MEDIA	RANCANGAN
10 Julai	<i>Downstream Industry for Agarwood Sees Robust Performance</i>	Bernama.com	Online	
10 Julai	<i>(MTIB MOPI) Agarwood Downstream Industry Sees Robust Performance</i>	TV2	TV	News @ 2-1900
11 Julai	<i>Teresa: Export Volume of Agarwood Products Will Hit RM12 Million Next Year</i>	Kwong Wah Yit Poh	Surat Khabar	
11 Julai	<i>MTIB Sees Demand from China, Middle East for Agarwood Products</i>	The Malaysian Reserve	Surat Khabar	
11 Julai	<i>Teresa Hopes Export Volume of Agarwood Products Will Hits RM12 Million Next Year</i>	Sin Chew Daily	Surat Khabar	
11 Julai	<i>Downstream Industry for Agarwood Sees Robust Performance</i>	Borneo Post (KK)	Surat Khabar	
11 Julai	<i>Downstream Industry for Agarwood Sees Robust Performance</i>	Borneo Post (Kuching)	Surat Khabar	
11 Julai	<i>Downstream Industry for Agarwood Sees Robust Performance</i>	New Sabah Times English (KK)	Surat Khabar	
11 Julai	<i>Increasing Demand for Agarwood</i>	New Sarawak Tribune	Surat Khabar	
11 Julai	<i>MTIB Sees Demand from China, Middle East for Agarwood Products</i>	Malaysian Reserve (themalaysianreserve.com)	Online	
14 Julai	<i>Aroma Tersendiri Gaharu Negara</i>	Metro Ahad	Surat Khabar	
15 Julai	<i>Unlimited Development Potential of Gaharu Planting</i>	Sin Chew Daily (Johor)	Surat Khabar	
17 Julai	<i>MTIB Tak Lupa Jasa Bekas Kakitangan</i>	Harian Metro	Surat Khabar	
18 Julai	<i>KL Mahu Cabar EU</i>	Berita Harian	Surat Khabar	
21 Julai	<i>Trade War: Furniture Export Increased Near 10pct</i>	Oriental Daily News	Surat Khabar	
21 Julai	<i>Furniture Export Increased 9.6pct</i>	China Press	Surat Khabar	
21 Julai	<i>Khoo: 3 Additional Booth in Furniture Expo Next Year</i>	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
21 Julai	<i>Accelerate Progress of Furniture Industrial Park</i>	China Press (Johor)	Surat Khabar	
21 Julai	<i>Kedah Wood and Lifestyle Fair Eyes RM2.5 Mil In Sales</i>	Bernama.com (www.bernama.com)	Online	
21 Julai	<i>Kedah Wood and Lifestyle Fair Eyes RM2.5m In Sales</i>	The Sun Daily (www.thesundaily.my)	Online	

22 Julai	Ravi Muthayah: <i>Enhance the Development of Indigenous Wood Industry Via Activities Held by Primary Industries Ministry</i>	Kwong Wah Yit Poh	Surat Khabar	
22 Julai	Ravi: <i>Trade War Helps Boost Timber Export to US</i>	Sin Chew Daily (Northern)	Surat Khabar	
22 Julai	'Kedah Wood and Lifestyle Fair' Sasar Jualan RM2.5 Juta Tahun Ini	Utusan Borneo Sabah	Surat Khabar	
22 Julai	Kedah Wood and Lifestyle Fair Sasar Jualan RM2.5 Juta	Utusan Sarawak	Surat Khabar	
22 Julai	Kedah Wood and Lifestyle Fair Eyes RM2.5m In Sales	Daily Express (KK)	Surat Khabar	
22 Julai	Kedah Wood and Lifestyle Fair Eyes RM2.5m In Sales	Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my)	Online	
23 Julai	Malaysian Furniture Council Targets RM20bil Exports By 2025	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
26 Julai	M'Sia: No Plans to Stop Export To EU	The Malaysian Reserve	Surat Khabar	
26 Julai	Teresa Kok: Timber Exports Expected to Exceed RM22.3bil	Guang Ming Daily	Surat Khabar	
26 Julai	Teresa Kok: Timber Exports to Exceed Last Year'S	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
26 Julai	M'sia: No Plans to Stop Export To EU	Malaysian Reserve (themalaysianreserve.com)	Online	
27 Julai	40 Pegawai Sertai Bengkel Tangani Perdagangan Produk Perakayuan Haram	Dayakdaily (dayakdaily.com)	Online	
28 Julai	Workshop on Tackling Illegal Timber Trade Held	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)	Online	
28 Julai	40 Peserta Sertai Bengkel Penggunaan Guidelines for Verifying Timber Legality	Mingguan Sarawak	Surat Khabar	
28 Julai	Officers Attend Workshop on Tackling Illegal Timber Trade	New Sunday Tribune	Surat Khabar	
1 Ogos	MTIB Bantu Lonjak Populariti Gaharu	Kosmo	Surat Khabar	
5 Ogos	(MTIB) Request Budget Allocated Under 12 Malaysia Plan to Develop Bamboo Industry	Radio BFM FM	Radio	BFM Headline At 1730
5 Ogos	(MOPI MTIB FRIM) Govt To Introduce Bamboo Community Farming Under 12MP	Radio BFM FM	Radio	BFM Headline At 1800
5 Ogos	(MTIB) Request Budget Allocated Under 12 Malaysia Plan to Develop Bamboo Industry	Radio BFM FM	Radio	BFM Headline At 1900
5 Ogos	(MOPI MTIB FRIM) Govt To Introduce Bamboo Community Farming Under 12MP	Radio BFM FM	Radio	BFM Headline At 1930
6 Ogos	Komuniti Pertanian Buluh Dalam Rmke-12	Berita Harian	Surat Khabar	
6 Ogos	Perladangan Komuniti Buluh Dalam RMK-12	Utusan Sarawak	Surat Khabar	
6 Ogos	Perladangan Komuniti Buluh Akan Diperkenal Dalam RMK12	Utusan Borneo Sarawak	Surat Khabar	
6 Ogos	(MOPI MTIB) Govt To Introduce Bamboo Community Farming Under 12MP	TV1	TV	Semasa @1-1100
6 Ogos	Perladangan Komuniti Buluh Akan Diperkenal Dalam RMK12	Utusan Borneo Sabah	Surat Khabar	

9 Ogos	<i>Anti-Lynas Out of Tune and Strongman Politics</i>	Oriental Daily News	Surat Khabar	
5 September	Kekangan Kekurangan Bahan Mentah	Utusan Malaysia	Surat Khabar	
5 September	Perkukuh Industri Hiliran Buluh	Utusan Malaysia	Surat Khabar	
20 September	<i>Teresa Kok: Culprits Not Necessarily the Plantation Companies</i>	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
22 September	MTIB sedia pinjaman mudah tanam Buluh	Sinar Harian	Surat Khabar	
22 September	<i>Timber export targeted at RM28bil</i>	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
22 September	<i>Wood Related Lifestyle Expo Begin Today in Kuantan Parade</i>	China Press (East Coast)	Surat Khabar	
22 September	<i>Board to Boost Bumiputera's Participation in Furniture Industry</i>	New Sabah Times	Surat Khabar	
22 September	<i>Getting more Bumiputeras into furniture industry</i>	New Sunday Tribune	Surat Khabar	
22 September	MTIB sasar CWSB raih kontrak bernilai RM50 juta	Utusan Sarawak	Surat Khabar	
23 September	<i>MTIB Providing Soft Loans for Bamboo Cultivation</i>	Daily Express	Surat Khabar	
29 September	<i>M'Sia's Timber Product Exports Hit RM12.5 Bil</i>	Borneo Post (KK)	Surat Khabar	
29 September	Nilai Eksport Kayu M'Sia Cecah RN12.5 Bilion	Mingguan Sarawak	Surat Khabar	
30 September	Nilai Eksport Produk Kayu Cecah RM12.5 Bilion	Utusan Sarawak	Surat Khabar	
2 Oktober	Hab Buluh Pertama Di Malaysia	Sinar Harian	Surat Khabar	
2 Oktober	<i>Perak Aims for Creating World Bamboo Products Centre</i>	Oriental Daily News	Surat Khabar	
2 Oktober	Perak Bakal Jadi Hab Tanaman Buluh Negara	Berita Harian	Surat Khabar	
2 Oktober	Kaedah tisu kultur	Harian Metro (Utara)	Surat Khabar	
2 Oktober	<i>Perak govt and MTIB distribute bamboo seed to people for plantation purpose</i>	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
3 Oktober	<i>Perak set to become world bamboo products centre</i>	See Hua Daily News	Surat Khabar	
5 Oktober	<i>Pilot project on bamboo cultivation to be launched</i>	The Star	Surat Khabar	
9 Oktober	Kerajaan akan sedia pinjaman mudah kepada industri perladangan buluh tempatan: Kok	Utusan Borneo Sarawak	Surat Khabar	
9 Oktober	<i>Teresa Kok becomes "bamboo ambassador"</i>	Guang Ming Daily	Surat Khabar	
9 Oktober	<i>Bicycle and helmet made from bamboo</i>	Sin Chew Daily	Surat Khabar	
11 Oktober	<i>South Korea gets a taste of M'sian furniture at Kofurn 2019</i>	Borneo Post (Kuching)	Surat Khabar	
14 Oktober	<i>Expo to Open Trade Doors</i>	The Edge	Jurnal	
14 Oktober	<i>Teresa Kok: Speed up development of bamboo industry in Malaysia</i>	China Press	Surat Khabar	
14 Oktober	<i>Bamboo cultivation and research centre likely to produce 100,000 bamboo seedlings each month</i>	Oriental Daily News	Surat Khabar	
14 Oktober	<i>Teresa Kok: Malaysia should plant more bamboo that used to make bamboo charcoal</i>	Sin Chew Daily	Surat Khabar	

14 October	<i>Bamboo planting research centre expected to produce 100,000 bamboo seedlings per month</i>	See Hua Daily	Surat Khabar	
15 October	<i>Move to boost bamboo industry with quality seedlings</i>	Tamil Malar	Surat Khabar	
15 October	<i>Malaysia to go big on bamboo cultivation</i>	Makkal Osai	Surat Khabar	
4 November	<i>Merbau tree's export volume exceeds RM100 mil</i>	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
5 November	69 pelatih Pusat Kraftangan Sabah (PKS) terima Sijil PLK	Utusan Borneo Sabah	Surat Khabar	
5 November	Pusat kraftangan beri manfaat 20,000 belia	Harian Metro (Sabah & Sarawak)	Surat Khabar	
21 November	<i>South Korea gets a taste of Malaysian furniture at KoFurn</i>	Malaysia SME	Majalah	
26 November	<i>Bumiputera kurang sertai industri perabot</i>	Berita Harian	Surat Khabar	
26 November	<i>Teresa Kok: Furniture exports expected to increase by 1pct</i>	China Press	Surat Khabar	
26 November	<i>Teresa Kok: Furniture exports likely to increase 1 pct</i>	Nanyang Siang Pau	Surat Khabar	
14 Disember	<i>Furniture export expected to hit RM12 bil next year</i>	China Press	Surat Khabar	

PROGRAM SAYANGI KOMODITIKU ANJURAN MPI BAGI TAHUN 2019

MTIB juga telah terlibat secara langsung dalam program anjuran Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Kementerian Industri Utama (MPI) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah mengadakan program bual bicara latihan dan kerjaya sektor komoditi yang dikenali sebagai **'Sayangi Komoditiku'** di seluruh Malaysia yang merangkumi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Dalam memberi impak kepada program yang dijalankan, IMPAC telah menjenamakan program ini sebagai **SAYANGI KOMODITIKU : Bual Bicara Latihan dan Kerjaya** sebagai platform untuk menghebahkan program latihan dan keperluan guna tenaga dalam industri komoditi dengan menasaskan belia, pelajar IPTA/IPTS/Kolej/Pusat Latihan Kemahiran, lepasan sekolah menceburi kerjaya sebagai pilihan kerjaya mereka di masa hadapan. Bagi menjayakan program ini, IMPAC telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, (JPK), Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan semasa pameran berlangsung antaranya promosi perkhidmatan MTIB dalam industri perkayuan, kuiz, program DIY produk kayu, demonstrasi verifikasi kayu serta jualan produk IKS. Berikut ialah antara pameran yang telah disertai sepanjang tahun 2019:

Jadual 55: Program Sayangi Komoditiku Yang Telah disertai Sepanjang Tahun 2019

BIL.	TARIKH	LOKASI	TETAMU KENAMAAN
1.	3 Julai	Universiti Teknikal Malaysia, Ayer Keroh, Melaka	YB Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Mohd Akin Timbalan Menteri Industri Utama
2.	4 September	Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahim II, Kudat, Sabah	YB Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Mohd Akin Timbalan Menteri Industri Utama
3.	17 September	Universiti Teknologi MARA, Mukah, Sarawak	YAB Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail Timbalan Perdana Menteri Malaysia

PENGURUSAN MEDIA SIBER DAN HEBAHAN MAKLUMAT

Selain melalui media cetak dan elektronik, MTIB juga menggunakan beberapa saluran media siber untuk menyampaikan maklumat dan info terkini mengenai MTIB dan industri perkayuan iaitu melalui portal rasmi MTIB dan aplikasi Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube.

MTIB juga membuka ruang kepada orang ramai khususnya pihak industri perkayuan untuk bertemu secara terbuka melalui Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada setiap hari Khamis minggu ketiga setiap bulan yang diadakan di pejabat MTIB termasuk di semua pejabat cawangan MTIB. Orang ramai boleh mengemukakan aduan dan pertanyaan dan mendapatkan penjelasan dengan lebih tepat melalui platform ini.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN MTIB

Latihan Kepada Warga Kerja

MTIB melalui dasar latihannya sentiasa menggalakkan warga kerja untuk mengikuti latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutama dalam bidang-bidang yang khusus dari semasa ke semasa. Ia adalah selari dengan amalan Budaya Kerja Cemerlang MTIB yang diterapkan dalam setiap warga kerja iaitu dengan memberi penekanan kepada pembangunan modal insan untuk melahirkan warga kerja MTIB yang berkemahiran dan pakar dalam bidang masing-masing.

Semua program latihan MTIB memberi fokus kepada peningkatan pengetahuan, pembangunan kompetensi, kemahiran dan kepakaran warga kerja agar dapat memenuhi aspirasi organisasi dan Kerajaan dalam menghadapi pelbagai cabaran untuk memajukan dan mencapai sasaran Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) menjelang tahun 2020.

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang mana warga kerja harus mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam masa satu tahun. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengeluarkan surat edaran (No. Rujukan: JPA(I)S.175/4/1-1 Klt.22(38)) bertarikh 29 Februari 2016 yang mana telah menangguhkan kewajipan warga kerja untuk mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam 1 tahun.


Mesuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM2) Bil. 2/2016 telah bersetuju dan meluluskan bahawa walaupun kewajipan warga kerja untuk mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam 1 tahun telah ditangguhkan, MTIB akan tetap mengambilkira sekurang-kurangnya 90% atau tiga (3) hari keseluruhan warga kerja MTIB menjalani latihan.

Sebanyak 273 latihan telah dijalankan sepanjang tahun 2019, iaitu 143 kursus dalaman dan 130 latihan luar (*public programme*). Secara purata, sebanyak 23 kursus dijalankan dan diikuti oleh warga kerja setiap bulan bagi tahun 2019.

Jadual 56: Perbandingan Aktiviti Tahunan Latihan Warga Kerja Dari Tahun 2015-2019

JENIS KURSUS	TAHUN/KEKERAPAN				
	2015	2016	2017	2018	2019
KURSUS DALAMAN - Anjuran Unit Latihan - Kerjasama dengan Bahagian – Bahagian dan Pejabat Wilayah atau Negeri MTIB	154	117	120	110	143
PROGRAM SANGKUT i. Di MTIB – (Ibu Pejabat) ii. Di Pejabat Cawangan MTIB iii. Di Luar MTIB	- - -	- - 1	- - 1	- - -	- - -
KURSUS LUARAN i. Dalam Negeri ii. Luar Negara atau Lawatan Sambil Belajar - (Menggunakan Bajet Latihan Sahaja)	236 -	185 1	135 1	98 -	129 1
JUMLAH	390	304	257	208	273

Carta 20 : Program Latihan MTIB 2019



Pencapaian Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam Bagi Tahun 2019

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang mana warga kerja harus mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam satu tahun.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengeluarkan surat edaran (No. Rujukan: JPA(I)S.175/4/1-1 Klt.22(38)) bertarikh 29 Februari 2016 yang mana telah menangguhkan kewajipan warga kerja untuk mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam 1 tahun.

Walaupun kewajipan warga kerja untuk mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam 1 tahun telah ditangguhkan, MTIB akan tetap mengambilkira sekurang-kurangnya 90% atau sekurang-kurangnya tiga (3) hari bagi warga kerja mengikuti latihan dalam 1 tahun dan Unit Latihan dan Pembangunan Kerjaya, MTIB telah merancang, mengatur dan mengadakan latihan dengan giat untuk memastikan warga kerja mendapat latihan yang secukupnya agar selari dengan dasar yang telah ditetapkan.


Bagi tahun 2019 (Januari sehingga Disember), seramai 291 orang warga kerja atau 62.99% telah mengikuti latihan sebanyak tujuh (7) hari dan ke atas diikuti dengan warga kerja yang telah mengikuti latihan sebanyak enam (6) hari iaitu seramai 29 orang atau 6.28%, lima (5) hari seramai 34 orang atau 7.36%, empat (4) hari seramai 34 orang atau 7.36%, bagi tiga (3) hari ke bawah adalah seramai 59 orang atau 12.77% dan jumlah warga kerja yang belum mengikuti sebarang kursus adalah seramai 15 orang atau 3.25%. Semua jumlah ini adalah tidak termasuk warga kerja tetap yang dipinjamkan di MPIC, Sarawak dan bercuti belajar.

Jadual 57 menerangkan berkenaan pencapaian Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMA) bagi MTIB untuk tahun 2019.

Jadual 57: Pencapaian Dasar Latihan MTIB 2019

JUMLAH HARI BERKURSUS	BIL. WARGA KERJA YANG TELAH MENGHADIRI KURSUS/SEMINAR/ BENGKEL
7 hari dan ke atas	291 orang (62.99%)
6 hari	29 orang (6.28%)
5 hari	34 orang (7.36%)
4 hari	34 orang (7.36%)
3 hari	29 orang (6.28%)
2 hari	16 orang (3.46%)
1 hari	14 orang (3.03%)
Warga kerja yang belum pernah menghadiri kursus sehingga 31 Disember 2019	15 orang (3.25%)
Jumlah Warga Kerja Keseluruhan	462 orang

Carta 21: Pencapaian Dasar Latihan MTIB 2019



PEMBANGUNAN ORGANISASI

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PERKHIDMATAN ELEKTRONIK MTIB

Pembekalan Peralatan Asas ICT Di Ibu Pejabat MTIB

Sepanjang penggunaan *e-Services*, MTIB telah berjaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan memastikan perkhidmatan berjalan lancar. Ini termasuk peralatan ICT pengguna atau infrastruktur ICT perlu sentiasa dalam keadaan baik. Selari dengan perkembangan terkini, peningkatan infrastruktur, sistem rangkaian dan peralatan *wireless* perlu dikenalpasti bagi meningkatkan penggunaan peralatan ICT yang optimum.

Peningkatan serta pertambahan perkakasan, perisian dan perkhidmatan adalah berdasarkan keperluan penggantian peralatan usang dan tidak ekonomik untuk diperbaiki, pertambahan pegawai-pegawai baharu dan tambahan ruang pejabat MTIB di Tingkat 12, Menara PGRM 2. Pembekalan ini melibatkan keperluan tambahan komputer riba, penggantian pencetak yang tiada lagi sokongan pembekalan *toner* daripada pengeluar kepada pencetak terkini dan penambahan kemudahan jaringan internet tanpa wayar (*wireless*).

Perkakasan dan perisian yang dibekalkan adalah bagi memastikan peralatan ICT adalah terkini berdasarkan keperluan dan pelaksanaan fungsi MTIB dengan berkesan. Ini turut menyumbang kepada pengurusan produktiviti MTIB agar dapat diurus dengan mudah dan efisien.



Pengujian Awal Komputer Riba Lenovo L480 di pejabat Liberty Technology Resources

Peningkatan Perkakasan Sistem Keselamatan Rangkaian (*Firewall*) di Ibu Pejabat

Peningkatan keselamatan rangkaian ICT diperlukan bagi memastikan trafik penggunaan rangkaian terus dan perkhidmatan utama diberi keutamaan. Kemudahan peralatan terkini penting bagi meminimumkan risiko pencerobohan ICT yang semakin mencabar pada masa kini. Selain daripada itu, teknologi semasa yang digunakan adalah ketersediaan yang tinggi (*high availability*) bagi meningkatkan penyampaian maklumat ICT dengan cepat dan berkesan.

Objektif utama adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan rangkaian di MTIB daripada risiko ancaman keselamatan ICT melalui intranet dan internet. Kawalan yang sewajarnya hendaklah diwujudkan untuk memastikan keselamatan data dalam rangkaian daripada ancaman serta melindunginya daripada capaian tanpa kebenaran. Kemudahan ini dapat memastikan penggunaan internet adalah capaian yang produktif dan meningkatkan prestasi perkhidmatan *e-Services* MTIB.

Fungsi utama *firewall* adalah mengawal keluar dan masuk trafik ke dalam rangkaian MTIB. Selain itu, ciri-ciri lain yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- a) *Application Control*
 - Memastikan kawalan akses ke atas sistem dan aplikasi yang dibenarkan sahaja.
- b) *Web Blocker*
 - Menyekat laman web yang tidak dibenarkan dan berpotensi menyebarkan *vulnerability* dan virus.
- c) *Intrusion Prevention*
 - Memberi perlindungan daripada ancaman *malicious exploits* seperti *Overflows*, *SQL injections* dan *Cross-Site Scriptings*.
- d) *Gateway Antivirus*
 - Menapis laluan keluar dan masuk ke internet daripada ancaman serangan *vulnerability* seperti virus dan *worms* melalui internet.
- e) *Reputation Enabled Defense*
 - Menyediakan satu rangkaian yang cepat, berkesan dan selamat untuk dilayari oleh pengguna.
- f) *Data Loss Prevention (DLP)*
 - Memastikan data yang diterima adalah yang selamat dan diyakini.




Pemasangan Sistem Keselamatan Rangkaian (Firewall) di Pusat Data MTIB di Tingkat 16, Menara PGRM

Pembangunan Kemudahan Statistik MYTIS bagi data dari DOSM

Pelaksanaan Peningkatan Perkakasan dan Perisian serta Perkhidmatan bagi Pemantapan Gudang Data dan Pusat Maklumat Industri Kayu Negara telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) MTIB Bil.1/2016 pada 6 Mei 2016. Pelaksanaan fasa pertama yang melibatkan Profil Syarikat Usahawan Bumiputera telah selesai dibangunkan pada tahun 2017. Manakala fasa kedua melibatkan pembangunan pangkalan data dan laporan Department of Statistics Malaysia (DOSM) untuk memudahkan rujukan pengguna MTIB terutama pihak pengurusan memperoleh maklumat terkini industri perikanan.

Pembangunan pangkalan data dan laporan DOSM dilaksanakan secara dalaman menggunakan perisian sedia ada iaitu *Speedminer* melalui Sistem Maklumat Strategik Pengurusan MTIB (MyTIS). Sebanyak 13 *chart* atau *pivot* dan lima (5) buah *dashboard* telah berjaya dibangunkan seperti berikut.

- a) *Trade Performance Summary Dashboard*
- b) *Export Summary Dashboard*
- c) *Import Summary Dashboard*
- d) *Regional Summary Dashboard*
- e) *Product Dashboard*



Paparan Skrin MYTIS terkini

Pengukuhan Perjawatan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

Kementerian Kewangan Malaysia dan Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam (BPO, JPA) telah meluluskan permohonan penstrukturan semula MTIB melalui Pindaan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) secara *Zero-Based* bagi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Kementerian Industri Utama (MPI) bertarikh 10 Disember 2018.

SKP baharu ini menstrukturkan semula perjawatan mengikut fungsi semasa setiap bahagian dan pertambahan gred lapisan kenaikan pangkat secara *Time-Based Kecemerlangan I* dan *II* secara tidak langsung menambah baik stuktur organisasi MTIB sedia ada. Bahagian-bahagian utama di MTIB telah di bahagikan di bawah seliaan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Operasi) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan & Komersial). Manakala unit-unit terpenting dan pejabat-pejabat wilayah adalah di bawah seliaan Ketua Pengarah.

Warga Kerja MTIB

Pada tahun 2019, warga kerja MTIB berjumlah 475 orang daripada 537 perjawatan yang telah diluluskan oleh JPA seperti berikut:

Jadual: Perjawatan MTIB sehingga 31 Disember 2019

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN PERJAWATAN PADA 31 DISEMBER 2019	
	YANG DILULUSKAN PADA 10 DISEMBER 2018	PENGISIAN
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	3	2
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	103	95
Kumpulan Sokongan	431	378
JUMLAH	537	475

Dasar pembekuan jawatan yang dilaksanakan oleh JPA pada tahun 2016 telah menetapkan bahawa setiap agensi atau kementerian boleh melaksanakan pengisian jawatan 90% daripada keseluruhan perjawatan agensi atau kementerian. Sehubungan itu, penyusunan semula warga kerja telah dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan pengisian pegawai di bahagian atau unit yang kritikal diberi lebih keutamaan.

Anugerah Pingat dan Darjah Kebesaran

Pemberian Anugerah Pingat dan Darjah Kebesaran kepada warga kerja MTIB merupakan satu langkah yang bertepatan ke arah meningkatkan semangat dan motivasi diri warga kerja bagi mempertingkatkan prestasi kerja yang cemerlang. Pada setiap tahun, MTIB akan mencalonkan warga kerja mengikut negeri kelahiran bagi Penganugerahan Pingat atau Darjah Kebesaran Negeri bersempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan.

Warga kerja dicalonkan berdasarkan penetapan syarat-syarat pencalonan, tahun perkhidmatan, pernah memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta sumbangan luar termasuk sumbangan kepada negeri berkenaan.

Pada tahun 2018, pencalonan anugerah Pingat dan Darjah Kebesaran diteruskan ke atas pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pelaksana I dan II yang mana seramai lima (5) warga kerja telah dikurniakan Pingat dan Bintang bagi tahun 2019. Senarai penerima penganugerahan Pingat/ Darjah Kebesaran seperti di **Lampiran III**.

BAB 5

LAPORAN KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 30, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 (Akta 105).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 (Akta 105). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 (Akta 105), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 (Akta 105) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
30 OKTOBER 2020



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

PENYATA PENERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami YBhg. Datuk Ravi Muthayah dan YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : DATUK RAVI MUTHAYAH

GELARAN : AHLI LEMBAGA

TARIKH : 28 OCT 2020

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU
MALAYSIA, KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG

GELARAN : AHLI LEMBAGA

TARIKH : 28 OCT 2020

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU
MALAYSIA, KUALA LUMPUR



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

Saya, Mohd Kheiruddin bin Mohd Rani, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Laporan Belanjawan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

diakui oleh penama di atas)

di Kuala Lumpur pada)

23 OCT 2020

.....

Di hadapan saya,



NO 45-1, Jalan Sri Permaisuri 8
Bandar Sri Permaisuri Cheras
56000 Kuala Lumpur

.....
PESURUHJAYA SUMPAN



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2019

		KUMPULAN		LPKM	
	Nota	2019 (RM)	2018 (RM) (Dinyatakan Semula)	2019 (RM)	2018 (RM) (Dinyatakan Semula)
ASET					
Aset Semasa					
Tunai dan Kesetaraan Tunai	5	88,931,604	209,140,982	51,980,254	206,113,537
Pelaburan Simpanan Tetap	5	497,676,931	374,334,099	473,027,059	355,690,895
Penghutang Pinjaman Pekerja	6	108,981	94,985	108,981	94,985
Penghutang Pinjaman Ladang Hutan		391,454	-	604,806	
Penghutang Pinjaman Pembangunan Bumiputera	7	1,520,303	1,581,439	1,520,303	1,581,439
Stok		285,739	209,621	285,739	209,621
Penghutang Pelbagai dan Bayaran Terdahulu	8	11,030,343	9,066,230	10,103,529	8,899,873
Jumlah Aset Semasa		599,945,355	594,427,356	537,630,671	572,590,350
Aset Bukan Semasa					
Penghutang Pinjaman Pekerja	6	300,158	340,557	300,158	340,557
Pinjaman Penghutang Ladang Hutan	9	867,789,834	842,546,718	-	-
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	10	-	-	882,148,865	849,989,840
Perbelanjaan Tertunda		3,674,947	-	2,499,060	-
Pelaburan Syarikat Subsidiari	11	-	-	29,842,960	3,534,710
Hartanah, Loji dan Peralatan	12	175,317,508	180,557,903	175,028,961	180,515,339
Aset Tak Ketara	13	1,075	1,290	1,075	1,290
Jumlah Aset Bukan Semasa		1,047,083,522	1,023,446,468	1,089,821,079	1,034,381,736
Jumlah Aset		1,647,028,877	1,617,873,824	1,627,451,750	1,606,972,086
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Pemiutang Pelbagai	14	3,694,693	5,281,583	3,625,183	5,071,579
Pendahuluan Ses		2,495,540	2,676,808	2,495,540	2,676,808
Pinjaman Jangka Pendek	15	1,231,051	1,231,051	1,231,051	1,231,051
Peruntukan Cukai Pendapatan		336,935	(1,220,765)	336,935	(1,220,765)
Peruntukan Manfaat Pekerja	16	339,337	453,617	339,337	453,617
Jumlah Liabiliti Semasa		8,097,556	8,422,294	8,028,046	8,212,290
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman Jangka Panjang	15	1,128,500,737	1,081,584,099	1,128,500,737	1,081,584,099
Peruntukan Manfaat Pekerja	16	4,229,395	4,235,014	4,229,395	4,235,014
Peruntukan Projek Pembangunan	17	41,840,086	46,905,706	41,840,086	46,905,706.00
Pendapatan Tertunda	18	183,441,934	179,588,921	173,934,317	178,897,187
Akaun Khas Kursus / Latihan		247,879	835,896	247,879	835,896
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		1,358,260,031	1,313,149,636	1,348,752,414	1,312,457,902
Jumlah Liabiliti		1,366,357,587	1,321,571,930	1,356,780,460	1,320,670,192
Aset Bersih		280,671,290	296,301,894	270,671,290	286,301,894
Dibiayai oleh :-					
Kumpulan Wang Mengurus	19	95,766,867	101,583,739	85,766,867	91,583,739
Kumpulan Wang Akaun Ses (Levi)	20	113,149,011	120,897,689	113,149,011	120,897,689
Kumpulan Wang Pembangunan Industri Kayu Kayan Malaysia (PIKM)	21	54,819,262	56,500,361	54,819,262	56,500,361
Kumpulan Wang Pinjaman :					
Kumpulan Wang Pembangunan Bumiputera	22	14,536,150	14,920,105	14,536,150	14,920,105
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	23	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	24	400,000	400,000	400,000	400,000
Kumpulan Wang Pinjaman Pendidikan	25	500,000	500,000	500,000	500,000
Jumlah Pembiayaan		280,671,290	296,301,894	270,671,290	286,301,894

Nota-nota yang dilampirkan dari mukasurat 6 hingga 30 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

		KUMPULAN		LPKM	
		2019	2018	2019	2018
	Nota	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
PENDAPATAN					
URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN					
Ses		20,688,858	21,687,860	20,688,858	21,687,860
Geran Pembangunan Dilunaskan	17	21,369,657	21,702,283	21,369,657	21,702,283
Pendapatan Tertunda	18	2,093,354	1,522,463	721,977	146,862
Peruntukan Hasil Faedah Pinjaman		22,009	-	35,025	-
Terimaan Dari Kerajaan Malaysia		5,474,135	29,906,500	5,474,135	29,906,500
URUSNIAGA PERTUKARAN					
Faedah Dan Dividen Kasar	26	42,437,410	40,254,577	41,255,638	40,260,107
Yuran Perkhidmatan	27	1,236,929	1,025,839	1,236,929	1,025,839
Pelbagai Terimaan	28	2,044,166	1,419,178	2,148,367	1,526,228
JUMLAH PENDAPATAN		95,366,518	117,518,700	92,930,586	116,255,679
PERBELANJAAN					
Belanja Mengurus Operasi	29	40,096,525	42,982,842	40,096,525	42,982,842
Belanja Pembangunan Industri Kayu Kayan	21	6,156,951	22,545,684	6,156,951	22,545,684
Belanja Mengurus Projek Pembangunan		10,770,055	12,023,491	10,770,055	12,023,491
Belanja Faedah Pinjaman Ladang Hutan		541,265	93,975	541,265	93,975
Peruntukan Belanja Faedah Pinjaman		22,009	-	35,025	-
Belanja Syarikat Subsidiari	30	1,830,348	1,232,760	-	-
Pelupusan Harta Tetap	12	14	18,517	14	18,517
(Tambah nilai) / Rosot nilai Pelaburan Anak Syarikat		-	-	(546,604)	1,415
Belanja Pengurusan Wang Levi		10,000,000	-	10,000,000	-
Belanja Peruntukan Faedah Pinjaman		584,984	-	584,984	-
Peruntukan Faedah Pinjaman Ladang Hutan	15	23,446,913	22,738,837	23,446,913	22,738,837
Peruntukan Hutang Ragu		185,373	313,200	185,373	313,200
Peruntukan Faedah Anggota Kerja		383,528	1,004,138	383,528	1,004,138
Rosotnilai Aset Tak Ketara	13	215	215	215	215
Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	12	12,010,708	11,160,268	11,938,712	11,128,592
JUMLAH PERBELANJAAN		106,028,888	114,113,927	103,592,956	112,850,906
KURANGAN / LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		(10,662,370)	3,404,773	(10,662,370)	3,404,773
CUKAI PENDAPATAN	31	(4,968,234)	(4,612,170)	(4,968,234)	(4,612,170)
KURANGAN SELEPAS CUKAI		(15,630,604)	(1,207,397)	(15,630,604)	(1,207,397)
KURANGAN BAGI TAHUN SEMASA		(15,630,604)	(1,207,397)	(15,630,604)	(1,207,397)

Nota-nota yang dilampirkan dari mukasurat 6 hingga 30 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus (RM)	Kumpulan Wang Ses (Levi) (RM)	Kumpulan Wang PIKM (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman (RM)	JUMLAH (RM)
Baki pada 1 Januari 2018	88,412,292	111,552,904	79,744,518	8,799,575	288,509,289
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun semasa	11,898,690	10,383,094	(23,244,157)	(245,024)	(1,207,397)
Tambahan Geran Kerajaan dalam tahun semasa	-	-	-	9,000,000	9,000,000
Pelarasan Kumpulan Wang	1,272,755	(1,038,309)	-	(234,446)	-
Pelarasan Tahun semasa	2	-	-	-	2
Baki pada 31 Disember 2018	101,583,739	120,897,689	56,500,361	17,320,105	296,301,894
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun semasa	(8,933,839)	(4,631,711)	(1,681,099)	(383,955)	(15,630,604)
Tambahan Geran Kerajaan dalam tahun semasa	-	-	-	-	-
Pelarasan Kumpulan Wang	3,116,967	(3,116,967)	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	95,766,867	113,149,011	54,819,262	16,936,150	280,671,290

LPKM

	Kumpulan Wang Mengurus (RM)	Kumpulan Wang Ses (Levi) (RM)	Kumpulan Wang PIKM (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman (RM)	JUMLAH (RM)
Baki pada 1 Januari 2018	78,412,292	111,552,904	79,744,518	8,799,575	278,509,289
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun semasa	11,898,690	10,383,094	(23,244,157)	(245,024)	(1,207,397)
Tambahan Geran Kerajaan dalam tahun semasa	-	-	-	9,000,000	9,000,000
Pelarasan Kumpulan Wang dalam tahun semasa	1,272,755	(1,038,309)	-	(234,446)	-
Pelarasan Tahun Semasa	2	-	-	-	2
Baki pada 31 Disember 2018	91,583,739	120,897,689	56,500,361	17,320,105	286,301,894
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun semasa	(8,933,839)	(4,631,711)	(1,681,099)	(383,955)	(15,630,604)
Tambahan Geran Kerajaan dalam tahun semasa	-	-	-	-	-
Pelarasan Kumpulan Wang dalam tahun semasa	3,116,967	(3,116,967)	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2019	85,766,867	113,149,011	54,819,262	16,936,150	270,671,290

Nota-nota yang dilampirkan dari mukasurat 6 hingga 30 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

		KUMPULAN		LPKM	
	Nota	2019 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2018 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai		(10,662,370)	3,404,773	(10,662,370)	3,404,773
Pelarasan-pelarasan yang tidak melibatkan pergerakan tunai :-					
Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan		12,010,708	11,160,268	11,938,712	11,128,592
Pelarasan Kerja-Kerja Dalam Pelaksana		(299,798)	(37,620)	(299,798)	(37,620)
Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		(117,896)	-	(117,896)	-
Rosotnilai Aset Tak Ketara		215	215	215	215
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		14	18,517	14	18,517
Faedah Pinjaman Jangka Panjang		15	23,446,913	23,446,913	22,738,837
Belanja Peruntukan Faedah Pinjaman		584,984	-	584,984	-
Geran Pembangunan Dilunaskan		17	(21,369,657)	(21,369,657)	(21,702,283)
Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan Syarikat Subsidiari		-	-	(546,604)	1,415
Pendapatan Tertunda		18	(2,093,354)	(721,977)	(146,862)
			12,162,129	12,914,906	12,000,811
Lebihan dari Aktiviti Operasi		1,499,759	14,060,244	2,252,536	15,405,584
Perubahan Modal Kerja					
Stok		(76,118)	(2,526)	(76,118)	(2,526)
Penghutang Pinjaman Pembangunan Bumiputera		61,136	1,595,947	61,136	1,595,947
Penghutang Anggota Kerja		26,403	14,618	26,403	14,618
Penghutang Syarikat Subsidiari / Peminjam		(25,243,116)	(89,198,048)	(32,159,025)	(89,958,512)
Penghutang Pinjaman Ladang hutan		(391,454)	-	(604,806)	-
Perbelanjaan Tertunda		(3,674,947)	-	(2,499,060)	-
Penghutang Pelbagai		(1,964,113)	(2,895,339)	(1,203,656)	(2,993,133)
Pemiutang Pelbagai		(1,768,158)	(266,833)	(1,627,664)	(262,909)
			(33,030,367)	(38,082,790)	(91,606,515)
Cukai Pendapatan Dibayar		(3,410,534)	(5,000,000)	(3,410,534)	(5,000,000)
Bayaran Balik Pinjaman		15	(2,115,259)	(2,115,259)	(377,619)
Peruntukan Faedah Anggota Kerja		(119,899)	704,590	(119,899)	704,590
Akaun Khas Kursus / Latihan		(588,017)	135,817	(588,017)	135,817
			(6,233,709)	(6,233,709)	(4,537,212)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi		(37,764,317)	(81,229,149)	(42,063,963)	(80,738,143)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		12	(1,578,135)	(1,260,156)	(4,649,694)
Projek Dalam Pelaksanaan		12	(4,892,394)	(4,892,394)	(6,098,897)
Pelaburan Syarkat Subsidiairi		-	-	(25,761,646)	-
Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		117,896	2	117,896	-
Perolehan Simpanan Tetap Melebihi 90 Hari		5	(123,342,832)	(117,336,164)	(23,796,067)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		(129,695,465)	(46,702,597)	(149,132,464)	(34,544,658)
ALIRAN TUNAI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Pembangunan		11,915,000	39,674,000	11,915,000	39,674,000
Pinjaman Jangka Panjang		15	25,000,000	25,000,000	45,876,500
Pemberian dari MFPC		148,144	-	148,144	-
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Operasi Anak Syarikat		10,187,260	1,000,000	-	-
Tunai Bersih Dijanakan daripada Aktiviti Pembiayaan		47,250,404	86,550,500	37,063,144	85,550,500
Kurangan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai		(120,209,378)	(41,381,246)	(154,133,283)	(29,732,301)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		209,140,982	250,522,228	206,113,537	235,845,838
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		5	88,931,604	209,140,982	51,980,254
					206,113,537

Nota-nota yang dilampirkan dari mukasurat 6 hingga 30 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

		LPKM			
			BAJET		BEZA
					BAJET
SEBENAR		SEBENAR	TERLARAS	ASAL	TERLARAS
2018		2019	2019	2019	DAN
(RM)		(RM)	(RM)	(RM)	SEBENAR
	Terimaan				(RM)
11,304,766	Ses	10,298,969	10,500,000	10,500,000	201,031
10,383,094	Ses (Levi)	10,389,889	10,389,889	10,389,889	-
18,509,027	Faedah Dan Dividen Kasar	18,546,955	16,987,297	16,987,297	(1,559,658)
21,751,080	Peruntukan Faedah Pinjaman Program Ladang Hutan	22,708,683	22,708,683	22,708,683	-
1,025,839	Yuran Perkhidmatan	1,236,929	905,000	905,000	(331,929)
1,526,228	Pelbagai Pendapatan	2,148,367	1,577,000	1,577,000	(571,367)
29,906,500	Terimaan Dari Kerajaan Malaysia	5,474,135	5,474,135	5,000,000	-
94,406,534	Jumlah Terimaan	70,803,927	68,542,004	68,067,869	(2,261,923)
	Perbelanjaan				
29,983,778	Emolumen	28,398,281	31,206,000	31,206,000	2,807,719
12,430,502	Belanja Perkhidmatan dan Bekalan	10,653,880	12,977,323	12,977,323	2,323,443
332,995	Aset	101,995	127,300	127,300	25,305
1,004,138	Pemberian Faedah Anggota Kerja	383,528	494,000	494,000	110,472
22,832,812	Peruntukan Faedah Pinjaman Program Ladang Hutan	23,988,178	23,988,178	23,988,178	-
4,612,170	Cukai Pendapatan, Tanah, Pintu dan Lain-lain	5,822,794	5,973,951	5,973,951	151,157
71,196,395	Jumlah Perbelanjaan	69,348,656	74,766,752	74,766,752	5,418,096
23,210,139	Lebihan / (Kurangan)	1,455,271	(6,224,748)	(6,698,883)	

Nota-nota yang dilampirkan dari mukasurat 6 hingga 30 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. Maklumat Korporat

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (LPKM) telah ditubuhkan pada tahun 1973 melalui Akta 105 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973.

Tanggungjawab LPKM adalah menggalak dan membangun industri kayu-kayan Malaysia iaitu selaras dengan tugas-tugas yang telah ditetapkan di bawah Akta 105. Kegiatan utama syarikat subsidiari milik penuh LPKM, Forest Plantation Development Sdn Bhd (FPDSB) dan CTCS Worldwide Sdn Bhd (CWSB) adalah seperti dinyatakan di Nota 11 kepada Penyata Kewangan.

Pada tahun 2019, LPKM telah menubuhkan satu lagi syarikat subsidiari milik penuh iaitu CTCS Worldwide Sdn. Bhd. (CWSB) pada 23 Januari 2019.

Ibu Pejabat LPKM terletak di Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras, 56100 Kuala Lumpur. Sehingga 31 Disember 2019, LPKM beroperasi di 9 buah Pejabat Wilayah/Negeri yang terletak di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

2. Bilangan Pekerja

Jumlah yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah seramai 537 orang (2018:537) (waran) dan sejumlah 471 orang (2018:472) telah diisi. Kos emolumen bagi tahun 2019 adalah sejumlah RM27,973,646 (2018: RM29,583,060).

3. Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang belum diaudit telah dibentang dan diluluskan oleh Jemaah Lembaga LPKM bertarikh 22 Jun 2020.

4. Dasar-Dasar Penting Perakaunan

4.1 Asas Perakaunan

Pelaporan penyata kewangan LKPM telah ditukar daripada Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards – PERS) kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysian Public Sector Accounting Standards - MPSAS).

4.2 Asas Penyatuan

Penyata Kewangan Kumpulan yang disatukan merangkumi Penyata Kewangan LPKM dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga 31 Disember 2019.

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. Dasar-Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

4.2 Asas Penyatuan (Sambungan)

Syarikat subsidiari adalah merupakan syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung, melebihi 50% daripada ekuiti pegangan saham dan mempunyai kuasa pengawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat bagi kegiatan-kegiatan syarikat subsidiari.

Pelarasan perlu dibuat ke atas Penyata Kewangan syarikat subsidiari untuk memastikan polisi kewangan yang digunakan adalah selari dengan kumpulan jika perlu.

Semua urusan niaga dan baki yang penting antara syarikat dalam kumpulan telah dihapuskan dalam penyatuan.

a. Hasil

Hasil LPKM mewakili geran kerajaan, kutipan ses, jumlah kasar barangan jualan yang diinvoiskan, pendapatan sewa.

Hasil diiktiraf mengikut asas berikut:-

- a) Geran Kerajaan diiktiraf apabila perbelanjaan yang berlaku pada tahun semasa diiktiraf dan amaun yang sama akan diiktiraf sebagai hasil.
- b) Kutipan ses diiktiraf apabila proses pengeluaran lesen eksport diluluskan.
- c) Nilai kasar atas jualan barangan yang diinvoiskan diiktiraf selepas penghantaran barangan dan terimaan oleh pelanggan, ditolak diskaun dan kembalian serta apabila risiko dan manfaat pemilikan berpindah kepada pelanggan.
- d) Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan selaras dengan kandungan perjanjian sewaan berkaitan.
- e) Pendapatan daripada yuran kursus dan latihan diiktiraf apabila kursus dan latihan telah dijalankan.
- f) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran dikenalpasti.
- g) Pendapatan dari hasil pelaburan, faedah atau keuntungan atas pinjaman dan simpanan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

b. Stok

Stok terdiri daripada stok penerbitan dan dinilai berdasarkan kos atau nilai jualan (net realisable value) mengikut mana yang lebih rendah. Stok penerbitan dikeluarkan menggunakan kaedah masuk dulu keluar dulu (MDKD).

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. Dasar-Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

4.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan sebagai perbezaan di antara anggaran perolehan bersih dan nilai buku aset dan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan, selain daripada tanah milik bebas dan bangunan dalam pembinaan yang tidak disusut nilaikan, dikira berasaskan kaedah garis lurus pada kadar berdasarkan penilaian sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaannya.

Kadar utama susut nilai tahunan digunakan adalah seperti berikut:-

Bangunan Konkrit dan Bukan Konkrit	2%
Ubahsuai Bangunan Pejabat	10%
Tanah Pajakan	Mengikut Jangkamasa Pajakan
Perabot, Kelengkapan Pejabat, Lengkapan	10%
Kenderaan, Komputer	20%
Mesin	10%

4.4 Aset Dalam Pembinaan

Aset Dalam Pembinaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Aset Dalam pembinaan diiktiraf pada nilai kos ditolak kerugian penjejasan nilai. Tiada susutnilai yang diperuntukkan.

Aset Dalam Pembinaan akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan dan disusutnilaikan apabila ianya siap dan sedia untuk digunakan.

4.5 Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam syarikat subsidiari, yang dihapuskan semasa penyatuan Penyata Kewangan, dinyatakan pada kos selepas ditolak / ditambah penjejasan / kenaikan nilai dalam Penyata Kewangan LPKM berdasarkan penyata teraudit terkini syarikat subsidiari.

Rosot nilai dibuat dimana, pada pendapat Lembaga Pengarah, terdapat penurunan nilai pelaburan. Jika terdapat penurunan nilai pelaburan, penurunan ini perlu diiktirafkan sebagai perbelanjaan dalam Penyata Kewangan dalam tahun tersebut.

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. Dasar-Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

4.6 Penghutang

Hutang yang tidak dapat dikutip akan dihapuskira sementara peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan baki pinjaman / pendahuluan yang tertangguh melebihi 12 bulan adalah seperti berikut:-

Baki pinjaman / pendahuluan yang tidak diterima melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	10%
Baki pinjaman / pendahuluan yang tidak diterima melebihi 24 bulan hingga 36 bulan	30%
Baki pinjaman / pendahuluan yang tidak diterima melebihi 36 bulan hingga 48 bulan	50%
Baki pinjaman / pendahuluan yang tidak diterima melebihi 48 bulan hingga 60 bulan	70%
Baki pinjaman / pendahuluan yang tidak diterima melebihi 60 bulan hingga 72 bulan	90%
Baki pinjaman / pendahuluan yang tidak diterima melebihi 72 bulan dan ke atas	100%

4.7 Pendapatan Tertunda

Pendapatan tertunda yang bersifat modal di bawa ke hadapan dan akan diiktiraf sebagai pendapatan mengikut jangka hayat harta tersebut bagi dipadankan antara belanja dan pendapatan tahun semasa seperti sumbangan mesin, kenderaan, bangunan dan juga berbentuk tunai.

4.8 Perbelanjaan Tertunda

Perbelanjaan tertunda yang bersifat modal di bawa ke hadapan dan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut jangka hayat harta tersebut bagi dipadankan antara belanja dan pendapatan tahun semasa seperti sumbangan mesin, kenderaan, bangunan dan juga berbentuk tunai.

4.9 Geran Kerajaan

Pemberian geran kerajaan dinyatakan pada nilai yang telah diterima termasuk yang telah diperakui kelulusannya dan akan diterima bagi tahun tersebut. Geran kerajaan diluluskan melalui pembentangan bajet tahunan bagi Akaun Mengurus dan Akaun Pembangunan mengikut spesifikasi perbelanjaan atau projek yang dimohon.

Geran pembangunan diiktiraf dalam penyata pendapatan berpadanan dengan perbelanjaan pembangunan yang berlaku dalam tempoh kewangan tersebut. Geran pembangunan yang belum dilunaskan akan ditunjukkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Geran Tertunda.

Geran tertunda melibatkan pembelian aset dilunaskan ke atas penyata pendapatan mengikut jangka hayat aset setara dengan nilai susut nilai yang dikenakan ke atas aset tersebut.

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. Dasar-Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

4.10 Pendahuluan Ses

Pendahuluan ses adalah wang deposit daripada pengeksport yang dimasukkan ke dalam akaun Ses. Setiap keluaran kayu yang dieksport mengikut Perintah Ses Kayu akan ditolak dari akaun Ses pengeksport berkenaan.

4.11 Penyata Aliran Tunai

Kumpulan dan LPKM telah menuruti kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai. Tunai setara adalah pelaburan jangka pendek, mudah cair dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang dari tarikh perolehan dan tersedia untuk ditunaikan tanpa perubahan nilai ketara.

4.12 Manfaat Pekerja

a) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun, bonus, cuti rehat, cuti sakit dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja. Faedah jangka pendek terkumpul berbayar seperti gantian cuti rehat (GCR) terkumpul yang dibayar pada masa persaraan diiktiraf dalam tahun perkhidmatan diberikan di mana pekerja mendapat kelayakan tersebut. Faedah jangka pendek tidak terkumpul berbayar seperti cuti sakit diiktiraf semasa cuti berkenaan berlaku.

b) Pelan Caruman Tetap

Kumpulan dan LPKM dikehendaki membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi pekerja yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. Dasar-Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

4.13 Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda

LPKM telah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan faedah dan dividen.

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah amaun yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar atas keuntungan yang dicukai bagi tahun kewangan semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah termaktub pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Kadar cukai yang termaktub atau sebahagian besarnya telah termaktub pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan digunakan bagi menentukan cukai tertunda.

